

CETUSAN MINDA 2023



NAMA: _____

KELAS: _____

Sekalung Penghargaan Kepada

Cikgu Supandi Djoeraemi

Guru Kanan Bahasa Ibunda (Bahasa Melayu)
Sekolah Menengah Dunearn

Cikgu Azila Aziz

Ketua Subjek Bahasa Melayu
Sekolah Menengah Hillgrove

Cikgu Noorhidaya Abdul Karim

Ketua Subjek Bahasa Melayu
Sekolah Menengah Swiss Cottage

Guru besar, Guru-guru dan Pelajar-pelajar

**Sekolah Menengah Dunearn
Sekolah Menengah Hillgrove
Sekolah Menengah Swiss Cottage**

*“Ilmu itu didapati dengan lidah yang gemar bertanya dan gemar
berfikiran.”*

(Abdullah Bin Abbas)

*”Membaca buku-buku yang baik bererti makanan rohani yang
baik.”*

(Buya Hamka)

CONTOH SOALAN E-MEL TIDAK RASMI 1

Daripada	remyilyas@e-warkah.com
Kepada	hanifhusin@e-warkah.com
Tarikh	23/07/2021
Subjek	Meminta Saranan
<p>Hanif</p> <p>Apa khabar?</p> <p>Saya gembira apabila terbaca berita tentang awak sekeluarga dalam akhbar hari ini. Akhbar tersebut telah menyiarkan penyertaan awak sekeluarga dalam aktiviti-aktiviti yang mempromosikan gaya hidup sihat anjuran kelab masyarakat yang terletak berdekatan dengan rumah awak.</p> <p>Bagaimanakah awak sekeluarga dapat meluangkan masa secara kerap untuk menyertai aktiviti-aktiviti tersebut bersama-sama? Bolehkah awak menyarankan cara-cara untuk memilih aktiviti-aktiviti yang dapat mengekalkan minat semua ahli keluarga saya?</p> <p>Saya tertekan dan hal ini menjejaskan pelajaran saya. Sekiranya awak berada dalam situasi yang sama, apakah yang akan awak lakukan?</p> <p>Saya akan menanti balasan e-mel daripada awak.</p> <p>Yang ikhlas Remy</p>	

CONTOH JAWAPAN E-MEL TIDAK RASMI 1

Subjek	Meminta Saranan
<p>Remy</p> <p>Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas kiriman e-mel awak. Lama benar saya tidak mendengar khabar awak. Semoga awak sekeluarga berada dalam keadaan sihat sejahtera.</p> <p>Berdasarkan kandungan e-mel awak, saya dimaklumkan bahawa awak mahu saya berkongsi bagaimana saya sekeluarga meluangkan masa melakukan aktiviti-aktiviti yang menyihatkan badan dan cara-cara memilih aktiviti-aktiviti yang dapat mengekalkan minat semua ahli keluarga. Inilah perkongsian saya.</p> <p>Keluarga saya sering sibuk dengan tugas masing-masing sehingga sukar untuk meluangkan masa bersama. Oleh yang demikian, ayah saya menegaskan kami sekeluarga memperuntukkan masa untuk diluangkan bersama agar dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan. Pertama, sebaiknya awak berkumpul dengan ahli keluarga dan sebulat suara memilih hari yang akan dijadikan sebagai hari keluarga. Awak sekeluarga perlu berdisiplin untuk memperuntukkan setiap hari Ahad sebagai hari keluarga.</p> <p>Pada mulanya kami cuba bersenam bersama-sama setiap pagi Ahad. Namun, lama-kelamaan kami hilang disiplin dan akhirnya menghabiskan masa berehat di rumah. Mujurlah ibu saya mendapat tahu tentang Kelas Gaya Sihat anjuran kelab masyarakat Mawar yang berdekatan dengan rumah saya. Setelah berbincang dengan ahli keluarga dan mendengar manfaat kegiatan kelab ini, kami sepakat mendaftarkan diri di kelab tersebut. Sejak itu, kami sekeluarga lebih berdisiplin dalam usaha menjalani gaya hidup sihat. Kami juga telah dibimbing oleh seorang jurulatih dan pakar motivasi profesional. Justeru itu, saya amat menggalakkan awak sekeluarga menyertai kelab yang serupa supaya menerima bimbingan dan galakan daripada seorang pakar.</p>	

Kami sekeluarga menjalani aktiviti berjalan pantas di tepi pantai bersama anggota Kelab Gaya hidup Sihat Mawar. Aktiviti ini amat sesuai untuk kami sekeluarga tidak sesukar aktiviti berlari-lari anak dan tidak memerlukan kemahiran sukan. Oleh itu, awak harus memastikan aktiviti yang dipilih sesuai dilakukan oleh setiap ahli keluarga awak.

Cara-cara untuk memilih aktiviti-aktiviti yang dapat mengekalkan minat semua ahli keluarga, awak perlu memastikan setiap ahli keluarga diberi peluang untuk mengemukakan saranan dan pendapat mereka tentang aktiviti-aktiviti yang ingin dijalankan. Oleh itu dalam merancang aktiviti untuk keluarga, awak harus memastikan aktiviti tersebut sesuai untuk semua.

Selain itu, untuk mengekalkan minat bersukan, awak boleh menjalankan aktiviti-aktiviti yang dirancang secara bergilir-gilir. Dengan ini, aktiviti yang dipilih pelbagai dan tidak menjemukan. Setiap ahli keluarga pasti berasa puas dapat melaksanakan aktiviti yang diminati bersama dengan ahli keluarga. Tanpa disedari, aktiviti-aktiviti yang dipilih dapat membantu awak bukan saja mengeratkan hubungan malah menjadikan awak sekeluarga sihat.

Selain itu, awak juga boleh berbicara dengan ahli keluarga untuk memilih sukan yang berkemahiran seperti badminton. Sambil bersukan, ahli keluarga belajar kemahiran baharu yang baik. Malah, jika ada di antara ahli keluarga awak mahir dalam sukan-sukan tertentu boleh memberi tunjuk ajar kepada satu sama lain. Pasti seronok.

Setakat ini saja, e-mel saya yang dapat saya kongsi buat tatapan awak. Akhir kata, semoga sekeluarga terdorong untuk mengamalkan gaya hidup sihat bersama-sama kerana bak kata pepatah kesihatan adalah kekayaan dan pencegahan adalah lebih ba daripada rawatan.

Yang benar

Hanif

CONTOH SOALAN E-MEL TIDAK RASMI 2

Daripada: imran_lokman@kgoomail.com

Kepada: fitri_putera@kgoomail.com

Tarikh: 26/03/2020

Subjek: Perkhemahan Sekolah

Fitri

Apa khabar? Diharapkan awak sihat walafiat. Saya terlihat daripada status Facebook awak bahawa awak baru pulang dari perkhemahan yang dianjurkan oleh sekolah awak untuk pelajar-pelajar menengah dua. Nampaknya, awak telah menikmati pengalaman yang seronok!

Saya sendiri baru pulang dari perkhemahan. Memang tidak dapat dilupakan pengalaman yang saya lalui sepanjang perkhemahan 4 hari 3 malam itu. Pelbagai aktiviti yang dapat saya cuba untuk pertama kalinya! Saya tidak menyangka yang saya akan berasa sedih apabila perkhemahan ini berakhir kerana pada mulanya, saya teragak-agak untuk menyertainya.

Bagaimana pula dengan awak? Saya berharap awak dapat berkongsi tentang aktiviti-aktiviti dan saat-saat yang mencabar sepanjang perkhemahan awak dan juga nilai-nilai murni yang awak raih daripada pengalaman tersebut.

Saya menantikan e-mel daripada awak.

Yang ikhlas

Imran

CONTOH JAWAPAN E-MEL TIDAK RASMI 2**Subjek: Perkhemahan Sekolah****Imran**

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas kiriman e-mel awak. Sukacita saya nyatakan di sini bahawa saya berada dalam keadaan sihat walafiat. Harapan saya semoga awak sekeluarga berada dalam keadaan riang dan gembira.

Berdasarkan kandungan e-mel awak, saya difahamkan bahawa awak juga baru pulang dari perkhemahan sekolah. Saya berasa terharu membaca bahawa awak telah meraih pelbagai pengalaman menarik daripada perkhemahan itu. Berikut ialah perkongsian pengalaman saya tentang aktiviti=aktiviti dan saat-saat mencabar yang saya hadapi semasa perkhemahan itu dan nilai-nilai murni yang telah saya raih daripada pengalaman tersebut.

Cabaran pertama yang saya lalui ialah semasa aktiviti berkayak. Dalam aktiviti ini, saya dan rakan saya harus berkayak secara berpasangan. Saya berasa takut sekali untuk menyertai aktiviti ini kerana saya tidak pernah berkayak dan tidak pandai berenang! Antara cabaran yang saya hadapi semasa aktiviti ini ialah untuk mendayung kayak itu. Bukan mudah untuk menggerakkan kayak itu ke hadapan kerana saya dan rakan saya harus selaraskan dayungan kami. Jika salah seorang tidak mendayung dengan betul, kayak itu akan bergerak ke arah yang salah. Kami juga memerlukan daya tenaga yang kuat untuk melawan ombak laut. Daripada aktiviti ini, saya pelajari nilai keberanian kerana ketakutan tidak sepatutnya dijadikan penghalang untuk mencuba sesuatu aktiviti yang baru. Saya juga pelajari tentang kepentingan bekerjasama, terutamanya ketika mendayung kayak itu untuk sampai ke arah yang ingin kami tuju.

Saat mencabar seterusnya yang saya hadapi ialah ketika aktiviti memasak bersama rakan-rakan. Ini merupakan sesuatu yang mencabar bagi saya kerana saya tidak pernah memasak di rumah. Contoh cabaran yang kami hadapi dalam aktiviti ini ialah memikirkan hidangan apa yang boleh kami masak, kerana hidangan kami bukan sahaja mesti halal, tetapi ia juga harus sesuai dengan mereka yang hanya memakan sayur-sayuran sahaja. Akhirnya, kami membuat keputusan untuk memasak mi Maggie sahaja kerana ianya mudah dan boleh dinikmati oleh semua pelajar. Daripada aktiviti ini, saya mempelajari nilai bergotong-royong. Semasa menyiapkan hidangan, semua ahli kumpulan saya saling bantu-membantu. Ada yang memotong bahan-bahan masakan, ada pula yang membantu menghidupkan api. Tentunya aktiviti ini tidak akan dapat dilakukan dengan jayanya sekiranya nilai ini tidak dipamerkan.

Akhir sekali, saat paling mencabar dalam perkhemahan sekolah saya itu ialah untuk mengharungi siri elemen tinggi. Memang tidak dapat dinafikan bahawa saya menggigil ketakutan sepanjang aktiviti itu kerana saya takut dengan ketinggian. Lagipun, saya bukanlah lasak orangnya. Contoh cabaran yang saya hadapi ialah melangkah dari satu stesen ke stesen yang lain dengan mengimbangi tubuh saya di atas tali yang nipis. Walaupun keselamatan saya terjamin kerana ada tubuh saya telah dilengkapi dengan perkakas keselamatan, saya berpeluh-peluh apabila mengatasi stesen itu kerana saya tidak dapat mengelakkan diri daripada memandang ke bawah. Namun, saya amat bangga dengan diri saya kerana tidak menyerah kalah dan mampu membuat kesemua stesen-stesen dalam aktiviti siri elemen tinggi itu. Oleh itu, saya mempelajari bahawa kita haruslah yakin terhadap diri sendiri dan berfikiran optimis ketika melalui cabaran seperti ini dan juga cabaran-cabaran dalam kehidupan.

Setakat ini sahaja e-mel yang dapat saya taipkan buat tatapan awak. Saya berharap perkongsian saya ini dapat membantu awak memahami pengalaman dan nilai yang saya raih daripada perkhemahan sekolah saya ini.

Yang ikhlas

Fitri

CONTOH SOALAN E-MEL TIDAK RASMI 3

Daripada	remyilyas@e-warkah.com
Kepada	hanifhusin@e-warkah.com
Tarikh	23/07/2017
Subjek	Saranan Untuk Kegiatan Kelab Hijau

Hanif

Apa khabar? Sudah lama kita tidak berkirim e-mel.

Sebenarnya, saya amat gembira. Banyak berita baik yang saya dengar tentang awak. Setahu saya awak telah menjadi Presiden Kelab Hijau di sekolah awak selama dua tahun. Sepanjang dua tahun itu, awak telah banyak menyumbang kepada kejayaan kelab tersebut. Kelab Hijau yang dikelolakan oleh awak itu bukan sahaja terkenal kerana kegiatan memelihara alam sekitar yang dijalankan malah kelab tersebut juga telah menambahkan jumlah kegiatan yang sedemikian di sekolah awak.

Baru-baru ini saya telah dilantik sebagai Presiden Kelab Hijau di sekolah saya. Saya juga mahu melihat Kelab Hijau di bawah kelolaan saya itu meraih kejayaan. Bolehkah awak sarankan kegiatan-kegiatan yang dapat saya anjurkan serta manfaat-manfaatnya. Sekian, terima kasih.

Saya akan menanti balasan e-mel daripada awak.

Yang ikhlas

Remy

CONTOH JAWAPAN E-MEL TIDAK RASMI 3

Subjek	Kegiatan Kelab Hijau
---------------	-----------------------------

Remy

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas kiriman e-mel awak. Sukacita saya nyatakan di sini bahawa saya sekeluarga berada dalam keadaan sihat sejahtera. Harapan saya semoga awak sekeluarga berada dalam keadaan riang gembira.

Berdasarkan kandungan e-mel awak, saya dimaklumkan bahawa awak baru dilantik sebagai Predisen Kelab Hijau sekolah awak. Tahniah di atas perlantikan awak. Semoga awak akan mencapai kejayaan seperti saya. Berikut ialah kegiatan-kegiatan yang boleh awak anjurkan serta manfaat-manfaatnya.

Kegiatan yang pertama ialah kegiatan kemasyarakatan. Ahli-ahli Kelab Hijau boleh mengumpulkan akhbar-akhbar lama di estet perumahan yang berdekatan dan menjualnya. Duit yang terkumpul bolehlah digunakan untuk membantu para pelajar yang miskin dan kurang berkemampuan. Dengan cara ini kita dapat meringankan beban pelajar yang kurang berkemampuan. Mereka juga dapat meneruskan pelajaran mereka dengan lancar tanpa dibebani masalah kewangan.

Selain itu, awak juga boleh menganjurkan aktiviti membersihkan kawasan pantai dengan memungut sampah sarap dan sisa-sisa makanan yang ditinggalkan di pinggiran pantai. Biasanya pada hujung minggu kawasan pantai penuh dengan sampah sarap. Dengan cara ini, kawasan pantai Singapura akan bebas daripada sampah sarap. Kegiatan ini juga dapat memupuk sikap kerjasama dan kekitaan antara ahli Kelab Hijau dan mengeratkan hubungan silaturahim antara mereka.

Di samping itu, awak juga boleh mengadakan ceramah tentang bahaya pencemaran dan penjagaan alam sekitar. Awak boleh menjemput penceramah yang bertauliah untuk memberikan ceramah semasa

perhimpunan sekolah. Pada masa yang sama, awak juga boleh adakan pameran statik semasa sesi ceramah diadakan. Pameran ini boleh diadakan di ruang legar kantin sekolah. Gambar-gambar yang mengandungi maklumat tentang keadaan alam sekitar boleh dipamerkan untuk tatapan para pelajar. Pelajar-pelajar akan didedahkan kepada pelbagai cara untuk menjaga alam sekitar. Dengan ini para pelajar akan lebih prihatin tentang masalah alam sekitar dan sedar kepentingan menjaga alam sekitar.

Setakat ini saja, e-mel saya yang dapat saya kongsi buat tatapan saudara. Akhir kata, semoga saudara meraih kejayaan dan sambutlah salam mesra daripada saya untuk awak sekeluarga.

Yang benar

Hanif

E-MEL RASMI

CONTOH SOALAN E-MEL RASMI 1

Beberapa hari yang lalu, kamu telah menaiki teksi syarikat Selesa. Namun, pemandu teksi tersebut tidak memberikan perkhidmatan yang memuaskan.

Tuliskan e-mel kepada pegawai perhubungan syarikat Selesa untuk menyuarakan keprihatinan kamu. Dalam e-mel kamu itu, sarankan juga cara-cara untuk meningkatkan mutu perkhidmatan pemandu teksi.

Kamu dikehendaki menggunakan alamat e-mel yang berikut:

Alamat pengirim: fatimahkamsani@e-warkah.com

Alamat penerima: ahmad_tarmizi@teksiselesa.com

CONTOH JAWAPAN E-MEL RASMI 1

Subjek : Meningkatkan Mutu Perkhidmatan Pemandu Teksi	
Tuan	
<i>-Pengenalan -Tujuan -Latar belakang masalah</i>	Dengan segala hormatnya, saya, Fatimah Kamsani, seorang pengguna perkhidmatan teksi syarikat Selesa. Saya amat mengharapkan keprihatinan Tuan untuk mengambil tindakan terhadap mutu perkhidmatan yang diberikan syarikat Tuan. Beberapa hari yang lalu, pada 23 Mac 2017, saya telah menaiki teksi syarikat Selesa yang dipandu oleh Encik Jone Doe pada jam dua petang. Pada ketika itu, saya menahan teksinya di pondok teksi pusat beli belah Westmall untuk pulang ke rumah di Clementi Avenue 2.
<i>-Perincian tentang masalah -Kesan kepada diri sendiri/masyarakat</i>	Sepanjang perjalanan saya dari Westmall ke Clementi, Encik Jone menunjukkan sikap yang kurang profesional. Sewaktu saya memberi alamat destinasi tujuan, dia mengeluh dan menyatakan destinasi saya terlalu dekat. Bukan itu sahaja, dia sengaja memandu secara perlahan malah memilih jalan yang lebih jauh. Meskipun saya memberikan arahan untuk ke sana, dia menengking saya kerana mempersoalkan pengetahuan jalan rayanya dan terus memandu. Saya amat kecewa dengan sikap Encik Jone Doe tidak memberikan perkhidmatan yang memuaskan kepada saya, pelanggannya, dengan tidak menunjukkan rasa hormat mahupun menepati kemahuan saya. Sikap yang ditunjukkan ini sangat tidak profesional dan pastinya akan menjejaskan imej syarikat Tuan.
<i>Cadangan 1</i>	Dalam memberikan perkhidmatan yang mantap, formula yang berkesan adalah untuk memastikan pekerja Tuan semuanya dilengkapi dengan kemahiran

	<p>yang kukuh. Kemampuan mereka memberikan perkhidmatan yang memuaskan atau kelas pertama pastinya akan menawan pengguna untuk setia menggunakan khidmat mereka. Kursus-kursus seperti cara memberikan layanan yang baik, cara mengawal kemarahan dan perasaan serta etika layanan sangat penting dan wajar diajarkan kepada pemandu-pemandu Tuan. Oleh itu, seandainya formula ini digunakan, pastinya imej syarikat Tuan akan terjaga di samping keuntungan yang bakal diraih.</p>
<i>Cadangan 2</i>	<p>Pada hemat saya, mutu perkhidmatan yang baik berputik daripada keinginan yang tinggi memberikan khidmat terbaik. Justeru itu, saya sarankan supaya kriteria untuk mengisi jawatan pemandu diketatkan di syarikat Tuan. Jika seorang pemandu itu sangat berdedikasi dan selalu Kriteria 'berkeinginan tinggi untuk berkhidmat' sepatutnya diambil kira dalam pemilihan pemandu bersedia untuk bertugas, beliau pasti akan berikan yang terbaik untuk memastikan bahawa penumpangnya berasa selesa dan selamat dalam perjalanan ke destinasi mereka. Contohnya, walaupun seorang pelanggan yang menaiki teksi itu meminta untuk dibawa ke satu tempat yang agak berdekatan, si pemandu haruslah bersikap ramah dan melakukannya sahaja. Lagipun, bukankah tugas seorang pemandu teksi adalah untuk membawa penumpangnya ke mana sahaja mereka inginkan? Justeru itu, jika saranan ini direalisasikan, saya yakin bahawa syarikat teksi Selesa akan mendapat banyak rekomendasi dan ramai pelanggan. Natiujahnya, syarikat Tuan akan mengaup untung yang besar selain diiktiraf sebagai syarikat teksi yang bermutu.</p>
<i>Cadangan 3</i>	<p>Motivasi pemandu juga sangat penting dalam memberikan layanan yang baik. Ini akan membangkitkan semangat pemandu tersebut untuk bekerja dengan lebih gigih dan cekap. Motivasi boleh diraih dalam beberapa cara dan satu daripadanya adalah dengan syarikat Tuan menghadaiahkan anugerah kepada pekerja yang telah menunjukkan sikap terpuji sebagai seorang pemandu. Bayangkan jikalau syarikat Tuan dipenuhi pekerja yang bermotivasi, pasti layanan yang diberikan kepada pelanggan amat memuaskan hati. Oleh itu, ini akan memberikan kesan yang positif kepada syarikat Tuan di samping membawa keuntungan yang berlipat ganda.</p>
<i>Cadangan 4</i>	<p>Bukan itu sahaja, sebagai seorang pemandu, pengetahuan tentang jalan raya Singapura harus dimahiri. Pengetahuan jalan raya yang cukup amat penting untuk menjamin profesionalisme syarikat teksi Tuan. Pengguna syarikat Tuan akan selesa dan percaya dengan perkhidmatan yang diberikan. Sekiranya syarikat Tuan mampu menawan mereka, maka mereka akan menjadi pengguna setia perkhidmatan tuan sehingga bila-bila. Pemandu-pemandu di syarikat Tuan boleh dihantar ke kursus untuk mempakari jalan raya Singapura. Tambahan pula, mereka patut dihantar ke kursus ulang kaji tahunan untuk mendapat maklumat jalan raya yang dikemaskini. Dengan kepesatan perkembangan teknologi di Singapura, setiap pemandu teksi boleh dilengkapi dengan sebuah alat GPS, alat pandu arah, yang boleh menunjukkan jalan kepada pemandu dengan lebih cepat, cekap dan boleh dipercayai. Oleh itu, seandainya ilmu ini dimahiri, reputasi syarikat Tuan akan menjulang.</p>
<i>Penutup</i>	<p>Saya akhiri e-mel ini dengan ucapan terima kasih atas perhatian dan keprihatinan tuan. Saya berharap Tuan akan mempertimbangkan cadangan-cadangan saya demi memartabatkan imej dan nama baik syarikat teksi Selesa. Sekian, terima kasih.</p> <p>Yang benar Fatimah Kamsani</p>

CONTOH SOALAN & JAWAPAN E-MEL RASMI 2

Baca informasi yang berikut: Berdasarkan butiran yang diberikan, tuliskan e-mel yang sesuai.

Baru-baru ini, kamu telah mendengar rancangan yang disiarkan di stesen radio. Kamu berpendapat bahawa rancangan tersebut terlalu banyak menekankan aspek negatif warga Singapura. Pada pandangan kamu beberapa isu yang diketengahkan telah dibesar-besarkan. Kamu mengambil berat terhadap perkara tersebut dan berpendapat bahawa rancangan sedemikian tidak harus disiarkan di radio untuk diperdengarkan kepada orang ramai.

Tulis e-mel kepada stesen radio itu untuk menyatakan sebab kamu tidak berpuas hati dengan rancangan tersebut. Berikan saranan agar rancangan itu dapat dibaiki supaya boleh mendatangkan faedah kepada orang ramai.

Kamu dikehendaki menggunakan alamat e-mel yang berikut:

Alamat pengirim: imran_salleh@klgoomail.com

Alamat penerima: atika_daud@klgoomail.com

Contoh Jawapan E-mel Rasmi 2

Subjek	Maklum Balas Unsur Negatif Dalam Penyiaran	Tema / Isu / Masalah
Puan		Panggilan Hormat
Merujuk kepada perkara di atas , saya mewakili sebahagian besar peminat stesen radio Puan, ingin menarik perhatian pihak Puan terhadap isu penyiaran yang berunsur negatif. Siaran rancangan radio yang saya maksudkan merupakan siaran rancangan yang disiarkan setiap Selasa jam 8 malam. Setiap kali ke udara, juruhebah yang bertugas akan menimbulkan isu tentang tindakan warga Singapura yang negatif.		<ul style="list-style-type: none"> • Perkenalkan diri. • Tujuan mengirim e-mel. • Memaklumkan Isu / Masalah. (ISU)
Isu negatif yang diutarakan boleh menimbulkan rasa tidak puas hati yang berpanjangan dalam diri para pendengar. Ini akan menjejaskan keharmonian hidup rakyat Singapura. Malah perkara ini juga akan memaparkan paparan yang tidak sihat kepada pendengar yang bukan rakyat Singapura. Pernah sekali tema perbincangan adalah tentang jiran yang tidak bertimbang rasa. Lama-kelamaan juruhebah tersebut dan segelintir para pendengar yang menghubunginya mula mengaitkan perbincangan dengan isu-isu berbentuk perkauman. Malah, ramai pendengar yang melahirkan rasa kurang senang terhadap isu-isu yang dibincangkan dalam segmen ini. Justeru itu, saya ingin menyarankan beberapa perubahan yang dapat dibuat pada siaran rancangan ini.		<ul style="list-style-type: none"> • Jelaskan masalah & KESANNYA. • Gunakan teknik ICHK/PEEL. (KESAN)
<ul style="list-style-type: none"> • ISI/ CARA (I) & MANFAAT / KEBAIKAN (M) → I.K.I.M (ISU + KESAN + ISI/ CARA + MANFAAT) • BERIKAN 3 CARA & 3 MANFAAT 		
Pertama sekali , saya harap juruhebah boleh memainkan lebih banyak lagu kegemaran terkini. Tujuan utama kami mendengar radio adalah untuk menghiburkan hati. Justeru itu, jika sesi perbincangan bersama pendengar lebih lama daripada lagu-lagu yang dimainkan, pendengar tentu akan berasa bosan. Juruhebah boleh menyelitkan kata-kata hikmah yang dapat dijadikan pedoman semua. Sambil mendengar lagu-lagu yang diminati dapat juga menimba ilmu.		<ul style="list-style-type: none"> • Jelaskan ISI/CARA mengatasi masalah. (I) • Teknik ICHK. (ISI/ CARA ATASI) + MANFAAT / KEBAIKAN)

<p>Seterusnya, ialah lebih baik jika juruhebah dapat menggunakan peluang ini untuk mencungkil dan menonjolkan cerita-cerita positif daripada para pendengar. Ini dapat memberikan para pendengar lain motivasi untuk melakukan kebaikan yang sama. Melalui rancangan yang berbentuk seperti ini tentunya menyenangkan para pendengar kerana segala yang disiarkan melalui corong radio berbentuk positif dan membangun masyarakat.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Jelaskan ISI/CARA mengatasi masalah. (I) • Teknik ICHK. • (ISI/ CARA ATASI) + MANFAAT / KEBAIKAN)
<p>Selain itu, rancangan yang berbentuk aktiviti penggunaan bahasa juga patut disiarkan. Ini dapat membantu meningkatkan penggunaan bahasa ibunda. Para pendidik boleh dijemput ke stesen radio untuk sama-sama berkongsi ilmu. Rancangan yang berbentuk interaktif dua hala dapat menambah jumlah para pendengar radio.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Jelaskan ISI/CARA mengatasi masalah. (I) • Teknik ICHK. • (ISI/ CARA ATASI) + MANFAAT / KEBAIKAN)
<p>PENUTUP</p>	
<p>Puan, saya harap pihak Puan dapat mempertimbangkan saranan-saranan yang diajukan. Harapan saya dengan kerjasama daripada pihak Puan agar masalah ini tidak akan berlarutan. Malah, saranan –saranan ini ialah demi kesejahteraan semua yang mendengar. Akhir kata, segala perhatian daripada pihak Puan amat saya hargai.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Kesimpulan. • Mempertimbangkan cara-cara. • Harapan / Doa.
<p>Sekian. Terima kasih.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Ucapan Terima kasih.
<p>Yang benar</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pengakuan
<p>Imran</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pengirim

KARANGAN DESKRIPTIF (GAMBARAN)

- **Memberi gambaran yang mendalam** lebih diutamakan daripada peristiwa yang berlaku.
- Karangan kamu menjadi lebih menarik jika kamu pernah **mengalami, melihat, mendengar, atau membaca** peristiwa tersebut.
- Gambaran mestilah **objektif**, iaitu menggambarkan perkara yang didengar dan dilihat sahaja.
- **Setiap perkataan** yang digunakan hendaklah **melahirkan gambaran** yang ingin dikemukakan.

A. CIRI-CIRI KARANGAN DESKRIPTIF

1. Walaupun formatnya tidak jauh beza daripada jenis karangan cereka karangan jenis ini lebih menjurus kepada **menggambarkan** apa yang **dilihat, dirasa** dan **didengar**.
2. Ini bermakna bahawa karangan jenis ini memerlukan kamu menggambarkan **seseorang, sesuatu tempat** atau **sesuatu peristiwa, acara, atau sesuatu benda**.
3. Perkara-perkara yang digambarkan mungkin sesuatu **perwatakan, pengalaman, pemandangan, sifat, sikap, perasaan, bentuk, dan sebagainya**.
4. Bagaimanapun, perkara-perkara yang digambarkan bolehlah terdiri daripada sesuatu yang berbentuk **kenyataan, khayalan, atau rekaan, atau yang sebenar, atau yang tidak benar**.
5. Gambaran hendaklah disampaikan dengan cara yang **menarik dan berkesan** sehingga pemeriksa dapat membayangkan gambaran dengan nyata. Pemilihan kosa **KATA ADJEKTIF** yang sesuai perlu digunakan.
6. Apabila kamu menggambarkan sesuatu tempat misalnya, kamu perlu menggambarkan apa yang kamu dengar, lihat dan rasakan dan tentang keadaan suasana ketika itu. Penggunaan **PANCAINDERA** amat ketara.
7. Penggunaan **pancaindera** amat dititikberatkan kerana melalui pengamatan (**mata**), pendengaran (**telinga**), penghiduan (**hidung**), penyentuhan (**sentuh**) dan perasaan (**rasa**), penulis dapat memberi **gambaran yang mendalam** tentang perkara yang diketengahkan.
8. Sertakan juga **SATU KEJADIAN YANG TIDAK DIDUGA** dalam gambaran kamu. Ini akan menjadikan gambaran lebih menarik dan bermakna.
9. Kamu juga boleh menggambarkan **watak-watak lain** dalam karangan kamu, di samping **watak utama**.
10. Elakkan daripada menggunakan **teknik penyampaian yang berulang-ulang. Hal ini sering dilakukan oleh para pelajar, dan ini merupakan suatu kelemahan**.
11. Untuk mengelakkan daripada berlakunya perkara yang seumpama itu, **susunlah isi-isi karangan kamu dengan berdasarkan aspek-aspek tertentu**.
12. Akhiri karangan deskriptif dengan **PENGAJARAN/NILAI MORAL** yang didapati daripada peristiwa tersebut sebagai penambahan markah. Karangan yang baik pasti ada nilai moral/ pengajaran.

13. Pengetahuan yang luas tentang apa-apa yang digambarkan akan membantu kamu dalam menghasilkan suatu karangan yang bermutu. Penggunaan **SAMMBOB (5 W 1H)** dapat **membantu melebarluaskan** pengetahuan kamu.

B. JENIS-JENIS DESKRIPTIF (GAMBARAN)

- (A) GAMBARAN SESEORANG/TOKOH**
- (B) GAMBARAN PERISTIWA/ACARA**
- (C) GAMBARAN TEMPAT**
- (D) GAMBARAN SUASANA**

FORMAT KARANGAN DESKRIPTIF (GAMBARAN) (2-3 muka surat)

Bagaimanapun, karangan kamu masih tetap memerlukan 3 perkara asas yang penting iaitu;

- **PENDAHULUAN**
- **ISI**
- **PENUTUP**

Perkara yang penting yang harus kamu ingat ialah, dalam menulis karangan jenis deskriptif ini, kamu harus **membayangkan dan berimajinasi seolah-olah telah mengalami peristiwa tersebut agar dapat memberi pembaca gambaran yang realistik.**

Sepintas lalu, karangan deskriptif mempunyai unsur-unsur tersebut:

- **Gambaran peristiwa (beberapa perenggan)**
- **Perasaan**
- **Pengajaran (Nilai + Refleksi)**

Haruslah kamu ingat bahawa dalam penulisan karangan deskriptif kamu **tidak dibenarkan** sama sekali untuk **mengaplikasikan teknik-teknik naratif** seperti :

- **Dialog (tidak dibenarkan jika dialog berfungsi bagi menggerakkan cerita)**
- **Monolog**
- **Imbas kembali**

Langkah-langkah bagi menjawab karangan deskriptif

- Baca soalan dengan teliti.
- Tandakan kata kunci yang mengandungi kehendak soalan.
- Tandakan perkataan-perkataan yang dapat memandu kamu memberi lakaran gambaran yang jelas dalam penulisan kamu.
- Setelah selesai membuat tanda-tanda yang perlu, kamu haruslah mengupas perkataan-perkataan yang ditandakan. Di sinilah kamu harus membuat pilihan kejadian, senario, situasi, peristiwa dan sebagainya yang dapat menepati kehendak soalan.
- Setelah itu kamu haruslah memilih watak-watak yang sesuai bagi membina cerita kamu.
- Apabila kamu tiba di akhir cerita kamu, kamu haruslah memasukkan pengajaran dan berikan refleksi yang bersesuaian.
- Dalam proses menulis cerita kamu, kamu haruslah pastikan kamu gunakan bahasa yang menarik.

C. SOALAN-SOALAN KARANGAN DESKRIPTIF GCE 'O'

Jun 2012
Kamu berhadapan dengan satu keadaan yang memerlukan kamu membuat satu keputusan yang penting. Gambarkan peristiwa itu dan perasaan kamu terhadap peristiwa tersebut.
Nov 2012
Kamu telah mendengar banyak cerita yang mengisahkan kejayaan seseorang. Ceritakan satu kisah kejayaan seseorang dan pengajaran yang kamu raih daripada cerita tersebut.
Jun 2013
Kamu telah memberikan bantuan kepada seseorang di sebuah tempat awam. Namun, satu peristiwa yang tidak diduga berlaku. Ceritakan peristiwa itu dan pengajaran yang kamu peroleh daripada tersebut.
Nov 2013
Semasa di sekolah rendah, guru kamu telah menghadiahkan sebuah buku kepada kamu. Kamu sangat menyayangi buku tersebut. Tanpa menyedari betapa pentingnya buku itu kepada kamu, ibu kamu telah memberikannya kepada sepupu kamu. Ceritakan perasaan yang kamu alami dan cara kamu mengatasi perasaan tersebut.
Jun 2014
Jiran kamu berpendapat bahawa keluarga kamu tidak suka bertegur sapa dan tidak bertimbang rasa. Walau bagaimanapun, keluarga kamu melakukan sesuatu yang telah dapat memenangi hati jiran kamu itu, terangkan perkara yang keluarga kamu lakukan dan pengajaran yang kamu peroleh melalui pengalaman tersebut.
Nov 2014
Cerita satu peristiwa yang membuat kamu sedar bahawa kamu dikelilingi oleh ramai teman yang sedia menghulurkan bantuan. Ekoran peristiwa itu, kamu berubah.
Jun 2015
Kamu dan kawan-kawan kamu mewakili sekolah kamu dalam peraduan drama. Oleh sebab keadaan yang tidak dijangka, salah seorang kawan kamu telah menarik diri daripada peraduan tersebut pada saat-saat akhir. Terangkan bagaimana situasi itu diatasi dan pengalaman yang kamu peroleh daripadanya.
Nov 2015
Baru-baru ini, kamu telah bertindak mengikut emosi kamu. Disebabkan peristiwa itu, orang-orang yang rapat dengan kamu terjejas. Gambarkan peristiwa itu dan pengajaran yang kamu peroleh daripada peristiwa tersebut.
Jun 2016
Seseorang telah mengongsi rahsia dengan kamu. Malangnya, kamu telah mengongsi rahsia tersebut dengan orang lain dan kemudian menyesali tindakan kamu itu. Ceritakan peristiwa tersebut. Terangkan juga perkara yang berlaku akibat tindakan kamu itu dan pengajaran yang kamu peroleh.
Nov 2016
Kamu telah diberi peluang untuk menunjukkan bakat kamu. Sebaliknya, kamu telah memberikan peluang tersebut kepada rakan baik kamu. Rakan baik kamu telah mengambil peluang tersebut dan menunjukkan bakatnya. Malangnya, sejak peristiwa itu, dia tidak lagi menghiraukan kamu. Gambarkan peristiwa tersebut dan jelaskan perasaan kamu.
Jun 2017
Kamu selalu berpendapat bahawa generasi yang lebih tua sangat konservatif dan tidak mudah menerima pandangan belia. Walau bagaimanapun, satu kejadian berlaku yang menyebabkan kamu mengubah persepsi kamu terhadap generasi yang lebih tua. Gambarkan kejadian itu dan pengajaran yang kamu peroleh daripada kejadian tersebut.
Nov 2017
Baru-baru ini, sekolah kamu telah berhadapan dengan pasukan lawan yang lebih hebat dan merupakan pilihan ramai orang untuk menjuarai pertandingan akhir di peringkat kebangsaan. Walau bagaimanapun, tanpa diduga, sekolah kamu telah memenangi pertandingan tersebut. Gambarkan cara-cara sekolah kamu memenangi pertandingan itu dan pengajaran yang kamu peroleh daripada peristiwa tersebut.
Jun 2018
Kamu merasakan bahawa mempunyai tingkah laku yang baik dan keyakinan diri yang tinggi. Namun, satu kejadian telah berlaku yang menyebabkan kamu mengambil keputusan untuk mengubah diri kamu.

Gambarkan kejadian tersebut dan terangkan juga reaksi orang-orang di sekeliling kamu terhadap perubahan kamu itu.
Nov 2018
Kamu menyangka bahawa ibu bapa kamu akan memarahi kamu disebabkan oleh suatu perkara yang telah kamu lakukan. Namun, setelah memberitahu ibu bapa kamu kedudukan perkara yang sebenar, mereka tidak memarahi kamu, gambarkn kejadian itu dan pengalaman yang kamu peroleh daripada kejadian tersebut.
Jun 2019
Baru-baru ini, kamu telah mengunjungi sebuah restoran. Di restoran tersebut, kamu terlihat salah seorang pelayan sedang berhadapan dengan seorang pelanggan yang sangat cerewet, walau bagaimanapun, kamu benar-benar kagum melihat cara pelayan tersebut mengatasi situasi itu dengan amat baik. Gambarkan kejadian itu dan pengajaran yang kamu peroleh.
Nov 2019
Kamu dipujuk oleh seorang jurujual untuk membeli barang yang mahal harganya tetapi kurang bermanfaat kepada diri kamu. Tindakan membeli barang tersebut tanpa berfikir panjang telah menyebabkan kamu berasa kesal. Gambarkan kejadian itu dan pengajaran yang kamu peroleh daripada kejadian tersebut.
Jun 2020
Kamu berpendapat bahawa pertandingan boleh menimbulkan sikap mementingkan diri sendiri dalam seseorang. Gambarkan kejadian itu dan pengajaran yang kamu peroleh.
Nov 2020
Sebagai ketua, kamu menghendaki semua ahli kumpulan kamu mengikut arahan yang telah diberikan oleh kamu. Namun, baru-baru ini suatu kejadian telah berlaku yang menyedarkan kamu akan pentingnya menerima pendapat orang lain. Gambarkan peristiwa itu dan terangkan perasaan kamu selepas terjadinya peristiwa tersebut.
Jun 2021
Semasa berada di tempat awam, kamu melihat dua orang kanak-kanak yang berkelakuan nakal. Hal ini membuat kamu terganggu. Kamu mendekati kedua-dua orang kanak-kanak itu untuk menghentikan perbuatan mereka yang tidak wajar itu. Tindakan kamu itu menyebabkan ibu kanak-kanak tersebut berasa tidak senang hati lalu dia bersemuka dengan kamu. Gambarkan kejadian tersebut. Jelaskan juga pandangan dan perasaan kamu terhadap pengalaman kamu itu.
Nov 2021
Seseorang telah mendapat pujian setelah dia mengakui hasil kerja kamu sebagai miliknya. Perbuatannya itu sampai ke pengetahuan kamu. Gambarkan cara kamu menangani situasi tersebut dan terangkan pengajaran-pengajaran yang kamu peroleh.
Jun 2022
Sepupu kamu yang lebih muda daripada kamu telah menceritakan masalah yang dihadapinya kepada kamu. Kamu tidak mengendahkannya kerana menganggap masalah tersebut remeh. Akibatnya, dia ditimpa kesusahan. Kamu menyesal kerana tidak membantunya dari awal lagi. Kamu pun mengambil keputusan untuk menolong sepupu kamu mengatasi situasi itu. Gambarkan pengalaman kamu menolongnya dan pengajaran yang kamu peroleh.
Nov 2022
Pak cik kamu telah dedenda kerana gerai makanan kepunyaannya tidak menepati standard kebersihan yang ditetapkan. Dia juga menerima banyak maklum balas daripada pelanggan tentang khidmat pelanggan yang tidak memuaskan. Oleh itu, dia kehilangan ramai pelanggan. Terangkan cara kamu membantu pak cik kamu untuk mendapatkan lebih ramai pelanggan ke gerainya dan pengajaran-pengajaran yang kamu peroleh.
<u>C. SOALAN-SOALAN KARANGAN DESKRIPTIF GCE 'NA'</u>
Sep 2012
Rakan kamu sedang membuat penyampaian di kelas. Kamu dan rakan-rakan kamu yang lain sedang menumpukan perhatian pada penyampaiannya. Tiba-tiba, kedengaran jeritan. Peristiwa yang tidak disangka-sangka berlaku. Terangkan peristiwa tersebut dan perasaan kamu tentang peristiwa itu.

Sep 2013
Kamu memang mengamalkan sikap berjimat cermat ketika berbelanja. Namun, baru-baru ini, wang sejumlah \$100 yang kamu simpan selama setahun telah kamu belanjakan untuk membeli sesuatu yang kamu anggap berfaedah. Gambarkan peristiwa tersebut dan perasaan kamu terhadap perbuatan kamu itu.
Sep 2014
Setelah beberapa kali dipujuk, kamu telah mengambil bahagian dalam satu kegiatan Program Pelibatan Masyarakat (CIP). Pengalaman yang kamu lalui itu bukan sahaja telah merubah pandangan kamu untuk melibatkan diri dalam kerja-kerja kemasyarakatan pada masa hadapan. Gambarkan pengalaman yang kamu lalui itu dan perasaan kamu terhadap pelibatan kamu dalam program tersebut.
Sep 2015
Sejak kecil lagi, kamu sentiasa berasa malu untuk berinteraksi dengan orang lain. Walau bagaimanapun, baru-baru ini, kamu telah mengambil bahagian dalam aktiviti yang membantu kamu mengatasi masalah itu. Gambarkan kejadian itu dan perasaan kamu terhadap hal tersebut.
Sep 2016
Kamu dikenali sebagai seorang yang cekap menganjurkan pelbagai kegiatan. Setiap kegiatan yang kamu anjurkan pasti akan berhasil. Namun, pada suatu hari, kegiatan yang kamu tidak berjalan seperti yang kamu harapkan. Gambarkan kejadian itu dan perasaan kamu tentang kejadian tersebut.
Sep 2017
Kamu mempunyai seorang teman sekelas yang suka mengganggu semasa pelajaran dijalankan. Selama ini, kamu bersabar dengan sikapnya. Pada suatu hari, kamu hilang sabra dan meluahkan kata-kata yang menyinggung perasaannya. Kemudian, kamu menyedari bahawa kata-kata yang diluahkan itu tidak boleh ditarik baik. Gambarkan kejadian itu dan perasaan kamu tentang kejadian tersebut.
Sep 2018
Di sekolah, kawan kamu, Sarah, dianggap sebagai orang yang pendiam dan tidak suka bergaul. Baru-baru ini, semasa perkhemahan, Sarah mempamerkan sikap yang berbeza daripada selalu. Semua orang kagum akan sikap Sarah. Gambarkan kejadian yang berlaku semasa perkhemahan itu. Bagaimanakah kejadian tersebut mengubah pandangan kamu terhadap Sarah?
Sep 2019
Secara tidak disangka-sangka, kamu perlu mengamalkan kemahiran yang telah kamu peroleh baru-baru ini. Gambarkan kejadian itu dan pengajaran yang kamu peroleh.
Sep 2020
Secara tidak sengaja, kamu menjumpai mainan lama yang kamu miliki semasa zaman kanak-kanak. Mainan tersebut merupakan mainan kegemaran kamu. Kamu telah menyimpannya sehingga hari ini. Gambarkan cara mainan tersebut menjadi sebahagian daripada zaman kanak-kanak kamu dan kenangan yang berkaitan dengannya.
Sep 2021
Disebabkan satu salah faham, keluarga dan jiran kamu tidak bertegur sapa. Walau bagaimanapun, kamu mendapat tahu bahawa jiran kamu itu memerlukan sedikit bantuan. Namun, kamu teragak-agak untuk membantunya kerana bimbang niat baik kamu itu akan disalahertikan. Gambar kejadian tersebut dan perasaan kamu.
Sep 2022

Contoh 1

Kamu menghulurkan bantuan kepada seseorang di tempat awam namun ada sesuatu yang tidak dijangkakan berlaku setelah itu. Gambarkan peristiwa itu serta pengajaran yang diraih daripada pengalaman tersebut.

Aku menjejakkan langkahku ke luar rumah pada hari yang panas terik itu. Bintik-bintik peluh bercambah di seluruh tubuhku akibat kepanasan cuaca. Aku berjalan menuju perhentian bas untuk ke tempat tugas. Aku mencari tempat duduk sebaik sahaja tiba di situ. Sambil menunggu ketibaan bas, aku terlihat seorang remaja yang sedang memapah seorang warga emas untuk menyeberangi jalan. Walaupun dari luaran gayaku kelihatan gagah, di dalam hatiku, terjentik rasa sayu melihat ketulusan hati si remaja yang baru sahaja mengenal dunia. Fikiranku menerawang ke satu peristiwa yang pernah aku alami sendiri sewaktu aku berada di bangku sekolah menengah.

Aku menyandang jawatan sebagai ketua kelas sewaktu menengah tiga. Aku dikenali sebagai individu yang ramah, suka membantu sesama rakan sekolah dan candi. Aku senang melakukan ini semua walaupun aku tahu tiada imbalan yang akan aku terima sebagai ganti ataupun ganjaran. Mungkin sudah cetakku begini. Ibu bapaku selalu mengingatkanku untuk mempunyai sifat ihsan di dalam dada.

Pada suatu hari, sedang aku dalam perjalanan pulang dari sekolah, aku terlihat seorang nenek tercungap-cungap memungut buah oren yang sudah bergelimpangan di atas lantai. Beg plastik yang dibawanya koyak lantas memuntahkan segala isi perutnya. Tanpa melengahkan masa, aku bergegas ke arahnya lalu mengangkat buah-buahan yang telah jatuh itu. Setelah itu, aku memastikan bahawa nenek itu tidak cedera. Dia begitu malu kerana telah menyusahkanku. Namun, aku tidak berasa dibebankan walau sedikit. Aku menawarkan untuk menghantarnya pulang ke rumah. Dia pun bersetuju lalu mengucapkan terima kasih. Aku berbesar hati kerana dapat berbakti kepada nenek itu. Hal ini kerana aku berpegang teguh pada prinsip, hidup kayu berbuah, hidup manusia berjasa.

Pada keesokan harinya, aku mendapati bahawa rakan-rakan karibku enggan menyapa aku di sekolah. Aku juga mula berasa curiga apabila diperhatikan dengan pandangan sinis daripada beberapa lagi rakan sekolah. Aku bingung lalu tertanya-tanya sekiranya aku ada melukakan hati sesiapa ataupun melakukan kesalahan. Yang pasti, secara amnya, semua orang di sekolah seolah-olah menjauhkan diri daripada aku dengan sengaja. Pada hari yang malang itu, setibanya aku di rumah setelah seharian bertanda tanya, aku mula menerima pesanan ringkas lewat telefon bimbitku secara bertubi-tubi. Lewat akaun media sosialku pula, pelbagai hinaa, cacian dan kecaman aku terima. Aku hilang arah. Di manakah silapnya?

Seminggu telah berlalu sejak insiden tersebut. Aku cuba sedaya upaya untuk meneruskan hidup seperti biasa. Aku cuba menanyakan kepada rakan-rakan karibku tentang hal tersebut tetapi mereka masih menjauhiku dan memperlakukan aku seperti penjenayah. Sedar aku bersendirian di dalam bilik darjah, pengetua sekolah, Encik Lee mendekatiku. Dia menjelaskan segala-galanya. Aku tergamam apabila dia menunjukkan beberapa gambar di telefon bimbitnya. Gambar-gambar tersebut menunjukkan aku sedang memapah nenek yang aku bantu minggu lepas. Pada salah satu gambar itu, terkandung kapsyen, "Remaja mengambil kesempatan ke atas warga emas tidak bermaya." Aku terpaksa beristighfar sambil mengurut dada. Aku menceritakan latar belakang gambar itu kepada Encik Lee. aku hanya mampu untuk mendambakan keadilan bak kata pepatah meski tertimbun dalam tanah namun teras timbul jua.

Semenjak mendapat tahu tentang kedudukan hal yang sebenar, aku asyik tertanya-tanya siapakah dalang di sebalik kontroversi yang aku alami ini. Aku melihat usaha individu ini sebagai satu sabotaj yang sengaja direka untuk menjatuhkanku. Aku berkecil hati apabila Encik Lee memberitahuku bahawa aku akan dikenakan tindakan disiplin kerana ada beberapa orang pelajar lain turut menceritakan pengalaman buruk mereka denganku selama ini. Mereka mengaibkanku dengan banyak fitnah. Malangnya, Encik Lee lebih mempercayai mereka daripadaku. Namun, sebaik sahaja Encik Lee mahu memberitahu hukuman yang akan dikenakan kepadaku, Afiq, salah seorang rakan sekelasku memasuki bilik darjah.

Afiq memberitahu Encik Lee bahawa dia menyaksikan perbuatan baikku minggu lalu. Hal ini kerana dia sendiri tinggal di blok yang sama dengan nenek itu. Sewaktu aku membantu nenek itu, Afiq baru sahaja tiba di kolong blok tersebut. Namun, aku dikejutkan dengan satu lagi pengakuan - Afiq jugalah yang memetik gambarku lalu memuatnaikannya ke media sosial lalu memfitnahku dengan kapsyen yang memalukan itu. Sebaik sahaja aku mampu menarik nafas lega, aku diselembungi kekecewaan sekali lagi. Aku hairan dengan motivasi Afiq untuk melakukan hal terkutuk seperti itu. Selain itu, mengapakah dia muncul di hadapan aku dan Encik Lee sekarang? Apakah yang Afiq mahukan?

Tiba-tiba, Afiq memelukku. Dia mengatakan bahawa dia dirundung kegelisahan setelah melihat ramai lagi yang mula menjauhiku setelah wujud gambar tersebut. Dia berasa bersalah. Dia turut menjelaskan sebab dia memperlakukan aku sebegitu. Dia mengatakan bahawa sudah lama dia berdendam terhadapku kerana aku disukai ramai manakala dia tidak mempunyai seorang teman sekalipun. Ramai menggelarkannya 'Afiq Aneh' kerana dia jarang berinteraksi dengan teman-teman yang lain. Oleh itu, dia cemburu terhadapku dan mula memikirkan cara-cara untuk menjatuhkanku. Setelah mendengar pengakuan Afiq, Encik Lee mengarahkannya untuk ke pejabatnya dengan segera. Sebelum dia berlalu pergi bersama Encik Lee, Afiq memelukku sekali lagi lalu memohon keampunan daripadaku di atas kekhilafannya. Aku memaafkannya tanpa berfikir panjang. Aku simpati ke atas nasib Afiq. Aku berdoa agar dia dapat berubah selepas episod ini.

Mujurlah, hidupku sebagai seorang pelajar kembali seperti sediakala setelah pengakuan Afiq. Dia disuruh Encik Lee untuk membuat permohonan maaf secara terbuka sewaktu masa perhimpunan di hadapan semua rakan-rakan sekolah supaya dapat dijadikan pengajaran bagi semua pelajar agar tidak mengulangi perbuatan yang serupa. Aku sebenarnya kurang selesa dengan hukuman sebegini tetapi, ibu bapa Afiq juga bersetuju dengan saranan pengetua. Setelah Afiq meminta maaf, rakan-rakan yang menjauhiku juga meminta maaf kepadaku. Mereka mengatakan bahawa mereka tidak sepatutnya menghukumku sebelum mencari tahu kebenarannya. Aku hanya berpesan kepada mereka agar tidak terlalu cepat menghukum seseorang pada masa hadapan. Aku percaya bahawa pengalaman ini boleh dijadikan pengajaran yang berharga bagi kami semua.

Telefonku pintarku berdering. Aku tersentak daripada lamunanku yang telah membawaku ke zaman persekolahanku itu. Jamil, rakan sekerjaku menanyakan keberadaanku. Tanpa disedari, aku sudah lewat ke tempat tugas dek mengenangkan masa lalu. Mujurlah, bas yang aku nantikan pun tiba. Aku menaiki bas tersebut lalu meneruskan perjalananku ke tempat tugas, seperti biasa. Daripada pengalamanku sebagai seorang remaja itu, aku mempelajari bahawa kita perlu sentiasa merendah diri dan menghulurkan bantuan kepada sesiapa sahaja yang memerlukan. Selain itu, kita perlu mendengar penjelasan daripada kedua-dua pihak sebelum menjatuhkan hukuman. Aku yakin, daripada peristiwa tersebut, aku kini menjadi seorang lelaki dewasa yang lebih bertanggungjawab dan berwibawa.

Muhammad Danial Bin Mohammad Feroz (SCSS) (5N1)

Contoh 2

Kejadian yang berlaku membuat kamu sedar bahawa kasih sayang yang membuta tuli kadangkala tidak mendatangkan kebaikan malah menjurus kepada kemusnahan. Gambarkan kejadian tersebut.

Aku mendongakkan kepala aku ke atas, dan tersenyum kesyukuran. Langit biru kelihatan terang dengan cahaya yang dipancar oleh sang matahari. Rasa syukur aku terhadap kejayaan dan kemenangan daripada kes mahkamah yang terbesar pernah aku atasi hari ini, maka terpacat kegirangan di sanubari ini. Beberapa rakan sekerjaku berjabat tangan denganku sambil mengucapkan tahniah. Setelah beberapa minit berbahas dengan mereka, aku pun beredar lalu mengatur langkah ke tempat memakir kereta. Sedang aku berjalan, telefon aku berdering. Senyumanku kembali mengembang setelah melihat nama yang terpapar pada skrin telefon. Satu-satunya anak aku, Asyraf.

Aku mengangkat panggilan dan memberikan salam. Asyraf, tanpa menjawab salamku, di terus mengarahkan aku, dengan suara yang garau, supaya memasukkan wang sebanyak dua ribu dollar ke dalam akaun banknya. Walaupun aku agak terkilan dan terkesima dengan tutur kata Asyraf yang agak

kasar, aku tetap menyoalnya mengapa dia memerlukan duit sebanyak itu. Lalu dia menjawab dengan nada yang mendarat, bahawa dia perlu menderma ke rumah anak-anak yatim. Sebutir senyuman terukir di bibirku kerana kagum dengan budi baik yang ditonjolkan oleh Asyraf. Sejujurnya, hampir setiap bulan dia meminta wang daripada aku untuk melakukan amal yang baik seperti itu. Setelah menamatkan panggilan, tanpa lelah, aku terus menyampaikan duit yang diminta anak kesayanganku itu.

Setelah tiba di kereta, aku menghembuskan nafas yang lega. Dengan adanya hawa dingin yang menyejukan tubuhku yang bermandian peluh dan hangat daripada cahaya matahari yang bagai menikam tubuh badanku dengan kepanasan. Senyuman aku tetap melekat di wajah. Aku amat kagum melihat satu-satunya zuriat aku yang kini sudah mencecah umur 18 tahun menunjukkan kasihnya terhadap masyarakat. Bukan mudah untuk membesarkannya sebagai seorang ibu tunggal. Namun, aku pasti dia kini seorang yang berakhlak tinggi. Kasih sayangku terhadapnya melimpah ruah. Setelah cukup berehat, aku mula memandu untuk meneruskan perjalanan pulang ke rumah.

Telefon aku berdering lagi. Tanpa melihat siapa pengirimnya, dengan mataku yang tertangkap di jalan raya, aku menjawab panggilan tersebut. Terbuntang mata aku apabila pengirim mengatakan bahawa dia merupakan seorang pegawai polis dan dia menelefon kerana Asyraf. Ketika nama Asyraf disebut, tidak tenteram hati aku dibuatnya. Aku pun perlahan-lahan menghentikan kereta di tepi jalan raya, sebelum menyuruh pegawai polis itu meneruskan hajatnya. Punggunku hangat menantikan cerita penuh daripada pegawai polis itu. Pelbagai soalan berlegar di kotak fikiranku. Adakah Asyraf terlibat dalam kemalangan jalan raya? Adakah Asyraf bersalah dalam hal ini?

Namun, ketika polis itu menyampaikan bahawa anak kesayangan aku terlibat dalam perdagangan penyeludupan rokok haram untuk para remaja bawah umur, hampir ketawa aku dibuatnya. Aku menyindir anggota polis itu lalu menegakkan dan menegaskan bahawa aku kenal anak aku dan tidak mungkin dia sanggup menjalankan perbuatan haram itu. Dengan rasa yang tidak puas hati, aku meluncur laju ke lokasi balai polis yang dinyatakan pegawai tersebut. Dadaku berombak kencang menahan geram. Aku amat pasti mereka salah. Aku ingin melihat dengan mata aku sendiri bukti-buktinya.

Tidak lama kemudian, aku tiba di balai polis tersebut. Alangkah terperanjat aku, apabila melihat Asyraf yang duduk bersila di lantai dengan tangannya, yang digari di belakang. Terdapat juga beberapa anggota polis yang mengelilinginya. Anggota polis lelaki yang berbadan tegap dan lebih tinggi daripadaku memaklumkan bahawa dia yang telah menghubungi aku tadi. Pada mulanya, aku masih enggan mengiyakan kata-katanya bahawa anak aku yang bersalah. Namun apabila Asyraf sendiri yang mengulangi kata-kata maaf dan menjelaskan perkara yang sebenar, memaklumkan kata-kata anggota polis itu, luluh hati aku mendengar luahan Asyraf. Lututku lemah gemalai, lalu aku terjelompok jatuh ke lantai. Aku meraup kasar wajahku. Sebelum mataku kabus dengan linangan air mata, aku sempat melirik ke arah Asyraf yang hanya menundukkan wajahnya yang penuh kesal apabila diasah pergi ke bilik menyiasat. Seorang pegawai polis wanita meletakkan tangannya di bahu ku lalu perlahan-lahan mengajak aku duduk di kerusi.

Tersedu-sedu aku mengeluarkan segala tangisanku. Anak yang aku fikirkan matang, baik hati, ikhlas dan jujur telah mematahkan kepercayaan dan keikhlasanku untuk menyayangnya jiwa dan raga. Rupa-rupanya ada udang di sebalik batu. Duit yang dia minta daripadaku sepanjang tahun itu telah digunakan untuk aktiviti haramnya itu. Selama ini aku diperbodohkan oleh anak aku sendiri, yang telah aku besarkan dengan penuh kasih sayang, diselimuti agama dan kesenangan telah sewenang-wenangnya diambil kesempatan. Luka hati ini hanya Tuhan sahaja yang tahu betapa pedihnya perasaan apabila dipermainkan begini. Aku mula menyoal apa kesalahan aku. Adakah aku puncanya Asyraf jadi begitu? Aku pasrah. Raungan tangisan aku berubah menjadi rintihan. Aku kini sedar bahawa disebabkan rasa kasihku, sayangku, terhadap Asyraf, anak aku seorang itu, aku buta dan aku tuli. Selama ini, dia berkata kasar denganku, mendapat kes disiplin di sekolah beberapa kali, tetap aku gagal untuk sedar dan tegas terhadap pembentukan akhlak Asyraf. Apakah daya, nasi sudah menjadi bubur dan takdir sudah pun ditentukan Tuhan. Sebagai seorang hamba, aku harus terima ketentuan-Nya. Aku berdoa sepenuh hati aku supaya Asyraf diberi kesedaran dan pengajaran, lalu tidak mengulangi kesilapannya pada masa yang akan datang. Selain itu, aku turut berharap bahawa aku juga akan pelajari daripada kesilapanku dan mengubah diriku

ke arah kebaikan. Namun, aku tetap bersyukur masih diberikan peluang untuk memperbaiki diriku. Aku harap Asyraf juga begitu. Aku percaya setiap yang berlaku tentu ada hikmahnya.

Insyirah Nabilah Binte Mohamed Faizal (SCSS) (4E3)

Contoh 3

Satu peristiwa telah mengajar kamu bahawa sifat serakah memakan diri. Gambarkan satu kejadian yang membuat kamu sedar akan kebenaran pernyataan ini dan pengajaran yang kamu peroleh.

Suasana di kelas 4B pagi itu begitu meriah. Hiruk-pikuk para pelajar kedengaran ketika menunggu ketibaan para guru. Di sudut kiri kelas, dekat dengan pintu masuk, terdapat beberapa orang pelajar yang gelak tertawa apabila salah seorang daripadanya membuat lawak. Aku terduduk selesa di tempat dudukku di belakang kelas, sederet dengan meja guru. Jari-jemariku menari-nari, bermain dengan pena hitamku. Ketika raut wajahku kembali memandang ke hadapan, ternampak tiga susuk tubuh yang mendekati mejaku. Rautku terus menjadi muram.

Amir, Irah dan Lisa adalah ahli kumpulanku yang dipilih oleh Cikgu Nisa, guru bahasa Melayu untuk projek sekolah di mana kami harus membuat pembentangan tentang topik yang diberikan. Pembentangan! Hatiku berdegup kencang tatkala mengingat kembali tentang pembentangan yang harus dibentangkan tengah hari itu. Dengan segera, aku mengubah raut wajah gelisahku, dan menampalkan senyuman di wajah. Ketika Amir menyoalku tentang perkembangan slaid yang telah aku janji untuk sediakan, aku hanya menganggukkan kepalaku berkali-kali dan mengatakan bahawa semuanya sudah selesai, walaupun sejujurnya, aku belum mula pun kerja aku. Mengapa aku tipu? Aku dipilih oleh Cikgu Nisa untuk menjadi ketua kumpulan kecil kami ini. Pengalaman ini merupakan kali pertama aku dilantik untuk menjadi ketua dan aku tidak mahu mensia-siakan peluang emas ini untuk menunjukkan kemampuanku. Disebabkan hal itu, aku telah bersungguh-sungguh berjanji kepada ahli kumpulanku bahawa mereka tidak perlu melakukan apa-apa dan aku boleh mengusahakan dan membanting tulang untuk mereka. Namun, kini betapa aku kesali kata-kata janjiku kepada mereka. Disebabkan janjiku, aku tidak berani menutur kebenaran. Sejurus setelah mereka beredar, hatiku kembali berdegup kencang lalu aku terus ke aplikasi 'Google Slides' di telefon bimbit dan mula menghiasi latar pembentangan tersebut.

Akhirnya, masa yang tidak dinanti-nantikan sudah pun tiba. Kelas Melayu Cikgu Nisa sudah pun bermula. Hawa dingin di bilik itu tidak dapat menyejukkan tubuh badanku yang kian dibasahi peluh. Aku tidak sempat menghabiskan keseluruhan pembentangan tersebut. Manik-manik peluh mula membasahi dahiku. Aku menarik nafas dan menghembuskannya dengan kuat untuk menenangkan fikiran dan hatiku. Kini, aku hanya boleh berdoa supaya aku tidak dibenci oleh ahli kumpulanku. Kini giliran kumpulan kami sudah tiba.

Terketar-ketar tanganku menekan butang di komputer riba Cikgu Nisa, untuk memulakan pembentangan. Aku menduga bahawa Cikgu Nisa hanya akan bersuara ketika aku tiba di slaid ke empat, slaid terakhir aku berjaya habiskan. Namun, sangkaanku ternyata salah. Sejurus setelah aku menyalakan alat 'projektor', Cikgu Nisa menegur kerana aku telah menyediakan pembentangan topik yang salah! Jujur aku katakan hatiku hampir terjelopok jatuh. Tidak aku sangka aku begitu gelisah dan resah sehinggakan aku tidak sedar aku telah membuat topik yang salah. Aku hanya boleh memandang ke arah lantai dengan perasaan resah dan kesal.

Setelah kelas tamat, Cikgu Nisa yang berbadan besar dan mempunyai suara yang lantang, telah menyergah kami berempat atas kecuaiannya. Betapa gerunnya amaran yang diberikan. Akhirnya, dalam ketakutanku, aku menyuarakan bahawa aku adalah punca kumpulan kami gagal dalam latihan pembentangan tersebut. Perasaan kesalku, hanya Tuhan sahaja yang tahu. Kata-kata amarah dilontarkan daripada Cikgu Nisa., dan mata-mata ahli kumpulan yang memarah diriku terasa hangat dan perit sekali. Namun, apa yang mengejutkan, Cikgu Nisa memberi kumpulan kami peluang kedua untuk menghantarkan pembentangan itu pada hari itu juga. Raut wajahku yang memandang lantai, dinaikkan untuk melihat raut

wajah Cikgu Nisa. Betapa bersyukur aku kerana dapat membetulkan kesalahanku. Kini aku berjanji bahawa akan aku tebusi kesalahan-kesalahanku.

Ketika loceng sekolah berdering, menandakan waktu sekolah sudah tamat, tergopoh-gopoh aku mendapatkan Amir, Lisa dan Irah. Pada mulanya, mereka bertiga sungguh dingin terhadapku dan memeluk tubuh mereka. Aku terus mengucapkan kata-kata maaf dan menjelaskan kepada mereka mengapa aku bertindak sedemikian. Mujurnya, mereka memahami keadaanku yang hanya ingin menunjukkan kelayakanku sebagai seorang ketua, walaupun cara aku itu salah. Tanpa membuang masa, kami memulakan projek kami, kini bersama. Kami telah membahagikan tugas sesama sendiri. Amir mencari contoh-contoh statistik, Irah ditugaskan untuk membuat lakaran pembentangan slaid, Lisa mencari maklumat, dan aku mencari gambar yang sesuai untuk pembentangan tersebut.

Kini, aku rasa lebih bertenaga dan lebih ringan beban yang aku sandang. Setelah hampir sejam kita menyediakan pembentangan, akhirnya kami berjaya menghabiskannya. Kami telah menghubungi Cikgu Nisa untuk membentangkan pembentangan kami, seperti yang diarah. Pembentangan telah berjalan dengan lancar. Amat bersyukur aku dengan peluang ini. Ketika Cikgu Nisa memberikan markah keseluruhan, hatiku terpekat kegirangan. Kami adalah antara kumpulan yang meraih markah yang tertinggi. Walaupun Cikgu Nisa terpaksa memotong markah akibat penghantaran yang lambat, kami sekumpulan tetap gembira dengan pencapaian kami. Terlihat ukiran senyuman dan gelak ketawa di raut wajah ahli kumpulanku. Aku juga turut tersenyum.

Insyirah Nabilah Binte Mohamed Faizal (SCSS) (4E3)

Contoh 4

Kamu terpaksa berdepan dengan sebuah dilema yang memerlukan kamu untuk memaafkan seseorang. Ceritakan peristiwa itu dan kongsi pengalaman yang kamu perolehi daripada pengalaman tersebut.

Panahan mentari yang menyelip masuk ke dalam bilikku membangunkanku. Mataku tertumpu pada potret keluarga yang tergantung di tembok bilikku. Arwah Ayah tersenyum ceria di dalam gambar itu. Aku benar-benar merindukan kehangatan kasih sayang yang Ayah curahkan kepadaku. Sudah dua tahun Ayah bertamu di syurga akibat kemalangan jalan raya yang meragut nyawanya tepat pada ulang tahunnya yang ke-50. Arwah Ayah membesarkanku dengan kudratnya sendiri setelah Ibu meninggalkan kami tanpa sebab sewaktu aku berusia dua tahun. Sepanjang membesarkan aku, Ayah tidak pernah mengeluh atau mengabaikan tanggungjawabnya sama sekali. Pemergian Ayah begitu mendadak sehinggakan aku memerlukan masa yang agak lama untuk menerima dan redha akan ketetapan Illahi ini. Nenek mengambil alih tugas Ayah untuk mengasuhku setelah pemergian Ayah. Walaupun nenek sendiri kurang sihat, dia menjalankan amanahnya dengan baik.

Sebaik sahaja aku melangkah keluar dari bilikku, nenek meminta aku membelikannya sekotak santan kerana dia ingin memasak nasi lemak pada hari itu. Aku mengangguk lemah lalu mengganti pakaian untuk ke kedai runcit yang terletak agak jauh dari rumah kami. Sambil mengganti pakaian, aku memerhatikan cuaca yang semakin terik. Aku mengeluh panjang kerana aku paling benci berhadapan dengan tujahan matahari. Aku rimas apabila manik-manik peluh mula membasahi tubuhku. Ada kalanya, aku berharap cuaca di Singapura tidak sekejap ini.

Dalam perjalanan ke kedai runcit, aku melihat seorang wanita terbaring di bahu jalan. Wanita separuh baya itu berlumuran darah di muka dan tubuhnya. Awalnya, aku hanya terpaku apabila melihat keadaannya sebegini. Aku tidak tahu apakah yang wajar aku lakukan.

“Telefon ambulans atau polis? Atau cari nombor telefon ahli keluarga di dalam telefon bimbitnya? Atau dapatkan bantuan orang-orang yang berdekatan? Atau mengalihkan wanita itu dari bahu jalan? Bagaimana jika ada yang menyangka aku yang mencederakannya? Bagaimana jika aku ditangkap dan disiasat polis pula?” Tanya aku kepada diriku sendiri.

Tiba-tiba, ada seorang lelaki menepuk bahu lalu mengajakku membantu wanita itu dengan segera kerana dia masih bernafas.

“Adik, mari bantu Abang. Kita angkat wanita itu ke tempat yang lebih selamat sementara menanti ambulans tiba. Abang dah telefon. Sebentar lagi, mereka tiba,” kata lelaki itu. Aku pun bergegas untuk membantunya.

Tatkala mendekati wanita yang berlumuran darah itu, aku mendapati bahawa pernafasannya terjejas oleh kemalangan yang dihadapi. Aku membuat kesimpulan bahawa dia merupakan seorang mangsa langgar lari kerana kenderaan yang melanggarnya tidak dijumpai di tempat kejadian. Memandangkan aku mempunyai kebolehan untuk memberikan bantuan pernafasan (CPR), aku pun melanjutkan prosedur CPR demi menyelamatkan nyawanya yang terancam. Selang beberapa minit, ambulans pun tiba.

“Adik, terima kasih kerana telah memberikan bantuan pernafasan kepada wanita ini. Jika tidak, pasti dia sudah meninggal dunia,” kata paramedik yang memasukkan wanita tadi ke dalam van ambulans.

Aku memberitahunya bahawa aku ingin menemani wanita itu ke hospital supaya aku dapat memberikan keterangan kepada pihak-pihak yang terbabit, termasuk keluarga wanita tersebut. Mujurlah, paramedik itu bersetuju dengan usulanku. Di dalam van ambulans, aku menelefon nenek untuk memberitahunya hal yang telah terjadi. Nenek begitu terkejut mendengar ceritaku. Katanya, teman kelas memasaknya, Linda seharusnya sudah tiba di rumah. Nenek ingin memasak nasi lemak untuk dihidangkan kepada Linda sebagai tetamu. Nenek menyuruhku memetik gambar wanita yang aku bantu itu. Malangnya, benarlah identiti wanita itu. Dialah Linda, teman nenek yang sepatutnya bertamu ke rumah kami pada pagi itu. Hatiku diruntun kesedihan.

Setibanya di hospital, aku menunggu dengan penuh debar di hadapan ruang kecemasan. Dari jauh, aku melihat nenek yang bergegas ke arahku. Kesedihan yang terpancar di wajah nenek agak mengelirukanku.

“Aiman! Linda.....Linda itu.....IBU KAMU!!” teriak nenek sambil teresak-esak. Dia benar-benar tidak dapat mengawal perasaannya.

Nenek terus mendakapku dengan erat. Aku seolah-olah tidak dapat mempercayai apa sahaja yang telah aku lalui pada hari itu. Semuanya berlaku dengan terlalu pantas. Kesedihan menggunung di dalam dadaku. Pelbagai pertanyaan menari-nari di dalam benakku. Baru sahaja aku ingin membuka mulut untuk menanyakan beberapa soalan kepada nenek. Namun, hasratku terhenti apabila doktor yang membuat pembedahan ke atas Linda memanggil namaku. Dia memberitahuku bahawa Ibu dapat diselamatkan setelah pembedahan kecemasan yang mereka lakukan. Doktor itu juga mengucapkan tahniah kepadaku atas bantuan pernafasan yang aku berikan kepada ibu. Sebelum dia melangkah pergi, doktor memberikanku telefon pintar Ibu yang berada dalam genggamannya sewaktu kemalangan tersebut berlaku. Aku melihat gambar bayiku pada skrin telefon tersebut. Perasaanku berbelah bagi. Aku menyesal harus berjumpa dengan ibu kandungku dengan cara ini.

Sambil menunggu Ibu dipindahkan ke wad biasa, nenek menceritakan segala-galanya kepadaku. Aku hanya tertunduk sedih. Ada kalanya, air mata mengalir di pipiku dan aku membiarkannya sahaja. Nenek menjelaskan bahawa Ibu terpaksa meninggalkanku kerana dia merupakan seorang pendatang haram sewaktu dia bernikah dengan Ayah. Untuk mengelakkan daripada ditangkap dan disumbatkan ke dalam penjara, Ibu terpaksa pulang ke negara asalnya. Pemergiannya pun tidak diketahui oleh Ayah atau nenek. Nenek hanya mengetahui hal sebenar sekitar dua bulan yang lalu sewaktu Ibu mengirimkan surat untuk menjelaskan segala-galanya. Menurut nenek, Ibu terlalu merinduiku sehinggakan dia sanggup menghabiskan wang simpanannya untuk membeli tiket kapal terbang untuk ke Singapura.

Aku terpaksa menelan kebenaran ini walaupun pahit. Aku terima takdirku ini sepertimana aku menerima pemergian Ayah dua tahun yang lalu. Ibu memerlukan aku, anaknya sekarang. Akulah satu-satunya waris yang dia punyai. Aku akan mencuba untuk mencari ruang di dalam hatiku untuk memaafkan perbuatannya dan meneruskan kehidupan kami yang baharu. Melalui kemaafanku, aku berharap untuk mendapat ketenangan dan kebahagiaan yang aku dambakan selama ini.

Daripada pengalaman ini, aku mempelajari bahawa kemaafan merupakan hadiah yang terindah yang dapat aku berikan kepada diriku sendiri. Walaupun perjalananku denganlibu masih panjang dan berliku, aku sangat berharap bahawa hari-hari yang mendatang menjanjikan sejuta kemanisan bagi kami berdua. Aku redha.

Mohammad Akasha Bin Rohiman (SCSS) (5N1)

Contoh 5

Baru-baru ini, kamu telah mengalami suatu pengalaman yang menyebabkan kamu berasa serik. Gambarkan peristiwa tersebut dan perasaan kamu.

Petang itu sang suria memancar dengan teriknya menerangi bumi. Kehangatan cuaca begitu terasa. Peluh membasahi dahi dan pipiku. Ketika itu aku sedang dalam perjalanan menuju ke rumah nenekku. Tubuhku terasa letih dan tidak bermaya kerana aku baru sahaja pulang dari aktiviti luar darjah.

Tiba sahaja di kolong flat nenekku, aku terasa seperti tidak terdaya untuk menaiki tangga hingga ke tingkat lima lalu aku mengambil keputusan untuk menaiki lif. Aku pun menekan butang lif dan menunggu. Ketika itu aku hanya bertemankan seorang wanita Tionghua separuh umur dan dua orang anaknya dan juga seorang lelaki Tionghua yang sudah berumur.

Akhirnya lif yang ditunggu pun tiba. Kami pun melangkah masuk. Aku merupakan orang yang terakhir sekali melangkah kaki masuk ke dalam lif itu. Dengan lemah, aku menekan butang lif yang tersedia. Aku menekan butang nombor enam dan sebelas.

Walaupun aku sudah menekan butang pintu lif tidak juga tertutup. Baru sahaja aku hendak keluar, pintu lif pun tertutup dengan bunyi yang lain dari biasa. Tiba-tiba ia terhenti secara mendadak. Semua yang berada dalam lif didapati kecemasan. Tetapi aku menepis perasaan itu dan meyakinkan diriku bahawa tidak ada apa-apa musibah yang akan berlaku.

Apabila lif mula bergerak, kami semua mula berasa lega. Namun perasaan kami menjadi hambar, apabila lampu lif mula berkelip-kelip. Kanak-kanak di dalam lif itu mula merengek dan menangis. Ibu mereka cuba sedaya upaya untuk memujuk anak-anaknya. Namun sia-sia sahaja. Aku pula bagaikan orang kebingungan, tidak tahu berbuat apa-apa. Orang tua itu pula mula bercakap dalam bahasa Mandarin seolah-olah bertanya dengan cemas apa yang telah berlaku. Dalam keadaan yang kecoh itu, aku terdengar bunyi dentuman dan lif tersebut terus berhenti. Lampu lif dan sistem pernafasan di dalam lif juga mati serta-merta.

Aku tersentak. Untuk seketika. Peluh sejuk mula menyelubungi tubuhku. Aku segera menekan butang kecemasan untuk beberapa kali untuk meminta bantuan. Melihatkan tiada respons di luar, aku pun mengetuk pintu lif dengan kuat sambil menjerit supaya orang di luar dapat menyelamatkan kami. Tangisan kanak-kanak yang tadinya perlahan sekarang kedengaran begitu kuat dan nyaring. Gegendang telingaku seakan-akan hampir pecah dibuatnya. Aku berasa sungguh cemas.

Ketika itu, aku mati akal. dan hanya mampu berdoa di dalam hati. Selepas beberapa minit, keadaan semakin panas dan tangisan kanak-kanak semakin menjadi. Aku rasa sungguh panas dan tidak selesa. Payah juga hendak kubernafas di dalam lif yang sempit.

Setelah beberapa lama memekik meminta tolong, tubuhku terasa letih. Kami semua bagaikan berada di hujung dunia. Tiada jalan keluar lagi hendak menyelamatkan diri masing-masing. Ketika itu aku terdengar hembusan nafas yang kuat. Bunyinya seperti orang yang sedang semput bernafas, mungkin lelaki tua itu. Tiba-tiba jeritan lelaki tua itu memecah kesunyian malam. Jeritannya diikuti pula oleh bunyi dentuman yang membuatkan lif itu bergoyang sedikit. Kami yang berada di dalam lif itu semua

tergamam. Aku semakin cemas dan seperti mahu menangis. Dari jeritannya, orang tua itu seolah-olah sedang bertarung dengan malaikat maut. Aku tidak dapat berbuat apa-apa kerana keadaan gelap-gelita.

Tiba-tiba kami terdengar bunyi seolah-olah pintu lif sedang dibuka secara paksa. Cahaya lampu dapat dilihat di bahagian lif pintu yang terbuka. Hatiku rasa gembira tidak kepalang. Kanak-kanak itu masih menangis teresak-esak. Apabila pintu lif berjaya dibuka, aku ternampak ramai orang tercegat di pintu lif bagai menantikan satu persembahan.

Ibu dan kanak-kanak yang tadinya menangis teresak-esak dengan pantas melangkah keluar dari lif tersebut. Aku menoleh ke belakang dan melihat orang tua itu terbaring dengan tangan kanannya memegang dada kirinya. Aku rasa kasihan terhadap dirinya. Pasukan keselamatan pun membawa orang tua itu ke hospital. Setelah segalanya selesai dan aku selamat keluar dari lif itu, aku pun membuka langkah seribu memanjat tangga ke rumah nenekku.

Aku bertekad biarpun seletih mana yang aku rasa aku tidak akan menaiki lif itu lagi. Aku lebih rela menaiki tangga. Untuk orang tua itu, aku hanya dapat berdoa yang terbaik untuk dirinya. Kini, aku pun sudah tidak terserempak dengannya bila aku ke rumah nenekku. Mungkin sudah serik agaknya. Tiada siapa yang tahu. Walau apa pun aku bersyukur kerana terselamat dari bahaya. Semoga apa yang terjadi dapat ku jadikan iktibar bagi meneruskan hidupku. Kini aku lebih rajin menggunakan tangga dan tubuhku bertambah sihat. Semuanya gara-gara terperangkap dalam lif.

Contoh 6

Baru-baru ini kamu telah menaiki kereta api Sistem Gerak Cepat. Gambarkan perkara-perkara yang kamu lihat semasa menaiki kereta api Sistem Gerak Cepat (MRT) pada hari-hari biasa.

Sudah dua jam aku menghabiskan masa bersama Razman di perpustakaan Toa Payoh. Kini tibalah masanya aku pulang ke rumahku di Bukit Batok. Razman menemaniku ke stesen MRT Toa Payoh. Perjalanan ke stesen MRT Toa Payoh mengambil masa kira-kira 10 minit. Seperti kebanyakan stesen, stesen MRT Toa Payoh terletak di pusat kawasan estet perumahan HDB dan berfungsi menyediakan keperluan pengangkutan khususnya kepada penduduk berdekatan.

Keadaan di stesen MRT Toa Payoh agak sesak. Ramai orang sedang menunggu ketibaan kereta api MRT untuk ke destinasi masing-masing. Pelbagai ragam ditunjukkan oleh mereka. Ada yang duduk, ada yang berdiri, ada yang berjalan, dan ada yang berlari.

Tepat jam 9.00 malam kedengaran pengumuman tentang ketibaan kereta api MRT dari arah timur. Semua penumpang diminta menjauhkan diri dari landasan serta bersiap sedia untuk menaiki kereta api MRT. Orang ramai menumpukan pandangan ke arah kereta api itu. Mereka kulihat beralih ke tepi untuk memberi laluan kepada para penumpang yang baru tiba.

Selepas itu, aku dan penumpang-penumpang yang lain segera menaiki kereta api tersebut dan mencari tempat duduk masing-masing. Kami berebut-rebut bagaikan semut mendapat gula untuk mendapatkan tempat duduk yang terdekat.

Ketika di tempat duduk, aku melihat seorang nenek dan cucunya yang berusia lebih kurang 3 tahun menaiki keretapi itu. Dia sedang mencari-cari tempat duduk. Kasihan aku lihat perempuan tua itu.. Termengah-mengah memimpin cucunya sambil membawa bakul yang sarat dengan barang keperluan. Mungkin dari pasar agaknya. Sungguh tidak berperikemanusiaan! Aku bangun lantas mempelawanya duduk.

Keretapi yang dinaiki itu bergerak agak perlahan. Aku berasa bosan sekali. Untuk menghilangkan rasa bosan aku memerhatikan orang-orang di sekelilingku. MRT yang aku naiki itu tak ubah seperti sebuah pasar raya. Maklumlah hari biasa dan waktu pejabat pula, ramai para pekerja hendak ke tempat kerja. Para pelajar pula sibuk untuk ke sekolah. Ada yang berbual-bual dengan suara yang kuat dan ada pula yang berbisik-bisik seolah-olah hendak merahsiakan percakapan mereka. Terdapat juga segelintir para pelajar yang duduk bersila di lantai tanpa segan-silu. Mereka langsung tidak mepedulikan

pandangan sinis orang sekeliling. Seseekali terdengar derai ketawa dari arah mereka. Entah apa yang melucukan hati mereka, tidak dapat aku teka.

Dalam pada itu, ada juga kelihatan penumpang yang berwajah sedih dan murung. Mungkin mereka baru saja ditinggalkan kekasih ataupun baru saja dibuang kerja kerana kegawatan ekonomi. Orang yang berbuat seperti aku, yakni yang memerhatikan gelagat orang lain pun kelihatan juga.

Ada juga yang kulihat kerap menilik jam tangan. Keresahan jelas terbayang di wajah mereka. Apa-apa saja yang dibuat serba tidak kena. Sekejap mereka berdiri, sekejap mereka duduk, dan ada kalanya mereka berjalan mundur-mandir. Mungkin orang yang dinanti lewat tiba atau mungkin mereka sudah hilang sabar menunggu kereta MRT sampai ke destinasi masing-masing.

Ada juga kulihat pelajar-pelajar yang asyik membelek-belek buku pelajaran mungkin untuk menghilangkan rasa bosan ketika dalam perjalanan. Kedengaran juga suara kanak-kanak menangis. Kemungkinan kanak-kanak itu menangis kerana rimas dengan keadaan yang panas dan sesak pada ketika itu. Lagipun sudah semakin ramai penumpang di dalam MRT itu. Bagaikan nak pecah gendang telinga. Aku dapat melihat seorang kanak-kanak menanggalkan baju yang dipakainya. Geli juga hatiku apabila melihat telatahnya.

Nun jauh di suatu sudut kelihatan juga beberapa orang pelancong di dalam MRT itu. Ada yang bersendirian, ada juga yang berpasangan, dan ada juga yang berkumpul. Gelagat mereka pun berbeza-beza, seperti orang setempat juga. Ada yang bercakap-cakap dengan teman. Ada juga yang bergelak ketawa dalam bahasa yang kedengaran aneh dan melucukan. Ada juga yang sedang asyik meneliti brosur Lembaga Penggalak Pelancong Singapura atau STPB tentang tempat-tempat menarik di Singapura. Mana-mana yang menghadapi masalah pula kulihat rajin benar menanyakan sesuatu kepada sesiapa saja yang berdiri berdekatan dengan mereka.

Akhirnya, aku berpeluang berehat setelah tempat duduk di hadapanku dikosongkan. Kebetulan pula tempat dudukku terletak di tepi tingkap. Dalam perjalanan ke rumah, aku terbayangkan masa depanku. Aku bayangkan apa yang akan aku lakukan setelah tamat persekolahan. Ayah dan ibu pasti gembira jika aku lulus dan layak ke maktab rendah. Maktab Rendah Temasek merupakan pilihan utamaku. Ya! Aku akan berusaha gigih bagi mencapai cita-citaku. Setelah sampai ke destinasi, aku pun terus bergegas pulang ke rumah.

Contoh 7

Setiap orang pasti akan mengalami peristiwa yang payah dilupakan. Gambarkan peristiwa tersebut dan perasaan kamu.

Hari itu aku ke sekolah seperti biasa. Sepanjang perjalanan ke sekolah, ingatanku tertumpu pada ibu yang terlantar di hospital. Sudah dua hari ibu di wad kecemasan. Ibu masih tidak sedarkan diri. Semalam, aku menangis sungguh-sungguh apabila melihat keadaan ibu. Hariku bertambah sedih dan hiba apabila teringat akan dua orang adikku yang masih kecil.

Aku terkejut apabila Cikgu Asiah memberitahuku bahawa bapa saudaraku datang untuk menjemputku pulang. Hatiku berdebar-debar. Terasa ada sesuatu yang tidak baik berlaku kepada ibuku. Namun begitu, aku cuba memadamkan apa-apa yang terlintas di fikiranku. Aku benar-benar berharap agar perkara yang kutakuti selama ini tidak berlaku.

Bapa saudaraku diam saja. Dia tidak bercakap walau sepele kata pun denganku. Apabila sampai di rumah, kulihat banyak orang yang berada di rumahku. Yang perempuan kulihat berselendang atau bertudung. Yang lelaki kebanyakannya bersongkok atau berketayap. Masing-masing khusyuk membaca al-Quran. Lalu, aku dapat meneka yang sebenarnya telah berlaku. Ingin saja aku meraung ketika itu. Namun, akalku dengan segera dapat menenangkan perasaanku. Aku mencari-cari ayah untuk mendapatkan kepastian tentang perkara yang sebenarnya berlaku.

Apabila ternampak akan diriku, ayah pun melangkah. Dari belakang ayah kulihat kakak, abang, dan adik-adik meluru ke arahku sambil menangis. Kakak memelukku sambil memberitahu bahawa ibu telah meninggalkan kami semua. Ibu telah meninggal dunia. Aku sukar mempercayai kata-katanya. Perkara yang paling aku takuti selama ini benar-benar telah terjadi. Pada saat itu juga dadaku terasa sebak dan tanpa aku sedari air mataku keluar dan mengaburi pandanganku dan akhirnya mengalir perlahan-lahan membasahi pipiku dan setitik dua jatuh ke baju. Suara tangisku mula kedengaran dan pada suatu ketika aku hampir tidak dapat mengawal perasaan sendiri kerana sukar untuk menerima kenyataan yang pahit itu.

Aku masuk ke bilik tempat jenazah diletakkan. Kelihatan seujur tubuh yang sejuk dan kaku terbaring di atas katil. Pandanganku kabur lagi kerana menahan air mata. Kuhampiri jenazah ibu. Kupeluk ibu dengan penuh rasa kasih sayang. Wajahnya yang pucat itu seolah-olah tersenyum manis. Aku seolah-olah tidak percaya akan apa-apa yang kulihat dan kusentuh ketika itu. Aku tidak percaya bahawa ibu akan secepat itu pergi meninggalkan kami. Namun panggilan maut daripada Tuhan memang tidak dapat ditahan.

Hatiku bertambah pilu apabila melihat saudara-maraku menangis. Kupeluk kedua-dua orang adikku yang masih kecil. Mereka masih belum mengerti apa-apa. Pada usia yang masih kecil begitu, merekatalah kehilangan belaian kasih sayang seorang ibu. Pandangan, renungan, dan simpati yang ditunjukkan oleh orang-orang yang datang menziarahi jenazah ibu menyebabkan hatiku bertambah sedih dan hiba. Aku cuba menenangkan perasaan dengan membaca ayat-ayat suci al Quran.

Semasa jenazah ibu dimandikan dan dikafankan aku, kakak, adik-adik, dan ayah berkumpul. Ayah tidak menangis, tetapi wajahnya muram dan bersedih. Kakak dan abang menangis tidak henti-henti. Sebelum jenazah disembahyangkan, kami diberi peluang untuk mengucup wajah ibu buat kali terakhir. Sementara menunggu giliran aku mengucup dahi ibu, aku menatap wajahnya lama-lama.aku tahu selepas ini wajah ibu tidak akan ada lagi di hadapanku kecuali dalam ingatanku.

Kakak dan abangku pengan ketika mengucup dahi ibu. Mereka terpaksa diangkat oleh orang-orang yang berada di situ. Aku hanya memperhatikan mereka sambil memperkukuh semangatku yang hampir luluh. Kemudian, dengan hati-hati aku mengucup dahi ibu sambil menahan air mataku agar tidak menitik ke atas dahi ibu. Dingin sekali dahi ibu. Alangkah sukarnya untuk melepaskan seseorang yang disayangi daripada pergi apabila kita tahu bahawa ia tidak akan kembali lagi.

Aku mengiringi jenazah ibu hingga ke tanah perkuburan. Perlahan-lahan keranda ibu dimasukkan ke liang lahad. Selepas taklin dibacakan, orang ramai beransur-ansur meninggalkan tanah perkuburan itu. Aku masih tidak bergerak dari kubur ibu. Berat rasa hatiku untuk melangkah meninggalkan tempat itu. Berbagai-bagai perasaan bercampur-baur dalam diriku.

Akhirnya aku meninggalkan tanah perkuburan itu setelah dipujuk oleh ayah. Aku melangkah lemah sambil mengesat sisa-sisa air mata. Mataku bengkak kerana terlalu banyak menangis. Baru aku sedar bahawa sejak pulang dari sekolah tadi, aku masih belum bertukar pakaian. Dan sejak pagi aku belum lagi menjamah apa-apa. Perutku terasa kenyang dan semua yang berlaku terasa seperti dalam mimpi.

Untuk pertama kalinya dalam hidupku, aku berasa begitu sunyi. Kematian ibu yang merupakan orang yang paling kusayangi tidak mungkin dapat kucari ganti. Seandainya aku diberi pilihan, mahu rasanya aku mati dahulu. Sehingga kini aku masih tidak dapat melupakan peristiwa itu. Setiap kali mengingati peristiwa itu, setiap kali itulah air mataku bergenang. Semoga Tuhan mencucuri roh ibu dengan rahmat-Nya.

Contoh 8

Perasaan benci pada seseorang berubah kerana satu peristiwa yang tidak dapat kamu lupakan. Ceritakan pengalaman, perasaan dan pengajaran yang kamu peroleh daripada peristiwa itu.

Aku amat terharu. Aku tidak menyangka bahawa orang yang selama ini aku benci sanggup menghulurkan bantuan kepadaku. Kini, aku sedar bahawa aku tidak harus mementingkan diri sendiri dan jangan salah sangka terhadap orang yang aku benci.

Lima tahun yang lalu, seorang wanita bernama Mia telah ditimpa kemalangan semasa menunggang motornya. Kemalangan itu berlaku semasa waktu sibuk. Jalan raya padat dengan kenderaan. Maklumlah, waktu pulang dari kerja. Ketika itu, aku sedang memandu. Aku telah memberhentikan keretaku di tepi jalan raya untuk menolongnya. Keadaan Mia agak teruk. Tangan dan kakinya lebam dan luka-luka. Tanpa berlengah, aku telah bergegas membawa Mia ke Hospital Besar Singapura.

Semasa di hospital, Mia terus dihantar ke bilik operasi. Tiga jam Mia berada dalam bilik operasi. Apabila Mia mula sedar, aku bertanya kepada Mia apakah yang terjadi. Hairannya, Mia terus memarahi aku kerana menolongnya. Mia berkata bahawa dia berasa sungguh tertekan dengan kehidupannya yang tidak habis-habis ditimpa dengan pelbagai masalah.

Setelah mendengar penerangan Mia, aku mencari telefonnya dan menghubungi ibu bapanya. Aku berbual dengan ibu bapanya dan menerangkan keadaan Mia. Mereka terkejut namun bersyukur kerana Mia selamat. Kemudian, aku pulangkan barang-barang peribadi kepada Mia. Aku jelaskan kepada Mia yang dia belum boleh pulang dan harus duduk di hospital sehari dua sehingga doktor mengesahkan yang dia sihat. Mia menjadi lebih marah dengan penjelasanku. Timbul rasa marah dalam hatiku, namun aku tenang saja kerana memikirkan keadaan Mia yang belum sihat.

Setengah jam kemudian, ibu bapa Mia tiba di hospital. Aku membawa mereka ke bilik Mia. Sambil berjalan, mereka menceritakan tentang masalah Mia di rumah. Kata mereka, akhir-akhir ini kelakuan Mia agak ganjil dan aneh. Mia kerap bercakap tentang ingin mati, bunuh diri dan sebagainya. Malah, Mia telah ditangkap melukakan lengannya dengan pisau cukur, pembaris besi dan sebagainya. Aku mendengar dengan teliti sambil mengangguk-anggukkan kepala. Rasa simpati merayap ke lubuk hatiku.

Sesampai sahaja mereka di bilik Mia, Mia terus memaki hamun ibu bapanya tanpa segan silu. Meluap-luap rasa marah dan benci ke jantungku. Kalau ikutkan hatiku yang marah hendak saja aku tampar muka Mia yang begitu biadab terhadap ibu bapanya. Aku sendiri tidak pernah bersikap sedemikian. Kesian sungguh aku melihat reaksi ibu bapa Mia. Rasa kesal singgah di hatiku. Kesal memberi bantuan kepada orang yang tidak tahu menghargai kebaikan orang lain. Aku menghampiri ibu Mia dan menghulurkan sapu tangan untuk mengesat air mata yang berlinangan daripada pipinya yang berkedut seribu. Aku mohon mereka bersabar dan banyak berdoa agar Mia sihat seperti sedia kala.

Aku lihat pada jam tangan. Hari sudah agak lewat. Aku mohon minta diri dan terus keluar dari bilik tersebut, meninggalkan Mia bersama ibu bapanya. Aku ingin pulang ke rumah kerana aku berasa sungguh marah dan kecewa. Ketika itu, doktor masuk ke bilik. Aku terdengar perbualan mereka. Kos pembedahan perlu dilunaskan dan keluarga Mia menghadapi masalah kewangan. Aku bersimpati terhadap ibu bapa Mia yang terpaksa menanggung kos perubatan dan terapinya. Walaupun aku benci Mia, aku bertekad untuk membantu mereka melunaskan bil hospital Mia. Tanpa pengetahuan ibu bapa Mia, aku terus kaunter dan membuat pembayaran dan terus pulang. Itu kali pertama dan terakhir aku menemui Mia dan ibu bapanya.

Sejak itu, aku tidak tahu perkembangan Mia. Lima tahun berlalu, perniagaan keluargaku mula mengalami masalah kewangan disebabkan keadaan ekonomi yang tidak menentu. Perniagaan keluargaku begitu terjejas sehingga hampir-hampir mufli. Tidak cukup dengan itu, ayahku yang tersayang tiba-tiba jatuh sakit. Serangan jantung berlaku kerana ayah begitu terkesan dengan keadaan syarikat yang hampir mufli. Aku berasa tertekan namun sedar perlu bersikap rasional. Yang penting ayah perlu diberi rawatan pakar dan itu yang utama. Aku membawa ayahku ke Pusat Jantung di Hospital Besar Singapura untuk mendapatkan rawatan pakar. Atas nasihat doktor pakar, ayah perlu menjalani operasi secepat mungkin kerana keadaan jantungnya yang semakin lemah. Aku sedar kos rawatannya amat tinggi. Namun, aku rela kerana aku hanya ada seorang ayah.

Keesokan hari, aku dan keluargaku melawat ayahku di hospital. Seorang jururawat bernama Maya telah memanggilku dan berkata bahawa doktor pakar ayahku mahu berjumpa denganku untuk berbincang tentang penyakit ayah. Aku terus bergegas ke bilik doktor. Apabila aku tiba di daun pintu bilik doktor, matakul terpendang nama yang tertera di pintu, 'Doktor Mia'. Macam pernah dengar nama tu, tapi di mana?

Pintu kuketuk dan aku bergegas masuk. Fikiranku kosong kerana di benak mindaku ialah ingin tahu perkembangan ayahku dengan lebih lanjut. 'Doktor Mia', menyambut kedatanganku dengan senyuman mesra. Aku amati wajah 'Doktor Mia'. Aku terkejut dan tersentak seketika. Betulkah Mia? 'Doktor Mia' menjemputku duduk dan berbincang denganku tentang operasi dan keadaan ayahku. '

Doktor Mia' telah membantu membayar kos rawatan ayahku. Aku berasa sungguh bersyukur kerana Tuhan telah memberi pertunjuk kepada Mia. Mia telah berubah menjadi seorang yang lebih baik. Aku tidak sangka orang yang aku benci telah berjaya menjadi seorang doktor dan telah berjaya mengoperasi ayahku. Aku tidak sangka Mia sanggup menolongku pada saat aku berada dalam kesusahan.

'Doktor Mia' mengucapkan terima kasih kepadaku atas bantuan yang diberikan kepadanya lima tahun yang lalu. Menurut beliau, dengan doa dan kesabaran ibu bapa serta bantuan kaunselor, beliau berjaya mengatasi masalah tekanan secara bijak. Beliau banyak menghabiskan masa beribadat, berdoa dan berusaha untuk kembali normal. Beliau ke London dan melanjutkan pelajaran dalam bidang kedokteran bahagian jantung. Ini kerana ayahnya pesakit jantung. Empat tahun berada di London bersama ibu bapanya memberi beliau peluang bekerja di hospital di sana. Selain menimba pengalaman baharu, beliau juga berpeluang membantu menjaga ayahnya hingga pulih.

Beberapa bulan kemudian, ayahku semakin sihat dan perniagaan kami pulih dan semakin meningkat. Bantuan daripada Mia telah meringankan beban kewangan yang melanda aku sekeluarga. Aku sedar hidup ini ibarat roda yang berputing. Kadangkala senang kadangkala susah. Namun, kita perlu yakin, Tuhan akan memberi jalan untuk mengatasi setiap masalah. Sesungguhnya, setiap musibah yang menimpa ada hikmahnya. Kita harus sabar dalam mengharungi setiap musibah. Seperkara lagi, aku sedar bahawa aku tidak harus ada perasaan prasangka buruk terhadap sesiapa.

Buat Doktor Mia dan keluarga, terima kasih atas bantuan yang diberi. Sesungguhnya, hutang emas boleh dibayar, hutang budi dibawa mati. Jasa baik Mia tidak dapat ditukar ganti dengan wang ringgit setinggi Gunung Everest, sebaliknya akan dikenang hingga mati.

Farah Khamis (4-2) (HGV)

Contoh 9

Kamu sedang berada dalam gerabak MRT apabila dua orang remaja mula bertengkar dengan kuat serta menggunakan bahasa yang kesat. Secara kebetulan kamu duduk di antara mereka berdua. Gambarkan pengalaman dan perasaan kamu sepanjang pertengkaran mereka.

Aku dan Razzrul berada dalam MRT. Aku bertanya Razzrul, jika Encik Osman hadir ke sekolah pada hari itu. Tapi sayang, Razzrul hanya diam sahaja. Kami sedang menunggu kereta api MRT. Suasana di stesen Yishun pagi itu sangat sesak. Kedengaran perbualan pelbagai bahasa daripada pelbagai bangsa yang hadir di stesen itu dengan tujuan untuk ke kerja atau ke sekolah.

Pelbagai warna dan bentuk pakaian dapat dilihat di stesen tersebut. Macam pentas fesyen. Sudah enam minit aku menunggu ketibaan kereta api, namun belum hadir. Rasa bosan mula merayap dalam jiwaku. Aku bercadang untuk menghidupkan telefon bijakku untuk ke media sosial kerana sudah bosan menanti ketibaan kereta api yang bagaikan 'buah tidak jatuh'. Perasaan marah, keliru dan takut berkecamuk dalam dadaku.

Tanganku masuk ke kocek kanan di seluarku untuk mendapatkan telefon bijakku. Baru sahaja kuhendak mengeluarkan telefonku, terasa angin menderu menyentuh seluruh badanku. Rupa-rupanya, kereta api yang lama dinanti akhirnya tiba. Apabila pintu kereta api terbuka, udara dingin menjemputku. Segar rasanya. Penumpang di belakangku terus menolakkku tidak sabar lagi untuk masuk dengan harapan untuk mendapat tempat duduk kerana sudah letih menunggu. Mataku terpaku kepada sebuah tempat duduk yang terletak di sebelah pintu gerabak keretapi. Aku terus bergegas secepat mungkin untuk mendapatkan tempat tersebut. Malangnya, kawanku tidak mendapat tempat duduk dan harus berdiri.

Baru sahaja aku hendak merihatkan mataku, kedengaran suara pekikan seorang lelaki yang sangat kuat. Begitu dekat denganku. Telingaku tertarik dengan suara pekikan itu. Terkejut aku dibuatnya apabila aku membuka mataku yang terasa silau kerana pancaran cahaya lampu gerabak. Pekikan itu kepunyaan seorang penumpang lelaki dewasa di sebelahku. Seorang penumpang dewasa yang berpakaian baju kemeja hijau sebelah kiriku sedang memandangi ke arah remaja lelaki yang duduk di sebelah kananku yang kelihatan tersipu-sipu malu dan gelisah seolah-olah telah melakukan satu kesalahan yang besar.

Penumpang dewasa yang berkemeja hijau itu memekik meluahkan kemarahannya kepada remaja tersebut sekali lagi. Keadaan gerabak kereta api yang mula-mulanya penuh dengan bisikan lembut penumpang-penumpang lain mula berkurangan. Ramai yang mula diam atau beralih ke gerabak lain. Penumpang dewasa berkemeja itu memekik lagi dengan suara yang keras dengan kata-kata kesat. Remaja lelaki yang awal tadi malu-malu mula kelihatan bengis dan menjawab balik pekikan lelaki dewasa tadi dengan bahasa yang kurang sopan. Mereka berdua mula bertikam lidah. Seolah-olah sedang berpantun. Setiap pantun yang dijual oleh penumpang dewasa dibeli oleh remaja dengan kata-kata yang kesat. Mereka begitu seronok bermaki-hamun tanpa menghiraukan tentang kehadiran pelajar-pelajar di dalam gerabak kereta api. Aku cuba mencari rakanku tetapi dengan keadaan kereta api yang sesak itu, mataku gagal menemuinya.

Aku mula berasa tidak selesa, cemas dan takut. Jantungku berdetak dengan pantas sepiantas kereta api. Aku rasakan seolah-olah jantungku hampir tercampak keluar daripada dadaku seperti makhluk zombie yang keluar dari kuburnya dalam filem seram. Seorang pelajar yang berdiri di hadapanku memandangi ke arahku. Daripada raut wajahnya, pelajar itu seolah-olah mengisyaratkan bahawa aku kelihatan pucat. Aku benar-benar tidak mahu menjadi saksi kepada pertengkaran pagi itu. Kalau aku tahu ini akan berlakukan lebih baik aku naik bas sahaja. Rasa kesal menyusup ke benak mindaku.

Mataku terus mencari rakanku. Akhirnya, mataku terpaku pada wajah yang aku kenali. Kawanku mengisyaratkan yang stesen seterusnya adalah stesen kami. Namun, pertengkaran antara penumpang dewasa dengan remaja sebelah kanan dan kirikuku belum reda lagi, mereka masih berpantun. Tidak seorang pun yang hendak mengalah. Mereka terpekik-pekik seperti orang pekak dengan maki-hamun. Mereka seperti tidak ada perasaan malu langsung terhadap para penumpang yang lain. Ada beberapa penumpang yang buat bodoh saja. Masing-masing sibuk dengan telefon bijak mereka. Ada yang cuba merakam kejadian tersebut. Ada juga yang cuba hendak memberi nasihat agar mereka berdua berhenti bergaduh. Namun, tidak ada yang mahu mengambil risiko ditampar atau dimaki oleh penumpang dewasa dan remaja yang sedang bertengkar.

Perasaan cemas menggunung apabila penumpang dewasa mula semakin dekat dengan tempat dudukku. Jantungku bagai hentak tercabut apabila remaja lelaki itu tiba-tiba bangkit dari tempat duduknya dan berdiri di hadapan aku dan penumpang dewasa. Dengan gaya orang yang sedang dirasuk kemarahan, dia meluru ke arah penumpang dewasa dan menarik bajunya sambil bertanya apa yang dia rasa tidak puas hati. Aku yang masih duduk berasa begitu kerdil. Mereka berdua berdiri di hadapanku.

Penumpang dewasa mula menolak remaja ke belakang. Kedua-dua mula menggunakan tangan, siku, kaki dan sebagainya. Aku terus bangkit dan dengan pantas berdiri di tepi pintu. Rasa takut dan cemas semakin bertambah dalam dadaku. Aku hanya mampu berharap bahawa pertengkaran akan berhenti. Bintik-bintik peluh sejuk mula membasahi dahiku. Para penumpang yang berada di gerabak itu mula bergerak jauh. Kelihatan mereka berdua sedang beraksi dengan pelbagai gaya dan sepak terajang. Tiba-tiba kedengaran suara keras dari pembesar suara yang memberi amaran kepada mereka berdua agar berhenti. Beberapa orang pegawai keselamatan dan polis sedang dalam perjalanan ke gerabak tersebut.

Apabila kereta api berhenti dan pintu gerabak terbuka luas, aku terus melompat keluar. Aku terus bergegas mengikuti rakanku dari belakang. Aku tidak toleh untuk melihat apa yang berlaku dalam gerabak kereta api. Aku rasa begitu lega. Syukur. Jantungku yang tadi berdetak dengan cepat, kini seperti biasa. Alhamdulillah, tuhan telah selamatkan aku daripada musibah tadi. Kejadian tadi benar-benar mengajarku agar jangan terlalu mengikut nafsu marah. Rasanya jika remaja tadi terus berdiam atau keluar dari gerabak, maka pertengkaran tadi dapat dielakkan. Tindakan penumpang dewasa juga agak keterlaluan. Sepatutnya

dia mengalah. Malangnya tiada siapa yang hendak mengalah. Masing-masing hendak berlagak kuat. Harapanku pada masa akan datang tidak akan mengalami kejadian yang serupa.

Mohammad Yussof B Mohammad R (5-1) (HGV)

Contoh 10

Rakan kamu sedang membuat penyampaian di kelas. Kamu dan rakan-rakan kamu yang lain sedang menumpukan perhatian pada penyampaian. Tiba-tiba, kedengaran jeritan. Peristiwa yang tidak disangka-sangka berlaku. Terangkan peristiwa tersebut dan perasaan kamu tentang peristiwa itu.

Langit menjadi mendung dan awan hitam berarak perlahan. Hujan renyai tiba-tiba menitis di atas permukaan bumi. Perkhemahan cuti sekolah akan tiba tidak lama lagi. Guru menyuruh ketua kelas membuat penyampaian. Penyampaian untuk mengingatkan kami sekelas tentang barang-barang yang harus dibawa pada hari perkhemahan. Kilat mula sabung-menyabung dan tidak semena-mena hujan merintik dengan agak deras. Ketua kelas terpaksa melantunkan suaranya untuk memberi penyampaian tersebut.

Aku dan rakan-rakan lain sedang menumpukan segala perhatian kami pada penyampaian ketua kelas. Suasana yang sepi dipecahkan oleh suara titisan air hujan yang lebat dan suara ketua kelas yang sedang memberi penyampaian. Percikan manik-manik hujan yang menghunjam bumi dengan penuh irama sungguh menenangkan jiwa apabila didengari. Kesejukan angin yang menderu-deru membuat badanku menggigil kesejukan.

Tiba-tiba, kedengaran jeritan yang datang dari luar kelas. Meremang bulu romaku akibat jeritan bernada tinggi itu. Semua orang di dalam kelas terkejut. Suara jeritan itu datang daripada seorang pelajar perempuan. Guru keluar dari bilik darjah untuk menyiasat punca jeritan itu. Aku juga ingin tahu punca jeritan itu telah mengikut guru keluar dari bilik darjah. Aku dan guru tercari-cari sumber jeritan yang bernada tinggi itu.

Kami terjumpa dengan seorang pelajar perempuan bernama Rina. Dia sedang duduk di atas lantai sambil menangis teresak-esak. Aku cuba memujuk Rina tetapi gagal. Dia masih bernangis. Aku menanya mengapa dia menangis, tiada jawapan. Dia hanya menunjuk jarinya ke arah luar. Terdapat jeritan lagi dari tingkat pertama. Jeritan itu amat kuat, aku yang berada di tingkat empat boleh mendengar jeritan itu.

Aku menjenguk ke bawah untuk mengetahui siapa yang menjerit. Ada ramai pelajar sedang berkumpul sambil menunduk kepala mereka memandang ke lantai. Seperti mereka sedang melihat sesuatu di tengah kumpulan itu. Aku hairan, walaupun hujan lebat, terdapat ramai pelajar sedang berkumpul di tingkat bawah. Lalu aku dan guru bergegas ke tingkat pertama untuk menyiasat. Kami telah meninggalkan Rina sendirian.

Bila tiba di tingkat pertama, suasana riuh-rendah. Ada kekecohan dalam kalangan para pelajar yang telah berkumpul sekitar sesuatu. Bajuku menjadi basah-kuyup sehingga melekat pada kulit akibat percikan manik-manik hujan yang menghunjam bumi dengan penuh irama. Aku pergi melalui orang ramai untuk mengetahui apa yang mereka sedang melihat.

Apabila aku sampai ke pusat kumpulan itu, ada sesusuk tubuh yang berdarah berada di atas lantai. Aku terkejut apabila aku melihat muka orang itu. Aku kenal orang yang terlentang di atas lantai itu yang tidak menyedarkan diri. Mukanya seiras dengan muka Rina. Wajah muka aku menjadi pucat bagaikan baru sahaja ternampak hantu. Meremang bulu romaku. Tubuh Rina tidak bergerak. Darah pekat merah seperti warna mawar berlinang dari kepalanya.

Dia telah terjatuh dari tingkat empat bangunan itu. Aku keliru dan berasa takut kerana aku baru sahaja berjumpa Rina yang sedang menangis di tingkat empat bangunan itu seketika tadi. Aku dapat merasakan bahwa rohnya seperti mahu memberitahu diriku sesuatu. Seorang guru telah menghubungi ambulans. Tidak lama kemudian, bunyi siren polis kedengaran. Sebuah van ambulans dan beberapa buah kereta polis tiba di sekolah.

Pegawai polis yang bertugas menggunakan pita polis untuk mengepung kawasan tersebut. Kami semua disuruh keluar dari kawasan yang dikepung. Rina disahkan telah meninggal dunia oleh pegawai forensik bertugas. Tubuh badan Rina diletakkan dalam sebungkus beg hitam lalu diusung masuk ke dalam van ambulans oleh jururawat yang bertugas.

Aku merenung jauh, tidak mengendahkan tentang suasana yang riuh-rendah. Ada pelajar yang menangis tersedu-sedu dan ada juga yang trauma dengan kejadian tersebut. Guru-guru dan pasukan trauma cuba menenangkan pelajar-pelajar tersebut. Aku sedang berfikir tentang kelakuan Rina sehingga dia sanggup membunuh diri.

Beberapa hari sebelum kejadian ini berlaku, Rina telah memberitahuku tentang masalahnya. Ramai pelajar yang lain telah menghina dirinya. Mereka mengucapkan kata-kata hinaan pada dirinya. Ada yang mengejek yang dia bukan presiden pengawas sekolah yang terbaik. Rina sungguh terjejas dengan kata-kata hinaan itu. Namun, aku tidak terlalu mengendahkan hasratnya kerana aku tahu dia tidak akan sanggup mencederakan dirinya dengan hanya kata-kata hinaan oleh pengawas yang lain terhadap dirinya.

Aku kesal. Aku kesal kerana aku tidak mengendahkan diri Rina apabila dia memberitahuku tentang hasratnya yang mahu mencederakan diri. Aku kesal tidak memujuk dirinya. Dia hanya menceritakan semua masalahnya kepadaku saja. Namun, aku, tidak ambil peduli atau prihatin akan hasratnya itu. Aku berasa amat bersalah. Kata-kata hinaan pengawas telah menyumbangkan kepada hasrat untuk mencederakan diri Rina. Terasa sebak di hati ini sambil cuba menahan tangisan. Semoga Rina tabah dan cekal menghadapi setiap dugaan yang mendatang.

Ikhsan 4-2 (HGV)

Contoh 11

Kamu telah terlibat dalam kerja sukarelawan yang dijalankan oleh sekolah kamu. Gambarkan pengalaman dan perasaan kamu.

Aku mendengar penerangan Cikgu Ahmad tentang kerja sukarela yang akan dijalankan dengan sepenuh perhatian. Habis saja Cikgu Ahmad dengan penerangannya, rakan kelas yang di hadapanku terus pusing dan memberitahu bahawa aku sudah boleh mendaftarkan diri untuk kerja sukarela itu. Maklumlah aku dan rakan-rakan selalu melakukan kerja-kerja sukarela sama ada bersama sekolah atau keluarga.

Aku mengambil surat pendaftaran dan baca apa yang diperlukan. Sambil aku membaca keterangan yang tertera, aku teringat akan kejadian yang meninggalkan kesan yang mendalam pada diriku. Walaupun ia berlaku dua tahun yang lalu, ia masih segar dalam ingatan.

Aku sekelas telah pergi ke rumah tumpangan warga emas yang berdekatan dengan sekolah kami untuk kerja sukarela yang sudah disediakan oleh sekolah untuk kami. Sesampai di sana, kelas aku dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan diberitahu apa harus dan tidak harus dibuat apabila berada di bilik warga emas di atas nanti.

Aku dan kumpulan menaiki lif untuk ke bilik yang harus kami pergi. Di dalam bilik itu, ada sekumpulan warga emas yang berbangsa lain dan kami disuruh untuk berinteraksi dan beramah mesra bersama mereka. Kami juga boleh bermain permainan yang kami bawa.

Aku dan seorang rakan dari kumpulan aku cuba memulakan perbualan dengan mereka. Ada yang bercerita tentang keluarga mereka dan bagaimana mereka berada di tempat itu. Mendengar mereka bercerita tentang kehidupan yang dilalui, aku berasa sangat simpati pada mereka.

Aku berjanji pada diriku untuk selalu menjaga keluargaku dan pastikan tiada siapa yang akan tersisih. Sambil aku bersembang dengan mereka, aku ternampak ada seorang warga emas berbangsa cina yang sedang duduk bersendirian menonton televisyen. Aku mendekatinya.

Warga emas cina itu tersenyum apabila perasan yang aku menduduki sebelahnya. Aku bertanya mengapa dia bersendirian bila dia boleh berborak dengan yang lain. Dia menyatakan bahawa dia merindui anak-anak dan cucunya yang sudah lama tidak datang menziarahinya. Katanya lagi, apabila ternampak

kami berkumpul datang ke sini, rasa rindunya terubat. Aku mengajaknya ke meja di belakang kami untuk melukis buku warna-warni yang kami bawa bersama.

Tidak lama kemudian, beberapa lagi warga emas yang mahu melukis juga datang dan berkumpul bersama. Melihat mereka melakukan aktiviti yang kami sediakan dengan penuh semangat membuat aku rasa terhibur dan pada masa yang sama sedih kerana inilah kali pertama dan akhir aku dapat pergi ke tempat tersebut bersama rakan sekolah.

Cikgu Ahmad yang berada bersama kami sejak kami masuk ke bilik itu mula bersuara yang kami akan pulang ke sekolah tidak lama lagi. Kami mula memberikan cenderahati kepada semua warga emas yang berada di tingkat itu. Kami mengucapkan terima kasih kepada pekerja-pekerja di rumah tumpangan warga emas itu kerana memberi kami peluang menimba pengalaman dalam kerja-kerja sukarelawan di sana. Kami rasa bersyukur dan seronok berpeluang berinteraksi bersama warga emas di sini. Kami kemudian berkumpul dengan rakan-rakan daripada kumpulan yang lain dan pulang ke sekolah.

Aku berterima kasih kepada ibu dan bapaku yang telah menyemai rasa cinta pada kerja-kerja sukarelewaan. Ibu dan bapaku telah lama melibatkan diri dalam kerja-kerja amal. Bermula dengan melakukan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan di masjid sehingga ke rumah-rumah tumpangan seperti Darul Ma'wa, Darul Ihsan dan sebagainya.

Aku sedar bahawa sebagai pelajar yang belum bekerja, melakukan kerja-kerja amal merupa cara terbaik bagiku untuk menyumbang kepada masyarakat. Malahan, banyak manfaat yang aku peroleh yang tidak dapat dipelajari daripada buku mahupun bilik darjah. Pengalaman aku di sana, mendidik aku rasa bersyukur dan prihatin terhadap ahli keluargaku dan orang lain, tidak mementingkan diri sendiri sebaliknya harus menghargai setiap orang dan tidak mengambil kesempatan dalam hidup orang lain demi kebahagiaan diri sendiri.

Nur Insyirah Bte Selamat (4-2) (HGV)

Contoh 12

Baru-baru ini, kamu telah melibatkan diri dalam kerja kemasyarakatan. Gambarkan pengalaman dan perasaan kamu semasa melakukan kerja kemasyarakatan tersebut.

15 Februari 2018. 3.30 petang. Hari ini aku dan rakan-rakan sekelaku telah ke Rumah Penjagaan Ren Ci untuk menjalankan projek VIA kami. Kami telah menyediakan aktiviti-aktiviti seperti melipat kertas origami dan juga permainan Catur. Selain itu, kami juga telah berlatih menyanyi beberapa buah lagu yang kami akan mempersembahkan untuk menghiburkan mereka. Rumah jagaan Ren Ci terletak berdekatan dengan sekolah kami jadi setelah tamat waktu sekolah, kami sekelas berjalan ke Rumah Penjagaan Ren Ci.

Apabila kami tiba di rumah penjagaan itu, kami diberi taklimat tentang peraturan di sana dan apa yang patut atau tidak patut dilakukan. Kami dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil untuk berinteraksi dengan warga emas di sana. Setelah selesai taklimat, aku dan kumpulanku naik ke tingkat 3, di mana penduduk wanita berada. Kami diberitahu bahawa ada di antara penduduk di rumah penjagaan itu yang kurang berupaya dan tidak boleh menggerakkan anggota badan mereka. Apabila aku melihat orang-orang tua di sana, aku berasa simpati.

Kami semua, termasuk para penghuni di sana berkumpul di sebuah dewan serbaguna yang terletak di dewan makan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang kami telah sediakan untuk penghuni di sana. Pertama sekali, kami mula dengan aktiviti melipat kertas origami. Tidak semua penghuni rumah ini boleh bertutur atau memahami bahasa Inggeris jadi aku dan rakan-rakanku harus bertutur dalam bahasa Melayu atau Cina untuk berkomunikasi dengan mereka.

Sementara para pelajar sibuk melipat kertas origami mereka, aku ternampak penghuni berkerusi roda yang berada di tepi, sendirian. Aku menuju ke arahnya dan cuba berinteraksi dengannya. Namanya Makcik Fatimah. Tidak seperti penghuni yang lain, Makcik Fatimah pendiam orangnya.

Aku bertanya khabarnya dan beberapa soalan untuk membuatnya selesa denganku. Apabila dia rasa lebih selesa, aku mula mengajarnya melipat kertas origami. Aku mendapat tahu bahawa Makcik Fatimah tidak boleh menggerakkan tangan dan kaki kirinya seteah dia mengalami strok dua tahun yang lalu. Makcik Fatimah mula bercerita tentang hidupnya kepadaku sambil aku menolongnya melipat kertas origami itu.

Makcik Fatimah dihantar ke rumah penjagaan lapan tahun lalu dan kini dia berusia 87 tahun. Sebelum dihantar ke Rumah Penjagaan Ren Ci, Makcik Fatimah tinggal di rumah anak bongsunya. Makcik Fatimah dihantar ke rumah penjagaan kerana anak-anaknya terlalu sibuk dengan kerja dan keluarga masing-masing. Anak-anaknya telah berjanji untuk melawatnya di rumah jagaan setiap bulan. Namun, janji hanya tinggal janji. Janji kosong dan sepi.

Lapan tahun Makcik Fatimah menunggu kehadiran anak-anaknya. Tidak ada satu pun batang hidung anaknya yang datang menjenguknya. Namun, Makcik Fatimah tetap menunggu. Setiap hari dia akan menunggu kehadiran atau panggilan telefon daripada anak-anaknya. Lapan tahun dan dia tidak pernah bertemu dengan cucu-cucunya. Setiap hari dia berdoa kepada Tuhan untuk membuka hati anak-anak and cucu-cucunya untuk datang menjenguknya walaupun hanya sekali. Setiap hari, dia berdoa untuk kesihatan, kejayaan dan kebahagiaan anak-anak dan cucu-cucunya.

Air mata mula mengalir membasahi pipi Makcik Fatimah semasa dia bercerita. Aku cuba menyenangkannya dan memeluknya. Air matakku mengalir di pipiku sambil aku mendakap bahu Makcik Fatimah. Esakan Makcik Fatimah sayu. Aku berasa belas dan kesian pada nasibnya. Sungguh kejam anak-anaknya.

Masa bergerak pantas. Tanpa aku sedari, tiba masa untuk balik ke sekolah. Aku merenung wajah Makcik Fatimah. Wajahnya sayu dan basah dengan air mata. Makcik Fatimah menghulurkan kertas origami berbentuk hati kepadaku.

Dengan suara yang pilu, Makcik Fatimah menyuruh aku menyimpan gambar itu buat kenangan mungkin ia kali terakhir kami dapat bergambar. Aku menurut sahaja arahnya dengan perasaan sedih. Aku kata yang aku akan cetak dan kirimkan kepadanya. Aku mengambil kertas origami lalu mencium tangan dan pipi Makcik Fatimah.

Itulah kali terakhir aku bertemu, berkenalan dan berpisah dengan Makcik Fatimah. Khabarnya, dua minggu selepas lawatan aku ke sana, Makcik Fatimah jatuh sakit. Namun, tiada anak mahupun cucunya datang menziarahinya. Lebih menyedihkan, tiada siapa yang menguruskan jenazahnya. Makcik Fatimah dikebumikan tanpa kehadiran anak-anak dan cucu-cucunya yang disayangi. Makcik Fatimah pergi bertemu dengan yang maha pencipta bersama perasaan rindu dan kecewa. Kertas origami berbentuk hati pemberian Makcik Fatimah kusimpan dengan baik sebagai kenangan abadi.

Pengalaman ini telah meninggalkan kesan yang sangat mendalam dalam jiwaku. Aku ingat pesan Makcik Fatimah untuk menjaga ibu bapaku dengan baik apabila mereka tua kelak. Tidak kira jika aku sibuk dengan kerja atau keluarga, aku harus selalu ketepikan masa untuk menjaga dan meluangkan masa dengan Ibu Bapaku. Mereka telah banyak berkorban untuk aku sejak dalam kandungan lagi. Sejak kakiku sekecil tapak tangan hingga dewasa. Mereka telah bersusah-payah untuk membersarkan aku. Oleh itu, patut untuk aku menunjukkan rasa terima kasihku kepada mereka dengan menjaga mereka hingga ke akhir hayat mereka. Itulah janjiku.

Pemergian Cik Fatimah benar-benar menginsafkanku. Rugi sungguh anak-anak dan cucu-cucu arwah Makcik Fatimah tidak menjaganya. Mereka ibarat kacang lupakan kulit. Perbuatan mereka pasti mendapat balasan yang setimpal daripada Tuhan. Buat arwah Makcik Fatimah, semoga rohnya ditempatkan dalam kalangan orang-orang yang dikasihi. Amin.

Rabiatul Adawiyah Bte Mohd Daud (4-8) (HGV)

Contoh 13

Baru-baru ini, kamu telah melibatkan diri dalam kerja kemasyarakatan. Gambarkan pengalaman dan perasaan kamu semasa melakukan kerja kemasyarakatan tersebut.

Hari yang penuh bermakna itu masih jelas dalam ingatanku. Pada hari itu, matahari tersenyum ceria. Aku bersama rakan-rakan sekelas sedang dalam perjalanan ke rumah tumpangan anak-anak yatim untuk melibatkan diri dalam suatu projek 'Nilai dalam Tindakan (VIA)'. Dengan kerjasama yang diberikan oleh ketua rumah tumpangan anak yatim itu, kami telah meraih peluang untuk berjumpa dan meluangkan masa dengan kanak-kanak kecil yang menjadi penghuni di situ.

Aku mengulum senyuman kepada teman baikku. Peluh yang membasahi seluruh kulit tubuhku dan rakan-rakan tidak henti-henti mengalir tetapi itu tidak mematahkan semangat kami untuk berasa gembira. Tidak sabar rasanya untuk sampai ke rumah tumpangan itu. Sambil kami berjalan, aku mula berasa gementar. Ini adalah kali pertama aku melakukan kerja sukarela. Ia akan menjadi pengalaman pertama yang penuh bermakna. Aku sering mendengar tentang kepuasan dan kebaikan melakukan kerja sukarela daripada rakan-rakan lain. Sejak kecil, aku telah sematkan azam untuk membuat kerja sukarela. Jadi, bayangkan betapa seronok rasanya apabila dikhabarkan oleh guru bahawa kami sekelas akan berpeluang untuk membuat kerja sukarela. Hatiku melonjak gembira! Aku boleh dapat bayangkan apa yang aku akan lakukan bersama kanak-kanak ini. Beraneka permainan yang aku sediakan untuk sesi ini. Topik-topik untuk bersembang juga telah aku fikirkan. Aku pasti banyak perkara yang dapat kami bualkan dengan kanak-kanak ini.

Setibanya kami di rumah tumpangan tersebut, kami dibahagikan kepada tiga kumpulan. Ada yang akan membacakan buku cerita kepada beberapa kanak-kanak. Ada yang akan bermain di taman permainan di luar. Kumpulan aku pula akan bermain permainan papan dan bersembang dengan mereka. Jika terasa bosan, kami juga diundang untuk tonton televisyen bersama-sama. Menatap wajah-wajah comel dan riang ini, hatiku bergelora kencang. Begitu kuat dan tabah individu-individu ini tanpa ibu bapa di sisi. Aku tidak pasti apakah aku juga mampu sekuat mereka?

Semasa aku sedang tekun mendengar cerita perkongsian daripada beberapa kanak-kanak tentang rutin mereka di rumah tumpangan itu, seorang budak perempuan dengan wajah tersipu malu menghampiriku. Matanya memandang mataku dan seakan-akan ada cerita yang ingin dia sampaikan kepadaku. Dia berjaya menawan perhatianku. Aku pun mendekatinya dan menyapanya. Dengan senyuman tipis, dia mula bercerita tentang kehidupannya tanpa ibu dan ayah. Sempat juga dia mengatakan bahawa dia berasa cemburu dengan kanak-kanak lain di luar sana yang masih mempunyai ibu bapa.

Kata-katanya membuat aku tersentak. Rupa-rupanya, insan kerdil ini begitu merindui ibu bapanya. Air mata jernih mula jatuh berlinangan di pipiku. Benih-benih kesedaran semakin memenuhi tasik hatiku.

*Ayah dan ibu
Ayah dan ibu
Itulah permulaan kami
Dapat melihat bulan dan matahari ...Ahai...*

Bait lagu daripada seniman Sudirman bermain-main di fikiranku. Betapa agungnya cinta seorang ibu dan ayah. Aku harus menghargai ibu bapaku. Semenjak kecil, ibu bapaku telah menjagaku bagaikan puteri kayangan, namun langsung tidak pernah aku ungkapkan kepada mereka betapa bersyukur dan berterima kasih aku terhadap mereka. Malah, aku selalu mengabaikan mereka akibat balik lambat kerana sekolah. Seolah-olah dapat membaca fikiranku, kanak-kanak kecil itu mengungkapkan kepadaku yang aku tidak perlu rasa bersalah ataupun sedih. Aku masih berkesempatan untuk berjasa kepada ibu bapaku. Aku harus membuat usaha untuk melakukan yang lebih baik untuk ibu bapaku dan menjadi anak solehah.

Pada penghujung aktiviti sukarela ini, aku meraih matlamat hidup yang baharu. Kanak-kanak kecil ini telah mengajarku suatu pelajaran yang penting dan aku bersyukur diberikan peluang melakukan kerja

sukarela ini. Aku meraih penghormatan baharu untuk ibu bapaku dan bertekad akan menjaga dan menyanjunginya mereka sehingga akhir nafasku

Nurul Amirah Binte Mustafa (DSS)

Contoh 14

Pemergian rakan baik kamu telah memberi kesan yang mendalam terhadap diri kamu. Kamu amat terjejas atas pemergiannya. Gambarkan kejadian tersebut dan cara kamu mengatasinya.

Aku mendongakkan kepalaku ke atas untuk memerhatikan awan yang kian menggelap. Ternyata awan-awan gelap berkumpul sehingga cahaya sang Suria terbenam oleh sekelompok awan kelabu itu. Setitik demi setitik air hujan mula mencurah. Aku yang sedang berjalan pulang dari sekolah ke rumahku yang terletak hanya beberapa meter dari sekolah, berlari-lari anak ke tempat berteduh apabila hujan yang lebat mula membasahi bumi. Aku segera menyampaikan tanganku ke dalam beg sekolah untuk mengambil payung, dan menyambung perjalananku yang berbaki. Perasaanku berasa tidak tenang sepanjang aku berjalan pulang. Hatiku mulai basah dengan gelisah secara tiba-tiba. Aku mengeluh dan cuba sedaya-upaya untuk menepiskan segala perasaan itu, dengan beristighfar, dan mengharapkan tiada buruk yang berlaku.

Setibanya di halaman rumah, aku terasa hairan dengan dua pasang kasut yang tidak aku kenali, tersusun rapi di luar rumah. Setelah aku melangkah masuk rumah kelihatan kedua Ibu bapa rakan karibku, Aisyah, yang sudah seminggu tidak menghadiri kelas, sedang duduk di ruang tamu. Ibunya, Cik Mariah, sedang kelihatan menangis teresak-esak di sebelah Mama. Mataku meliar-liar di sekeliling rumah, mencari kelibat sahabat kesayanganku itu, namun tidak kelihatan. Sebelum aku boleh bersuara, bapa Aisyah, Pak Faiz, telah menerangkan kepadaku bahawa Aisyah sudah kembali ke Rahmatullah pada pagi itu.

Sejurus selepas mendengar berita buruk itu, aku terasa bagai bumiku gelap-gelita. Aku menggeng-gelengkan kepala kerana menafikan kata-katanya itu. Lututku terasa amat lemah sehingga aku rebah ke lantai batu itu. Bahuku mengengjot-engjot, menahan esakan. Gelombang matakku sudah berkaca, dan akhirnya aku menangis tersedu-sedu di sebelah sofa di mana Mama duduk. Mama cuba untuk menenangkan diriku dengan mengusap belakanku perlahan-lahan. Kini, aku sudah kehilangan seorang, satu-satunya, sahabatku yang aku teramat sayangi.

Aisyahlah rakan yang selalu ada bersamaku ketika suka dan dukaku. Dialah tempat aku mengadu kesedihan. Dia seorang sahaja yang ada di sisiku tatkala aku perlukan bantuan. Dialah cahaya yang menerangi kehidupanku saat duniaku gelap. Pendek kata, Aisyah adalah tempat aku bergantung hampir setiap hari. Tanpanya di sisi, aku tentu tidak akan dapat meraih kejayaan-kejayaan aku kini. Kini, cahaya liliin yang selama ini menerangi jalanku, sudah hilang buat selama-lamanya.

Beberapa minggu setelah kejadian itu, aku mula menerima kenyataan bahawa Aisyah sudah 'pergi'. Semua ini ketentuan Tuhan yang maha Esa. Siapalah kita untuk menentang apa yang ditentukan olehNya. Akan tetapi, sepanjang ketiadaan Aisyah di sisi, aku dapat rasakan bahawa duniaku sepi sunyi. Maklumlah, aku memang seorang yang teramat pendiam dan hanya bergantung kepada Aisyah untuk hampir segalanya. Tetapi, ketiadaan Aisyah telah juga menyedarkan diriku bahawa aku terlalu bergantung kepadanya. Sebahagian daripadaku bersetuju bahawa aku tidak berdikari dan jauh sekali mempunyai inisiatif diri. Aku turut berasa malu akan kelemahan aku ini.

Sejak aku menyedari akan hal ini, aku bertekad dan menanam azam dalam diriku untuk mengubah diriku, untuk kebaikan aku sendiri. Aku tidak boleh terus bergantung kepada orang lain. Aku tidak boleh terus bersedih. Peperiksaan akhir tahun akan menjelang tidak lama lagi, dan aku akan menghadapi segala cabaran hidupku seorang diri. Pada saat itu, aku menggenggam tangan kananku dan menumbukkannya ke udara, tanda aku setuju aku harus mengubah diriku ini.

Tambahan pula, dengan ketiadaan Aisyah, aku sedar bahawa sikap berdikari itu amat penting dan perlu untuk meneruskan kehidupan yang penuh dengan cabaran. Malah, sikap bergantung kepada orang lain hanya akan merugikan diri sendiri. Aku percaya Tuhan adalah sebaik-baik perancang dan tahu apa

yang terbaik untuk hamba-hambanya. Setiap yang berlaku pasti ada hikmahnya. Kejadian ini telah membuka mataku terhadap kelemahan diriku. Aku telah berjanji pada diri sendiri untuk menjadi lebih berdikari pada masa akan datang.

Insyirah Nabilah Bte Mohamed Faizal (3E3) (SCSS)

Contoh 15

Kamu dan keluarga telah bercuti ke luar negara semasa cuti sekolah. Semasa percutian, berlaku sesuatu yang tidak diduga. Gambarkan pengalaman dan pengajaran daripada kejadian tersebut.

Segalanya telah terjadi. Aku tidak boleh melupakan perkara tersebut yang berlaku 13 tahun yang lepas. Pada masa itu, aku telah menyambut hari jadi yang ke-15 bersama keluargku. Oleh itu, kami sekeluarga telah bercadang untuk melancong ke Phuket, Thailand.

Sungguh riang rasanya untuk ke sanai. Kami sekeluarga telah menyiapkan pakaian kami di dalam beg bagasi. Kami akan berada di sana selama 4 hari 3 malam. Aku membawa segala benda mustahak untuk perlancongan tersebut seperti, telefon bimbitku dan aksesori lelaki yang aku harus bawa.

Kami menaiki pesawat 'Singapore Airline'. Perjalanan mengambil masa tiga jam untuk sampai di situ. Tentunya, aku berasa ghairah. Maklumlah, percutian yang telah aku nantikan sepanjang tahun ini.

Badan aku sungguh lenguh kerana kerusi yang tidak selesa. Aku memikirkan bilik hotel lima bintang yang terletak di tepi pantai. Aku boleh bayangkan apabila kami di situ, mengambil angin di tepi 'Patong Beach' di situ.

Kami mengambil sekurang-kurangnya setengah jam untuk tiba di situ. Pemandangan yang sungguh indah sekali di situ setelah melihat pantai dari tingkap bilik hotel kami. Aku berterima kasih sangat kepada ibu bapaku yang telah membuat semua ini menjadi realiti.

Kami mengambil kesempatan untuk meneroka di daerah situ tidak jauh daripada 40 kilometer daripada situ untuk melihat suasana dan berinteraksi bersama penduduk tempatan. Walaupun kami pengunjung, kami tidak endah apa yang sukar di situ walaupun kami tidak memahami bahasa mereka. Kami mengambil banyak gambar dan menyimpannya sebagai kenangan.

Kami sungguh seronok melihat tradisi penduduk kampung yang terdekat daripada hotel kami. Tarian mereka yang kami tidak akan melihat di Singapura. Segala ini telah terhenti apabila ramai penduduk tiba-tibanya bergegas ke arah pantai yang terletaknya hotel kami. Kami sekeluarga merasa yang sesuatu yang tidak kena dan kami semua mengikut sahaja penduduk di situ

Apabila kami melalui pantai tersebut, kami terkejut. Aku terlihat sebuah ombak. Denyutan hatiku kian meningkat. Kegelisahan mula memenuhi ruang hatiku. Ombak ini lain rasanya. Ia mengambil masa yang terlalu lama untuk sampai ke daerah tempat aku berdiri. Semakin lama, semakin besar.

Akhirnya, aku sedari bahawa ini bukan sahaja gelombang biasa tetapi sebuah ombak raksasa. Kami berlari ke arah bangunan yang terdekat. Ketinggiannya mungkin dalam 40 tingkat. Dengan segala tenaga yang kami kerah, kami akhirnya mencapai ke tingkat teratas. MasyaAllah. Kami melihat kemusnahan segala yang di situ, termasuknya hotel yang kami inapi. Terlalu banyak air laut yang menderas di darat. Segalanya musnah dengan sekelip mata. Kelihatan banyak mayat yang terapung di atas permukaan air. Tangisan dan pekikan mula memenuhi suasana. Ada yang cedera parah. Air jernih dari pantai tersebut telah menjadi lautan berdarah. Airmata kami mengalir deras. Kami tidak tahu sama ada kami sekeluarga akan terselamat, ataupun turut terkorban dalam kemalangan yang dasyat ini. Terlalu banyak insan telah kehilangan nyawa, diragut oleh Malaikat 'Izrail dengan begitu cepat sekali. Tiada masa untuk mengucapkan dua kalimah syahadah.

Ini semuanya kuasa Allah s.w.t, yang mahu berkuasa. Apa-apa boleh berlaku dengan sekelip mata. Mujurlah kami tidak ada apa-apa. Hanya cedera ringan sahaja apabila beberapa serpihan kaca terkena kaki dan tangan kami. Barang-barangan kami tidak dapat diselamatkan. Oleh kerana pasport dan barang yang hilang, kami sukar untuk pulang. Nasib ibu telah mengambil insurans pelancongan buat kami sekeluarga. Akhirnya, setelah semua masalah selesai, kami dapat pulang dengan segera.

Kedatangan kami disambut oleh ramai saudara-mara kami yang telah menanti semenjak peristiwa itu berlaku. Air mata gembira mengalir di wajah mereka ketika melihat kami di pintu kedatangan. Mereka memeluk kami dengan erat.

Pengalaman tersebut tidak akan aku lupakan sepanjang hidupku. Tarikh bersejarah, 26 Disember 2004, hari yang meragut nyawa sebanyak 300 ribu orang di Phuket, Thailand. Malah, aku sedar kepentingan menghargai masa yang terluang dengan orang yang kita sayangi. Ini kerana kematian boleh berlaku bila-bila masa yang tidak diduga. Aku berjanji untuk amalkan sikap peduli terhadap ibu bapa dan ahli keluargaku.

Danish Qusyairi (3/2) (SCSS)

Contoh 16

Gambarkan pengalaman kamu bersama seseorang yang amat kamu sayangi yang telah banyak mengajar kamu erti kehidupan.

Aku menatap wajah tua ibu. Kedut di mukanya amat jelas sekali. Kulitnya menipis ibarat kain yang ruyuk. Tanpa kusedar, kenangan waktu aku kecil berlegar-legar di mindaku. Masih terasa suapan nasi ke mulutku dengan tangan ibu, waktu itu ibu masih muda dan bertenaga. Selesai memasak, kemas rumah dan melayan kami adik-beradik, ibu akan meneruskan kerja mengambil upah menggosok pakaian keluarga jiran kami, Encik Tan.

Belaian kasih sayang ibu tidak akan ada gantinya. Suara ibu lembut menegur kami, senyuman ibu sentiasa terpahat di hati. Aku bertekad untuk menjaga ibu selagi dia masih bernyawa kerana aku sedar, apa pun yang aku berikan, tidak akan terbalas semua pengorbanannya selama ini.

Adik beradikku hanya empat orang sahaja. Namun ketiga-tiga mereka tidak kelihatan semenjak dua tahun yang lalu. Kata ibu, batang hidung mereka pun tidak kelihatan! Aku sangat kecewa dengan perbuatan mereka. Waktu terakhir mereka ziarah ibu ialah pada hari pengebumian arwah ayahku. Mereka marah dan merajuk hanya kerana ibu tidak mahu menjual rumah peninggalan ayah.

Pada hari Sabtu yang lalu, aku telah membawa keluargaku menziarahi ibuku. Sudah lama aku tidak bertemu ibu kesayanganku. Tuntutan kerja menghambat aku mengunjungi ibu sekerap yang aku mahu. Alangkah bahagianya aku seandainya ibu tinggal di rumahku. Dapat aku bersama ibuku setiap hari. Aku pernah memujuk ibu untuk tinggal bersama aku dan keluarga. Keluarga aku tidak membantah segala cadangan aku untuk membawa ibu tinggal bersama kami, kerana mereka menyayangi ibu dan selesa dengan ibu. Tidak jemu aku memujuk ibuku.

Aku berusaha untuk membalas budi ibuku setelah berkorban serta menyayangi aku sepanjang hayatku. Namun, aku tahu bahawa ini tidak dapat membalas segala jasa ibuku yang telah berkorban nyawa dan waktunya untuk aku dan adik beradik aku. Akhirnya ibu bersetuju tinggal bersama aku setelah beberapa kali aku memujuknya. Ibu mengambil masa yang lama untuk bersetuju kerana memikir akan rumah yang banyak kenangan pahit dan manis bersama arwah ayah dan adik-beradik aku.

Setelah sampai di rumah aku, aku membawa ibuku ke bilik khas yang telah aku bertungkus lumus siapkan hanya untuknya. Ibu memeluk aku dan menangis gembira atas apa yang telah aku lakukan untuknya. Tepat masa untuk solat Isyak, aku telah menjemput ibu solat berjemaah bersama keluargaku. Sudah lama tidak solat jemaah bersama ibu.

Setelah selesai melantunkan bacaan ayat kursi, aku terus berdoa agar diberi lebih banyak peluang membahagiakan ibuku selagi aku bernyawa. Setelah selesai, aku berpusing untuk bersalaman dengan ibu, isteri dan anak-anakku. Tersentak seketika bila aku ternampak ibu masih sedang bersujud lalu aku memanggil dan menyentuh ibuku. Aku terlentangkan ibu yang kelihatan pucat, walaupun demikian, wajahnya tersenyum.

Aku terus menangis seperti budak kecil lalu isteriku menelefon ambulan dan kami bergegas ke hospital. Doktor mengesahkan, ibu telah meninggalkan aku dan keluargaku untuk selama-lamanya. Ibu meninggal kerana lemah jantung.

Walaupun dilamun duka, aku sangat bersyukur dapat menjaga ibu dengan penuh kasih sayang di penghujung hayatnya. Akan kuingat sujud terakhir ibuku dan senyuman di wajahnya ketika di atas ribaanku. Pemergian ibu mengajar aku kepentingan bersikap peduli terhadap kaum keluarga terutama ibu bapa yang menua. Aku bersyukur masih diberi kesempatan berjasa kepada ibu pada saat-saat hidup ibu.

Muhd. Zulfaqqar Bin Rosdi(3E) (QTSS)

KARANGAN NARATIF


- Karangan Naratif ialah penulisan yang menggambarkan sesebuah cerita atau siri peristiwa yang berkaitan antara satu sama lain dalam bentuk satu susunan yang logik.
- Terdapat 7 ELEMEN UTAMA yang membentuk karangan naratif. Elemen-elemen tersebut ialah:

1. TEMA


- Tema ialah IDEA UTAMA sesebuah karya.
- Dalam sebuah karangan harus ada SATU TEMA dan BEBERAPA PERSOALAN SAMPINGAN.
- Persoalan sampingan berfungsi MENYOKONG tema utama.

2. PLOT & TEKNIK PLOT

- Plot ialah JALINAN CERITA cerita.
- Plot bersifat MENAIK.
- Ia bergerak dari TAHAP ke TAHAP sehingga ke PUNCAK atau KLIMAKS dan diakhiri dengan PELERAIAN.



- ❖ Plot yang baik menggunakan TEKNIK PLOT / TEKNIK PENCERITAAN yang pelbagai untuk MENYAMPAIKAN CERITA.



3. WATAK/ PERWATAKAN (SANGAT PENTING)

- WATAK: ialah PELAKU yang memainkan peranan dalam MENGHIDUPKAN sesebuah cerita.
- Watak boleh jadi manusia, objek atau haiwan.
- WATAK UTAMA: Pelaku dalam cerita dari awal hingga akhir cerita
- WATAK SAMPINGAN: Pelaku lain yang menyokong cerita.
- PERWATAKAN: ialah SIFAT-SIFAT LUARAN (FIZIKAL & GAYA) dan DALAMAN(attitude) seseorang watak yang digambarkan melalui dialog dan tindak tanduknya.

4. LATAR

- 2 latar utama :
 - latar tempat → tempat kejadian cerita
 - latar masa → zaman/ tahun/ hari/ waktu/ suasana

5. SUDUT PANDANGAN

- Kedudukan pencerita menyampaikan ceritanya. Boleh dibuat melalui:
 - Orang pertama → pengarang terlibat dalam cerita. Pencerita menggunakan Kata Ganti Nama 'AKU' atau 'SAYA'
 - Orang ketiga → pengarang bertindak sebagai PENCERITA dan tidak masuk campur dalam cerita ataupun watak.

6. GAYA BAHASA (SHMP2)

- **Kejayaan sesebuah karangan bergantung pada penggunaan bahasanya. Gaya bahasa mestilah sesuai dengan tema dan latar.**
- **Unsur-unsur gaya bahasa:**
 - **Metafora** → perlambangan/ mencantumkan bahagian kata bersifat konkrit dengan kata yang bersifat abstrak. Contoh: api + kerinduan.
 - **Simile** → perbandingan menggunakan seperti/ bagai/ bak/ umpama/ macam/ persis. Contoh: putus harapanku seperti layang-layang dibawa angin.
 - **Personifikasi** → memberikan sifat-sifat manusia kepada objek. Contoh: malam mula merangkak, angin menampar-nampar pipiku.
 - **Hiperbola** → menggambarkan sesuatu secara berlebih-lebihan atau melampau-lampau. Contoh: seluruh malam menangis kerana kesedihan yang menimpa.
 - **Peribahasa/ Simpulan Bahasa** → Contoh: "Labah-labah cintakan telurnya." / "Anak emas."

7. PENGAJARAN

Karangan yang baik mempunyai pengajaran atau nilai moral yang diselitkan secara tersirat atau tersurat. Ia dapat mendidik pembaca berfikir dan membuat penilaian.

- **Jangan akhiri cerita secara negatif – BUNUH DIRI, MIMPI,**

Soalan Karangan Naratif GCE 'O'

Jun 2012
Kamu telah disalah tuduh. Tulis sebuah cerita tentang pengalaman yang harus kamu lalui untuk membersihkan nama kamu.
Nov 2012
Tulis sebuah cerita tentang kepercayaan seseorang terhadap diri kamu yang membolehkan kamu mengatasi satu kegagalan.
Jun 2013
Tulis sebuah cerita tentang pengorbanan yang kamu lakukan untuk seseorang yang sangat kamu sayangi.
Nov 2013
Tulis sebuah cerita tentang satu peristiwa yang menunjukkan pentingnya sikap bertolak ansur untuk menikmati kebahagiaan hidup.
Jun 2014
Kamu kurang komited terhadap tugas yang diamanahkan kepada kamu. Akibatnya, kamu terpaksa menanggung padah. Tulis sebuah cerita tentang perkara tersebut.
Nov 2014
Tulis sebuah cerita tentang satu kejayaan yang kamu peroleh hasil semangat yang tidak mudah luntur.
Jun 2015
Jangan menuduh, carilah penyelesaian. Tulis sebuah cerita berdasarkan pernyataan ini.
Nov 2015
Tulis sebuah cerita tentang satu pengalaman yang menunjukkan bahawa sikap mementingkan diri sendiri tidak memberikan kamu sebarang faedah.
Jun 2016
Tulis sebuah cerita mengenai satu peristiwa yang menyedarkan kamu tentang pentingnya seseorang merenung kembali tindakan yang pernah diambilnya.
Nov 2016
Tulis cerita tentang satu pengalaman yang menunjukkan bahawa kita harus berhati-hati terhadap sesuatu yang kita impikan.
Jun 2017
Seseorang telah membuat teguran terhadap diri kamu. Tegurannya itu membuat kamu sedar akan pentingnya menerima pandangan orang lain. Tulis cerita berdasarkan peristiwa tersebut.
Nov 2017
Seorang yang kamu kenali telah mengajar kamu tentang perkara yang benar-benar penting dalam kehidupan. Ceritakan peristiwa tersebut.
Jun 2018
Tulis cerita tentang satu rancangan untuk mengaibkan seseorang yang berakhir dengan rasa kesal dan insaf.
Nov 2018
Pada mulanya, usaha kamu untuk membetulkan sesuatu keadaan telah mendapat tentangan. Namun, akhirnya, usaha kamu itu berhasil. Ceritakan peristiwa tersebut.
Jun 2019
Perbuatan bermegah-megah mendatangkan kesan yang negative. Tulis cerita berdasarkan pernyataan tersebut.
Nov 2019
Kamu ingin melakukan perkara yang berisiko tinggi. Walaupun telah dinasihatkan agar tidak melakukan perkara tersebut, kamu tetap tidak mengendahkan nasihat itu. Ceritakan pengalaman tersebut.
Nov 2020
Kadangkala, di sebalik kekecewaan yang dialami, terselit hikmah. Tulis cerita berdasarkan pernyataan ini.
Jun 2020
Di tengah-tengah kesulitan, pasti ada peluang yang menanti. Tulis cerita berdasarkan pernyataan tersebut.

Nov 2020
Kadangkala, di sebalik kekecewaan yang dialami, terselit hikmah. Tulis cerita berdasarkan pernyataan ini.
Jun 2021
Seseorang yang seolah-olah tidak mempunyai tempat tinggal sering dilihat di sekitar Kawasan kejiranan kamu. Tanpa disangka-sangka, orang itu tampil untuk menolong jiran kamu yang memerlukan bantuan. Tulis cerita berdasarkan peristiwa tersebut.
Nov 2021
Disebabkan perkara yang remeh, rakan-rakan kamu berselisihan faham. Hal ini menyebabkan hubungan persahabatan itu menjadi tegang selama beberapa tahun. Tulis cerita tentang kejadian itu dan terangkan cara kamu memainkan peranan penting untuk menyatukan rakan-rakan kamu itu.
Jun 2022
Tulis cerita tentang seseorang yang berjaya membuang tabiatburuknya setelah dia mengharungi pelbagai cabaran yang timbul akibat tabiat tersebut.
Nov 2022
Kamu telah menyaksikan seseorang yang menunjukkan keberanian untuk bersuara dengan niat hendak membela mangsa yang diperlakukan secara tidak adil semasa berada di tempat awam. Tulis cerita tentang kejadian tersebut.
<u>Soalan Karangan Naratif GCE NA</u>
Sep 2012
Tulis sebuah karangan dengan menggunakan permulaan yang berikut: Esok Hari Raya. Gembira sungguh rasa hatiku. Aku mengemas rumah dan memasang langsir. Sedang aku memasang langsir tingkap, aku ternampak seorang lelaki berdiri di rumahku. Benarkah itu abang? Abang sudah pulang? ...
Sep 2013
Tulis sebuah karangan dengan menggunakan permulaan yang berikut: Aku dalam perjalanan pulang ke rumah. Seperti biasa, kereta api MRT yang aku naik sesak dengan penumpang. Tiba-tiba, suasana menjadi kecoh. ...
Sep 2014
Tulis sebuah karangan dengan menggunakan permulaan yang berikut: Reza membuka surat yang dialamatkan kepadanya. Nama pengirim surat itu asing baginya. Namun, ayat pertama dalam surat itu membuatnya berasa sungguh gembira. ...
Sep 2015
Tulis sebuah karangan dengan menggunakan permulaan yang berikut: Hari sudah jauh malam. Aku merayu kepada Abang agar pulang dengan segera tetapi rayuan itu tidak diendahkan olehnya. Tiba-tiba, telefon bimbitku bordering. ...
Sep 2016
Aku terburu-buru mencari kertas itu. Seingat aku, kertas itu telah diletakkan di tempatnya. Malangnya, aku tidak dapat menemui kertas itu. Aku benar-benar memerlukan. Semasa aku meneruskan usaha untuk mencari kertas tersebut, aku ...
Sep 2017
Tulis karangan dengan menggunakan permulaan yang berikut: Aku sedang menunggu temn-temanku di tempat pertemuan kami yang biasa. Tiba-tiba, dari jauh, aku ternampak dua orang daripada mereka melambai-lambaikan tangan seolah-olah menyuruh aku mendekati mereka. Aku kehairanan...
Sep 2018
Tulis karangan dengan menggunakan permulaan yang berikut: Hari sudah jauh malam. Aku tidak dapat melelepkan mata. Aku pun mencapai telefon bimbitku. Aku membaca mesej yang dikirimkan oleh temanku tentang kejadian yang berlaku pada pagi tadi sekali lagi, iaitu kejadian yang mengejutkan semua orang. Pelbagai perkara bermain di dalam kotak fikiran ku.
Sep 2019

Tulis karangandengan menggunakan permulaan yang berikut.
Aku tidak harus menutupi kesalahan Liza semata-mata kerana dia kawan baikku. Aku harus adil kepada Fatin sekalipun hubungan aku dan dia tidak baik. Aku harus berhati-hati dalam apa-apa jua keputusan yang aku buat agar keadaan tidak menjadi bertambah buruk. Aku ...

Sep 2020

Tulis karangan dengan menggunakan permulaan yang berikut:
Aku sedang makan malam Bersama keluarga di pusat penjaja. Tiba-tiba, ada tepukan di bahu. Aku menoleh dan terkejut apabila mendapati seorang lelaki separuh umur sedang merenung ke arah aku. Kedua-dua orang tuaku sedar akan ekspresiku. Mereka ...

Sep 2021

Tulis karangan dengan menggunakan permulaan yang berikut:
Guruku membacakan sekeping nota bertulis tangan kepada aku. Kemudian, dia menunjukkan nota itu kepada aku. Dia bertanya sama ada nota itu ditulis oleh aku. Aku memerhatikan tulisan tersebut. Tulisan tersebut ialah tulisanku. Aku bingung. Aku ...

Sep 2022

Contoh 1

Tulis sebuah cerita yang mengajar kamu erti keinsafan.

Terima Kasih Tuhan

Setiap kali aku mendengar lagu dendangan Mamat Exists berjudul "Untukmu Ibu" pasti air mataku mengalir. Lagu itu amat bermakna buatku terutama sekali pada lirik lagu yang mengusik jiwa;

Ampunilah dosaku sejakku dilahirkan
Hingga akhir hayatmu
Disaat ini ku teruskan hidup
Tanpa bersamamu ibu

Oleh kerana kejahilanku, ibu telah meninggalkanku buat selama-lamanya. Kejahilanku menyebabkan aku kehilangan tempat mengadu. Kejahilanku membuat aku hidup terkurung.

"Ibu, aku amat rindukanmu, ampunkan dosaku ibu," rintih hatiku.

Aku merupakan seorang penagih dan pengedar dadah, seorang kaki mabuk, kaki perempuan dan juga kaki pukul. Aku juga dikenali sebagai "Yat Hantu". Ini kerana namaku Hidayat tetapi perangkaku begitu jahat macam hantu. Rakan-rakanku yang sekongkol denganku kagum akan diriku kerana aku tidak pernah ditangkap oleh pihak polis, tidak seperti mereka.

Seperti biasa, aku akan ke Melanie Road untuk memulakan tugas. Tugasku adalah untuk menjual dadah yang telah diberi padaku. Aku sedar perbuatan aku salah baik dari segi undang-undang dan agama. Akan tetapi, hasil yang lumayan daripada menjual dadah membuatkan aku begitu taksud dengan kegiatan haram itu.

"Yat, macam biasa. Ini sepuluh bungkus sayur (ganja) dan 10 biji 'ecstasy'. Jangan lupa sepuluh peratus daripada duit jualan engkau, bagi dekat aku. Engkau jangan nak lari pula macam si Razif. Dah dapat duit, bahagian aku pun dia bawa lari. Hingga sekarang batang hidung dia pun aku tak nampak," kata ketuaku, Firas.

"Engkau macam tidak percaya pada aku sahaja," kataku.

"Bukan tak percaya, tetapi aku tidak mahu kerugian lagi. Banyak kami rugi bila si Razif larikan diri dengan duit aku. Engkaukan pengedar kami yang paling handal. Engkau tidak pernah tertangkap. Jika

engkau tiada, pasti kami alami kerugian yang besar. Yalah, semua pengedar kami selalu dicekup CNB,” katanya.

Apabila dipuji begitu, hatiku kembang macam sotong kering yang direndam dalam air. Hatiku menjerit kesukaan. Sebuah senyuman terukir di wajahku. Aku bagaikan tidak percaya bahawa aku begitu penting pada mereka. Dengan segera aku bergerak ke Lornie Road dengan menunggang motosikalku. Sampai sahaja di sana, aku menjalankan tugas.

Beberapa muka yang biasa aku lihat menghampiriku satu-persatu. Semua inginkan bekalan dadah daripadaku. Beberapa jam kemudian, kelihatan beberapa orang yang mencurigakan. Aku rasa seperti ada yang tidak kena dengan mereka. Dengan pantas aku beredar dari tempat itu. Aku berjalan seperti biasa supaya tidak menarik perhatian orang-orang di sekelilingku. Aku berhenti sebentar dan berpura-pura untuk mengikat tali kasutku yang terlepas. Sambil tanganku mengikat tali kasutku perlahan-lahan, mataku melirik ke tepi untuk melihat pergerakan mereka.

“Macam lain aje. Mereka seperti mengekoriku,” detik hati kecilku.

Aku bingkas bangun lalu berjalan ke sebuah lorong. Mereka mengekori aku. Dadaku berombak pantas. Aku bercadang untuk ke sebuah tempat yang sesak dengan orang. Tetapi, langkahku terus mati kerana kelihatan dua orang jejaka berdiri di hadapanku. Aku pusing ke belakang untuk patah balik tetapi kelihatan lagi dua orang jejaka sedang berdiri di situ. Aku dikepung. Dadaku terasa berat. Nafasku tidak menentu. Darahku bergemuruh hebat macam air terjun. Aku mula cemas. Tanpaku sedari peluh sejuk mula membasahiku. Aku cuba bertenang.

Tiba-tiba, matuku terpaut pada ruang di antara dua orang jejaka di hadapanku. Aku tunggu akan masa yang tepat. Apabila mereka mula menghampiriku, dengan pantas aku berlari menembusi ruang itu. Aku berlari lintang-pukang seperti lepas kudung.

‘Lari kuat-kuat!’ bentak hatiku. ‘Celaka punya polis, macam mana mereka tau aku di sini? Angkara siapa?’ jerit batinku.

Aku terus lari tanpa arah dan tujuan. Yang penting aku tidak mahu ditangkap. Jantungku berdegup dengan kuat, paru-paruku terasa perit. Aku kepenatan, kelelahan dan kakiku kejang. Aku jatuh tersungkur, tergolek macam nangka busuk. Mataku perit dibasahi peluh. Kedengaran tapak-tapak kaki orang berlari ke arahku. Dalam keadaan samar-samar kelihatan keempat-empat jejaka itu mengelilingku.

“CNB! Jangan cuba bergerak atau lari!” jerit salah seorang daripada mereka.

Aku cuba berdiri tetapi tidak terdaya. Dua orang pegawai itu menerkamku seperti harimua yang sedang lapar. Aku cuba meronta namun setiap kali aku melawan mereka membalas dengan tindakan kasar.

‘Ibu! Ibu tolong aku ibu!’ jerit batinku.

Tanganku terasa perit apabila digari secara kasar. Dengan tanganku bergari aku dibawa ke balai. Selepas disoal siasat, aku didapati bersalah. Mereka hanya menjumpai beberapa gram ganja dan beberapa ratusan dolar padaku kerana dadah yang lain telah habis dijual. Mujurlah itu saja yang ada kalau tidak pasti tali gantung jawabnya. Aku diberi peluang untuk membuat satu panggilan. Aku menelefon rumah dan ibu menjawab panggilan itu.

‘Yat, kenapa nak? Kau di mana? Kenapa nangis nak?’ gesa ibu dengan suara yang resah.

‘Ibu, maafkan Yat. Yat berdosa bu. Yat ada di balai polis. Yat takut bu, Yat takut!’ pekikku.

Gagang telefon ditarik daripada tanganku. Aku tidak sempat mengucapkan salam kepada ibu. Akibat tindakan bodohku, aku dikenakan penjara lapan tahun dengan enam sebatan. Ibu terlalu sedih apabila mendapat tahu kejadian sebenar. Apabila hukuman dijatuhkan, tangisan ibu yang sendu menusuk kalbuku. Pada saat itu baru aku benar-benar sedar, insaf akan perbuatanku. Pada saat itu juga merupakan tanda-tanda akhir aku melihat wajah ibu yang sayu dengan rambut putih seribu.

Setahun berlalu dan aku rasa terseksa hidup di penjara. Aku merindui masakan di rumah. Aku merindui leteran ibu. Ibu ada datang melawati aku namun selepas itu ibu sudah jarang melawati aku. Jika dia melawati aku, wajahnya tidak seperti dahulu. Ibu kelihatan cengkung. Apabila aku menanyanya jika dia tidak sihat, ibu hanya diam sahaja. Aku rasa ibu sembunyikan sesuatu daripadaku. Mungkin dia tidak mahu memberitahuku kerana dia tidak mahu aku risau. Tiba-tiba, lamunanku terhenti apabila warden penjara menghampiri bilik penjaraku.

“Muhammad Hidayat Muhammad Rafi, ada seseorang yang ingin berjumpa denganmu,” kata warden penjara itu.

Apabila aku dibawa ke bilik pertemuan, aku rasa bagaikan ada sesuatu yang tidak kena. Ini kerana yang datang untuk berjumpaku adalah adikku, bukan ibuku.

“Abang, adik ada berita buruk untuk abang. Ibu meninggal dunia akibat barah payu dara. Dia juga kekurangan zat makanan kerana dia jarang makan. Dia terlalu risaukan abang. Ini ada surat untuk abang. Ibu yang tulis. Nanti lepas abang dibebaskan, pulanglah. Adik menanti kepulangan abang,” kata adikku dengan suara yang tersekat-sekat.

Aku terpaku akan berita itu. Berita itu seperti petir memamah lubang telingaku. Aku terasa duniaku gelap gelita. Tali jantungku bagaikan terputus apabila mendengar berita itu. Aku dihantar pulang ke bilik penjara. Aku duduk di suatu sudut sambil membaca surat ibu.

Buat Yat anakku,

Maafkan ibu kerana berahsia denganmu nak. Ibu rasa itu cara yang terbaik. Ibu tidak ada harta untukmu nak, hanya doa dan nasihat seorang ibu buat anaknya. Yat, ibu maafkan dosamu. Ibu halalkan makan minumu dunia akhirat. Hanya satu permintaan ibu nak, balikkah ke pangkal jalan, kembali kepadaNya yang esa. Yat tetap anak ibu dunia dan akhirat. Didik adikmu menjadi insan mulia. Wassalam.
Ibumu

Tanpa aku sedari air mataku bergengangan dan mengalir tanpa henti. Aku menangis seperti anak-anak kecil yang kehilangan barang mainannya. Aku mendapak surat ibu seerat-eratnya.

‘Ya Tuhan, aku mohon keampunanMu. Letakkan roh ibuku di antara orang-orang yang beriman. Aku berdosa tuhan. Aku tidak sempat meminta maaf dengan ibu. Aku kesal dengan perbuatanku. Berilah aku pertunjukMu. Aku mohon peluang kedua daripadamu, tuhan,’ rintihku dengan hati yang luka.
Seminggu selepas ibu dikebumikan, aku meminta untuk berjumpa dengan warden penjara.

“Saya ingin mengambil kursus memasak,” kataku.

Aku mengikuti kursus memasak ‘Yellow Ribbon’ selama setahun. Aku lulus dengan cemerlang dan memperolehi Diploma Memasak. Dengan kelulusanku, aku layak untuk menjadi seorang tukang masak. Pintu hatiku diketuk kegembiraan. Sementara menunggu aku dibebaskan aku kembangkan minat masakku. Selepas aku dibebaskan, aku pulang ke rumah. Adik menyambut kepulanganku dengan pelukan dan tangisan syukur. Aku bersyukur masih diterima keluarga. Namun, rumahku tidak seperti biasa sebaliknya, sunyi tanpa suara dan leteran ibu. Aku amat merindui ibu.

Aku memasuki bilik ibu, katilnya kelihatan usang dan di tepi meja ibu terletak sebuah bungkusan yang disaluti habuk. Adik mengambil bungkusan itu lalu menghulurkan kepadaku. ‘Ibu kata buat abang bila abang balik.’ Aku membuka bungkusan itu. Senaskhah Al-quran, sejadah dan tasbih arwah ibu. Aku peluk harta peninggalan arwah ibu dengan erat dengan linangan air mata. Permintaan ibu akan kukotakan.

Aku mula mengorak langkah dalam bidang memasak. Namun, ia tidak semudah apa yang aku jangkakan. Masyarakat masih belum bersedia menerima bekas banduan seperti aku walaupun dengan kelulusan yang ada. Aku tidak berputus asa kerana janji ibu harus kukota.

Aku teruskan tekad untuk mencari kerja walaupun aku sering ditolak dengan alasan yang serupa; bekas banduan. Sesungguhnya tuhan itu adil dan seadil-adilnya. Kesungguhanku mencari kerja berhasil. Aku diterima bekerja sebagai tukang masak masakan halal di Hotel Four Seasons. Aku tidak melepaskan peluang kedua yang diberi tuhan. Aku berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan janji ibu kukota. Selepas dua tahun bekerja di sana, masakanku mula dikenali ramai. Kepercayaan yang diberikan oleh pihak hotel untuk mengendalikan bahagian masakan dan dapur menjadikan aku seorang tukang masak yang terkenal dan dihormati.

'Ya tuhan terima kasih, terima kasih kerana memberi aku peluang kedua,' bisik hati kecilku. 'Ibu, piala kemenangan ini buatmu,' kataku sambil menjulang piala 'Chef Terulung 2010'.

Buat diriku, aku berjanji tidak akan mengulangi kesilapan yang serupa. Aku tidak mahu kehilangan orang yang kedua iaitu adikku satu-satunya, cukuplah dengan pemergian ibu. Buat adikku terimalah aku, abangmu seadanya. Marilah kita sama-sama bina hidup baru yang lebih bermakna.

Contoh 2

Tulis sebuah cerita tentang manusia merancang tetapi Allah yang menentukan.

Surat Akhir Ibu

Pepatah Melayu ada mengatakan sesal dahulu pendapatan sesal kemudian tiada gunanya. Begitulah yang aku rasakan. Kalau kutahu keadaan ibuku yang sebenar, tidak akan aku tinggalkan ibu keseorangan. Akan kutatap wajahnya setiap masa. Kalau kutahu maut ada di setiap penjuru dan waktu, akan kudampingnya setiap saat. Aku sedar biar aku menangis air mata darah sekali pun ibu tidak akan kembali. Aku tidak dapat atau mampu memutar kembali masa yang berlalu.

Aku hidup bersama ibu setelah ayah menyahut seruan Ilahi. Ayah meninggalkan aku sejak aku kecil lagi. Ibu adalah ayah, kakak dan kawan kepadaku. Ibu yang menyara hidupku dan kos persekolahanku sehingga ke menara gading. Ibu sanggup melakukan dua pekerjaan semata-mata untuk melihat aku berjaya.

Aku berjaya seperti mana yang diharapkan. Namun, aku tidak puas. Aku sibuk membangunkan kerjayaku sehingga kadang kala aku lupa untuk meluangkan masa bersama ibu. Ibu sering berkata aku ini seperti pipit pekak makan berhujan; bekerja siang malam sehingga lupa akan kesihatan diri dan orang yang disayangi.

Tugasku juga sering membawa aku ke luar negara. Kali ini, aku terpaksa ke Surabaya kerana urusan penting. Aku tidak sampai hati untuk meninggalkan ibu sendirian di rumah. Tetapi aku terpaksa demi tugas. Ibu agak keberatan untuk mengizinkan aku ke sana.

Beberapa hari sebelum aku ke Surabaya, aku telah bertengkar dengan ibu. Ibu kata dia tidak mahu kehilanganku. "Bu, saya hanya ke sana untuk dua minggu sahaja. Ibu tak perlu gusar, saya akan menelefon ibu setiap hari. Saya tidak akan tinggalkan ibu! Percayalah!" kataku untuk meyakinkan ibu. Ibu tegas dengan pendiriannya. Aku bertanyakan alasan ibu tidak membenarkanku pergi. Tetapi ibu hanya membisu sahaja.

Di Lapangan Changi, aku memeluk ibu erat, kucium tangannya dan pipinya. Tanpaku duga, ia merupakan pelukan dan ciuman terakhir. Muka ibu kelihatan sayu. Pulu hatiku melihat muka yang berkedut seribu dibasahi dengan linangan air mata sendu. Aku merangkul bahu ibu, kucium pipinya yang dibasahi air mata sambil menyatakan aku amat sayang padanya lalu beredar.

Dua minggu di Surabaya, masa bergerak begitu pantas. Tugasan yang menimbun menyebabkan aku leka dan lupa akan janjiku pada ibu. Kesibukan bekerja menyebabkan aku tidak sempat menanyakan khabarnya. Aku begitu yakin ibu dalam keadaan sihat.

Tanpaku sedari, ibu telah jatuh sakit semasa aku di Surabaya. Ibu pengsan di tempat kerjanya. Menurut doktor, ibu menghadapi barah pangkal rahim. Penyakitnya di tahap serius. Ibu telah menderitai

penyakit ini selama setahun setengah. Ibu tidak pernah memberitahuku akan penyakitnya itu. Mengapa ibu merahsiakannya daripadaku, anaknya sendiri?

Selesai saja tugasku di Surabaya, aku terbang ke Singapura. Aku terlalu rindu akan pelukan ibu. Aku mahu memohon ampun dan maaf kerana telah melukakan hati dan perasaannya. Aku berjanji tidak akan melukakan hatinya. Aku juga ingin berkongsi sama berita gembira yang aku telah dinaikkan pangkat. Aku dapat bayangkan senyuman manis ibu apabila aku memberitahunya berita yang menggembirakan itu. Tanganku pantas membelek-belek sebetuk kerongsang berlian yang aku beli khas buat ibu. Akan kusemat kerongsang itu di selendang sutera yang sepadan dengannya.

Sesampainya aku di muka pintu, aku dapati kasut-kasut berselerakkan. Terdengar suara orang membaca doa. Aku memberi salam dan alangkah terkejutnya aku apabila melihat jenazah ibu terbujur kaku di ruang tamu dengan diselemuti kain. Aku rebah seperti sebatang pokok disambar petir. Sebak dadaku tidak berkata, hanya air mata sayu mengalir lesu dari kelopak mataku.

Sebelum ibu dikebumikan, aku menatap wajah ibu buat kali terakhir. Wajahnya tenang, setenang air. Kucium dahi dan pipinya yang sedingin salju, kuusap rambutnya yang memutih seribu. "Ibu, kusayang padamu. Maafkanku" bisik hati kecilku.

Ibu telah meninggalkanku sepucuk surat yang juga berupa wasiat. Aku membaca isi kandungan surat itu. Kini, kusedar mengapa ibu merahsiakan penyakitnya daripadaku. Ibu juga meninggalkan pesanan akhir buatku. Aku membaca isi surat itu satu persatu dengan linangan air mata.

"Ibu, akan kutunaikan permintaan akhirmu. Aku redha pemergianmu ibu." Namun, aku begitu kesal kerana tidak berada di sisi ibu pada saat-saat akhir ibu menghembuskan nafasnya yang terakhir. Rasa kesal ini akan terus menghantuiku hingga ke akhir hayatku.

Contoh 3

Tulis sebuah cerita tentang kepentingan memilih kawan yang berakhlak baik.

Esok Masih Ada

"Alhamdulillah", bisik hatiku dengan redha. Aku baharu sahaja mendirikan salat Isyak. Sudah hampir 8 tahun peristiwa hitam itu berlaku, namun ia meninggalkan calit hitam dalam sejarah hidupku. Mataku mula berkaca apabila aku teringat kisah silamku yang hitam bernoda. Aku menyesal tetapi nasi sudah menjadi bubur. Walau bagaimanapun aku insafi akan kesilapanku, aku sedar jika aku menangis air mata darah pun, keadaan tidak akan seperti dahulu.

Aku merupakan seorang pelajar yang selalu dipandang serong oleh rakan-rakan mahupun guru-guru sekolah. Aku lemah dan selalu gagal dalam pelajaranku dan aku juga mempunyai masalah disiplin di sekolah. Walaupun sudah beribu-ribu kali ditegur oleh guru kaunseling, aku tetap dengan prinsipku. Malah, minat untuk ke sekolah tidak terlintas di lubuk hatiku.

Padaku, 'mereka', ya 'mereka'; kawan-kawan sekakiku lebih memahami perasaanku. Aku sering berlepak dan berfoya-foya dengan mereka. Bagiku rumah ibarat neraka. Ini kerana aku sering bertengkar dengan ayahku. Hidupku kosong dan terikat. Kadang kala aku berasal kesal. Kenapalah aku dilahirkan dalam keluarga ini? Aku ingin menjadi seperti seekor burung yang bebas terbang ke mana sahaja tanpa masalah. Langit ibarat syurga dan tiada jurang yang dapat memisahkan langit dengan bumi.

"Mak, Taufiq nak keluar sekejap," kataku sambil berlari ke arah pintu.

"Kau nak ke mana Fiq? Kau tak tahu nak tolong mak?" tanya ibuku.

"Alah mak, bosan Fiq dekat rumah ni. Dahlah bapa selalu mabuk macam setan," kataku dengan keras.

"Kurang ajar kau. Kau tak layak jadi anakku. Keluar kau dari sini!" teriak ibuku dengan bengisnya.

Ibu menampar mukaku. Pipiku terasa perit dan panas. Tanpa berlembang lagi, aku menghempaskan daun pintu dan bergegas lalu.

“Fiq! Asal lambat ni? Rosak rancangan kita,” tanya Ali.

“Eh! Maafalah. Ada hal sikit kat rumah. Apa macam, jadi tak?” aku tanya dengan ghairah.

“Mesti. Sekejab lagi Azman akan pulang dari kerjanya. Fiq, kau bawa apa yang aku pesan?” sambung Ali.

“Sudah tentu” jawabku sambil memaparkan senyuman sinis.

Aku adalah antara anggota kumpulan samseng. Ini kerja harianku. Merompak, vandalisme, memukul dan berlepak di kelab malam sudah sebatu dalam sanubariku. Aku berasa tenang dan bebas apabila bersama mereka. Tetapi sayang, kusangka panas sampai ke petang, rupa-rupanya gerimis di petang hari. Mereka yang selama ini aku anggap sebagai kawan sejati lari lintang-pukang apabila polis membuat serbuan hendap; meninggalkan aku terkontang-kanting sendirian.

Aku tidak sempat menyelamatkan diriku apabila polis tiba secara mendadak. Sepandai-pandai tupai melompat, akhirnya jatuh ke tanah jua. Aku diberkas kerana terlibat dalam beberapa kes rompakan yang dilakukan oleh kumpulan samsengku. Tidak kusangka hidupku akan berakhir di situ. Segala hiburan dan fantasiku berkecai sekelip mata. Hatiku memberontak kerana marah pada kawan-kawanku. Setiap malam, rasa dendam membara dalam jiwa ragaku.

“Kenapa aku? Kenapa tidak mereka? Keluh hatiku.

Hari berganti minggu, minggu berganti bulan, bulan berganti tahun, aku mulai insaf dan sedar akan kejahilanku. Sudah hampir 5 tahun aku terperap dalam penjara. Malangnya, semasa aku diberkas bapaku telah menemui kemalangan jalan raya dan meninggal dunia. Sekarang ibuku sedang terlantar di hospital. Aku rasa segala harapanku untuk berubah sikap tidak bermakna lagi. Apatah dayaku sebagai seorang insan yang daif terpaksa menempuh segala rintangan.

Keadaan ibu amat menyayat hati. Ibu ibarat nyawa-nyawa ikan. Ibu tidak dapat menerima hakikat kehilangan bapa dan aku. Ibu tidak dapat bertahan lama. Ibu pergi meninggalkanku pada pagi Jumaat. Aku kesal kerana tidak mampu menguruskan jenazahnya. Dengan tangan aku bergari, aku sempat melihat Ibu buat kali terakhir. Dengan tangan bergari, aku berlutut di tepi jenazah Ibu yang lengkap dikafan. Wajah Ibu tenang. Aku rapatkan pipiku pada pipi Ibu dan kucium dahi Ibu dalam sendu. Aku cuba menahan air mata. Sebak melanda jiwaku. Hanya tuhan saja yang tahu perasaanku ketiaka dan saat itu.

“Ibu, maafkan Fiq. Maafkan Fiq” bisik hatiku yang merintih sedih.

Tiba-tiba, lamunanku tersentak oleh bunyi benda jatuh. Aku terus mengesat air mataku dan menuju ke arah bunyi itu. Aku dapati potret kami sekeluarga terjatuh ke lantai ditiup angin malam. Cermin potret itu pecah seribu umpama hatiku yang remuk dan berdarah. Aku mengambil potret itu di antara serpihan kaca-kaca kecil. Air mataku berlinangan melihat wajah ibu dan bapa. Wajah ibuku mengingatkan aku akan pesanan akhir ibu bahawa kawan ketawa memang ramai, kawan menangis susah dicari. Aku menyesal dan berharap tidak akan mengulangi kesilapan yang sama lagi. Biarlah peristiwa hitam ini menjadi pengajaran kepadaku hingga aku mati.

Contoh 4

Tulis sebuah cerita tentang kepentingan kasih sayang keluarga.

Kau Segalanya Buatku

“Ayah, Ayah, mari main dengan Adlylah. Adly nak main kereta-kereta” kataku dari daun pintu pejabat ayahku. Aku melambai-lambaikan tangan kecilku dengan kereta mainan yang dibeli Ibu.

Ayah terus berhenti menulis di kertasnya lalu melihat ke arahku. Ayah senyum. Senyuman Ayah manja. Walaupun sibuk, Ayah terus berdiri dari kerusinya lalu berjalan ke arahku. Dengan penuh kasih sayang Ayah memegang tanganku dan membawa aku keluar untuk bermain. Kehangatan tangan Ayahku masih terasa. Seolah-olah baru semalam peristiwa itu berlaku. Aku masih mengingati saat itu. Aku merindui saat itu. Namun, itu semua hanya kenangan.

Aku dewasa dalam keluarga yang mewah. Ayahku pemilik syarikat BigBox yang menguruskan jual beli barangan keperluan yang pelbagai. Selepas tamat pengajian, Aku bekerja dengan syarikat Ayahku. Ayah melantik Aku selaku CEO syarikat walaupun Aku tidak berpengalaman dalam bidang perniagaan.

Jawatan CEO menjadikan Aku dihormati dan dikenali ramai. Ramai yang ingin berkawan denganku sehinggakan Aku tidak dapat bezakan kawan yang jujur dan kawan yang pisau cukur. Jawatan CEO menyebabkan Aku lupa diri dan Tuhan. Aku suka berlagak, boros dengan menghabiskan duit Ayahku membeli barang yang tidak diperlukan.

Aku lakukan ini semua kerana Aku bosan dengan hidupku. Sejak kecil hingga dewasa, Aku ketandusan kasih sayang seorang Ibu dan Ayah. Aku mengharapan dengan jawatan CEO, Aku akan dapat meluangkan lebih masa bersama Ayah, duduk berbincang tentang hal ehwal syarikat. Duduk dan habiskan masa seperti keluarga lain. Sebaliknya Aku berasa kecewa.

Aku bersyukur syarikat Ayah semakin maju. Ayah bekerja keras untuk memastikan syarikatnya berdaya saing di persada dunia. Namun, kemajuan yang dinikmati memerlukan Ayah keluar negara begitu kerap. Ayah yang ditemani ibu terpaksa ke Jepun, London, Indai dan sebagainya atas urusan perniagaan meninggalkanku sendirian. Sekali dua ditinggalkan, Aku dapat bertahan, tetapi lama-kelamaan aku berasa kesunyian dan dibebani dengan rasa bosan. Ayah dan Ibu terlalu taksu dengan harta dan wang dan lupa kewujudan Aku.

Aku mula melibatkan diriku dalam perkara-perkara yang tidak berfaedah. Masaku dihabiskan di kelab-kelab malam. Arak menjadi minuman kebosanku. Bergaduh dalam keadaan mabuk menjadi aktiviti kelabku. Setiap kali Ayah Ibu keluar negara, itulah peluang Aku berfoya-foya. Namun, nikmatnya hanya sementara. Aku terus dibebani rasa bosan dan dosa.

Suatu malam, dalam keadaan mabuk, Aku terlibat dalam pergaduhan. Aku dibelasah teruk oleh pengawal keselamatan kerana membuat kecoh di kelab malam itu. Habis pecah bibirku dan keningku. Mukaku lebam dan hidungku berdarah. Mujur ada rakanku yang menghantarku pulang. Pulang ke rumah bangle Ayahku yang mewah, tersergam indah, penuh dengan perabot yang cantik-cantik ibarat syurga. Bagiku, ia hanya sebuah rumah puaka seperti neraka.

Baru sahaja Aku hendak membuka pintu. Daun pintu rumah terbuka luas. Tercegat Ayah bersama Ibu di hadapanku. Muka mereka kelihatan kecewa. Mata Ayah merah menyala dan airmata Ibu jatuh berlinangan. Tiba-tiba Ayah bersuara.

"Kenapa Adly macam ini? Kenapa dengan muka Adly? Gaduh lagi? Ayah malu dengan sikapmu. Adlykan CEO syarikat sanggup buat macam ni," tengking Ayah.

Aku diam membisu. Muak Aku dengar suara Ayah seolah-olah tidak faham keadaanku. Ayah hanya pentingkan rasa malunya sahaja bukan perasaanku, anaknya.

"Adly tidak sayangkan Ibu dan Ayah? Tidak cukup ke segala kemewahan yang kami beri?" kata Ayah sambil menahan marah dan sebak.

"Ayah selalu sibuk dengan kerja. Kerja lebih penting daripada Adly. Benar, Adly sudah dewasa, tapi Adly masih perlukan kasih sayang Ibu dan Ayah. Setiap kali Adly balik, rumah ini kosong dan sepi. Benar Ayah, kita kaya dan mewah tapi tidak bahagia.

“Salahkah Ayah mencari harta untuk kesenangan keluarga? Apa lagi yang Adly nak? Harta?” kata Ayah.

“Tidak. Bukan itu yang Adly nak. Ayah nak tahu apa Adly nak? Adly cuma nak kita meluangkan masa bersama-sama seperti dulu. Adly bosan dengan cara hidup kita, Ayah. Ayah cuma pentingkan syarikat Ayah sahaja.” kataku sambil menangis teresak-esak seperti anak kecil.

Ayah tercegat dan terdiam buat seketika. Kata-kataku menyebabkan Ayah tersentak kelu. Pengakuanku membuat tangisan Ibu semakin kuat menderu. Tiba-tiba, Ibu mendakapku dengan penuh kasih sayang. Kami menangis dalam dakapan. Ibu mengusap rambutku sambil memohon maaf atas kealpaannya. Kesibukan bekerja menyebabkan Ibu cuai dan lupa akan tanggungjawabnya sebagai Ibu. Aku mencium tangan Ibu, memohon maaf atas kekasaranku.

Ayah menghampiri kami. Ayah memegang bahuku. Terasa kehangatan tangan yang sudah lama dilupakan. Aku memeluk Ayah dengan erat. Ayah tidak seperti dulu. Rambutnya sudah memutih seribu. Kedut di muka dan dahi jelas kelihatan. Ayah semakin dimamah usia. Rasa belas dan bersalah membelahi jiwaku.

“Maafkan Adly Ayah. Adly mahu keluarga Adly semula. Adly janji akan banggakan Ayah,” kataku dalam dakapan Ayah yang tercinta.

Sejak kejadian itu, Ayah tidak sesibuk dahulu. Urusan di luar negara diberikan kepada pegawai atasannya. Aku masih CEO di syarikat Ayah. Ayah dan Ibu menjadi penasihatku peribadiku. Kami banyak menghabiskan masa bersama melancong ke luar negara. Kami berbincang tentang isu dunia bersama. Aku bertekad menjaga Ayah dan Ibu hingga ke akhir hayat mereka. Merekalah buah hatiku yang telah banyak berkorban untukku. Sudah tiba giliran Aku membalas jasa mereka. Aku ingin membahagiakan mereka dunia akhirat.

Nur Sarahdilla Bte Muhammad (4-3) (HGV)

Contoh 5

Tulis karangan dengan menggunakan permulaan yang berikut:

Penyesalanku

Hari demi hari aku hanyut di dalam doa. Berendam air mata meminta keampunan dan belas ihsan daripada Allah, Tuhan Rabbul Alamin. Sunyi, gelap dan dingin di dalam sel itu sukar hendak digambarkan. Hatiku berasa cukup gusar, cukup takut dan cukup insaf kerana aku merupakan penghuni rumah besi yang sepi ini. Rumah besi yang tidak bertingkap menjadi rumahku atas perbuatanku sendiri.

Air mataku membasahi pipiku apabila melihat gambar kedua orang tuaku. Aku menatap gambar kedua-dua insan mulia itu dengan penuh kasih sayang, membiarkan ingatanku kembali menjangkau kisah silamku. Ibu maafkan Aidil. Aidil banyak menyusahkan Ibu dan Ayah.

Namaku Aidil. Aidil Zafran. Aku seorang anak yang degil dan suka berlumba kereta di jalan raya pada dini hari. Minatku pada perlumbaan kereta berputik sejak Aku kecil lagi. Aku suka mencuba sesuatu yang mencabar. Oleh itu, Aku mempunyai cita-cita untuk memiliki sebuah kereta lumba yang terancang.

Aku jahil dalam agama. Aku tidak suka mengikut ajaran agama. Aku terasa dibebani oleh tuntutan agama. Aku tidak solat. Aku tidak kenal Alif Ba Ta. Aku dilahirkan dalam keluarga Islam namun orang tuaku gagal mengenalkanku pada Islam.

Sudah hampir tujuh tahun aku bekerja sebagai pengurus syarikat ayah. Lama-kelamaan aku menjadi bosan dan bingit dengan pekerja di sana yang asyik menyuruh aku menyelesaikan projek demi projek sehingga mengganggu tidurku. Bukan itu saja, aku harus memeriksa dan menandatangani dokumen-dokumen pejabat yang kadangkala hingga lewat malam. Tambahan pula, Aku sedar, pekerja-pekerja di syarikat tidak sukakan aku kerana perangaiku yang malas dan tidak bertanggungjawab.

Suatu hari, aku terdengar pembantu peribadi ayahku menyatakan bahawa projek pembinaan hotel harus diserahkan kepada Aiman yang lebih bertanggungjawab daripada aku yang pemalas. Dadaku mula

berombak-ombak mendengar kata-kata tersebut. Aku bergegas ke pejabatku dan memikirkan rancangan supaya aku mendapat projek itu.

Terdengar ketukan di pintuku. Aku terus duduk sambil menyuruh tamu itu masuk. Aku terkejut kerana tidak sangka tamu itu ialah Ayah. Ayah memberitahu Aku bahawa dia ingin Aku menyelesaikan projek pembinaan hotel itu kerana dia tahu Aku ada potensi walaupun perangaiku yang buruk. Aku terkejut mendengar kata-kata ayah tetapi Aku berasa sangat gembira kerana rancangan Aku kini lebih senang untuk dijalankan.

Hari demi hari Aku tertekan dengan projek pembinaan hotel itu. Aku mengambil tindakan untuk meneruskan rancanganku untuk menggelapkan wang syarikat ayahku. Wang tersebut dapat Aku gunakan dalam perlumbaan kereta haram yang tidak lama lagi. Wang itu akan digunakan untuk membayar pihak lawanku jika Aku kalah. Aku merancang untuk mengupah orang luar untuk membantuku. Loceng kecemasan syarikat berdering secara tiba-tiba. Senyuman manis terukir di bibirku apabila Aku mendengar deringan itu kerana ini bermakna orang upahanku telah berjaya melarikan wang syarikat bapaku.

Keadaan di pejabat menjadi riuh rendah dan Aku bergegas ke tempat meletak kereta dan memberi bayaran yang telah kujanji kepada orang upahanku. Aku bergegas balik ke pejabat dan berpura-pura seolah-olah tidak tahu apa yang terjadi. Ayah memanggil Aku dan menyuruh Aku menyiasat kes rompakan yang berlaku.

Hari perlumbaan tiba dan Aku tidak sabar untuk berlumba dengan pihak lawanku. Aku berlumba untuk mendapatkan sebuah kereta baharu. Semasa Aku berlumba, telefon bimbitku asyik berdering. Aku tidak dapat memberi tumpuanku sepenuhnya pada perlumbaan tersebut. Aku menjadi tertekan dengan panggilan ayah yang banyak kali sehingga Aku tertinggal di belakang.

Aku menekan minyak supaya kereta Aku dapat meluncur laju. Akibat memandu kereta terlalu laju sehingga Aku hilang kawalan. Keretaku merempuh sebuah perhentian bas dan melanggar seorang pejalan kaki yang kebetulan berada di perhentian bas. Pejalan kaki itu mengalami kecederaan parah dan mati di tempat kejadian. Walaupun keretaku terbalik dan remuk. Tuhan masih sayangkan Aku. Aku bernasib baik, hanya mengalami kecederaan ringan saja.

Aku dibawa ke hospital untuk mendapatkan rawatan. Siasatan dibuat dan aku didapati bersalah kerana memandu secara bahaya dan terlibat dalam perlumbaan haram. Aku menyesal seumur hidupku dengan apa yang terjadi. Aku memohon maaf kepada kedua orang tuaku apabila mereka menziarahiku di hospital. Akibat keinginanku yang hendak berlumba dan sifat tamak, maruah keluargaku tercemar. Lebih buruk lagi, Aku telah melarikan wang syarikat Ayahku sendiri.

Selepas Aku pulih, kes Aku dibawa ke Mahkamah Tinggi. Perbicaraan dijalankan selama tiga minggu dan para juri memutuskan Aku bersalah. Aku dijatuhkan hukuman penjara selama sepuluh tahun kerana menyebabkan kematian seorang pejalan kaki, menjadi dalang dalam menggelapkan wang syarikat dan terlibat dalam perlumbaan haram.

Apabila hukuman dijatuhkan, terdengar esakan Ibuku. Aku toleh ke belakang dan lihat Ayah sedang mendakap Ibu yang hampir pitam. Melihat keadaan Ibu dan Ayah, Aku benar-benar insaf dan kesal atas kebodohanku.

“Ayah, Ibu ampunkan Aidil. Aidil janji Aidil tidak akan ulangi kesilapan yang sama. Berilah Aidil peluang kedua,” kata-kata akhirku sebelum Aku dibawa ke penjara Changi yang bakal menjadi rumah keduku.

Nur Syafiqah Bte Dahlan (4-1) (HGV)

Contoh 6

Tulis karangan dengan menggunakan permulaan yang berikut:

Kau Sumber Inspirasiku

"Leman, aku lihat engkau sekarang sudah berubah. Engkau semakin malas belajar, Man. Latihan dan kerja sekolah yang diberikan guru banyak yang engkau tidak habiskan," kata Amin kepada rakannya itu pada suatu hari. "Ah aku punya pasallah," bentak Leman menjawab teguran Amin.

Sikap Leman kini telah berubah. Bahkan ketandusan perilakunya semakin menjadi-jadi. Semakin jelak pula dia berguru. Tugas yang diberikan gurunya dibuatnya sambil lewa sahaja. Dahulu, Leman seorang pelajar yang rajin, bijak, bersopan-santun kepada sesiapa sahaja, baik pada yang tua ataupun yang muda. Dia mula berubah apabila sahabat karibnya, Aqil, meninggal dunia.

Aqil ialah seorang sahabat baik Leman. Mereka duduk di rumah tumpangan, Anak-anak Yatim Darul Ehsan. Aqil dua tahun dari Leman. Kaki kiri Aqil cacat dan terpaksa menggunakan kaki palsu untuk bergerak. Aqil pelajar yang pintar. Walaupun tidak seperti remaja lain yang sempurna, Aqil merupakan seorang mahasiswa Universiti Nasional Singapura dalam jurusan Biomedikal. Aqil peraman dan merupakan orang yang mula-mula berbual dengan Leman semasa Leman masuk ke rumah tumpangan setelah kematian ibu dan ayahnya.

Sejak mereka berkenalan, hubungan Aqil dan Leman ibarat isi dengan kuku. Mereka rapat dan saling membantu. Leman menganggap Aqil sebagai abangnya. Leman melihat Qail sebagai inspirasinya untuk berjaya. Namun, Leman dan penghuni rumah tumpangan tidak tahu yang Qail menghadapi penyakit barah Otak tahap empat.

Aqil mengidap penyakit barah otak sejak di Maktab Rendah Raffles. Ketika itu, penyakit tidak begitu serius. Namun, oleh kerana masalah kewangan, operasi untuk membuang ketumbuhan di otaknya ditunda. Namun, Aqil tidak pernah merungut. Aqil tidak memberitahu Leman tentang penyakitnya yang serius itu. Leman sedang menduduki peperiksaan yang genting. Aqil tidak mahu Leman bersedih sebaliknya focus pada pelajarannya.

Leman menganggap Aqil seperti abangnya sendiri. Leman akan berasa selamat jika Aqil ada di sisinya. Segala rahsiahnya dikongsikan bersama Aqil. Aqil adalah orang pertama yang selalu mendapat berita dan khabar tentang kemajuan Leman. Sekarang Leman tidak mempunyai tempat untuk mengadu lagi. Dahulu, Aqil sahaja tempat Leman berkongsi perasaan dan masalah. Leman sangat menghargai Aqil kerana Aqil ialah orang pertama yang menegurnya dan berani berkongsi perbualan dengannya semasa dia pertama kali tiba di rumah anak yatim.

Pada mulanya, Aqil terasa berat hati untuk memberitahu Leman tentang penyakitnya itu. Apatah lagi, apabila dia mendapat tahu betapa pentingnya dia di dalam hidup Leman. Aqil bercadang untuk menghabiskan sisa-sisa terakhirnya bersama Leman, tanpa memberitahu atau memberi apa-apa tanda tentang penyakitnya itu. Setiap kali dia bersama Leman, dia akan memakai topi untuk menutupi kepalanya.

Pada suatu hari, pada hujung minggu, sedang Aqil dan Leman berborak -borak di bilik mereka, Aqil memberitahu Leman bahawa dia mahu berbaring di atas katil kerana dia rasa penat. Tanpa memikirkan apa-apa, Leman membantu Aqil untuk baring di atas katil.

Dalam keadaan berbaring, Aqil berkata, "Leman. abang Aqil mahu meminta maaf kepada Leman. Jaga diri Leman baik-baik ya. Jangan lupakan abang. Abang sayang Leman." Itulah kata-kata terakhir Aqil kepada Leman.

Pada mulanya, Leman berfikir, Aqil bermain-main sahaja. Tetapi, apabila dia cuba untuk mengoyangkan bahu Aqil, dia sedar bahawa Aqil telah tiada. Leman tersentak dan kehilangan dengan pemergian Aqil secara tiba-tiba. Kesan pemergian Aqil begitu hebat sehingga Leman tidak dapat

menerima kenyataan yang Aqil telah pergi buat selama-lamanya. Leman masih terkejut dengan apa yang terjadi di hadapannya. Dia hanya mampu menangis teresak-esak di sebelah Aqil.

Kini, Leman bersendirian. Pelajarannya tidak dipedulikan lagi. Hasrat Leman hendak belajar bersungguh-sungguh, untuk ke menara gading seperti Aqil hanya tinggal angan-angan kosong. Niat untuk mendapatkan pekerjaan yang baik dan bergaji besar, supaya dia dapat menghadiahkan Aqil sebuah kaki palsu dilupakan. Segala impian Leman musnah bersama terkubur dengan pemergian Aqil.

Sehingga ke hari ini, Leman masih tidak boleh menerima kenyataan atas permergian sahabat karibnya. Dia sudah tidak mempedulikan hidupnya lagi. Leman berubah. Semua orang di rumah anak yatim itu takut untuk bergaul dengannya. Apabila mereka cuba menasihati atau cuba untuk bergaul dengannya, mereka akan ditengking dan dimarahi oleh Leman, walaupun mereka tidak melakukan apa-apa kesalahan.

Rakan-rakan Leman di sekolah juga bingit dengan kelakuannya yang telah berubah. Hanya Cikgu Amin sahaja yang tidak berputus asa untuk cuba menasihati Leman kerana dia mengetahui dan memahami tentang Aqil. Suatu petang, semasa Leman sedang termenung jauh, Cikgu Amin menghampirinya. Cikgu Amin menghulurkan sepucuk surat berwarna biru.

“Ini surat terakhir Aqil sebelum dia menghembuskan nafasnya terakhir. Aqil pesan untuk beri kepadamu,” kata Cikgu Amin sambil menghulurkannya kepada Leman. Leman mengambil dan membaca lembaran yang ditulis oleh arwah Aqil. Leman kenal sangat tulisan Aqil yang kemas dan bersih. Air mata Leman mula berlinangan.

Salam adikku Leman,

Masih menangis lagikah adikku? Masih marah lagikah dengan Abang? Jika Leman sayangkan Aqil seperti abang Leman, Leman mesti reda dengan pemergian abang. Abang mahu Leman terus berusaha dan kotakan janji Leman pada Abang. Abang ingin lihat Leman berjaya dalam pelajaran, pekerjaan dan hidup. Walaupun Abang tiada, Abang tetap dalam doamu. Maafkan Abang kerana merahsiakan penyakit Abang kerana Abang mahu Leman fokus dalam pelajaran. Addikku Leman, Abang ada hadiah untuk Leman. Dalam bungkusan itu ada senaskhah Al-Quran, tasbih, songkok dan sejadah buat Leman. Hanya ini saja harta peninggalan Abang. Gunakan ia dengan baik. Walau jauh di mata dekat di hati.

Wassalam.

Abang Aqil

Leman memeluk bungkusan yang diberi Cikgu Amin. Air matanya bercucuran. Cikgu Amin mendakap Leman erat. Leman berjanji akan mengotakan permintaan Abang Aqil. Wajah Leman yang layu dan penuh dengan kekecewaan berubah dengan lingkaran senyuman kesyukuran.

“Ya Tuhan, letakkan roh Abang Aqil dalam kalangan orang-orang yang beriman. Sesungguhnya Abang Aqil insan yang baik. Amin.”

Nur Ain Bte Rahim (4-3) (HGV)

Contoh 7

Tulis karangan dengan menggunakan permulaan yang berikut:

Masih Ada Kebahagiaan Buatku?

Jam menunjukkan pukul enam setengah petang. Cuaca yang sangat panas membuatku berpeluh tanpa henti. Aku baru sahaja selesai aktiviti kokurikulum di sekolah. Badanku terasa sangat letih. Aku menunggu teksi yang telah aku hubungi di depan sekolah. Apabila tiba di rumah, Cik Mia menjemputku di depan pintu. Aku menyalamnya dan masuk ke rumah. Setiap hari aku pulang ke rumah banglo yang sungguh besar ini, tetapi keadaannya sunyi sepi. Aku terus menaiki tangga untuk ke bilik dan mandi.

“Sarah nak makan? Kalau nak, Cik Mia siapkan?” tanya Cik Mia kepadaku.

Aku hanya larat untuk mengangguk dan senyum kepadanya. Selepas aku mandi, aku turun untuk makan. Aku duduk untuk makan bersama abang yang baru juga pulang dari sekolah. Sudah berapa lama aku tidak makan bersama ibu dan ayah. Mereka selalu sahaja pulang lewat dan berangkat ke kerja siang. Tidak selalu aku dapat peluang untuk berjumpa mereka. Jika aku mahu menghubungi mereka, belum tentu mereka akan menjawab. Mereka terlalu sibuk sehinggakan kadangkala lupa untuk menanyakan khabar anak-anak mereka. Cik Mia sahajalah tempat aku berkongsi dan mengadu jika aku ada masalah atau setakat berbual untuk meluahkan perasaanku. Abangku pula selalu sibuk dengan kerja sekolahnya. Kami membawa haluan masing-masing.

Selepas makan, aku pergi ke bilikku untuk membuat kerja sekolah. Tiba-tiba, aku teringat kepada ibu. Dahulu, sebelum ibu bekerja di syarikat ayah, ibu adalah suri rumah. Setiap kali aku belajar, ibu pasti akan membuatku minuman dan siapkan sedikit biskut atau kuih. Aku rindu sangat pada ibu. Aku rindu masa-masa aku bersama ibu. Tiba-tiba, ketukan di pintu mengejutkanku daripada lamunanku.

“Sarah ada masalah? Kenapa kelihatan seperti tidak fokus?” tanya Cik Mia sambil berdiri di sebelah meja belajarku.

Cik Mia lah tempat aku mengadu, tempat aku menceritakan segala-galanya. Ini bukan kali pertama aku mengadu kepada Cik Mia yang aku rindu pada ibu dan ayah. Malah, sudah beberapa kali aku menangis teresak-esak dalam pelukan Cik Mia yang sudah kuanggap sebagai ibuku sendiri. Cik Mia selalu berpesan bahawa ibu dan ayah bekerja keras untuk memberiku kebahagiaan. Namun, bagiku kebahagiaan bukan diukur dalam bentuk kekayaan dan kemampuan. Kebahagiaan ialah aku dapat bersama ibu dan ayahku, seperti rakan-rakanku yang lain.

Sudah lama kami tidak pergi bercuti sekeluarga. Kali terakhir kami pergi bercuti ialah sewaktu aku di darjah empat, itu pun kami hanya pergi ke Melaka. Setiap kali sekolah dibuka selepas cuti penggal, rakan baikku selalu bercerita tentang cuti sekolahnya. Walaupun dia tidak pergi ke luar negara, dia tetap dapat meluangkan masa dengan keluarganya. Sedangkan aku, Hari Raya pun disambut pada hari pertama sahaja.

Aku hanya berkunjung ke rumah saudara-mara bersama nenek dan datukku. Tanpa mereka, belum tentu aku dapat beraya. Hal ini berlanjutan sejak aku berumur lapan tahun. Aku sudah terbiasa hidup bersama abang dan Cik Mia. Merekalah penyeri hidupku. Di sekolah, aku mempunyai beberapa orang rakan baik yang selalu membuatku tersenyum dan ceria. Aku sangat bersyukur dengan adanya mereka semua. Mereka menyeru hatiku dan mereka memahami perasaanku. Mereka banyak membantu dalam pelajaranku. Apabila aku berasa tertekan, mereka yang akan memberi semangat untuk aku terus berusaha.

Ibu dan ayahku mampu memberiku wang atau apapun yang aku mahu, tetapi hanya satu perkara yang mereka gagal memberiku iaitu waktu. Mereka sukar untuk adakan waktu, waktu untuk aku dan abangku. Aku tahu mereka sibuk dengan pekerjaan, tetapi aku juga ingin merasakan kebahagiaan sebagai sebuah keluarga. Aku sedar, bahawa semua harta dunia tidak akan dapat menjamin kebahagiaan hidup.

Aku ingin ibu dan ayah bersamaku, memberikanku sepenuh kasih sayang dan berada bersamaku setiap suka dan duka. Aku ingin seperti orang lain, yang hidup sederhana tetapi ada keluarga disisi yang selalu menyokong dan menyayangi mereka. Aku tahu ibu dan ayah bekerja keras kerana mereka sayang akan aku dan abang, tetapi aku hanya ingin hidup bahagia bersama mereka. Sesungguhnya aku amat berharap mereka sedar akan perkara ini.

“Sarah, belum tidur?” tanya Cik Mia.

Aku tersentak buat seketika. Aku tidak akan berputus asa. Selagi langit luas terbuka selagi itu doaku buat ibu dan ayahku tetap disanubariku. Ya Tuhan, kembalikanlah kebahagiaan yang kian hilang dalam keluargaku. Ibu ayah, kami sayang padamu. Kami rindu kehadiranmu.

Erin Rindyani (4-9) (HGV)

Contoh 8

Peluang Kedua

“Ya Allah, maafkanlah segala dosaku terhadap arwah Ibu. Ibu, maafkan Yazid.” Aku berdoa dengan suara tersekat-sekat menahan air mata yang mengalir di pipi.

Aku baru sahaja selesai membaca Al-Quran. Sudah hampir lima tahun semenjak peristiwa hitam itu berlaku. Namun, hatiku masih terasa pedih bagai dihiris dengan pisau dan kemudian dipercik dengan limau kasturi. Aku tidak akan memaafkan diriku sendiri atas apa yang aku lakukan terhadap Ibu.

Aku pelajar tahun akhir di Sekolah Menengah St Andrew. Aku merupakan seorang pelajar yang bijak kerana selalu mendapat markah yang tertinggi di dalam kohortku. Tahun itu, aku yakin aku akan mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan GCE peringkat ‘O’. Aku ingin ke Maktab Rendah Kebangsaan dalam bidang Sains. Aku bekerja keras setiap hari mengulang kaji pelajaranku hingga lewat malam. Aku rajin membuat kerja tambahan supaya aku dapat menjawab pelbagai bentuk soalan yang mudah dan sukar. Berbulan-bulan aku telah membuat persiapan. Malangnya, semua kerja keras aku hancur disebabkan kematian ayahku secara mendadak. Ayah terlibat dalam kemalangan yang meragut nyawanya.

Kematian ayahku telah menjejaskan prestasiku di sekolah. Pelajaranku mula merosot. Aku begitu terkesan dengan pemergian ayah. Aku tidak dapat fokus semasa guru mengajar. Minat pada pelajaran mula pudar. Aku bukan lagi pelajar yang bijak. Aku bukan lagi pelajar yang mendapat markah yang tertinggi. Aku, bukan Aku. Aku banyak berubah. Perubahanku menyebabkan aku kehilangan ramai kawan kerana sikap aku yang mula biadab. Aku menjadi kebencian orang.

Sejak kematian ayah, Ibu telah mengabaikan aku. Ibu lebih mementingkan kerjayanya daripada aku. Ibu selalu balik rumah lambat, kami tidak banyak bercakap malah lebih banyak menyendiri selepas ketiadaan ayah. Bagiku, rumah ibarat neraka. Ini kerana aku dan ibu sering bertengkar seperti anjing dengan kucing. Sungguh menyedihkan.

“Kenapa Yazid balik lambat ni? Kau merayau tidak ingat jam berapa nak balik? Kau tahu tak mak risau?” teriak ibuku dengan bengisnya.

“Bisinglah mak ni. Sejak bila mak pedulikan Yazid? Mak cuma tahu kejar harta dunia,” kataku dengan keras lalu ke kamarku sambil membanting pintu bilik.

Aku terus baring di atas katilku tanpa menukar baju. Kenapalah aku dilahirkan dalam keluarga ini? Tidak lama kemudian, aku mendengar hempasan pintu pagar rumahku. Mesti Ibu keluar dengan kawannya sampai pagi buta, entah buat apa. Aku hairan dengan perangai ibuku yang selalu marahku kerana selalu balik lambat selepas sekolah sedangkan ibu juga balik malam, kadangkala waktu dini hari. Dalam keletihan, aku tertidur tanpa membuat kerja rumah atau mengulang kaji walaupun peperiksaan GCE peringkat ‘O’ dalam dua bulan lagi.

Keesokan hari, aku bangun tanpa minat untuk ke sekolah. Bagiku ia hanya buang masaku. Aku tidak peduli untuk mendengar cakap guru atau mengambil nota kerana aku rasa rimas dan malas. Aku selalu juga biadab terhadap guru-guruku. Aku tidak menghormati mereka. Sebaliknya, menimbulkan masalah di sekolah. Dalam perjalanan ke sekolah, aku temui Adam. Salah seorang kawan baikku. Dialah yang membantu aku mengatasi tekananku semasa arwah ayah meninggal dunia. Aku mengambil keputusan untuk berlepak dengan Adam walaupun aku sudah lambat untuk sekolah. Aku tidak peduli.

“Nak satu?” Tanya Adam sambil menghulur sebatang rokok ke arahku.

“Bolehlah. Apa macam, rancangan kita malam ni, jadi tak?” aku tanya dengan ghairah.

“Jadi, Raihan akan membawa penyembur, sasaran aku rumah Chee Meng. Dia hutang aku tiga ribu sejak tahun lalu. Kita jumpa pukul 10 malam di tempat biasa,” kata Adam sambil membuang dan memijak puntung rokoknya di lantai.

“Kau sibuk esok malam? Nak pergi kelab malam yang baru buka di Geylang?” Adam bertanya sementara dia menyalakan sebatang rokok yang baharu.

“Kau gila? Aku belum lagi 21,” celahku sambil menyedut asap rokok dengan rasa puas.

"Aku kawan baik dengan pemilik kelab itu, aku boleh bawa kau masuk. Senang aje. Tak payah takut," kata Adam sambil memaparkan senyuman sinis.

Sekolah hari itu seperti hari lain, aku sentiasa dimarahi guru kerana aku datang lambat dan aku tidak membuat kerja rumah. Bilakah mereka akan sedar yang aku tidak akan tukar sikap burukku? Aku tidak sabar untuk meninggalkan tempat itu.

"Mak, Yazid nak keluar sekejap," kataku sambil berlari ke arah pintu.

"Kau nak ke mana? Dah malam ni," tanya ibuku.

"Alah mak, bosan Yazid dekat rumah ni. Dahlah mak selalu balik lambat," kataku dengan keras.

"Kurang ajar kau. Keluar dari sini!" teriak ibuku dengan bengisnya. Ibu menampar pipiku. Aku terkejut. Ingin saja aku maki Ibu. Namun, aku cuba menghalang diriku daripada menghamburkan kata-kata kesat, keras dan mengguriskan hati ibu. Tanpa berkata, aku bergegas keluar dari rumah.

Aku menunggu di tempat yang kami sepatutnya bertemu. Tidak lama kemudian, Adam, Raihan dan Ali tiba. Kami menuruskannya rancangan kami. Kami menyembur cat di seluruh pagar pintu rumah Chee Meng. Adam mengunci pintu pagar supaya Chee Meng tidak boleh keluar. Kami melakukannya secara berhati-hati supaya tidak diberkas polis. Malam itu sangat menyeronokkan. Aku tidak merasakan sebarang penyesalan bagi Chee Meng.

"Salah dirinya sendiri, sudah pinjam tidak mahu bayar. Padan muka dia," teriak hatiku sambil menyembur cat merah di tingkap. Selepas itu, kami terus lari seperti lipas kodong sambil ketawa terbahak-bahak. Sesampai di kolong blok kami jalan selamba saja seolah-olah tidak ada apa-apa yang berlaku.

"Esok jumpa aku dengan Raihan pukul 11 malam, jangan lambat," Adam kata dengan keras lalu bersedar bersama Raihan dan Ali.

Ketika aku masuk ke rumah jam sudah dekat pukul satu pagi. Aku terus ke kamarku dengan senyap. Aku cuba elak buat bising kerana aku tidak mahu mendengar ibu membebel dan memarahi aku. Aku mengunci pintuku lalu tidur di atas katilku. Aku teruja untuk acara esok. Hatiku berdebar-debar seolah-olah aku merasakan ada sesuatu yang buruk akan berlaku.

Esok malam, aku meninggalkan rumah melalui tingkap bilikku agar aku tidak bertembung dengan ibu. Aku menemui Adam dan Raihan di luar kelab malam di Geylang. Terdapat banyak orang yang beratur di luar. Kami ke pintu dan terus masuk tanpa menunggu di luar. Aku dapat merasakan orang ramai yang telah menunggu begitu lama memandangi kami dengan marah.

Kelab malam itu berbau asap, peluh, arak dan sebagainya. Keadaan agak sempit kerana dipenuhi pelbagai pelanggan. Adam membawa kami ke sebuah meja dan menyuruh kami duduk. Adam mengeluarkan sepaket kecil yang mengandungi serbuk putih.

"Nah, ni untuk kau. Nikmati sahaja malam ini," kata Adam dengan ghairah.

Malam itu, kami minum arak dan mengambil dadah. Walaupun aku bawah umur. Semuanya begitu seronok dan indah sehingga tiba-tiba ada orang menjerit dan cuba lari keluar dari kelab itu. Sebelum kami sedar, kami diberkas oleh beberapa orang pegawai polis yang berpakaian reman. Semua yang ada di kelab itu diangkut polis ke balai. Pihak polis telah membuat serbuan hendap kerana mendapat maklumat tentang penggunaan dadah di kelab itu. Aku terlalu mabuk untuk menyedari apa yang telah berlaku. Kami semua dibawa ke balai polis untuk menjalani ujian air kencing selain disoal siasat dan ditahan di lokap. Air kencing kami mengesahkan kami mengambil dadah dan didakwa dengan ikat jamin sepuluh ribu dolar.

Seluruh tubuhku menggeletar dan lutut aku macam terbongkas. Buat pertama kali dalam hidupku, aku tidak pernah dipasung semacam ketakutan seperti ini. Aku menyesal dengan sikap bodohku. Aku teringat kepada ibu yang berada di rumah. Ibu mungkin berasa sangat bimbang dan tertanya-tanya di mana aku berada. Aku yakin Ibu tidak akan mampu untuk menjaminku keluar. Aku terus dibawa ke penjara sementara menunggu hukuman dijatuhkan.

"Yazid, mari ikut saya," perintah pegawai polis itu dengan suara yang keras. Pegawai polis itu membawa aku ke sebuah bilik kecil. Aku duduk berhadapan dengannya.

"Saya harap awak bersabar dan tabah ya. Saya ada berita buruk tentang ibu awak. Yazid, ibu awak telah meninggal dunia beberapa jam selepas penangkapan awak. Ibu awak meninggal dunia akibat serangan jantung. Semasa kami ke rumah awak semalam untuk memberitahunya tentang awak ditahan di balai polis, Ibu awak dijumpai dalam keadaan tidak sedarkan diri. Kami telah menghubungi pihak ambulans dan paramedik yang memeriksanya mengesahkan ibu awak telah meninggal dunia secara mengejut. Pihak ambulans telah membawa mayatnya ke Hospital Nasional Singapura (NUH) untuk dibedah siasat. Saudara-mara ibu awak telah dihubungi dan mereka akan menguruskan mayatnya. Ibu awak akan dikebumikan esok pagi," jelas pegawai polis itu.

Hatiku hancur luluh bagai kaca terhempas ke batu. Air jernih merembes keluar dari mataku. Bahuku terenjut-enjut dan hatiku terus berkocak menahan sebak di dada. Dadaku terasa perit dan berat mendengar berita tersebut.

"Kenapa harus ini berlaku kepada aku? Adakah ini balasan tuhan?"

Selepas puas menangis, mataku merah bagai biji saga. Aku sedar, walaupun aku menangis darah sekali pun aku tidak akan dapat balik ibuku. Walaupun dosaku diampuni tuhan, aku tidak akan dapat balik ibuku. Aku sedar dan kesal atas kebiadapanku terhadap ibu. Sekarang, aku sebatang kara tanpa ayah tanpa ibu.

Aku dijatuhkan hukuman penjara tiga tahun dan ditahan di Pusat Pemulihan Dadah. Semasa di sana, aku diberi pendidikan agama dan peluang menyambung semula persekolahanku. Aku menggunakan peluang yang diberi dengan bijak. Aku berpeluang menduduki peperiksaan GCE peringkat 'O' dan 'A' dan meraih keputusan dengan cemerlang. Keputusan GCE peringkat 'A' memberi aku peluang untuk ke menara gading dalam jurusan Sains. Oleh kerana kelakonanku selama di penjara amat baik, hukumanku disingkatkan. Aku berpeluang menyambung pengajianku di Universiti Nasional Singapura (NUS) selepas bebas dari penjara. Aku amat bersyukur kerana diberi peluang oleh tuhan untuk kembali ke jalan yang diredaiNya.

Tiba-tiba, lamunanku tersentak oleh bunyi benda jatuh. Aku melihat sekeliling bilikku untuk melihat apa yang jatuh. Cermin potret keluargaku pecah seribu dipukul angin senja umpama hatiku yang remuk dan berdarah. Aku mengambil gambar daripada longgokan kaca dan memeluknya erat. Air mataku berlinangan melihat wajah ibu dan ayah. Hatiku tiba-tiba diserang rasa kecewa. Aku menyesal dan berharap tidak akan mengulangi kesilapan yang sama lagi. Biarlah peristiwa hitam ini menjadi pengajaran kepadaku hingga aku mati.

Fadhilah Husna Z (4-8) (HGV)

Contoh 9

Sebuah cerita yang menunjukkan bahawa harta benda tidak akan dapat menjamin kebahagiaan di dalam sebuah keluarga.

Gara-gara Tamak Haloba

"Aduh!" Aku mengeluh apabila tersandung pada bucu katilku. Aku terduduk, sambil mengerang kesakitan. Tiba-tiba, aku ternampak sebuah kotak besar di bawah katilku. Tumpuhanku terus mengalih ke arah kotak itu dan aku berasa amat curiga untuk mengetahui apa yang ada di dalam kotak tersebut. Dengan segera, aku menggapai kotak itu dan terus membukanya. Hatiku berkocak apabila melihat isi kotak itu. Dalamnya, terdapat beberapa barang daripada pekerjaanku yang lama. Terdapat sekeping sijil kenaikan pangkat untuk menjadi seorang pengurus. Kenangan pahit-manis mula kembali menjangkau suasana masa lampauku.

"Tahniah Encik Malik, awak akan dinaikkan pangkat sebagai seorang pengurus kewangan dalam syarikat kami!" ucap bos aku sambil menjabat tangan denganku.

Mataku terbeliak kerana aku tidak sangka yang aku berjaya mendapat jawatan yang itu. Kegembiraan dan kesyukuran mula berbunga di lubuk hatiku. Aku tidar sabar untuk menyampaikan berita baik ini kepada isteri kesayanganku. Isteriku pasti berasa bangga atas kejayaanku.

Namun, aku sedar dengan menjadi pengurus kewangan baharu syaikat ini, semakin berat tanggungjawab yang perlu aku pikul, seperti pepatah Melayu, "besar kapal besar pula gelombangnya." Tugasku untuk memastikan wang syarikat dalam keadaan stabil. Aku yang uruskan gaji para pekerja dan

juga pelaburan syarikat. Tugas yang amat berat sekali.

Sebelum ini, aku menganggap bahawa pekerjaan ini mudah, tetapi sangkaanku meleset. Aku menjadi lebih tertekan setiap hari kerana kerja yang semakin banyak dan mencabar. Aku juga terpaksa balik selewat-lewat jam dua belas malam oleh kerana mahu menghabiskan segala kerjaku dan ini menyebabkan aku menjadi amat mengantuk untuk bekerja pada hari seterusnya.

Tiba-tiba aku mula rasa tidak berpuas hati dengan gaji dan kerja yang aku buat. Rasa tamak bercambah di hati. Fikiran jahat mula berlegar-legar dalam sanubari. Gajiku sebanyak tiga puluh ratus ribu tidak setimpal jika dibandingkan dengan kerja kerasku. Muncul idea untuk cepat kaya. Aku merancang untuk mengelapkan wang syarikatku. Bagiku, ia bukan mencuri sebaliknya mengambil apa yang menjadi hak aku.

Aku mula menggerakkan rancangan cerdikku. Sebagai mengurus kewangan syarikat, aku dapat menembusi secara langsung akaun pekerja dan syarikat. Pada awalnya, aku hanya menggelapkan jumlah yang kecil. Apabila perbuatanku tidak disedari oleh syarikat, aku menjadi lebih berani. Kali ini, puluhan ribu wang syarikat aku alih kepada akuan aku dan isteriku tanpa pengetahuannya.

Perbuatan terkutukku tidak disedari buat setahun dua. Namun, "sepandai-pandai tupai melompat akhirnya jatuh jua". Itu yang berlaku padaku apabila Pengurus Besar syarikat membuat pemeriksaan mengejut dan mendapati wang syarikat lesap. Aku tidak menduga Pengurus Besar hadir pada sesi perbentangan syarikat.

Pada hari itu, semasa aku masuk bilik mesyuarat, aku berasa amat pelik kerana semua pekerja sedang merenung ke arah aku. Namun, aku tidak mempedulikan mereka langsung. Sebaik sahaja aku duduk di kerusiku, aku mula bayangkan apa yang aku boleh buat dengan wang yang lumayan itu. Tiba-tiba, lamunanku dikejutkan oleh ketukan perlahan di pintu mesyuarat. Aku lihat Lea pembantu peribadiku masuk, masuk dengan wajah yang membimbangkan.

Lea terus menunjukkan aku nilai wang yang berada dalam bank syarikat kami di komputer ribanya. Lalu, Lea menanyakan aku mengapa nilainya tiba-tiba turun kerana dia pasti dia sudah memeriksa nilai banknya hari sebelumnya dan ia baik-baik sahaja. Aku terus berdiam. Debaran jantungku memukul dada. Aku tidak sangka yang Lea telah memerhatikan tindakanku dan membuat laporan kepada Pengurus Besar.

Semua mata ke arahku. Aku tidak dapat berselindung lagi. Ketakutan mula bergayut di sudut hatiku. Di sinilah semuanya akan berakhir. Sepuluh tahun aku bekerja keras untuk mendapat pekerjaan dan jawatan tinggi seperti ini lesap begitu sahaja. Jika aku tidak memikirkan untuk membuat perkara terkutuk itu, semua ini masih boleh kekal lagi. Tanpa kuduga, Pengurus Besar masuk bersama dua pegawai polis. Aku digari dan dibawa ke Balai Polis Cantomen untuk disoal siasat.

Pada mata Pengurus Besar syarikat memancar api kekecewaan. Beliau sempat menanyakan aku mengapa aku sanggup menggelapkan wang syarikat. Belum sempat aku dapat menjawab, pegawai polis membawa aku ke kereta polis. Saat aku dibawa ke balai polis, saat itu segala kehidupanku hancur lebur.

"Encik Malik Bin Hafuz, awak dijatuhkan hukuman penjara dua tahun." kata Hakim Besar Encik Desmon.

Mulai hari itu, aku telah kehilangan segalanya; pekerjaanku, isteriku dan yang paling penting, kepercayaan orang lain terhadap aku. Oleh sebab sikap tamakku, aku dipenjarakan dan kehilangan segalanya. Aku betul-betul menyesal dengan kelakuanku. Andai kata aku dapat putar kembali masa, aku tidak mahu perkara itu berlaku.

Hari tersebut menjadi pengajaran buatku hingga akhir hayatku. Walaupun sudah dua tahun perkara itu berlaku, namun kesan dan parutnya masih segar. Isteriku telah membawa diri ke Australia. Aku sebatang kara. Aku bertekad untuk memulakan hidup baharu. Dengan berbekalkan sijil dan pengalamanku, aku mengorak langkah. Aku berdoa, semoga masih ada insan mulia yang sudi menerimaku sedayanya.

Siti Humairah (4-9) (HGV)

Contoh 10

Janjiku Kepada Ayah

Ayah, demi Tuhan kubersyukur
Petunjuk-Nya menyedarkan kita
Meskipun dosa tiap hari kupinta
Agar bersih semuanya

Lagu nyanyian Asiyah di corong radio membawa kenangan silam bermain di benak mindaku. Timbul rasa kesal atas apa yang terjadi. Namun, aku reda. Jika aku dapat putar semula waktu, aku akan lebih berhati-hati dalam tindak tandukku dan menjadi anak yang lebih bertanggungjawab.

Aku seorang anak yang degil. Aku sering bergaduh dengan ibu bapaku dan aku sering lari diri dari rumah. Walaupun aku sering berbuat begitu, ibu bapaku tetap sayang kepadaku. Aku ditatang bagai minyak yang penuh kerana aku adalah anak tunggal Datuk Jamal dan Datin Faridah.

Ayahku seorang usahawan yang berjaya. Ayah pemilik syarikat SRIWANI BERHAD. Syarikat yang mengurus urusan Haji, Umrah dan wisata luar dan dalam negeri. Ayah telah mengurus syarikat itu selama lima belas tahun. Syarikat itu berupa nadi kewangan keluarga. Ayah amat dihormati oleh para pekerja dan dianggap pengurus contoh. Ayah bekerja tujuh hari dalam seminggu. Aku jarang bertemu dengan ayah walaupun pada hari Ahad. Namun, apa sahaja yang aku mahu, ayah pastikan aku dapat.

Ibuku juga sibuk. Bukan sibuk bekerja tapi dengan rakan-rakannya. Ibu sibuk dengan kerja-kerja kemasyarakatan. Kata ibu, cara untuk berjasa kepada yang mereka yang susah. Aku pernah cadangkan ibu bekerja dengan ayah, tapi kata ibu, dia tidak minat kerja-kerja pentadbiran. Ibu akan cuba menghabiskan masa denganku walaupun sesibuk mana. Keadaan keluargaku yang sibuk menyebabkan aku rasa diriku terabai. Ibu sibuk bantu orang lain, anak sendiri terbiar ibarat kera dihutan disusukan anak sendiri mati kelaparan.

Kesibukan ibu bapaku, aku gunakan untuk kepentingan diriku. Mereka menjadi punca setiap perbuatan nakalku. Pelajaranku sering merosot kerana aku tidak memberi perhatian ketika guru sedang mengajar. AKU juga sering terlibat dalam masalah disiplin. Guru kelasku sering memanggil ibu bapaku ke sekolah untuk membicarakan tentang prestasi akademikku yang kian merosot. Selalunya, aku selalu mendapat komen-komen yang negatif daripada guru-guruku. Walaupun begitu, ibu bapaku tidak pernah memarahiku. Mereka sering menasihati supaya merubah sikapku yang buruk itu. Ayahlah yang sering menyokongku supaya berubah walaupun aku tidak pernah mengendahnya.

Suatu hari, aku menerima panggilan daripada ibu. Dia berkata bahawa ayah telah jatuh sakit dan sedang berada di hospital. Aku amat terkejut kerana tidak pernah aku mendengar ayah jatuh sakit. Aku mula berfikir yang bukan-bukan. Adakah ayah sakit? Setibanya di hospital, aku menghampirinya dan mencium pipinya. Ayah menasihati supaya belajar dengan tekun dan jangan cepat mengalah. Ayah juga berkata bahawa aku masih ada lagi peluang untuk berubah. Aku berjanji kepada ayah bahawa aku akan lebih rajin belajar dan aku berazam untuk berubah.

“Hazwan, walaupun apa pun terjadi, Hazwan mesti ingat yang ayah sentiasa inginkan yang terbaik untuk kamu. Hazwan harus berjanji yang Hazwan tidak akan membenci ayah. Janji pada ayah ya nak...” Aku mengangguk sahaja kerana tidak mahu melihat ayah menderita.

“Encik Hazwan, saya peguam arwah Datuk Jamal. Saya diberi kepercayaan untuk menjalankan wasiat arwah Datuk sekiranya terjadi sesuatu ke atas dirinya. Datuk sudah jatuh mufliis kerana telah menyalahgunakan wang syarikat sebanyak dua juta dolar. Sekarang pihak bank meminta pihak keluarga arwah Datuk untuk membayar hutang-hutang tersebut.” Penjelasan peguam muda itu masih terngiang-ngiang di telingaku.

Ayah! Ayah yang kusanjung selama ini rupa-rupanya syaitan bertopengkan manusia! Aku seperti tidak dapat mempercayai kata-kata itu. Namun, dokumen-dokumen rasmi daripada pihak bank dan syarikat jelas membuktikan kesalahan ayah. Malu, kesal, benci bercampur-baur dalam benak minda dan jiwaku.

Sudah lima tahun ayah meninggalkan kami tetapi setiap hari yang berlalu aku rasakan seperti semakin sukar untuk mengotakan janjiku pada ayah. Pelbagai masalah timbul akibat kelakuan arwah ayah. Segala tindak tanduknya yang dirahsiakan daripada keluarga mula kami ketahui.

Ibu lebih menderita setelah mendapat tahu perangai ayah yang kaki judi dan suka berfoya-foya dengan gadis-gadis muda. Semua harta yang kami miliki tergadai akibat terpaksa menyelesaikan segala hutang ayah. Reputasi syarikat ayah terjejas akibat tindakan ayah dan tidak seorang pun yang ingin berurusan denganku sejak aku mengambil alih syarikat ayah. Mereka kata bapa borek, anak rintik.

Pemergian ayah telah banyak mematangkanku. Kini, aku percaya dalam hidup setiap manusia ada suka dukanya ibarat air pun ada pasang surutnya. Perasaan benci dan marah terhadap ayah terpaksa aku buang jauh untuk meneruskan hidup ini. Mungkin ada hikmah di sebalik apa yang berlaku ke atas keluargaku ini. Sebagai hamba-Nya, aku hanya dapat menerima ujian ini dengan redha. Sesungguhnya setiap manusia pernah melakukan kekhilafan. Ya Allah, Kau ampunilah dosa-dosa arwah ayahku. Amin.

Mohammed Hazwan B Mohammed Osman (4-6)

Contoh 11

Kau Pergi Tanpa Pesan

“Hisyam!!” aku tersentak daripada tidur lenaku. Mimpi lagi.

Aku terperanjat lalu mengeluh. Kolam ingatanku beriak apabila dilontar dengan batu jeritan. Sudah hampir dua tahun peristiwa pahit itu berlaku, namun aku tidak boleh lupakan segalanya. Aku tidak boleh lupakan bagaimana Hisyam meninggal dunia pada malam itu.

Namaku Fattah. Dua tahun lalu, aku kehilangan Hisyam, kawan karibku. Aku berkawan baik dengan Hisyam sejak tadika hingga ke politeknik. Hubungan antara kami berdua seperti isi dengan kuku. Hubungan kami begitu akrab, sehingga dianggap seperti adik beradik. Di mana saja Hisyam pergi, aku pasti bersamanya. Dia mana aku berada, Hisyam pasti bersamaku.

Hisyam ialah seorang yang ceria dan baik hati. Namun, semasa di sekolah menengah, dia terlibat dalam kes pencurian akibat dicabar oleh kawan-kawan yang liar. Dia ditangkap oleh polis dan dimasukkan ke Rumah Tumpangan Pertapis (Boys Home) selama sebulan. Apabila berita itu sampai kepadaku, aku dipeluk kesedihan kerana aku bersendirian di sekolah tanpa Hisyam.

Selepas Hisyam dibebaskan dari Rumah Tahanan Juvana, perangai Hisyam mula berubah. Hisyam lebih bersopan santun dalam tutur katanya dan ringan tangan. Dia mula melibatkan dirinya dalam kerja-kerja kemasyarakatan. Dia pernah meluangkan masa cuti sekolah menolong warga-warga emas di Rumah Tumpangan Bukit Batok selain terlibat secara aktif dalam projek Penerapan Nilai-Nilai Murni (VIA) di sekolah. Perangai baiknya ini dibawa bersama semasa di politeknik.

Semasa di politeknik, kami berdua sering mengulang kaji bersama kawan-kawan yang lain. Hisyam merupakan seorang yang rajin dan gigih berusaha kerana dia hendak mendapatkan biasiswa untuk melanjutkan pengajiannya di Universiti Harvard. Dia perlu berusaha ibarat jika tidak dipecah ruyung mana boleh mendapat sagunya. Itulah cita-cita murninya. Hisyam pasti menghabiskan masa menelaah mata pelajarannya.

Semasa peperiksaan berlangsung, aku dapat menjawab semua kertas peperiksaan dengan baik. Ini semua atas bantuan Hisyam yang banyak membimbingku. Dia sanggup mengorbankan masa terluangnya mengulang kaji bersamaku. Tunjuk ajarnya membantu aku menjawab setiap kertas peperiksaan dengan yakin. Apabila keputusan diumumkan, aku tersenyum lebar kerana aku lulus dengan baik. Aku terus mendapatkan Hisyam kerana ingin tahu keputusannya juga.

"Eh Hisyam, macam mana? Lulus?" aku bertanya kepada Hisyam yang kelihatan muram sahaja. Buat seketika, tiada reaksi atau jawapan daripadanya. Tiba-tiba muka Hisyam kelihatan ceria seceria matahari. Dia tersenyum lebar dari hujung ke hujung sambil menunjukkan kertas keputusannya kepadaku.

"Wah! GPA kau 3.9?! Pandainya kau!" aku berteriak kegembiraan. "Tahniah! Aku harap kau akan dapat meneruskan pengajianmu di Universiti Harvard untuk mencapai cita-citamu kau sebagai seorang peguam," aku berkata sambil memberi Hisyam pelukan yang ikhlas.

Alangkah gembiranya hatiku apabila mendapat tahu yang Hisyam diterima masuk ke Universiti Harvard sebulan selepas mendapat keputusannya. Pada bulan Mac, aku bersama ahli keluarganya menghantar Hisyam ke Lapangan Terbang Changi dengan hati yang berat.

"Hisyam, kat Amerika nanti jangan lupakan aku tau. Selalu telefon okay?" aku bertanya dia. "Ish ape kau merepek ni Fattah? Lupakan kau? No way. Kau kan kawan baik aku, manalah boleh lupakan kawan karibku." kata Hisyam dengan riang. Aku tersenyum mendengar kata-katanya. "Hm bagus. Janji eh?" aku membalas sambil menunjukkan jari kecilku. "Eh eh kau ni macam budak kecil takpe, takpe. Aku janji" kata Hisyam sambil menunjukkan jari kecilnya juga tanda setuju. Tiga hari telah berlalu, namun tiada satu panggilan pun daripada Hisyam.

"Dia dah lupakan aku ke?" aku bertanya sendirian. Aku mengeluh panjang. "Mungkin dia terlalu penat tak sempat nak nak telefon?" Kataku cuba memujuk hatiku yang resah gelisah. Hari berganti minggu, minggu berganti bulan dan bulan berganti tahun, masih tiada panggilan daripada Hisyam. Aku terkesima. Aku terkilan.

"Hm, dah sah Hisyam lupa akan janjinya padaku. Janji kosong aje. Kawan baik tidak guna?" bisik hatiku kecewa. Namun, di sebalik hati kecilku aku berdoa dan masih mengharap Hisyam pegang pada janjinya.

Hari itu ialah hari Hisyam pulang dari Amerika. Aku bergegas ke Lapangan Terbang Changi. Di ruang penantian kelihatan ramai ahli keluarga Hisyam berada di situ. Aku berdiri jauh sedikit daripada mereka. Kami semua tidak sabar menanti kepulangan Hisyam. Perasaanku bercampur-baur. Gembira dan sedih kerana begitu lama tidak mendengar berita daripadanya. Tiba-tiba, aku ternampak wajah yang sering aku lihat semasa di sekolah.

"Hisyam!!" Aku berteriak dengan riang sambil melambai-lambaikan tangan ke arahnya. Namun, perbuatan Hisyam menguris hatiku apabila Hisyam tidak memberi apa-apa respons sebaliknya dia terus menolak troli bagasinya tanpa memandangkan dan meluru ke arah ahli keluarganya. Dari jauh, kelihatan Hisyam berdakap-dakapan dengan ahli keluarganya.

"Huh? Salah orang ke?" Aku menggeleng-gelengkan kepala dan berlari ke arah Hisyam. Aku menyentuh bahunya. "Eh Hisyam, kau dah tak ingat aku eh? Alah, ni Fattah lah. Kawan karib kau? Takkan kau terlupakan?" aku bertanya Hisyam secara selamba.

Hisyam hanya melihat aku dengan wajah kosong dan teruskan berjalan. Tanpa berbicara sepatah katapun. Hatiku benar-benar remuk. Hanya Tuhan sahaja tahu. Jika aku seorang perempuan, pasti air mataku akan merembes sayu dari mataku. Aku gagahkan semangatku dan beredar dengan seribu tanda tanya.

Hari seterusnya, aku cuba menelefon Hisyam untuk menanya khabar tetapi dia tidak menjawab telefon bimbitnya. Aku berasa harian dengan perubahan perangnya selepas pulang dari Amerika. Aku cuba menelefon sekali lagi dan akhirnya, Hisyam menjawab.

"Aish kau nak ape dari akulah?" Hisyam bertanya aku dengan suara yang kasar. "Kau dah kenapa ni Hisyam? Asyik marah je sejak kau balik," aku membalas. "Alah! Tu tak penting lah! Yang penting, kau jangan telefon aku lagi sebab aku tak nak berkawan dengan orang yang tidak sependai aku. Faham?!" Hisyam meninggikan suara dan terus mematikan telefonnya.

Aku terperanjat dengan sikap biadabnya. Banyak persoalan timbul. Aku bertekad untuk mendapatkan Hisyam kawan karibku semula. Seminggu berlalu dan aku teringin hendak menelefon Hisyam. Aku cuba menelefonnya dan aku terperanjat apabila dia menjawab panggilanku dengan cepat.

"Hello? Siapa ni?" Hisyam bertanya dengan suara yang tenang. "Hisyam? Ni Fattah lah. Kau apa khabar?" aku menjawabnya dengan nada suara yang sama. "Eh kau ni eh tak tahu nak berhenti ke? Asyik telefon aku je buat apa? Huh?" suaranya agak kasar. "Aku nak tanya khabar je, kenapa kau marah sangat?" aku bertanya dengan suara yang masih tenang. Hisyam mula marah dan memekik. "Eh aku okay je lah! Kau nak sibuk kenapa?! Eh kau ni eh tak tahu makna berhenti ke?! Aku kan dah suruh kau ja-" Hisyam memekik dan bunyi tayar kereta meletup dengan kuat. Kemudian, panggilan kami terputus.

Aku bergegas ke hospital dengan cepat apabila menerima panggilan daripada ibu bapanya. Rasa cemas dan bimbang bercambah di hatiku ketika mencari ward Hisyam. Tibanya di sana, hatiku menjadi kecil melihat Hisyam dalam keadaan 'nyawa-nyawa ikan' akibat kemalangan tadi. Dia dipasangkan dengan pelbagai mesin di tubuhnya dan dibalut dengan pembalut di bahagian kepala, kaki, dan tangannya. Matanya tertutup rapat seolah-olah sedang tidur. Hanya kedengaran bunyi mesin pernafasannya yang berdetik secara perlahan.

Ibu bapanya telah berada di hospital lebih awal. Mereka kelihatan resah. Suasana begitu hening. Aku mendapatkan ayahnya yang menyatakan doktor berkata bahawa Hisyam dalam keadaan koma dan peluangnya untuk hidup amat tipis sekali. Ayahnya membenarkan aku berada di samping Hisyam. Sambil duduk di sebelah katil Hisyam, matakku bergengang melihat keadaannya. Aku memegang tangannya dengan perlahan dan cuba bercakap dengannya. Aku tidak peduli jika dia dengar atau tidak.

"Hisyam, maafkan aku jika kedatanganku tidak diterima. Aku rindu padamu. Aku datang atas janji kita sebelum kau berangkat ke Amerika. Kau masih ingat, tak? Kau ingat tak, kita selalu belajar bersama. Kita ke politeknik yang sama. Namun, sejak hari pertama kau berangkat ke Amerika, setiap hari aku tunggu panggilan kau tapi sia-sia. Aku sedih. Sangat sedih. Selepas kau pulang ke Singapura, kau anggap aku seperti orang asing," kataku dengan rasa sebak di dada. Air matakku tidak dapat dibendung lagi. Aku menangis. Air matakku jatuh membasahi tangan Hisyam yang pucat. Tanpaku sedari, terasa gerakan kecil pada tangan Hisyam. Aku tersentak. Titisan air mata mengalir di pipi Hisyam.

Tiba-tiba mesin kawalan pernafasannya berbunyi dengan kuat. Doktor dan jururawat bergegas masuk dan cuba menyelamatkannya tetapi tiada siapa yang dapat melawan takdir. Hisyam pergi menemui maha penciptanya buat selama-lamanya. Aku terkejut. Air matakku mengalir deras. Terdengar suara ibu Hisyam menangis terisak-isak. Bahuku disentuh orang. Bapa Hisyam mendakapku. Kami berdakapan sambil menangis.

"Fattah! Sarapan dah siap. Mari turun," teriak ibu dari dapur. Aku mengesat air matakku dengan kedua belah tanganku. Sayu rasa hatiku. Buat Hisyam, walaupun jauh di mata, dekat di hati. Kenangan bersama Hisyam tidak akan luput. Sekuntum Fatimah buatnya dalam setiap solat dan doaku.

Nuurin Maisarah M N (4-7) (HGV)

Contoh 12

Cahaya Di balik Penyesalan

Irfain tunduk merenung kakinya. Dia sudah tidak sempurna seperti remaja lain. Irfain bergantung penuh pada kerusi rodanya untuk bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain kerana dia belum lagi mampu berjalan. Kerusi roda ibarat nyawanya. Tanpanya, pergerakannya terbatas. Wang ringgit tidak dapat kembalikan kakinya yang lumpuh.

Jelas terpahat dalam ingatan Irfain peristiwa setahun yang lalu yang menyebabkan dia menjadi begitu. Memang benar dia seorang anak yang nakal dan degil. Nasihat ibu bapanya agar dia menumpukan perhatian yang penuh dengan komitmen pada pelajarannya diketepikan dan dianggap sepi tiada erti. Dia

tidak mempedulikan nasihat-nasihat yang diberi oleh orang tuanya, guru dan juga rakan sekolahnya. Setiap nasihat umpama leteran yang membosankan.

Malahan, dia lebih mengutamakan kawan 'lepaknya'; melepak, membuat perkara-perkara yang tidak berfaedah lebih menyeronokkan dan memenuhi cita rasa mudanya. Irfain sanggup mengikut mereka membuang masa ke sana ke mari dengan papan selajunya. Irfain ingin kebebasan. Sesuatu yang tidak wujud dalam dirinya.

"Irfain, harus bijak pilih kawan. Kemewahan menjadikan Irfain ramai kawan. Semua nak kawan. Namun, Irfain yakin, kawan-kawan ini juga yang akan berada di samping Irfain apabila berlaku perkara buruk?" tanya Cik Lina, guru kaunselornya.

Irfain dilahirkan dalam keluarga yang serba mewah. Anak tunggal kepada Tuan dan Puan Hakim, pemilik syarikat "Watson". Namun, kesibukan mereka membuatkan Irfain terbiar dan ketandusan kasih sayang. Silapnya, orang tua Irfain memberi kasih sayang mereka dengan wang ringgit. Apa sahaja yang diminta Irfain diberikan tanpa berfikir panjang. Akibatnya, Irfain nakal, biadab dan tidak dapat dikawal dan dihantar untuk kaunseling.

Akibat terlalu mengikut nafsu dan enggan mendengar kata orang tuanya, Irfain menerima padah yang mengubah hidupnya. Ketika, Irfain dan kawan-kawan lepaknya dan membuat bising, merokok dan bermain papan selaju di kolong blok 132, salah seorang penduduk membuat laporan kepada polis. Penduduk sudah tidak tahan dengan kekecohan yang mereka buat terutama pada waktu malam buta.

Pegawai Polis tiba untuk menyiasat. Semasa mereka cuba mendapatkan keterangan, Irfain dan kawan-kawannya cuba melarikan diri dengan papan selajunya. Papan selaju meluncur laju hingga Irfain hilang kawalan. Irfain tercampak ke tengah jalan raya dan sebuah kereta merempuhnya. Rempuhan yang begitu kuat menyebabkan papan selajunya ranap dan Irfain melambung dan kakinya digilis sebuah kenderaan yang sedang bergerak laju.

Apabila Irfain membuka matanya, dia berada di hospital di bilik kecemasan. Dia ditemani oleh ibu dan bapanya. Kawan-kawan 'lepak' tidak seorang pun yang datang melawatnya.

"Irfain, syukur dah mula sedar. Lima hari Irfain tidak sedarkan diri," kata Puan Hakim sambil mengusap rambut anak tunggalnya.

"Ma, ampunkan Irfain. Pa, ampunkan Irfain," katanya sambil cuba mengerakkan kakinya.

Doktor menjelaskan duduk perkara kepada Irfain yang pada awalnya tidak dapat menerima kenyataan yang kedua-dua belah kakinya terpaksa dipotong kerana kesan kemalangan yang dahsyat itu. Irfain perlu berkerusi roda sementara menunggu kaki paslunya siap. Kaki paslu menjadi pengganti untuk Irfain bergerak. Irfain menangi teresak-esak seperti kanak-kanak kecil apabila memikirkan keadaannya yang cacat. Namun, Irfain akur yang ini balasan baginya yang tidak pernah bersyukur dengan nikmat Tuhan.

Irfain terbangun daripada lamunannya. Pandangannya sudah beralih ke arah kerusi roda yang telah setia berada di sampingnya sejak peristiwa pahitnya itu. Kerusi roda yang dihadiahkan oleh ayahnya itu sangat dekat di hatinya. Apa tidaknya, sudah setahun lebih Irfain menjalani hidup sehariannya bersama kerusi roda itu. Tambahan, dia berkerusi roda ke sekolah dan makan minumannya juga dia atas kerusi roda itu.

Irfain, juga bertekad untuk berjalan semula. Irfain perlu menjalani sesi terapi bagi membiasakannya dengan kaki paslu yang ditempah ayahnya. Irfain, bertekad untuk bangkit dan memulakan kehidupannya. Irfain mahu berjalan seperti remaja lain dan menghabiskan sisa hidupnya dengan perkara-perkara yang berfaedah. Kemalangan itu membawa kesedaran pada dirinya.

Kemalangan yang dialami telah meninggalkan banyak kesan pada keluarganya, terutama sekali ibu bapanya. Ibu bapanya bak pepatah, "ada kerak, adalah nasi". Banyak pengorbanan telah dilakukan. Ibu Irfain lebih banyak menghabiskan masa di rumah bersama Irfain. Ayahnya juga cuba menghabiskan masa dengan

Irfain. Mereka sedar, wang ringgit dan harta benda boleh dicari tetapi tidak dapat menggantikan Irfain yang amat disayangi.

Sikap Irfain banyak berubah. Kini, dia lebih fokus pada pelajarannya yang telah diabaikan. Kerja sekolahnya disiapkan dengan segera tanpa berlengah lagi. Setiap detik yang terluang dihabiskan untuk membaca. Oleh itu, Irfain berazam untuk bangkit semula dan belajar daripada kesilapannya.

“Irfain, mari makan. Ibu masak lauk kegemaran Irfain,” kata Puan Hakim.

“Baik Ma. Tuhan, ampunkanlah dosa-dosaku. Terima kasih atas nikmat yang Kau berikan,” kata Irfain sambil meraut wajahnya dengan dua belah tangannya. Kerusi roda ditolak pantas ke meja makan. Hatinya riang berbunga.

Syazrina (4-2) (HGV)

Contoh 13

Pemergianmu Kutangsi Ke Akhir Hayatku

Ibu...

Kau memberikanku hidup

Kau memberiku sayang

Oh Ibu terima kasih

Untuk kasih sayang yang tak pernah usai”

Aku mematikan dendangan di radio. Lirik lagu yang menyakitkan hatiku. Aku memandang ke arah potret ibuku yang terletak di dinding rumahku. Ibuku yang amatku sayangi sudah meninggal dunia. Meninggalkan aku keseorangan. Namun, akulah sebab yang ibuku sendiri meninggal dunia. Air mataku mengalir di pipi, kemudian tergantung di dagu lalu jatuh satu-satu. Ibu... Maafkan Amir...

Ingatanku masih segar tentang ibuku. Aku menyesal menderhaka terhadapnya dan tidak menghargainya selama ini. Jikalau aku diberi peluang, aku akan menyayanginya sepenuh hati dan meluangkan masaku bersamanya. Namun, itu semua sudah terlambat. Nasi sudah menjadi bubur.

Semasa aku berusia 10 tahun, kehidupanku berubah 360 darjah. Keluargaku musnah. Musnah apabila ayahku meninggal dunia kerana kanser. Kami tidak mempunyai wang yang cukup untuk mendapatkan rawatan untuk ayahku. Ayahku yang satu-satunya pencari nafkah dalam keluarga kami. Oleh itu, ibu terpaksa menanggung kehidupan kami berdua. Sejak hari itu, aku dan ibuku dibalut dengan kemiskinan. Ibuku yang tidak berkelulusan hanya mampu bekerja sebagai pembersih. Oleh itu, kami berdua terpaksa duduk di flat satu bilik. Selain bekerja sebagai pembersih di pusat membeli-belah, ibu pada hujung minggu bekerja untuk memberi risalah-risalah kepada orang ramai di tempat-tempat awam pada waktu pagi dan sebagai tukang masak di restoran “Balai Melayu” pada waktu malam. Semua ini dilakukan oleh ibuku agar aku dapat meneruskan pelajaranku dan keperluan seharian kami.

Namun, aku tidak pernah menghargai pengorbanan ibu. Minat untuk ke sekolah tidak terlintas di lubuk hatiku. Perasaan cemburu kadang kala bersarang di sanubariku apabila melihat rakan-rakan sekelasku bergaya dengan telefon bijak mereka, beg mahal dan percutian mereka. Aku hanya boleh bermimpi tentang perkara-perkara seperti itu.

Hari demi hari, api kecemburuanku semakin membesar hinggan aku mula bersikap biadab terhadap ibuku sendiri. Aku seolah-olah menyalahkan ibu punca kehidupan kami yang miskin. Aku mula bergaul dengan rakan-rakan nakal sebayaku. Padaku, mereka lebih memahami perasaanku. Aku sering berlepak dan berfoya-foya dengan mereka. Aku juga mula ponteng sekolah dan pelajaranku mula merosot. Aku juga mula berani menipu ibu untuk mendapatkan wang. Wang yang sepatutnya digunakan untuk membeli keperluan seharian kami berdua itu aku gunakan untuk pergi ke kelab malam untuk berfoya-foya dan membeli barang-barang yang aku suka.

Aku mula menganggotai kumpulan samseng. Kerja seharianku; vandalisme, memukul, dan berlepak di kelab malam yang begitu sebatu dalam sanubariku. Aku berasa tenang dan bebas bersama kumpulanku. Tetapi sayang, kusangka panas sampai ke petang, rupa-rupanya gerimis di petang hari.

Mereka yang selama ini akuanggap sebagai kawan sejati lari lintang-pukang apabila polis membuat serbuan hendap. Mereka meninggalkan aku terkontang-kanting sendirian. Aku tidak sempat menyelamatkan diriku apabila polis tiba secara mendadak. Sepandai-pandai tupai melompat, akhirnya jatuh ke tanah jua. Pihak polis menelefon nombor ibuku dan aku dibawa ke balai polis. Ibu diminta ke balai polis untuk membawa ku pulang.

“Mir!” Suara ibu begitu sayu. Aku memandangnya. Sebak hatiku melihat wajah ibuku. Kekecewaan terpancar pada wajahnya. Wajah ibu dimamah usia dan penderitaan.

“Mir... Kenapa kau jadi begini? Mir.. Ibu amat sayangkan Mir seperti labah-labah cinta kepada telurnya. Kenapa Mir boleh buat ini kepada ibu? Mir tidak sayang ibu?” kata ibu. Air jernih merembes keluar di matanya.

Aku tidak dapat berkata apa-apa. Kelu dan berat hatiku untuk berkata. Rasa kesal dan beribu soalan bermain-main dalam jiwaku.

“Apakah yang aku harus kata kepada ibuku? Apakah yang harusku lakukan? Kenapalah aku dilahirkan dalam keluarga ini? Kenapa kehidupanku seperti ini? Kenapa aku tidak boleh hidup normal seperti orang lain? Kenapa keluargaku miskin?” bisik hati kecilku. Hidupku kosong dan terikat. Aku berasa kesal atas kelakuanku namun, jiwaku masih memberontak dan hitam. Hitam dengan kemarahan dan kebencian.

“Mak, Mir nak keluar sekejab,” kataku sambil berlari ke arah pintu rumah kami. “Kau nak ke mana Mir? Kenapa kau hendak keluar sekarang? Sudah malam...” teriak ibuku.

“Kau tidak perlu kisah. Apa aku buat? Mana aku pergi? Aku nak keluar dari rumah ini dan aku tidak mahu lihat muka kau lagi!” tengkingku.

Ibuku tersentak dengan kata-kata kasarku itu. Aku terus berlari ke luar rumah. Aku terdengar pujukan ibu supaya aku tidak meninggalkannya. Aku tidak mahu melihat wajah ibuku. Ibu mengejarku dari belakang. Namun, aku tidak peduli dengan rayuannya. Aku terus berlari.

Tiba-tiba, aku terdengar suatu bunyi yang amat kuat. Pada saat itu, wajah ibu tiba-tiba muncul di hadapan mataku. Aku menoleh ke belakang dan ternampak ibuku terbaring di pinggir jalan. Aku berlari pantas mendapatkan ibu. Tangannya terkapai-kapai ingin menggengam tanganku. Badan dan muka ibu berlumuran darah. Titik-titik peluh mula mengalir di dahiku. Perasaan cemas lagi takut mula menghujani diriku. Aku menahan air mataku daripada mengalir di pipiku. Perasaan menyesal dan marah pada diri sendiri bercampur aduk. Bagaimanakah semua ini boleh berlaku? Tiba-tiba, keadaan sekelilingku gelap.

Teet...teet...teet. Bunyi yang bising itu membuat aku terbangun. Saudara-mara ibu mengelilingi aku. Semua sedang menangis. Apa yang berlaku? Mengapa semuanya menangis? Mulut aku ditutup pelitup oksigen. Hanya mataku yang memandang ke arah makcikku, kakak sebelah ibuku dengan seribu pertanyaan.

“Ibumu terlibat dengan kemalangan. Kau pengsan. Ibu.. Ibu... Ibu kau tidak dapat diselamatkan. Ibumu meninggal dunia dua hari yang lalu. Ibumu telah selamat dikebumikan. Kau tidak sedarkan diri untuk tiga hari.” kata makcikku dengan nada yang sedih.

Mataku terbeliak apabila mendengar berita buruk itu. Hatiku terhenti buat seketika. Air mata membasahi pipiku. Aku tidak dapat menerima hakikat Ibu sudah pergi buat selama-lamanya kerana kesilapanku. Aku menyesal. Sangat menyesal. Jikalau aku menghargai segala pengorbanan dan kasih sayang yang dicurahkan oleh ibu, ini semua tidak berlaku. Malangnya, sikap aku terlalu ego.

“Ibu, maafkan segala kesilapanku. Maafkan Amir, Anakmu yang tidak tahu menghargai segala pengorbananmu. Ya Tuhan, Aku kesal sangat kesal dengan sikapku. Berilah Aku peluang untuk bertaubat,” rintih hatiku.

Aku menziarahi kubur Ibu setelah dibenarkan pulang. Aku tidak mampu berbuat apa-apa kecuali berdoa. Kehilangan Ibu begitu terasa di sanubariku. Rumah sebilik begitu sepi tanpa Ibu. Sejak hari itu, Aku bertekad untuk menjadi lebih positif dan bekerja keras untuk selesaikan persekolahanku hingga ke menara gading. Itulah harapan dan cita-cita arwah Ibu.

Deringan jam mejaku menyedarkan Aku daripada lamunanku. Aku sedar wang tidak dapat membeli kebahagiaan. Benar kata arwah Ibu, kawan ketawa memang ramai, kawan menangis susah dicari. Sambil mengesat air mataku, aku berjanji untuk tidak mengulangi kesilapan yang serupa.

Marielle Butnande Adolfo(4-9)(HGV)

Contoh 14

Jiranku Mak Jah

“Mak Jah... Oh Mak Jah..” Ke mana pula pergi orang tua ni. “Mak Jah...ni hah saya bawakan lauk untuk berbuka puasa ini”. Aku menjadi bimbang. Tidak pernah-pernah Mak Jah tidak menyahut sapaanku. Apakah Mak Jah sakit? Atau dia sibuk di dapur agaknya.

Aku cuba menelefon Mak Jah namun panggilananku tidak diangkat. Aku semakin bimbang. Aku cuba untuk membuka pintu rumah Mak Jah. Pintunya tidak dikunci.

“Eh, kenapa pintu rumah Mak Jah tidak dikunci? Mungkin dia terlupa. Dia kan sudah tua” bisikku dalam hati. Aku teragak-agak untuk melangkah masuk ke dalam rumah Mak Jah memandangkan aku tidak meminta izin.

Dengan perlahan, aku masuk ke dalam rumahnya. Keadaan rumahnya sunyi sepi tetapi kipas di ruang tamu masih bernyala. Aku tercegat kebingungan. Aku cuba mencari Mak Jah. Beberapa kali aku memanggil namanya. Aku pun melangkah masuk ke dalam bilik tidurnya. Alangkah terperanjat aku melihat tubuh Mak Jah terbaring kaku di samping papan seterika.

Tanpa berlengah, aku menelefon ambulans. Aku terkejut dan simpati melihat wajah Mak Jah yang pucat lesi dan tidak sedarkan diri. Ambulans tiba dan Mak Jah dikejarkan ke hospital. Aku menemani Mak Jah ke hospital supaya aku dapat beritahu paramedik apa yang telah berlaku.

Sesampainya di hospital, Mak Jah dimasukkan ke unit kecemasan. Mujurlah Mak Jah menyedarkan diri setelah beberapa jam. Aku diberitahu bahawa Mak Jah pengsan kerana kadar gula di dalam darahnya terlalu rendah akibat dia berpuasa pada hari itu. Aku berpesan kepada Mak Jah supaya jangan memaksa dirinya untuk berpuasa jika keadaan tidak memungkinkan. Aku berasa lega yang Mak Jah dapat menerima rawatan sebelum apa-apa yang lebih serius berlaku kepadanya.

Sejak hari itu, aku sedar akan kepentingan semangat kejiranan. Sebagai jiran yang prihatin, kita harus saling membantu dan bertanya khabar terutama sekali jika jiran kita merupakan orang tua yang tinggal sendirian. Kita tidak mahu apa-apa yang buruk berlaku kepada mereka.

Fatin Farha Binte Sahidin (2-2) (HGV)

Contoh 15

Tuhan, Aku mohon rahmatmu

“Mak Jah.... Oh Mak Jah,” kemana pula orang tua ni. “Mak Jah... ni hah saya bawakan lauk untuk berbuka puasa ini,” aku menjadi bimbang. Tidak pernah-pernah Mak Jah tidak menyahut sapaanku. Apakah Mak Jah sakit? Atau dia sibuk di dapur agaknya.

Setiap kali aku teringat kata-kata itu, pasti air mataku mengalir. Titisan demi titisan airmataku jatuh berlinangan di pipiku. Pepatah Melayu ada mengatakan sesal dahulu pendapatan sesal kemudian tiada gunanya. Begitulah yang aku rasakan.

Aku anak tunggal kepada Dato Haris dan Datin Mariam. Aku ditatang bagai minyak yang penuh. Aku tidak pernah kering dengan kasih sayang. Aku menjadi tumpuan utama Ayah, Ibu dan Mak Jah. Hidupku dipenuhi dengan kasih sayang, gurau senda dan kemewahan. Namu, semuanya berubah dalam sekelip mata. Kini, Aku hanya ada Ibu dan Mak Jah, pembantu rumahku setelah Ayah menyahut seruan Ilahi.

Ayah meninggal dunia kerana kemalangan jalan raya. Kemalangan semasa dalam perjalanan pulang ke rumah. Keretanya telah bertembung dengan sebuah lori balak yang gagal mengawal lorinya. Ayah terkorban di tempat kejadian. Pemergian ayah tidak diduga. Pemergian Ayah tidak dirancang. Pemergian Ayah menyebabkan aku seperti anak ayam kehilangan ibu. Aku hilang tempat bergantung. Aku hilang arahku. Aku hilang paksiku.

Mujur ada Ibu dan Mak Jah. Dalam sekelip mata, segala harta dan kemewahan hasil titik peluh Ayah beralih tangan. Ayah meninggalkan sebuah banglo tiga tingkat, dua buah kereta mewah dan harta pusaka buat Ibu dan Aku.

Sejak Ayah pergi, Aku mula menjadi liar. Jiwaku yang kosong menyebabkan aku bosan duduk di rumah. Ibu pula sibuk menguruskan syarikat arwah Ayah. Dalam kebosanan, Aku mula berjinak-jinak dengan rokok. Aku mula merokok dan bercampur dengan rakan-rakan yang buruk akhlak. Yang aku pasti, tiada sesiapa yang boleh menghalangku.

Bak kata pepatah sesungguhnya kekayaan itu bukan terletak pada banyaknya harta benda, melainkan pada hati dan ketenangan jiwa. Aku dan ibu sering sahaja bertengkar.

“Ani..! Ani..!” jeritan ibuku membuatku terbangkit daripada tidur lenaku. Jam menunjukkan lapan pagi.

“Mak Jah kurang sihat ni.. boleh bantu ibu untuk ke pasar?” dahiku berkerut seribu setelah mendengar kata-kata ibu.

Aku menuruni tangga sambil menghentak-hentak kakiku.

“Ibu pergi sajalah! Ani malastah, lagipun bukankah itu tugas Ibu, untuk ke pasar!” aku jerit kepada ibuku.

Pertengkaran seperti ini sudah berkali-kali berlaku. Ibu sudah masak dengan perangaiku. Ibu tercegat di tepi sofa sambil memegang tangan Mak Jah. Mak Jah mula mengusap-usap tangan ibu untuk menenangkan hati ibu.

“Kalau begitu, tolong ibu jaga Mak Jah di rumah,” jawab Ibu.

Ibu dengan segera menuju ke pasar untuk membeli barang dapur bagi buka puasa kami bertiga. Hairan, jam di dinding tiba-tiba berputar begitu pantas. Tanpa Aku sedari, sudah dekat waktu berbuka puasa. Namun, Ibu masih tidak pulang lagi. Aku dan Mak Jah mula berasa gusar. Tiba-tiba kedengaran ketukan di daun pintu rumahku. Sangkaanku Ibu sudah pulang. Aku dengan segera memuka pintu. Tatkala itu, terdapat dua anggota polis berdiri di depanku.

“Assalamualaikum, adakah ini rumah Datin Mariam?” kata salah seorang daripada mereka.

“Ahh, ya cik, saya anaknya..” kataku.

“Saya ingin memaklumkan bahawa ibu awak mengalami kemalangan jalan raya pada waktu 12 petang tadi... sila ikut kami ke Hospital Mawar,” hatiku berdegup kencang. Adakah ibu masih lagi bernyawa? Mulutku terlalu berat untuk bertanya.

Sesampai di hospital, dengan berat hati, kakiku melangkah ke wad persendirian. Titisan demi titisan airmataku mula jatuh berlinangan. Hatiku berasa amat sebak, melihat ibu diselubungi kain putih. Aku menyelak kain putih itu, sambil menatap wajah suci ibuku. Ibu kelihatan tenang.

"Ibu, maafkan Ani. Ampunkan Ani, Ani berdosa," kataku dengan rasa kesal. Aku menyesal. Amat menyesal. Aku mengusap dahi ibuku yang amat sejuk bagaikan salji. Airmataku jatuh menitis di pipi ibuku, sambil aku menapak tubuhnya.

Kini kedua-dua ibu dan ayah telah pergi meninggalkanku. Aku sedar biar aku menangis air mata darah sekali pun ibu tidak akan kembali. Mak Jah sahaja yang aku ada. Setelah ibu sudah selamat disemadikan, aku pulang ke rumah bersama Mak Jah.

Mak Jahlah ibuku, ayahku dan rakanku. Kini, dialah segalanya buatku. Walaupun, Ibu dan ayah sudah tiada, aku dapat merasakan kasih sayang mereka. Mak Jah yang menjagaku semasa aku kemurungan dan semasa aku mengalami apa jua masalah. Mak Jah sumber kekuatanku.

"Ani.. hari ini kamu akan mendapat keputusan akhir tahun kamu bukan? Mak Jah akan doakan Ani lulus dengan cemerlang" kata Mak Jah.

"Jikalau Mak Jah mati,, Ani harus berjanji dengan Mak Jah, Ani akan terus hidup dan tidak berputus asa," kata Mak Jah.

Hatiku mula berasa sebak mendengar kata-kata Mak Jah. Aku dengan segera mendapak tubuhnya. Tidakku sangka, dakapan itu berupa dakapan terakhirku bersama Mak Jah. Atas nasihat Mak Jah, Aku telah melanjutkan pengajianku ke menara gading. Itu janjiku pada arwah Ibu. Hari ini, Aku bakal mendapat segulung ijazah setelah empat tahun berhempas pulas belajar. Mak Jah tidak dapat hadir kerana kurang sihat.

"Mak Jah.... Oh Mak Jah. Ain sudah balik. Ain beli lauk berbuka puasa ini," sambungku. Namun, senyap saja. Perasaan bimbang bergayutan di tali jantungku. Jantungku berdegup dengan pantas.

"Kenapa Mak Jah tidak menyahut sapaanku. Mungkin dia sibuk di dapur agaknya," detik hati kecilku.

Dengan segera Aku melangkah ke dapur mencari Mak Jah. Aku terpaksa melihat Mak Jah terbaring di atas lantai. Lauk yang aku beli, terlepas daripada genggaman tanganku. Bungkusannya itu jatuh dan pecah seribu. Jantung hatiku hampir terputus. Aku menerpa ke arah Mak Jah.

"Mak Jah bangun. Bangun Mak Jah. Jangan tinggalkan Ani," kataku sambil memangku kepala Mak Jah.

Namun, nasi sudah menjadi bubur. Mak Jah pergi buat selama-lamanya. Menurut doktor, Mak Jah menghidapi penyakit kegagalan buah pinggang yang kronik.

Selepas Mak Jah disemadikan dengan selamat, Aku ke bilik Mak Jah. Katilnya kelihatan usang dan di tepi meja Mak Jah terletak sebuah kotak berwarna biru. Kotak yang dipenuhi dengan kepingan-kepingan gambar dan kenangan. Terlihat wajahku sewaktu kecil bersama ibu, ayah dan Mak Jah. Tanpa Aku sedari, air jernih menitis setiap kali Aku menatap setiap kepingan gambar. Hatiku sayu dan pilu. Walaupun pahit untukku terima, aku redha dengan takdir Ilahi. Aku bertekad untuk tidak menghampakan harapan dan pesanan insan-insan yang aku sayangi.

"Ayah, Mak dan Mak Jah, Ani berjanji menjadi manusia yang berguna. Semoga Ayah, Mak dan Mak Jah diletakkan dalam kalangan orang-orang yang disayangi Tuhan," doaku bersama dengan cucuran air mata keinsafan.

Nor Aishah Nabirah Bte Rosli (3-3) (HGV)

Contoh 16

Ayah, kau Wiraku dunia akhirat

Suasana di dalam bilik ofisku begitu senyap dan aman. Angin sejuk dari penghawa dingin membuat diriku rasa mengantuk. Aku melihat jam tanganku yang menunjukkan waktu pukul 9:30 malam. Aku membuat keputusan untuk sambung semula kerjaku pada keesokan hari. Aku mula mengemas mejaku

dan meletakkan barang-barangku dalam begku. Dalam keadaanku yang mengantuk, aku dengan tidak sengaja tertolak bingkai gambar yang terletak di hujung mejaku. Terlihat gambar Ayah dan diriku semasa hari jadiku yang ke 10. Kata-kata Ayah yang telah mendorongku untuk mencapai cita-citaku mula bermain di fikiran.

“Tuan, prestasi Afia sangat mengecewakan sejak kebelakangan ini. Saya berasa risau kerana tidak lama lagi, dia akan menduduki peperiksaan GCE peringkat O. Saya harap Tuan dapat menasihatinya, ya,” tegur Puan Haslinda.

Aku termenung melihat papan putih di hadapan kelasku, langsung tidak memberikan perhatian kepada interaksi antara guruku dan Ayah. Ini sudah kali kedua Ayah telah dipanggil datang ke sekolah untuk berbincang dengan guruku tentang prestasi akademikkku. Aku menghela nafas panjang. Ayah pun mengucapkan terima kasih kepada Puan Haslinda lalu membawaku ke gerainya.

Ayah memiliki gerai jualannya sendiri di Tanglin Halt sejak aku berumur 5 tahun. Sejak Ibuku meninggal dunia, perniagaan Ayah tidak seperti dahulu. Perniagaan Ayah dan keuntungan Ayah semakin merosot kerana pelanggan semakin berkurangan. Ayah pun terpaksa berkerja dua perkerjaan yang berbeza.

“Sudah mengapa dengan Afia ni? Ayah lihat Afia tidak seperti dahulu. Sekarang, semasa waktu peperiksaan pun, Afia sibuk keluar dengan kawan-kawan,” marah Ayah.

Aku sedar akan perubahan buruk yang telah berlaku kepada diriku. Sebenarnya, aku berasa malas dan seakan-akan aku ingin berputus asa. Topik-topik yang diajar sangat susah untuk difahami dan Ayah jarang ada di rumah untuk menolongku. Namun, aku tahu di sudut hatiku, aku benar-benar ingin masuk Maktab Rendah Jurong. Aku ingin memenuhi permintaan arwah ibuku.

“Bukan apa, Ayah. Afia betul-betul telah cuba yang terbaik untuk semua subjek Afia. Setiap malam, Afia akan belajar di bilik. Ayah sahaja yang tidak pernah lihat usaha Afia,” aku menjawab dengan nada yang tegas.

Ayah hanya mampu menggelengkan kepalanya lalu menyiapkanku semangkuk mi soto dari gerainya. Aku tahu Ayah berasa sungguh kecewa kerana dia langsung tidak berbual denganku selepas itu. Pada malam itu, Ayah pun bersedia untuk berkerja syif malamnya. Selepas bersalaman dan melambai Ayah di muka pintu, aku terus ke bilik adikku untuk tidurkan adik-adikku, Nurul dan Nura. Aku pun menghubungi kawan rapatku, Cheryl. Kami merancang untuk keluar makan malam pada keesokan malamnya. Aku bertekad untuk melakukannya tanpa pengetahuan Ayah kerana pasti dia tidak akan mengizinkannya.

Beberapa hari kemudian, selepas mengucapkan selamat tinggal kepada Ayah, aku terus bersiap untuk berjumpa dengan Cheryl. Aku pun tidurkan Nurul dan Nura lalu bergegas ke pintu. Alangkah terkejutnya aku terlihat wajah Ayah yang sedang berdiri di koridor luar. Mata Ayah memancar api terbakar. Bunga-bunga kemarahan yang membenih di wajahnya jelas kelihatan. Aku kematian langkah. Aku tidak sangka Ayah sebenarnya sedang menungguku untuk menangkap perbuatanku yang tidak jujur itu.

Ayah terus menghayunkan kakinya untuk membawaku masuk ke rumah. Debar jantungku memukul dada. Aku pun berlari ke bilik tetapi dihenti oleh teguran Ayah yang sangat menakutkan. Adik-adikku terbangun dari tidur mereka lalu menyaksikan kejadian itu.

“Ayah kecewa dengan Afia. Ayah percayakan Afia tapi Afia tipu. Afia bukan tidak bijak. Afia sebenarnya pemalas! Tidak berdisiplin! Kalau ingin mengikut kemalasan Afia, bagaimana Afia ingin berjaya?” Tidak teragakah lidah Ayah untuk menyempurnakan ayat itu.

Aku melihat matanya berkaca dan kemudian berair. Aku berasa kesal, hatiku pecah seribu melihat keadaan Ayah. Betul kata Ayah itu. Aku memang seorang yang tidak berdisiplin dan tidak bersyukur. Aku betul-betul menyesal. Aku pun meminta maaf kepada Ayah tetapi Ayah hanya terdiam, berasa kosong dan hampa.

Aku terus masuk ke dalam bilik lalu duduk di atas katil dan menyampaikan mesej kepada Cheryl, membatalkan perjumpaan kita pada malam itu. Dengan hati yang berat, aku pun memaksa diriku untuk tidur.

Aku dikejut oleh adikku pada keesokan harinya. Setelah bersarapan, aku terus ke dalam bilik lalu merenung ke ruang terbuka. Berulang-ulang kali kata-kata Ayah semalam timbul dalam otakku. Aku memang mementingkan diri sendiri. Aku pun berjanji kepada diriku untuk berubah cara-caraku dan sikap belajarku. Tanpa membuang masa, aku terus mula dengan membuat kertas latihan yang diberikan oleh guru-guruku.

Di sekolah, aku bercadang untuk berjumpa dengan Puan Haslinda untuk berbincang tentang pelajaranku. Aku pun berterus terang dan meminta pertolongannya untuk mendorongku sehingga peperiksaanku tamat. Senyumannya melapangkan dada dan lantas mendamaikan jiwa. Beliau pun bersetuju lalu menyuruhku untuk berjumpanya selepas waktu sekolah.

Buat beberapa minggu itu, aku sering pulang ke rumah lewat kerana mengulangkaji dengan guru-guruku di perpustakaan sekolah. Aku tidak lagi keluar dengan rakan-rakanku. Aku meminta Ayah untuk menyimpan telefon bijakku. Pada hujung minggu, aku tetap membuat kerja sekolah dan kertas latihan. Kadangkala, aku meminta kebenaran Ayah untuk membuat panggilan video dengan Cheryl untuk belajar bersama-sama.

Aku juga telah membuat jadual dan mengikutnya dengan teliti. Aku bertungkus-lumus untuk membuatkan yang terbaik. Semasa aku sedang menghabiskan kertas latihan, terdengar suara Ayah memanggil namaku.

“Afia ingat nasihat Ayah ni. Disiplin diri itu sangat penting. Ia adalah kunci kejayaan. Afia teruskan, ya. Afia ingin masuk maktab rendah kan? Itu yang ibu inginkan juga. Ayah percaya Afia boleh,” kata Ayah dengan nada yang begitu lembut dan penuh harapan.

Beberapa minggu pun berlalu dan tibanya waktu untuk aku menduduki peperiksaan GCE peringkat O. Aku berasa sangat senang hati kerana dapat menjawab soalan-soalan dengan mudah. Aku berasa puas hati dan memberitahu Ayah tentang prestasiku.

Tiba hari untuk aku menerima keputusan peperiksaan GCE peringkat O. Ayah dan adik-adikku juga menemaniku ke sekolah untuk memberikan sokongan. Aku berasa gementar, hatiku derdegup-degup. Setelah mendengar namaku dipanggil untuk ke hadapan, aku terlihat wajah Puan Haslinda yang bersinar gembira. Senyuman lebar terukir di wajahku lalu manik-manik jernih dari birai kolam mataku menujah keluar apabila aku melihat sijilku. Aku layak ke maktab rendah! Lebih daripada itu, aku meraih markah yang amat cemerlang!

Aku berlari ke arah Ayah, Nurul dan Nura lalu memeluk Ayah dengan erat. Ayah melihat keputusanku lalu meraikan kejayaanku. Ayah terlalu gembira, gembira dan sungguh bangga. Aku berasa sungguh teruja dan bersyukur. Aku telah berjaya untuk berubah.

Sekarang barulah aku sedar peri pentingnya disiplin diri. Biarpun Ayah mendidik aku dan adik-adik dengan tegas namun ia merupakan nadi bagi kejayaanku. Tanpa disiplin diri aku tidak mungkin memperoleh kejayaan yang aku impikan selama ini.

Nur Nabilla Syahira Bte Rosman (4-6) (HGV)

Contoh 17

Kehadiranmu Pengubat Rindu

“Mak Jah... Oh Mak Jah..” Ke mana pula pergi orang tua ni. “Mak Jah...ni hah saya bawakan lauk untuk berbuka puasa ini”. Aku menjadi bimbang. Tidak pernah-pernah Mak Jah tidak menyahut sapaanku. Apakah Mak Jah sakit? Atau dia sibuk di dapur agaknya.

Jam menunjukkan pukul 6 petang. Biasanya, pada waktu begini dapur Mak Jah sudahpun berasap, dipenuhi aroma masakan juadah berbuka puasa. Mak Jah tinggal seorang diri. Kadangkala keluargaku akan memberinya lauk untuk berbuka puasa. Kerap juga kami mengajaknya berbuka puasa bersama-sama di rumah kami.

Aku berasa tidak sedap hati. Rumahnya kelihatan gelap dan sunyi. Pintu rumahnya tidak ditutup rapat. Aku pun cuba untuk membuka pintu rumahnya.

“Krikkk...” bunyi pintu rumahnya.

“Astarghfirullahalzim...Mak Jah!!”

Makanan di tanganku terlepas dari gengaman setelah aku melihat Mak Jah terlantar di lantai. Aku meluru untuk melihat keadaannya.

Tidak ada sebarang kecederaan pada tubuh badannya. Aku panik dan tidak tahu apa yang sepatutnya aku buat untuk membantunya. Dengan pantas, aku bergegas untuk meminta bantuan daripada jiran di sebelah rumah Mak Jah. Terlintas di fikiranku untuk menelefon Danial, kekasihku kerana ibunya seorang doktor dan dia juga tinggal tidak berapa jauh daripada rumah Mak Jah.

Sejurus kemudian, Danial dan ibunya, Cik Kam tiba di rumah Mak Jah. Aku berasa sedikit serba salah kerana terpaksa menyusahkan mereka ketika azan waktu maghrib bakal berkumandang tak lama lagi. Cik Kam memeriksa degupan nadi Mak Jah. Badan Mak Jah begitu panas. Cik Kam pun mengambil beberapa helai kain kemudian membasahkan dan menekapnya di dahi dan bahagian-bahagian tubuh Mak Jah yang panas.

Aku, Danial dan ibunya terpaksa berbuka puasa di rumah Mak Jah. Mujurlah Mak Jah menyedarkan diri. Dia memanggil-manggil namaku dengan lemah.

“A..Ayu..Apa terjadi?” tanya Mak Jah dengan suara yang serak.

Aku gembira tidak terkata mendengar suara Mak Jah. Lega hati ini. Hubungan aku dan Mak Jah ibarat aur dengan tebing. Hubungan kami sangat rapat walaupun dia hanya merupakan jiran di sebelah rumahku. Aku sudah menganggap Mak Jah seperti seorang ibu kerana ibu kandungku sudah meninggalkan dunia. Dialah tempat aku mengadu dan bermanja sejak ibu pergi meninggalkan kami.

Nuradiyah Binte Mohd Aziz (2-3)(HGV)

Contoh 18

Berkorban Demi Nenek Tercinta

Kejayaan. Apakah rahsia di sebalik kejayaan? Bagiku, untuk meraih kejayaan itu bukan mudah kerana kita harus berkorban. Kejayaan itu tidak boleh dipetik begitu sahaja. Kita tidak boleh bersikap malu atau segan apabila ingin mencapai kejayaan kerana jika tidak, kita yang akan rugi. Bak kata pepatah melayu, ‘malu berkayuh, perahu hanyut’. Dalam perjalanan kita untuk mencapai kejayaan, pasti ada kalanya kita akan terjatuh. Namun begitu, kita harus pandai mengutip balik semangat kita demi mencapai kejayaan.

Aku dibesarkan dalam keluarga yang miskin. Hidup aku sekeluarga ibarat kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Aku dibesarkan oleh nenekku kerana ibu bapaku sudah tiada. Entahlah, aku tidak tahu sama ada mereka masih lagi hidup atau tidak. Sejak kecil lagi aku diabaikan oleh mereka. Mereka hanya tahu berfoya-foya sahaja sementara aku terbiar. Mujurlah nenek yang menjaga dan memberikan aku sepenuh kasih sayang walaupun kehidupan kami susah. Nenek terpaksa membanting tulang untuk memastikan aku dapat ke sekolah. Walaupun Nenek menghadapi pelbagai kesukaran, dia tetap bertekad untuk menghantarku ke sekolah kerana ingin melihat aku berjaya satu hari nanti.

Di sekolah, aku sering dihina kerana baju dan kasut sekolahku yang buruk. Aku juga sering diejek kerana tidak mempunyai ibu dan bapa. Setiap hari aku menangis sendirian di tandas semasa waktu rehat

kerana aku terfikir mengapa Tuhan memberikan aku dugaan seberat ini? Aku tidak mahukan semua ini tetapi aku redha kerana aku tahu jika aku berusaha, kejayaan akan dapat aku genggam akhirnya.

Aku menyimpan cita-cita untuk membawa nenekku keluar daripada kehidupan yang susah ini. Aku tidak sanggup melihat nenek terus terpaksa bekerja sebagai seorang pembersih di pusat penjaja makanan. Nenek sepatutnya sudah berehat dan bersenang-senang pada usianya yang hampir mencecah 67 tahun ini. Dia bekerja siang dan malam demi mencari sesuap nasi dan juga memastikan aku dapat pendidikan dengan sempurna.

“Nenek, Amir janji akan berusaha untuk membawa nenek keluar daripada kehidupan susah ini,” janjiku kepada nenek. Nenek hanya tersenyum kecil sambil menyapu minyak urut di kakinya.

Aku belajar dengan tekun untuk memastikan keputusan peperiksaan aku cemerlang. Siang malam aku memerah otak untuk belajar dan usaha aku selama ini berbaloi. Berkat usahaku dan pencapaian akademikku, aku mendapat tawaran untuk menyambung pengajianku di menara gading. Nenekku sangat gembira apabila aku memberitahunya tentang keputusan peperiksaanku. Di sini bermulanya impian aku untuk membawa nenek keluar daripada kehidupan yang susah ini.

Aku ditawarkan untuk mengambil jurusan perakaunan. Pada hari pertamaku, kesemua rakan sekelas aku kelihatan kemas dan bersih. Hanya aku seorang sahaja yang kelihatan selekeh dan tidak kemas. Bajuku kelihatan sangat lusuh berbanding dengan mereka yang memakai baju yang mahal-mahal. Seperti yang aku jangkakan, aku menjadi topik bualan mereka semua. Ramai di antara mereka yang berbisik antara satu sama lain apabila melihatku masuk ke bilik kuliah. Aku tidak mengendahkan pandangan dan hinaan mereka kerana aku sentiasa dipesan oleh Nenek untuk ingat akan niat dan tujuan kita. Aku tidak malu akan dengan pakaianku kerana aku ke sana untuk menimba ilmu dan juga mengubah hidupku dan nenek dan bukan untuk melayan mulut dan buah fikiran orang.

Lama-kelamaan aku terbiasa dengan cacian-cacian mereka. Aku sedar diri aku tidak kaya seperti mereka semua. Namun, aku juga manusia biasa yang mempunyai hati dan perasaan. Bohong kalau aku kata hati aku sentiasa kebal dengan cacian mereka. Selama pengajianku, aku tidak malu bertanyakan soalan kepada pensyarah-pensyarahku kerana aku inginkan yang terbaik buat diriku. Aku tidak mahu usaha aku ini sia-sia kerana aku segan untuk bertanyakan soalan dan juga malu akan asal usulku.

Setelah menamatkan pengajianku, aku mendapat segulung ijazah yang selama ini aku idamkan. Aku ditawarkan peluang pekerjaan di sebuah syarikat swasta sebagai pengurus akaunan syarikat. Sikapku yang tidak segan bertanyakan soalan jika aku tidak faham disenangi oleh rakan sekerja serta majikanku. Aku diberikan pelbagai peluang baharu untuk terus mengasah kemahiranku dalam jurusan perakaunan. Kehidupan aku dan nenekku juga semakin mantap dan kini beliau tidak lagi perlu bekerja sebagai tukang pembersih kerana aku sudah mampu untuk menanggung kehidupan kami berdua.

Pasang surut kehidupan kadang kala dilanda badai ribut yang tidak disangka. Setelah lima tahun aku bekerja di syarikatku, aku tiba-tiba diberhentikan kerana krisis ekonomi yang mencedil dunia. Disebabkan ini, kehidupan aku dan nenek menjunam kembali seperti dahulu kerana aku menghadapi cabaran untuk mencari pekerjaan baharu dalam kemelut krisis kewangan yang berterusan.

Pada waktu yang sama, nenek mula jatuh sakit. Sakit-sakit kepala yang sering dialaminya rupanya tanda barah otak. Hatiku pecah seribu. Setiap hari berlalu, aku bertambah tertekan kerana aku semakin kekurangan wang. Keadaan nenek bertambah teruk kerana aku tidak mampu untuk menghantar beliau untuk membuat rawatan.

Aku masuk ke bilik nenek dan melihat beliau terbaring di katil kerana tidak mempunyai kudrat dan tenaga seperti dahulu.

“Amir, kejayaan itu tidak datang bergolek. Kamu harus sentiasa bertanya dan meminta nasihat daripada orang-orang yang lebih berpengalaman tentang kehidupan. Kamu harus tekun dan jangan bersikap malu untuk mencapai kejayaan yang kamu inginkan. Malu berkayuh perahu hanyut, Mir. Nenek

yakin Amir boleh,” nasihat Nenek sewaktu aku masuk ke dalam biliknya. Kata-kata Nenek itu membuat aku lebih bersemangat untuk berikhtiar mencari jalan penyelesaian.

Keesokan harinya, sinaran matahari dari tingkapku membuat aku terjaga daripada tidurku. Aku bangun dengan semangat dan azam baharu setelah mendengar kata-kata Nenek pada malam sebelumnya. Dengan segera aku ke bilik nenek.

“Nek?” Aku memanggil Nenek apabila tidak kedengaran suaranya. Biasanya beliau sedang mengaji namun pagi ini kelunakan suaranya tidak kedengaran. Aku membuka pintu perlahan-lahan lalu ternampak nenek sedang tidur. Mungkin pagi ini beliau tidak beberapa sihat. Aku mendekati tubuh itu untuk mengejutkan beliau namun panggilanku tidak disahut olehnya.

“Nek, bangun nek. Amir ada sesuatu nak beritahu nenek,” kataku dengan penuh semangat. Nenek tidak menyahut panggilanku walaupun sudah berkali-kali aku cuba untuk mengejutkannya. Aku memeriksa nadinya lalu aku terkejut.

“Nenek bangun. Jangan buat Amir begini,” rintihku kepada jasad nenek yang tidak bernafas lagi. Mataku berkaca.

Pemergian nenek merupakan salah satu dugaan besar yang harus aku tempuhi kerana pada waktu itu aku baharu sahaja mula mengumpul semangatku untuk kembali meneruskan impianku mencapai kejayaan. Setelah nenek pergi, dunia aku hancur retak sejuta dan aku terpaku dalam kegelapan. Tidak dapat aku ungkapkan keperitan yang harus aku tempuhi ini. Namun, aku berpegang dengan kata-kata nenek iaitu kejayaan tidak datang bergolek dan jika aku malu berkayuh, perahu akan hanyut.

Aku gigih berusaha untuk mencapai kejayaanku. Dengan berkat doa dan usaha, aku mendapat tawaran untuk bekerja di sebuah syarikat terkemuka sebagai pengurus perakaunan syarikat. Kini kehidupanku lebih senang berbanding dahulu dan aku berterima kasih kepada mereka yang tidak jemu membantu aku menjawab segala pertanyaan sewaktu aku masih lagi seorang budak mentah. Namun, aku agak terkilan kerana nenek tiada di sisiku semasa aku mengesapi kejayaan ini. Akan tetapi, aku tetap bersyukur. Perjalanan kehidupanku untuk meraih kejayaan penuh dengan onak dan duri, namun itulah lumrah kehidupan yang sebenar. Sehingga ke hari ini, aku masih berpegang dengan kata-kata nenek iaitu jika kita malu berkayuh, perahu hanyut dan kejayaan tidak datang bergolek.

Nuraqilah Bte Sariman (4-6) (HGV)

Contoh 19

Kesalan Tanpa Penghujung

“Pergilah cari kerja!! Nak tumpang kesenangan orang lain sahaja, pui!!!” seorang lelaki dewasa berkata sambil berlalu.

Aku tunduk melihat mangkuk yang mengandungi beberapa sen sahaja. Barang-barangku disusun dengan rapi atas kain yang aku gunakan untuk tidur dan duduk di tepi jalan raya. Bukan pertama kali seorang telah menghinaku sebegitu. Kuku di jariku panjang. Rambut dan badanku juga berbau. Sudah lama aku tidak dapat bermandi atau menjaga penampilan diri. Aku hanya duduk di sini, negara asalku, Indonesia dari pagi hingga malam, mengemis duit daripada sesiapa yang berlalu. Ada yang melihatku dengan rasa benci walaupun mereka tidak mengenali.

Aku simpan wang syiling itu ke dalam saku beg. Dengan perlahan, aku sandarkan barang-barangku ke dinding bangunan warna kelabu itu. Begku diletakkan di hadapan supaya aku boleh menggunakan beg itu sebagai bantal. Warna langit sudah gelap gelita. Tidak ramai orang lagi berjalan di jalan raya. Yang masih berjalan di jalan raya kelihatan seperti mereka dalam perjalanan pulang ke rumah. Aku melihat seorang wanita berjalan lalu dan tiba-tiba, mindaku melayang jauh memikirkan peristiwa hitam yang terjadi beberapa tahun yang lalu akibat aksiku sendiri. Mataku terlelap dengan perlahan semasa aku teringat akan peristiwa hitam itu.

"Siti, aku telah mendapatkan majikan untuk kamu." Seorang ejen memberitahuku di bilik kecil penuh dengan pembantu rumah yang menantikan majikan. Hatiku berbisik "Alhamdulillah" tanda syukur.

Aku mengukirkan senyuman manis kepada ejen itu. Dahulu di Indonesia, aku tidak dapat mencari pekerjaan untuk menampung keluargaku. Aku dinasihati kawan untuk bekerja di Singapura sebagai pembantu rumah kerana gajinya lumayan. Perasaan teruja meluap-luap pada saat itu. Selepas aku mengemas barang-barangku yang dimasukkan dalam beg yang besar, aku pun keluar dari pusat tersebut.

Majikanku merupakan pasangan Melayu yang beragama Islam. Mereka memerlukan pembantu untuk menjaga ibu kepada suami pasangan itu. Aku diterangkan tentang tugasku di rumah itu. Kedua-dua majikanku mempunyai sikap bersabar dan tegas. Mereka tidak cepat marah dan mereka lebih penyayang terhadapku, lain daripada apa yang aku dengar daripada kawan-kawanku yang sering mengadu tentang majikan mereka. Aku berasa bahawa aku bertuah kerana mendapat majikan yang baik hati.

Namun lama-kelamaan, aku bertambah bosan. Hari-hari aku harus mencuci tandas pada masa pagi, mop lantai pada masa petang dan siapkan makanan untuk seluruh keluarga apabila tibanya waktu malam. Aku sedar bahawa setiap pembantu rumah mendambakan majikan yang aku peroleh. Tetapi, lama-kelamaan aku bertambah malas untuk mendapatkan duit hanya pada akhir setiap bulan. Aku mahu mendapatkan duit dengan cara cepat dan senang supaya aku boleh pulang ke rumah lebih cepat dan akhirnya rehat.

Semasa aku menggunakan telefon bijak di bilikku, aku mendapat mesej daripada kawanku yang juga pembantu rumah. Aku meluahkan segala isi hatiku. Aku bertanya tentang bagaimana aku mahu cepat pulang ke Indonesia tetapi aku masih perlu bekerja di Singapura selama dua tahun lagi untuk mendapatkan jumlah duit yang mencukupi. Pernafasanku tersekat apabila aku melihat balasan mesej kawanku. Dia telah mengambil wang majikannya yang diletakkan sebarang di rumah dan majikannya tidak pernah sedar tentang aksi=aksinya. Fikiran di minda mula liar. Aku berfikir bahawa jika aku mengambil duit sedikit demi sedikit, majikanku tidak akan menyedarinya. Namun, aku sedar itu adalah suatu pencurian. Aku meletakkan telefon bijakku di atas paha lalu mematakannya.

Dua hari sudah berlalu dan aku akhirnya membuat keputusan mukhtamad. Apabila majikanku sudah keluar dari rumah dan Ibu mereka tidur, aku masuk ke dalam bilik majikanku dengan perlahan. Aku memastikan bunyi tapak kakiku tidak boleh didengari. Pernafasanku terhenti sebentar apabila aku mengambil wang lima dollar dari dompet majikanku. Tanganku berhati-hati apabila aku mengembalikan dompet itu ke tempat asalnya. Dengan pantas, aku keluar dari bilik majikanku dan masuk ke dalam bilikku.

Hatiku berdegup dengan pantas. Walaupun aku telah mengambil hanya setakat lima dolar sahaja, aku berasa bahawa aku telah mencuri lima puluh dollar! Apabila aku melihat wang lima dollar di tanganku, aku tersenyum. Pada mulanya, aku hanya akan mengambil lima dollar seminggu. Namun, hari demi hari, aku menjadi tamak. Niatku untuk bekerja secara halal untuk Ibuku yang menantikan kepulanganku di rumah hancur dan dilupakan. Aku mula mengambil \$10 dan ada juga beberapa kali aku mengambil \$20 dari dompet majikanku.

Pada suatu hari, aku keluar dari bilik majikanku dengan wang \$20 dalam tanganku sambil tersenyum. Kepala aku terhentak benda lembut yang menghalang jalanku secara tiba-tiba. Alangkah terperanjatnya aku apabila aku melihat kedua-dua majikanku di hadapanku. Dentuman hatiku yang terlalu kuat menyebabkanku seperti tidak boleh mendengar apa-apa lagi. Pada saat itu, aku terhenti. Titisan peluh dari dahi mengalir tanpa henti. Aku mengelipkan mata beberapa kali kerana tidak percaya apa aku lihat. Setahu aku, aku tidak mendengar apa-apa bunyi atau suara majikan masuk ke dalam rumah.

"Siti, kita perlu berbual." Majikanku berkata. Perbualan dengan majikanku terasa seperti perbualan yang paling lama dan mendebarkan. Majikanku menerangkan kepadaku bahawa mereka tahu tentang aksi aku mencuri wang mereka. Mereka hanya menunggu dan mahu melihat jika aku sedar dan jujur atau tidak.

Proses yang datang selepas itu cepat sekali. Aku disuruh untuk mengembalikan wang yang aku curi, kemaskan barang-barangan dan dihantar pulang ke Indonesia dengan wang yang tidak

mencukupipun. Aku juga diberitahu ejen bahawa aku diharamkan masuk atau bekerja di Singapura dan tidak boleh lagi aku menjejakkan kaki ke Singapura hingga hujung nyawa. Dengan hati yang berat dan rasa menyesal. Aku pulang ke Indonesia. Apakah yang akan aku beritahu Ibuku yang sedang mengharapkan aku sepanjang ini?

Sampai sahaja di Indonesia, aku mengambil bas pulang ke rumahku yang terletak di kawasan perkampungan. Perjalanan ke rumah mengambil masa lima minit sahaja.

"Assalamu'alaikum!!! Ibu???" aku menjerit. "Ibu!!!" aku panggil Ibuku sekali lagi.

Aku tidak mendapatkan sebarang jawapan. Aku menemui penduduk kampung yang berada di situ dan bertanya jika dia tahu di mana Ibuku telah pergi. Alangkah terperanjatnya aku apabila orang itu mengatakan bahawa Ibuku di dalam rumah tetapi dia jatuh sikit kerana penyakit barah. Dengan cepat, aku mengucapkan terima kasih kepadanya terus berlari menaiki tangga lalu masuk ke dalam rumah.

Kelihatan Ibu terbaring di katil, tasbih di tangan kanan dan tangan yang kiri memeluk Qur'an kecil yang aku berikan sebagai hadiah selepas mendapat gaji pertamaku. Aku duduk bersebelahan Ibu dan mencium tangannya lalu memberi salam. Selepas menelefon hospital untuk bertanya jika Ibu boleh mendapatkan rawatan untuk penyakit barahnya, air mata mula jatuh mengalir ke pipi apabila aku mendapati pendapatanku sebagai pembantu di Singapura tidak mencukupi untuk membayar bil hospital. Apa yang lebih menyedihkan adalah apabila aku sedari bahawa jika aku bekerja di Singapura untuk sebulan lagi, aku akan mempunyai wang yang cukup untuk rawatan Ibu. Aku kesal.

Sebulan sekembalinya aku dari Singapura aku, Ibu telah menyahut panggilan Ilahi. Setelah pengkebumian Ibu, rumah Ibu dijual dan aku menjadi miskin. Bunyi hon kereta membangunkanku daripada tidurku. Tanpaku sedari, air mata mengalir mengingatkan peristiwa hitam yang menghancurkan seluruh hidupku. Pada hari ini, aku bersyukur dan selalu berfikir sebelum beraksi. Setiap perbuatan tentu ada kesannya seperti peribahasa ada kerak adalah nasi.

Gastrina Syarafina Bte Mohammad Nizam (3-8)(HGV)

Contoh 20

Cahaya Kesalan

Ada kerak ada nasi. Tiap-tiap suatu kejadian itu tentu ada bekasnya. Tetapi kenapa? Kalaulah tiada kesannya adakah seseorang akan belajar daripada perbuatannya yang buruk atau tidak? Peribahasa ini yang dicipta oleh nenek moyang kita mesti ada sebabnya. Nenek moyang kita ingin ingatkan generasi ini bahawa kita harus berhati-hati dengan apa yang kita lakukan. Aku baru sedar akan kepentingan maknanya beberapa tahun yang lalu ketika aku berusia dua puluh tiga tahun. Lima tahun telah berlalu dan aku masih tidak boleh lupakan apa yang telah terjadi. Apabila aku melihat wajah ibu, bapaku, perasaan kesalku akan timbul semula. Inilah cerita tentang perubahan hidupku.

Tunjahan cahaya matahari pagi menampar dada bilikku menunjukkan ia masa untuk bangun. Badanku terasa sungguh berat untuk bangkit dari katil. Itu memang tabiatku. Nama aku Adli. Aku berusia dua puluh tiga tahun dan aku seorang dewasa yang bekerja di sebuah bank. Tiap-tiap hari aku harus duduk di hadapan komputerku dan menaip pelbagai jenis angka. Ia sangat membosankan tetapi pekerjaan ini bergaji lumayan. Setiap kali mendapat gaji aku akan berasa sungguh kaya. Ia terasa seperti duit jatuh daripada langit. Namun,aku bukan sahaja prihatin terhadap masa depanku sahaja tetapi juga keluargaku. Aku akan menyetepikan empat puluh peratus gajiku dan simpan enam puluh peratus itu ke dalam akaun bankku.

Walaupun badanku berat ingin bangkit dari katilku, akhirnya aku berada di meja kerjaku. Skrin komputerku seperti berkata "jangan hidupkan aku" apabila aku melihatnya. Tanpa "mendengar" kata-kata komputerku, aku menyalakannya kerana itu tugasku. Di skrin tersebut terdapat sebuah poster yang mengatakan tentang lumba motosikal. Aku ingin tahu tentangnya dan terus kilik poster itu. Ia membawaku kepada video yang menunjukkan beberapa orang sedang berlumba. Aku berasa tertarik melihat mereka semua berlumba. Sepanjang hari itu, aku menonton beberapa video tentang perlumbaan. Aku tidak terfikir

pun tentang apa-apa selain itu. Aku telah jatuh ke dalam perangkap dan aku sedar ia susah untuk keluar daripadanya.

Setibanya di rumah, aku tidak memberi salam kepada orang tua aku lalu terus masuk ke bilikku dengan matakku yang terpaku pada skrin telefon bijakku. Di akhir video yang aku sedang tonton ia mengatakan bahawa aku boleh membeli sebuah motosikal di sebuah kedai yang berdekatan dengan rumahku. Minatku untuk berlumba di sebatang jalan berhampiran rumahku mula bermain-main dalam mindaku. Aku mula merancang.

Pada keesokan hari aku bangun seperti hari yang lain dan keluar menuju ke tempat kerjaku. Apa yang beza ialah aku tidak ke kerja tetapi ke kedai motosikal yang ditayangkan dalam video semalam. Di kedai itu aku memilih sebuah motosikal dengan bantuan pekerja di situ dan akhirnya berjumpa dengan motosikal yang aku gemari.

Apabila harganya dinyatakan, aku terus mengeluarkan kad kreditku dengan rela hati dan membayarnya. Selepas itu aku pun terus ke tempat di mana aku boleh berlumba. Selepas beberapa video yang aku tonton, aku tahu bagaimana untuk menunggang motosikal. Di situ terdapat beberapa lagi orang yang kelihatan seperti samseng tetapi mereka menyambutku dengan mesra. Mereka berkata kalau aku hendak berlumba aku harus mengeluarkan wang lima ratus dolar dahulu. Aku mengeluarkan wang itu kerana aku sudah tidak sabar. Apa yang aku tidak tahu ialah aku sedang berjudi dengan orang di situ. Apabila aku kalah, wang aku diberi kepada pemenang dan apabila aku menang aku pula yang mendapat wang itu. Namun, mereka bijak. Mereka tahu bahawa aku seorang yang kaya kerana pakaianku yang kemas. Aku tidak tahu motif mereka dan berlumba berkali-kali sampai malam buta.

Di rumah, ayahku sedang duduk di atas sofa sedang membaca surat khabar. "Kenapa lambat?"katanya. "Kenapa nampak selekeh?"tanyanya kepadaku.

Walaupun terkejut, perasaan marahku meluap-luap dengan katanya. Aku sudah dewasa bukan? Kenapa ayah masih ingin tahu apa yang aku buat? Herdik hatiku.

Aku terus masuk ke bilik aku tanpa mengatakan apa-apa dan hempas pintuku tanpa menyadari bahawa ayahku telah menyiapkan makanan untukku dan menunggu kepulanganku. Selepas hari itu aku tidak ke tempat kerja dan selalu berlumba sahaja. Aku tidak kata apa-apa pun kepada orang tuaku. Aku tidak ingin mereka tahu pun.

Sudah tiga minggu aku berlumba dan bejudi. Namun pada Jumaat itu aku rasa bahawa ada yang tidak kena. Seperti hari yang lain aku keluarkan lima ratus dolar itu dan menghampiri garisan permulaan. Angin bertiup sepoi-sepoi bahasa ke arah mukaku. Aku lebih fokus daripada hari yang lain.

"Satu..dua.. tiga.. Bang! " kedengaran motosikal.

Aku mendahului mereka yang lain dan hatiku melonjak kegembiraan tetapi aku hairan kerana beberapa saat kemudian tiada kedengaran motosikal yang lain. Aku masih menunggang tanpa memandang ke belakang. Ia sunyi sehingga aku mendengar perjalanan kenderaan yang lain. Adakah aku telah salah jalan? Fikiran ku dipenuhi seribu soalan. Tiba-tiba aku ternampak sesuatu yang besar menghadap aku. Aku tidak terfikir dan masih menunggang ke arahnya. Aku boleh nampak lampu dihadapan sahaja dan dengar sesuatu. Aku masih menukar arah jalanku. Fikiranku kosong ketika ia menghampiri ku dengan lebih dekat. Lampunya mengaburi pandangku dan aku hanya mendengar bunyi hon yang kuat dari arah itu. Lama- kelamaan semuanya menjadi gelap.

Matakku celik dan di sekelilingku semuanya putih. Tubuku tidak boleh dirasai dan segalanya kelihatan sungguh berbeza.

Di manaku ini? Aku cuba duduk tetapi tidak berjaya. Terdapat beberapa tiub di tangan aku. Apa yang telah terjadi? Di sebelahku, ayahku sedang melihatku dengan air mata yang mengalir di pipinya. Aku hairan dengan semua yang sedang berlaku. Ayahku memegang tanganku dan berkata bahawa dia

bersyukur aku selamat dan sudah bangun. Ayahku memberitahu apa yang terjadi apabila dia lihat wajahku yang keliru itu. Dia mengatakan bahawa aku dilanggar oleh sebuah trak besar dan aku telah hilang kedua-dua belah kakiku.

Dia mengatakan bahawa kos rawatan terlalu mahal dan tidak ada sesiapa yang mampu membayarnya. Aku sedar bahawa aku telah membuang wangku sesuka hatku dan aku berlumba tanpa lesen dan berjudi. Akupun telah mengabaikan pekerjaan dan keluargaku. Aku berdosa kerana merosakkan hidupku.

Kini, aku berasa kesal dengan perbuatan bodohku. Sudah terlambat rasanya. Selepas aku keluar dari hospital, ayah berkata bahawa aku masih ada tangan dan aku harus menggunakannya dengan baik. Aku mula menulis dan buku pertama yang aku tulis adalah tentang diriku. Aku ingin meningkatkan kesedaran kepada orang lain supaya berfikir sebelum membuat sesuatu kerana tiap-tiap suatu kejadian itu tentu ada bekasnya seperti peribahasa ada kerak ada nasi.

Siti Amirah Binte Haji Hasnadi (3-9)(HGV)

Contoh 21

Kau Pergi Tanpa Pesan

“Mak Jah... Oh Mak Jah..” Ke mana pula pergi orang tua ni. “Mak Jah...ni hah saya bawakan lauk untuk berbuka puasa ini”. Aku menjadi bimbang. Tidak pernah-pernah Mak Jah tidak menyahut sapaanku. Apakah Mak Jah sakit? Atau dia sibuk di dapur agaknya.

Aku terus ke bilik Mak Jah untuk mencarinya. Ketika aku melangkah masuk ke biliknya, aku melihat sekujur tubuh yang terbaring di atas lantai dapur. Aku mendekati badan itu dan melihat Mak Jah tidak sedarkan diri.

“Ya Tuhan! Mak Jah!” Aku jerit dengan kuat.

Aku terus menelefon ambulans dan abangku, Aiman untuk memberitahunya apa yang telah berlaku. Ambulans tiba dan Mak Jah dikejarkan ke hospital. Aku terpaksa menunggu di luar ruang kecemasan. Sejurus kemudian, aku terdengar derap kaki yang tergesa-gesa menuju ke arahnya.

“Adik bagaimana keadaan Ibu?” tanya abangku.

Aku menaikkan bahu, menunjukkan isyarat bahawa aku tidak tahu. Abangku terus memelukku dengan kuat. Air mataku mengalir tanpa henti. “Boleh saya tahu siapa ahli keluarga Puan Hajah Maimon?” Suara salah seorang doktor memecah keheningan.

“Saya!” Aku hampir-hampir teriak.

Doktor itu yang bernama Yusuf berjalan ke arah kami berdua. Dia melihatku dengan pandangan yang sedih.

“Maafkan kami. Kami sudah cuba sedaya upaya namun... Puan Hajah Maimon tidak dapat diselamatkan. Beliau meninggal dunia akibat serangan jantung”, Doktor Yusuf terangkan dengan nada yang sedih. Dunia kecerahan kini diliputi awan gelap. Aku rebah ke lantai dan menangis teresak-esak.

“Mak Jah! Jangan tinggalkan aku! Aku tidak ada tempat untuk bermanja selain Mak Jah!”

Aku menghampiri dan menggoyang-goyangkan tubuh Mak Jah yang terbaring kaku di atas katil. Air mataku mengalir tanpa henti. Aiman memelukku dengan kuat dan meminta aku agar bersabar. Aku cuba untuk lepas daripada cengkamannya namun dia terlalu kuat.

Aku terpaksa menerima hakikat yang Mak Jah sudah meninggalkanku buat selama-lamanya. Dengan pemergian Mak Jah, kesepian yang mencengkam perasaanku menjadi lebih teruk. Aku tidak lalu makan sehingga berat badanku turun dengan banyak sekali. Namun, aku tetap harus meneruskan hidupku yang kini sesak dengan kesunyian.

Siti Fadhillah Binte Djulkifli (2-2) (HGV)

Contoh 22

Cikgu, Kau Inspirasiku

"Keluar kau! Aku tidak mahu tengok lagi tengok batang hidung kau dalam rumah aku ini!" Ibu menjerkah ke arahku dengan matanya yang terbeliak.

Kebencian terhadap diriku di dalam hatinya memuncak sekali. Dada Ibu berombak-ombak kemarahan. Matanya merenung tajam ke arahku. Aku tidak ingin melawan dan ikut sahaja kehendak ibu. Sebelum aku mengambil langkah keluar dari rumah itu, aku menghulurkan tanganku untuk bersalaman.

Tidak dapat aku sangka bahawa itulah memori pertama dan terakhir bersama ibu yang dapat aku kenangkan. Beberapa hari selepas peristiwa pahit itu, aku telah dikhabarkan bahawa ibu telah dijemput Illahi. Hatiku remuk. Tidak sempat aku mencium tangannya dan memohon keampunannya, ibu pergi meninggalkan aku.

"Ibu, kenapa ibu pergi tinggalkan Rai seorang diri? Ibu tidak kesiankan Rai ke?" bisik hati kecilku.

Ibulah satu-satunya ahli keluarga yang aku ada di dunia ini. Walaupun dia bukan ibu yang sempurna, aku tetap bersyukur setidak-tidaknya, aku ada seorang ibu. Sikap ibu yang sering mengambil barang terlarang itu telah memusnahkan dirinya sendiri. Apabila khayal dengan pil-pil terlarang itu, ibu mula menggunakan kekerasan kepadaku. Aku akan diterajang dan dimaki hamun seperti haiwan liar. Tanda lebam di tubuhku dan parut luka di dahi masih lagi bertanda. Kadangkala, aku bertanya, Adakah aku ini benar-benar anak kandung wanita itu?

Meskipun begitu, ibu tidak pernah lelah tunjuk ajarku. Dia akan memastikan aku mempunyai duit sekolah dan pemakananku terurus. Oleh sebab itu, pemergiannya telah memberi kesan yang amat dalam kepada diriku.

Itulah kehidupan aku sepuluh tahun yang lalu. Kini, aku berumur dua puluh lima tahun. Pelbagai cabaran yang telah aku harungi untuk mencapai kejayaan dan impianku selama sepuluh tahun itu. Murid-murid akulah menjadi pembakar semangatku untuk meneruskan kehidupan pada setiap hari. Melihat murid-muridku yang mempunyai sebuah keluarga yang lengkap membuat rasa gembira dan syukur berbunga di lubuk hatiku. Tidak ingin aku melihat murid-muridku hidup sebagai sebatang kara pada umur yang muda seperti diriku.

Seperti biasa, pada hari Isnin, aku akan masuk ke dalam kelas dan mengajar murid-muridku yang berumur muda lima belas tahun itu. Secara tiba-tiba, salah seorang daripada mereka mengangkat tangan dan bertanya soalan kepadaku.

"Cikgu, mengapakah cikgu ingin menjadi seorang Guru Bahasa Melayu?" soal anak muridku yang bernama Sofia.

Mendengar soalnya, fikiranku mula menerawang jauh terimbas semula peristiwa yang berlaku sepuluh tahun yang lalu. Sejak aku kehilangan ibu, aku menjadi seperti anak ayam kehilangan ibu. Aku hilang tempat bergantung. Oleh sebab itu, hidupku menjadi huru-hara dan tidak tentu arah. Aku mula ponteng sekolah dan seringkali guru akan ke rumahku untuk menyuruh aku ke sekolah. Aku enggan mendengar kata-kata mereka. Aku mula hilang arah tujuan. Minat untuk belajar hilang serta merta. Aku kecewa! Aku anak derhaka! Kesal mula menyelubungi hatiku ini. Pemergian ibu membuat hatiku kosong! Seolah-olah hidup ini sudah tidak bermakna. Sehingga pada suatu hari...

Salam Raisyah

Awak apa khabar? Guru-guru di sekolah asyik tertanya-tanya kenapakah awak tidak hadir ke sekolah. Semua orang telah mencuba untuk menelefon awak tapi awak tidak menjawab panggilan mereka. Cikgu faham bahawa awak amat kecewa dan masih sedih atas pemergian ibu awak. Sebagai seorang guru, saya ingin awak untuk pulang ke sekolah secepat mungkin tetapi sebagai seorang insan, saya faham akan keadaan emosi awak. Saya juga pernah melalui peristiwa yang sama seperti awak. Pada waktu itu, ayah saya meninggal dunia semasa peperiksaan akhir tahun saya. Dunia saya musnah dengan begitu mudah. Pemergian ayah cikgu telah membuat cikgu mengalami kemurungan. Kesakitan dan kesedihan yang teramat dalam sehingga menusuk jiwa itu menyelubungi tubuh cikgu. Pernah juga cikgu terfikir untuk berputus asa pada waktu itu.

Walau bagaimanapun, Cikgu telah menggunakan keperitan itu untuk menjadi manusia yang lebih berguna. Cikgu mula kembali pulih dengan perlahan dan alhamdulillah saya telah berjaya menjadi seorang guru sekarang.

Saya harap awak dapat mempelajari sesuatu daripada pengalaman cikgu. Akhir kata, Cikgu ingin Raisyah tahu bahawa ia akan mengambil jangka masa yang panjang untuk kehidupan seharian awak kembali seperti biasa tetapi awak harus berusaha dan terus bertabah. Semoga surat ini dapat memberikan awak harapan dan semangat untuk kembali pulih.

*Yang ikhlas
Cikgu Shah*

Itulah sepucuk surat dari guru Sainsku yang telah ditulis utukku. Air mataku berlinangan sambil membaca surat tersebut. Setiap perkataan yang dituliskan menusuk ke kabulku. Aku mengenggam dadaku kerana rasa sakit di hati yang teramat sangat. Surat yang pendek dan ikhlas itu telah memberi aku sebuah cahaya harapan semula. Kata-kata cikgu Shah telah membuatku sedar bahawa setiap manusia ada cabaran mereka sendiri. Hanya dengan cabaran-cabaran itu, seseorang dapat menjadi seorang yang lebih berguna kepada masyarakat ataupun menjadi seorang yang memalukan masyarakat seperti ibu. Aku tidak ingin menjadi seperti ibu.

Tidak aku ingin orang lain mengatakan bahawa oleh kerana ibu, aku juga menjadi seseorang yang tidak berguna. Mulai hari itu, aku mula ke sekolah dan akhirnya mendapat segulung ijazah di menara gading. Walaupun kecil, tindakan cikgu Shah itu telah mengubah hidupku buat selamanya. Bak kata pepatah ada kerak adalah nasi. Dengan bantuan dan sokongan daripada cikgu Shah, aku dapat menjadi seorang guru. Cikgu Shah telah menjadi sumber inspirasiku. Memang benar bahawa setiap perbuatan mesti ada kesannya. Perbuatan ibu telah memberi kesan yang buruk kepadaku tetapi dengan pertolongan cikgu shah, ia telah memberi kesan positif terhadap hidupku.

"Cikgu! Kenapa cikgu senyap je?" tanya sofia.

Aku tersedar daripada lamunanku. Melihat wajah Sofia, senyuman terukir di bibirku. Aku ingin menjadi seperti Cikgu Shah, seorang guru yang boleh menjadi sumber inspirasi kepada murid-murid.

"Sofia, Cikgu ingin menjadi seorang guru bahasa kerana Cikgu ingin menyumbang semula kepada masyarakat. Cikgu ingin mendidik awak semua supaya menjadi insan yang lebih berguna pada masa hadapan, " jawab aku kepada soalan Sofia.

Mendengar jawapan itu, bebola mata Sofia bersinar-sinar. Selagi aku mampu, akan aku bantu Sofia, murid yang senasib denganku. Kepahitanku pada masa lalu, biarlah ia menjadi suatu rahsia.

Dini Nur Rifqah Bte Muhammad Assad Elahi (4-6)(HGV)

Contoh 23

Gara-gara Mak Jah

“Mak Jah... Oh Mak Jah. Kemana pula orang tua ni. Mak Jah... ni hah saya bawakan lauk untuk berbuka puasa ini. Aku menjadi bimbang. Tidak pernah-pernah Mak Jah tidak menyahut sapaanku. Apakah Mak Jah sakit? Atau dia sibuk di dapur agaknya...”

Kesunyian mencengkam perasaan aku. Setiap kali aku ke sini, Mak Jah pasti akan menyambut kedatangku. Hatiku tergerak untuk mencarinya. Aku mula berjalan ke ruang tamu. Dekorasi ruang tamu rumah yang berinspirasi hiasan dalaman hotel cukup mewah dan elegan. Namun, aku musykil apabila ternampak sebuah bilik kecil yang biasanya terbuka luas kini tertutup rapat. Jantungku mula berdegup dengan kencang.

Aku pun menghampiri bilik itu dengan kehairanan. Kedengaran suara seseorang yang sedang meminta tolong semakin kuat kedengaran. Aku cuba membuka pintu tersebut, namun ternyata bilik itu terkunci. Yang pasti, suara yang aku dengar tadi adalah suara Mak Jah. Kerisauan bertalu-talu melekat di pangkal fikiranku. Tanpa berleengah lagi, aku cuba untuk menendang pintu bilik yang terkunci itu dengan menggunakan segala kudratku.

Alangkah terperanjatnya aku apabila ternampak sekujur badannya tersandar lesu tanpa gerak. Dalam kebingungan, aku tertanya-tanya apakah yang telah terjadi kepada Mak Jah. Dengan pantas aku mendekatinya. Muka Mak Jah bengkak. Aku juga melihat kesan lebam di bahagian lengan dan kaki Mak Jah. Apakah yang telah terjadi? Mengapakah Mak Jah diperlakukan sedemikian? Dia seolah-olah kelihatan dianiaya oleh seseorang. Adakah dia dianiaya oleh majikannya iaitu mak cik aku? Mustahil! Setahu aku, makcikku adalah seorang pekerja yang amanah, rajin, setia dan bertanggungjawab. Aku pun memujuknya untuk menceritakan perkara yang sebenar.

Dengan nada yang tersedu-sedu, Mak Jah menceritakan bagaimana dia dilayan oleh majikan selama dia bekerja di situ. Aku tidak sangka bahawa majikannya yang selama ini aku kagumi dan anggap baik budi rupa-rupanya, merupakan seorang yang bersikap zalim. Mak cikku sering menampar dan menendang Mak Jah jika Mak Jah lambat menyelesaikan tugasnya atau Mak Jah membuat kesilapan. Aku cuba memadam api kemarahan yang seterusnya melenyapkan rasa hormatku terhadap mak cikku. Sungguhpun sebegitu, aku berasa bangga dengan sikap penyabar Mak Jah. Dia tidak pernah sesekali mengaibkan majikannya.

Aku berasa marah setelah mendapat tahu bahawa mak cik aku sendiri telah mengambil kesempatan ke atas Mak Jah. Aku cuba memujuk Mak Jah berulang-ulang kali untuk mengambil tindakan atas perbuatan majikannya, tetapi tidak membawa hasil. Seperti yang aku sangkakan, Mak Jah masih sudi memaafkan mak cikku walaupun sering diperlakukan sedemikian.

“Sebenarnya, semua ini berpunca daripada kesilapan Mak Jah. Setiap hari Mak Jah sering mendesak majikan mak cik kamu tentang gaji yang tertunggak. Sudah beberapa bulan gaji Mak Jah tidak dibayar,” jelas Mak Jah.

“Kemungkinan makcik kamu itu sedang berasa tertekan pada masa itu disebabkan perniagaannya yang telah merosot,” tambahan Mak Jah lagi. Tiba-tiba, kedengaran enjin kereta dari luar rumah banglo mewah ini menandakan mak cikku sudah pulang. Alangkah terkejutnya majikan Mak Jah melihat kehadiran aku di rumahnya. Wajah ketakutan terpampang jelas di wajah mak cikku.

“Mak cik Lina! Apa yang telah mak cik lakukan? Pembantu rumah juga manusia, mereka bukanlah robot yang tidak mempunyai jiwa dan hati! Apa yang mak cik lakukan ini sebenarnya salah dan mak cik boleh ditangkap polis!” Dadaku berombak-ombak.

Mak cikku mula panik dan merayu kepadaku supaya tidak melaporkan perkara ini kepada pihak polis. Dia berjanji bahawa dia tidak akan melakukan perbuatan yang keji itu lagi. Mak Jah juga turut merayu kepadaku untuk tidak membuat laporan polis kerana dia masih ingin bekerja di sini. Keluarganya di

kampung amat bergantung kepada wang yang dikirimkannya. Aku juga tidak sanggup melihat mak cik kandungku sendiri ditangkap polis dan berita tentang ahli keluargaku menghiasi akhbar tempatan.

Fikiranku buntu. Apa yang harus aku lakukan?

Nur Alisya Iman Bte Khairul Imran (1-4)(HGV)

Contoh 24

Sarah, Maafkan Aku

Sarah Alyssa. Itulah nama rakan rapatku yang aku kenali selama sepuluh tahun sejak di bangkal sekolah rendah lagi. Kami bagai isi dan kuku, sukar dipisahkan walaupun ditimpa pergaduhan atau perselisihan faham. Aku tidak dapat bayangkan hidupku tanpanya. Kami selalu keluar bersama-sama sehinggalah dia memberitahuku tentang dirinya yang mempunyai seorang teman lelaki.

Pada mulanya, aku tidak ada masalah dengan Sarah keluar bersama teman lelakinya. Namun, lama-kelamaan, dia mula mengabaikan aku seolah-olah aku bukan lagi rakan rapatnya. Masanya banyak diluahkan dengan teman lelakinya tanpa memikirkan tentang perasaanku. Pada saat itu, aku sakit hati tetapi aku tidak ingin memberitahu Sarah tentang perasaanku kerana dia akan menganggap bahawa aku mementingkan diri sendiri dan tidak gembira dengan rakanku mempunyai teman lelaki. Aku pendam perasaanku terhadapnya. Aku tidak ingin merosakkan persahabatan aku dengannya.

Isu ini berterusan selama beberapa bulan dan aku tidak lagi boleh bertahan dengan sikap Sarah yang semakin menjauh. Aku tidak berpuas hati dengannya dan aku membuat keputusan untuk berhadapan dengannya. Aku berfikiran bahawa Sarah boleh memahami perasaanku tetapi ternyata aku salah belaka. Dia salah anggap dengan apa yang aku katakan,

' Kau pentingkan diri sendiri ! Sebagai sahabat, sepatutnya kau tumpang gembira dengan kebahagiaan aku! ' luah Sarah padaku.

Semenjak hari itu, kami tidak bertegur sapa selama beberapa bulan. Sepanjang masa itu, aku berasa sangat sakit hati kerana aku telah kehilangan seorang rakan yang sangat rapat denganku. Namun, aku sudah tidak berdaya melakukan apa-apa kerana kini, teman lelakinya adalah segalanya buatnya. Justeru, aku mengambil keputusan untuk mengundurkan diri biarpun berat hati ini.

Beberapa bulan telah berlalu dan tiba-tiba aku mendapat panggilan daripada Sarah yang mahu berjumpa denganku di sebuah kafe berdekatan. Aku tidak sedap hati, namun aku turuti kehendaknya. Sejurus aku menjejakkan kaki ke dalam kafe tersebut, aku ternampak Sarah dengan kaca mata hitam. Dia kelihatan tidak terurus. Hatiku berdegap-degup dengan kencang semasa cuba mendekatinya kerana sudah sekian lama kami tidak berbual dan dia pula dalam keadaan yang tidak stabil.

Hatiku pecah seribu tatkala mendapati kesan lebam di matanya apabila dia membuka kaca matanya! Teman lelakinya seorang kaki pukul! Dia juga curang terhadap Sarah! Dia kelihatan begitu patah hati dengan apa yang berlaku. Aku tidak pernah melihat Sarah merana sehingga sebegitu. Dengan teresak-esak, dia memberitahuku bahawa dia mengalami kemurungan kerana jantan keparat itu. Dia akan memaksa Sarah untuk memberinya wang ringgit dan jikalau Sarah enggan, Sarah akan dipukul setengah mati. Penagih dadah. Itulah jantan yang Sarah sangakakan emas permata.

Pada saat itu, terdetik rasa kesal di benak hati ini kerana sebagai sahabat karib, aku sepatutnya berada di sisinya walau apa-apa pun yang terjadi. Sebaliknya, aku mengundurkan diri tanpa membalas walau satu kiriman mesej di whatsapp kerana ego aku sendiri. Namun, bertepuk sebelah tangan tidak akan berbunyi.

Jikalau Sarah tidak mengabaikan aku pada awalnya dan menganggap aku seperti tunggul atau boneka yang tidak bernyawa, pastinya hati ini tidak akan merajuk hingga aku menghidangnya di semua platform media sosial dan alat komunikasi. Rupa-rupanya, sepanjang aku menghilangkan diri, Sarah menghantar bertubi-tubi mesej kepadaku dengan harapan agar aku dapat menyelamatkannya daripada

syaitan bertopengkan manusia itu. Jikalau tidak, tentu aku dapat menyelamatkan Sarah.

Nur Izzah Atirah Binte Alwi (3-8)(HGV)

Contoh 25

Jiranku Mak Jah

“Mak Jah....Oh Mak Jah. Ke mana pula orang tua ni. Mak Jah.... ni hah saya bawakan lauk untuk berbuka puasa ini. Aku menjadi bimbang. Tidak pernah-pernah Mak Jah tidak menyahut sapaanku. Apakah Mak Jah sakit? Atau dia sibuk di dapur agaknya....”

Aku berada di depan pintu pagar rumah jiranku, Mak Jah, kerana aku kerap berkongsi lauk-lauk yang aku masak untuk berbuka puasa. Sudah menjadi lumrah bagiku untuk berkongsi lauk-pauk dengan jiran-jiranku pada setiap bulan Ramadan. Sambil aku berbuat demikian, aku akan berasa lega kerana aku boleh mendapat tahu tentang perkembangan hidup mereka.

Sudah lebih dari 10 minit aku berada di hadapan pintu pagar rumah Mak Jah. Hatiku berdegup-degup kencang. Biasanya selepas 2 hingga 3 minit mengetuk pintu rumahnya dan memberi salam, Mak Jah akan membuka pintu. Namun hari ini, lain pula. Aku mengetuk-ngetuk pintunya beberapa kali tetapi tiada jawapan. Mungkin Mak Jah tiada di rumah, bisik hati kecilku.

“DUM!” kedengaran bunyi yang kuat seperti ada benda yang terjatuh.

Kedengaran bunyi itu membuatku mengetuk pintu rumah Mak Jah dengan lebih deras sambil memekik namanya. Jiran-jiranku yang lain mulai melihatku dengan wajah keliru seolah-olah ada perkara yang tidak baik berlaku. Aku seperti lipas kudung menjelaskan apa yang telah terjadi. Sementara mereka menelefon pihak polis, aku cuba membuka tingkat bilik dan ruang tamu untuk mengintai ke dalam rumah Mak Jah.

Apabila anggota polis, pegawai bomba dan paramedik tiba, aku dan jiran-jiranku memberi laluan kepada mereka untuk melakukan tugas mereka tanpa gangguan. Beberapa anggota bomba mula memecahkan mangga pintu Mak Jah dan menendang pintu rumahnya. Selepas mereka berjaya membuka pintu itu, anggota polis dan paramedik bergegas masuk ke dalam rumah Mak Jah.

Beberapa minit kemudian, seorang anggota polis keluar dari rumah Mak Jah. “Nasib baik kamu cepat bertindak. Mak Jah ditemui sedang terbaring di atas lantai dapurnya. Dia jatuh pingsan ketika sedang makan ubat kencing manisnya,” kata pegawai polis itu dengan tenang sambil memujiku.

Mata kami terbeliak apabila pegawai polis itu berkata demikian. Beliau memberitahu kepada kami yang Mak Jah akan dihantarkan ke Hospital Besar Ng Teng Fong dan menyuruh kami untuk pulang ke rumah masing-masing. Beberapa pegawai yang lain akan cuba untuk mencari maklumat tentang ahli keluarga Mak Jah. Setahu aku, Mak Jah hidup sebatang kara.

Keesokan hari setelah aku bangun, aku bersiap-siap untuk menziarahi Mak Jah di Hospital Besar Ng Teng Fong. Bukan aku sahaja yang akan menziarahi Mak Jah tetapi jiran-jiran yang lain juga. Ada jiran-jiran yang membawa buah-buahan dan makanan untuk Mak Jah dan ada yang membawa bunga ros untuknya. Kami telah menganggap Mak Jah sebagai salah seorang ahli keluarga kami sendiri.

“Terima kasih,” kata jiranku, Andi kepada pemandu Grab sesampainya kami ke hospital.

Aku bersama jiran-jiranku pergi ke kaunter penyambut tamu untuk mendapatkan maklumat tentang bilik Mak Jah. Setelah itu, kami berjalan secepat mungkin ke bilik tersebut. Apabila kami memasuki bilik Mak Jah, kami melihat Mak Jah terbaring di atas katil. Di sebelahnya ada seorang doktor yang berpakaian kemas dan memakai cermin mata. Namanya ialah Doktor Ramli. Dia sedang memeriksa Mak Jah sambil tersenyum simpul.

Kemudian, apabila Doktor Ramli menyedari kehadiran kami, dia bertanya jika kami tahu siapa Mak Jah. Doktor Ramli memberitahu kami bahawa Mak Jah hanya pengsan kerana dia tidak menjaga pemakanannya dan tidak memakan ubat secara konsisten. Mujurlah, Mak Jah hanya pengsan sahaja dan tidak mengalami kesan sampingan yang teruk. Aku bersama jiran-jiranku menghela nafas lega apabila mendapat tahu berita tersebut.

Setelah Doktor Ramli menjelaskan perkara-perkara yang Mak Jah harus lakukan apabila dia keluar dari hospital kepada kawan baik Mak Jah, Cik Nurul. Cik Nurul mengangguk kepalanya lalu memberi buah-buahan yang kami bawa untuk Mak Jah. Jiran-jiranku turut merapati Mak Jah untuk bertanya khabar.

“Terima kasih semua. Jika kamu semua tiada, Mak Jah tidak tahu jika Mak Jah masih bernyawa lagi ataupun tidak. Selain daripada itu, terima kasih kerana bersusah payah jenguk Mak Jah dan bawakan buah tangan. Mulai hari ini, Mak Jah akan makan ubat-ubat secara konsisten,” kata Mak Jah dengan nada yang masih lemah.

Mak Jah kini sedar akan kepentingan memakan ubat tepat pada waktunya dan hal kesihatan tidak boleh diambil ringan. Kejadian ini telah mengingatkan aku terhadap pesan ibuku kepadaku ketika aku baru-baru berpindah ke rumahku suatu ketika dahulu. Kata ibu, orang yang paling dekat dengan kita ialah jiran. Allah menyuruh kita supaya sentiasa menghormati dan berbuat baik kepada jiran. Orang yang beriman kepada Allah SWT dan hari kiamat ialah mereka yang memuliakan jiran tetangganya. Aku juga berharap kejadian seperti ini tidak akan berulang lagi. Selepas berbual bersama Mak Jah, aku bersama jiran-jiranku pulang ke rumah dengan ringan hati.

Nur Qyrahaniz Bte Shaik Faizal (1-4)(HGV)

Contoh 26

Syurga Buat Ibu Tercinta

Hari itu merupakan hari yang paling aku ternanti-nantikan, Aku membuka daun pintu dan keluar dari rumah itu sambil mulut aku terkumat-kamit membaca doa keluar rumah. Aku menyarungkan stokin dan memakai kasut Nanyang putihku yang baru aku beli beberapa hari yang lepas dengan wang simpananku yang telah aku kumpul selama seminggu. Usai itu, aku menghulurkan tangan untuk salam tangan ibuku yang telah membesarkan aku dan tiga adik beradik aku dari kecil lagi. Hati aku berdegup dengan kencang. Tangan aku mula menjadi basah sebagai isyarat bahawa aku sedang gementar. Hari itu amat penting bagiku. Ia adalah sebuah penentuan jika aku dapat mencapai cita-cita aku untuk menyambung pelajaran di peringkat yang seterusnya. Aku memicit butang lif dan setelah aku tiba di tingkat satu, aku memulakan perjalanan ke sekolah.

Ketibaan aku di dewan disambut mesra oleh kawan-kawan karibku. Aku mempercepatkan langkah untuk duduk bersama mereka. Bunga-bunga kebimbangan mula menguntum di kelopak hatiku. Aku menolehkan pandangan dan melihat wajah Arif, sahabatku. Aku melihat di wajahnya bergayut setompok kebimbangan. Resah dan gusar silih berganti. Aku cuba menenangkan fikiran dengan memulakan perbualan bersama mereka. Sedang kami rancak berbual, Mdm Rose menaiki pentas dan mengarahkan kami semua di dewan untuk menghentikan perbualan kerana pengetua ingin menyampaikan taklimat. Aku tidak mendengar apa-apa yang dikata oleh pengetua kerana aku sibuk menerawang bagaimana situasi dan rupa ibuku jika aku mendapat keputusan yang sungguh baik dan memuaskan hati. Pasti rasa gembira akan meruap di dadanya. Aku boleh membayangkan senyuman ibuku yang menampakkan barisan giginya yang putih bak mutiara.

Lamunanku terhenti apabila Arif menepuk bahu. Aku menaikkan pandangan dan melihat Ms Khatijah memanggilkku. Kakiku berasa berat untuk melangkah. Jantungku bagai mahu memecahkan rangka dada. Segugus debaran menggoncang dadaku. Aku memulakan langkah ke depan Ms Khatijah. Aku menarik kerusi dan merehatkan punggung di atasnya. Perdu hatiku bagaikan bergayut dengan sebaran debaran. Aku dan Ms Khatijah melihat satu sama lain. Dia menyambut kehadiranaku dengan memberi salam dan bertanya tentang keadaan dan kesihatan ibuku. Hanya dia yang tahu tentang semua perkara yang

terjadi dalam hidupku selain ibu. Dia adalah orang yang amat aku percayai. Dia adalah tempat aku meluahkan segala. Hidupku terasa lebih aman apabila aku dihadaikan oleh tuhan sebuah guru yang mengambil berat tentangku. Dia membuat kerjanya dengan begitu ikhlas. Aku melihat matanya yang berbulat hitam pekat dan menurunkan pandangan kepada kertas putih yang ditutupi oleh dua telapak tangannya yang cerah dan manis. Dengan perlahan, aku melihat tangan guruku bergerak, menunjukkan apa yang tersembunyi di sebalik kertas misteri itu.

Kuntum kegembiraan mengembang di hatiku sekaligus menghalau debaran yang memukul dada. Rasa gembira meruap di dadaku. Aku mengetap bibir tersenyum. Rasa ingin pekek tanda gembira tapi aku dikelilingi pelajar-pelajar yang lain. Tanpaku sedari, beberapa air mata kesyukuran mengalir jatuh ke atas baju putihku, meninggalkan beberapa kesan yang pasti akan aku ingat sampai bila-bila. Aku telah mendapat gred A untuk semua subjek. Lamunan aku telah menjadi kenyataan. Aku pasti telah membuat ibuku gembira dan berpuas hati. Sudah lama dia menunggu keputusan sebegini daripadaku. Walaupun ibu dan ayah sudah berpisah sejak aku menengah tiga, aku tidak membuatkan itu sebagai sebuah halangan untuk aku capai apa yang aku ingini selama ini. Sedang aku sibuk menghayati saat itu, aku tiba-tiba merasa sebuah getaran dari telefon bimbit aku. Aku tidak mengendakannya kerana masih tersentuh oleh keputusan yang didapati. Aku mengucapkan terima kasih kepada Ms Khatijah dan meminta diri untuk hirup angin luar.

Aku mengimbas kembali semua jasa-jasa ibuku yang membuatkan rasa kesyukuran ini terjadi. Walaupun dia menjaga aku dan tiga adik-beradikku tanpa kita dapat merasai kasih sayang seorang ayah, ibu tetap cuba menjadi yang terbaik buat kami. Walaupun kami tidak hidup semewah seperti keluarga-keluarga yang lain, ibu tetap cuba mencari rezeki yang halal bagi kami semua. Dia mengambil dua kerja bagi menampung keluarga kami yang berlima. Bukan sahaja itu, dia meminta pertolongan dari pihak sekolah dan minta mereka tolong sedaya mungkin agar bebannya dapat diringankan. Dia akan bangun seawal jam 4 pagi untuk siapkan makan seharian buat kami. Apabila dia balik jam 12 pagi, dia akan mengemas rumah. Bukan aku tidak pernah tolong, tapi ibu selalu menekankan bahawa dia ingin aku fokus hanya kepada pelajaran. Biar dia yang menguruskan hal rumah. Kini baru aku faham kenapa dia begitu ingin aku mendapat gred yang baik.

Dengan serentak, lamunanku terputus dengan getaran telefon bimbitku. Nombor yang sama sedang menelefonku. Aku jawab panggilan tu dengan awas, takut ia adalah satu penipuan. Jantungku berdegup dengan kencang apabila aku mendapat berita itu. Aku telah diberitahu bahawa ibu sedang dibawa ke hospital kerana dia dijumpai terbaring kaku di lantai berdarah. Ketakutan mula bergayut di sudut hatiku. Langkahku dipercepatkan dari berjalan hingga berlari pecut ke luar sekolah. Langkahku mantap dan penuh dengan keyakinan. Aku perlu cepat. Aku menggenggam keputusan peperiksaan GCE peringkat O dalam tanganku. Sebaik sahaja kakiku tiba di luar sekolah, aku menelefonkan teks.

15 minit berlalu dan kolam mataku sudah pecah. Juraian air mata mengalir laju meleleh di lurah pipiku. Sebaik sahaja ku tiba di hospital KKH, aku memberi wang kepada pemandu teksi itu dan berlari ke wad yang diberikan kepadaku tadi di dalam panggilan tadi. Apabila aku tiba di wad ibu, langkahku terhenti. Aku melihat sekujur tubuh terbaring lesu tidak bermaya di atas katil hospital itu. Adik-adikku juga kelihatan di tepi katil ibu. Titis air jernih dilihat terjatuh berguguran dari sudut mata mereka.

Aku berlari ke arah ibu yang tidak bermaya. Hatiku pecah seribu melihat keadaan ibuku. Hari yang Aku sangkakan begitu gembira dan indah telah bertukar menjadi hari yang paling Aku takuti, kehilangan ibuku. Ibuku tidak bernyawa lagi. Tuhan telah mengambil nyawanya. Kini, hanya aku bersendirian diikuti oleh adik-adikku yang kecil lagi. Mulutku terkunci, hatiku terkutup dan aku tenggelam dalam kepiluan. Tidakkku sangka hari ini akan terjadi begitu cepat walaupun aku tahu bahawa ajal dan rezeki di tangan yang Maha Esa. Tidak sempat aku berkongsi berita yang sungguh indah ini bersama ibuku

Ibu,

Seorang mahluk yang diciptakan dengan indah.

Menjadi seorang yang mampu menahan derita.

Walaupun berlawan dengan maut,tetapi masih menahan rasa luka.

Demi untuk anak yang tidak berdosa.

Menjaga aku sampai dewasa.

Pada saat aku sihat dan duka.

Ingin aku membalas jasa.

Tetapi hanya berbakti padanya yang mampu.

Terima kasih ibu, syurgaku.

Tidak aku ketahui, selama ini, Ibu menghadapi sakit yang kritikal. Sebaliknya, hanya dia dan yang Maha Esa sahaja yang tahu tentangnya. Aku rasa bersalah kerana banyak pengorbanan yang dilakukan oleh ibu dalam dia menderita.

Kini, ibu telah pergi buat selamanya. Namun aku tahu bahawa kejayaanku hari ini adalah disebabkan oleh pengorbanannya selama ini biarpun terpaksa mengharungi segala kesusahan. Itulah pengertian sebenar kasih sayang seorang ibu yang tiada berkesudahan sampai bila-bila.

MUHAMAD HAIDHAR BIN MUHAMAD HAMSHAH (HGV) (5-1)

Contoh 27

Cahaya Di Sebalik Gerimis Petang

Cuaca yang panas terik telah membuatku berpeluh tanpa henti, walaupun Aku berada di bilik berhawa dingin. Habis saja kelas tarian HipHop, Aku bergegas ke Lapangan Terbang Changi, Terminal 3. Matakku melihat ke arah jam yang terletak di dinding dihadapanku, menunjukkan sudah pukul 4.30 petang. Matakku galak mencari-cari Kakak.

“Ding! Ding!” Pesanan ringkas daripada Kakak. “Adik sayang, Kakak di pintu gerbang nombor 34.”

Belum sempat Aku membalas mesej Kakak, terasa genggam tangan yang kuat dari belakang. Haruman minyak wangi meyakinkanku, Kakak di belakangku. Kakak baru balik dari Australia. Lima tahun Kakak berada di sana. Melanjutkan pengajiannya dalam bidang kedoktoran. Katanya mahu jadi Doktor Jiwa.

Dialah satu-satunya Kakak yang amat kusayangi. Walaupun berjauhan, hubungan kami adik beradik masih utuh dan berapi. Kami sedar tiada orang lain yang boleh memberi sokongan kalau bukan diri kami sendiri. Ayah sayangkan Kakak kerana Kakak patuh dengan arahan Ayah. Mungkin Kakak lebih dewasa dan memahami perasaan Ayah.

Aku dan Kakak dibesarkan oleh Mama dengan penuh kasih sayang. Namun, kami hanya dapat merasai kasih sayang Mama buat 10 tahun saja. Mama telah terlibat dalam kemalangan jalan raya semasa menemani Ayah bekerja di Thailand. Mama dirawat di sana selama seminggu. Kami sempat ke sana dan menemui Mama sebelum Mama menutupkan mata buat selama-lamanya.

Pemergian Mama payah Aku terima. Aku salahkan Ayah sebagai punca kematiannya. Aku kehilangan tempat bergantung. Jiwaku merintih melihat jasad Mama disemadikan, seolah-olah sebahagian diriku dibawa bersama. Hatiku runtuh apabila Ayah membawa pulang pengganti Mama. Sejak itu, persepsiku terhadap Ayah berubah.

“Adik dan Kakak, Cik Lin akan jadi Ibu kalian jadi, jangan nak kurang ajar dengan Ibu. Kalau degil, siap Ayah kerjakan!” ugut Ayah.

Ayah tidak pernah berubah. Perangai panas baran, sepak terajang dan maki hamun pakaian hariannya. Kematian Mama tidak mengubah sikap angkuhnya.

“Walau 1000 kali Ayah ugut adik, Adik tetap tidak terima Cik Lin sebagai pengganti Mama. Perempuan mata duitan!” Aku menjerit lalu bergegas ke bilik.

Sejak hari itu Aku telah buat keputusan untuk hidup sendirian. Aku bekerja sambil tanpa pengetahuan Ayah. Setiap kali Ayah bertanya Ibu tentangku, Ibu berahsia. Ibu cuba membantu dan berbaik denganku. Namun, Aku belum boleh menerima kehadiran Ibu.

“Kenapa Adik benci sangat dengan Cik Lin? Cik Lin tak kisah kalau adik benci Cik Lin tapi tolong hormat Ayah. Kenapa Adik benci Cik Lin kahwin dengan Ayah?”

“Sebab kau kahwin dengan Ayahku kerana duit. Orang susah macam kau suka kahwin orang kaya,” pekikku sambil keluar dari rumah

Aku sedar Aku bukan Aku yang dahulu; dengar kata dan hormat orang tua. Ayah tidak tahan dengan perubahan perangai biadabku. Aku pulang lewat malam. Aku ponteng sekolah dan terlibat dalam masalah sosial. Ayah kerap dipanggil ke sekolah. Aku mula liar. Aku memberontak.

Ayah hanya tahu menderaku setiap kali berlaku kesilapan. Habis badanku berbilai dengan sebatan tali pinggan Ayah. Ibu cuba mempertahankanku, namun Aku tidak mengendulkannya. Aku selalu mengurung diri. Aku berasa trauma setiap kali mendengar suara garang Ayah. Perasaan dan fikiranku hura-hara bila berada di rumah. Namun, Kakak tidak pernah tahu. Aku telan segala derita dengan senyuman. Aku tutup semua bekas parut dengan gelak ketawa bila berbicara dengan Kakak. Aku tidak mahu emosi dan pengajian Kakak terganggu. Hanya Ibu saja yang tahu keadaanku. Ibu yang akan meletakkan ubat pada luka-luka di lengan, badan dan kakiku.

Pada hari 9 June 2022, Kakak telah membawa Aku ke Sentosa untuk menyambut hari jadinya yang ke 16 tahun. Sambil mataku menikmati pandangan yang indah itu, mataku merenung ke arah sekeluarga yang sedang melakukan aktiviti bersama. Mereka kelihatan seronok dan gembira.

Tiba-tiba pandangan aku menjadi gelap-gelita. Yang kedengaran hanya suara memanggil-manggilku. Aku membuka mataku. Aku berada di atas katil hospital. Ibu juga berada di sisiku.

“Kakak? Kenapa menangis? Kenapa adik berada di hospital?” Aku bertanya dengan lemah. Kakak tiba-tiba memelukku sambil menangis.

“Kakak mintak maaf sebab tidak dapat menjaga adik dengan baik. Kenapa adik tak beritahu Kakak yang selama ini Adik didera ayah.”

Aku tidak mampu berkata apa-apa. Aku membisu dalam sendu.

Tanpa Aku sedari, sudah seminggu Aku berada di hospital. Keesokan harinya, doktor memberitahu Kakak yang Aku boleh balik. Atas nasihat doktor, Kakak diminta membuat laporan polis terhadap Ayah. Doktor juga berpesan agar Aku tidak melakukan kerja-kerja berat, menukar balutan parutanku dan makan ubat seperti yang diarahkan. Kehadiran Ibu tidakku endahkan. Aku seolah-olah bayangkan Ibu tiada di situ.

Semasa melangkah masuk ke Konda Putri Intan, kesepian menyambut kepulanganku. Mana Ayah? Angin bayu terasa menyusup ke kalbu. Ibu masuk ke biliknya. Ibu menghulurkan sepucuk surat kepadaku.

“Buat Adik daripada Ayah. Ibu hanya menjalankan tugas. Bacalah.” Kata Ibu lembut.

Aku menyambut sampul surat lalu membaca.

Salam anakku,

Adik masih marah dekat ayah lagi ke? Ayah tahu selama adik tinggal dengan ayah, ayah selalu pukul adik. Selepas kematian Mama, tiap-tiap malam ayah tidak boleh tidur sebab teringatkan Mama. Ayah rasa bersalah atas kematian Mama. Semasa Mama di hospital, Ibu yang jaga Mama. Mama juga yang minta Ibu jaga Adik dan kakak bila Mama tiada lagi. Mama dan Ibu sahabat baik. Bila Adik balik ke rumah, Adik tidak dapat jumpa Ayah lagi. Selepas Ibu beritahu Ayah, Adik masuk hospital kerana Ayah, Ayah buat keputusan untuk menyerah diri kepada pihak polis secara sukarela. Ayah dihukum penjara selama dua tahun. Demi keselamatan Adik dan Kakak, Ayah mohon dan rayu Adik dan Kakak jangan tinggalkan Ibu. Ibu tidak bersalah, Adik dan Kakak tidak bersalah. Ayah yang bersalah. Ayah kesal dengan sikap Ayah yang panas baran. Ibu bukan Ibu tiri yang jahat. Ibu amat sayang pada Adik dan Kakak. Maafkan Ayah.

Air mataku bercucuran. Aku memeluk Kakak sambil teresak-esak. Aku bersyukur, Ayah sedar akan kesilapannya. Aku berlari ke arah Ibu lalu memeluknya.

“Ibu, maafkan Adik. Adik banyak buat dosa kepada Ibu. Selama Ibu menjaga kami, Adik bersikap kurang ajar dan biadab.” kataku dalam tangisan.

“Ibu dah maafkan. Sebab Ibu sedar tidak mudah untuk Adik menerima kehadiran Ibu tiri. Ibu sejak kecil pernah melalui peristiwa seperti Adik, ibu faham.” kata Ibu sambil mengusap-usap kepalaku.

Semenjak hari itu, Aku, Kakak dan Ibu memulakan halaman yang baharu dalam kehidupan kami. Kami sedar iaitu setiap perbuatan akan meninggalkan kesan pada diri masing-masing. Buat Ayah, kami sentiasa menghitung hari kepulangan Ayah. Kami yakin kehadiran Ayah akan menjadikan kehidupan kami lebih bermakna dan sempurna.

NURADIAH BINTE MOHD AZIZ (HGV) (4-4)

Contoh 28

Rumah Pokok Pengikat Cinta

“Hai, boleh saya berkenalan dengan awak”. Tersentak aku apabila tetiba sahaj menerima kiriman mesej daripada seseorang yang tidak aku kenali di dalam akaun media sosialku. Hatiku berbelah bagi. Haruskah aku memberikan respons kepada si pengirim ini? Aku merenung beberapa 86ating sebelum membuat keputusan.

“Siapa kamu?” Aku membalas dan melihat gelembung teks segera selepas mesejku dihantar.

“Saya Mikail! Awak tak ingat ke? Kita terputus hubungan masa kecil dan akhirnya saya jumpa awak semula! Saya nak kenal awak semula! Jom sambung semula!” Aku membaca mesej itu dan memaksa diriku untuk mengingati jika aku mengenali siapa Mikail. Namun, tiada satu pun Mikail terlintas di fikiran.

“Maaf. Saya rasa awak salah orang. Saya tak kenal sesiapa Mikail.”

“Awak serius tak ingat saya? Saya tidak salahkan awak sejak dah dua puluh tahun ini tapi saya masih sakit hati. Mungkin 86atin kita jumpa, awak mungkin ingat saya! Awak selalu susah nak ingat nama. Awak lebih pandai mengenali wajah. Kalau awak sanggup, saya akan jumpa awak esok di tempat kegemarannya kita semasa kecil! Taman permainan dengan rumah pokok! Harap dapat jumpa awak jam tiga petang.”

Itulah mesej terakhir daripada Mikail. Aku mula perasaan mungkin aku mengenali dia sebelum ini. Memang benar aku lebih mengenali wajah dan aku juga berasa selesa setiap kali aku pergi ke taman permainan dengan rumah pokok itu. Mungkin aku patut berjumpa dengannya. Aku berumur dua puluh lima sekarang dan aku juga mempunyai tali pinggang hitam dalam Taekwondo. Jika dia cuba hendak apa-apa, aku akan patah-patahkan dia. Pengiringku boleh menghubungi polis dan dia juga hebat dalam seni mempertahankan diri.

Lima belas minit sebelum pukul tiga petang dan aku masih terfikir sama ada aku patut berjumpa dengan Mikail. Pembantu pribadiku, Mia, tiba-tiba mengetuk dan aku meminta dia masuk.

"Bos, kamu tak nak jumpa Mikail, orang yang mesej Bos dalam talian? Bos kena pergi sekarang 87atin Bos mahu sampai tepat pada masanya. Saya dah batalkan jadual Bos hari ini seperti yang Bos arahkan," Mia berkata.

"Apa pendapat kamu, Mia? Patutkah saya pergi?" Aku bertanya.

"Bos patut. Sesuatu memberitahu saya bahawa Bos lebih baik berjumpa dengan Mikail. Jangan risau, 87atin Bos tidak balik pukul lima, saya akan telefon polis," kata Mia dan aku ketawa.

"Baiklah, siapkan kereta," kataku dan dia segera meluru keluar. Aku memeriksa diriku di cermin, memastikan aku kelihatan rapi. Aku mengambil semua yang aku perlukan dan mengunci 87ating87u pejabatku. Sepanjang jalan ke ruang bawah tanah, aku melihat pengiringku sudah berada di dalam kereta dan apabila Mia melihat aku, dia membuka pintu lalu aku masuk.

Aku akhirnya tiba di taman permainan selepas lima belas minit dan aku mengucapkan terima kasih kepada pengiringku 87ating aku keluar dari kereta. Aku berjalan 87ating 87 taman permainan dan ternampak seorang lelaki sendirian sedang duduk di atas buaian berayun ke sana ke mari. Dia perasan aku, berhenti menghayun dan melambai ke arahku. Aku berjalan ke arahnya dan dia memberi isyarat supaya aku duduk di buaian lain di sebelahnya. Aku membersihkan buaian dan duduk.

"Jadi, awak Mikail? Gembira berkenalan," kataku dan Mikail tersenyum.

"Nampaknya awak akhirnya mengambil alih perniagaan keluarga awak," katanya dan aku mengangguk. Kesunyian menyelubungi kami dan aku terus memandangi 87ating87 pengiringku yang sedang memerhatikan kami dari jarak yang selamat.

"Lompat, si katak lompat. Lompatlah tinggi-tinggi. Cepatlah, adik cepat. Cepatlah bangun pagi-pagi," Mikail tiba-tiba menyanyi dan aku memandangnya sebelum ketawa.

"87ating87," kataku di celah-celah tawaku manakala Mikail turut ketawa.

"Saya pun 87ating87u," jawabnya sambil tersenyum. Mikail memandang aku dan meletakkan dahinya pada rantai buaian.

"Saya gembira kita berjumpa lagi. Saya akhirnya dapat mengatakan apa yang saya selalu inginkan sejak kita kecil. Saya sentiasa mencintai awak sejak kecil, Serena."

Pertemuan aku dengan Mikail berakhir sebagai sepasang suami isteri. Sungguh benar, jodoh di tangan tuhan. Jika sudah jodoh, akhirnya bersatu juga. Kami dikurniakan seorang cahaya mata perempuan, Nora yang berusia dua tahun setengah. Aku juga sedang menanti kehadiran cahaya mata kami yang kedua.

"Nora, jangan dengar cakap Ibu. Bukan macam tu. Memang Ayah suka Ibu sejak kecil tapi Ayah tak mengaku langsung!" Mikail berkata semasa aku bercerita kepada anak perempuan kami tentang bagaimana aku dan Mikail bertemu selepas berpisah sejak kecil. Mikail tunjukkan Nora gambar semasa kami masih kecil.

“Lihat, di sinilah Ibu terjatuh lalu menangis. Ayah 88ating untuk menyelamatkan Ibu!” cerita Mikail.

“Kita selalu sembunyi dalam rumah pokok. Ayah Nora hero Ibu. Ayah akan buat apa saja untuk Ibu,” sambungku sambil tergelak melihat Mikail merajuk.

“Eh, sudah tiba masanya untuk Nora tidur. Nora janji tidur selepas kami bercerita tentang bagaimana kami bertemu antara satu sama lain,” kataku sambil memeluk Nora erat.

Aku dan Mikail mencucup pipi dan dahi Nora dengan penuh kasih sayang.

“Selamat malam, Ibu dan Ayah!” kata Nora sambil menguap ngatuk.

“Selamat malam, sayang. Mimpi-mimpi yang indah ya,” aku dan Mikail berkata sambil mematikan lampu dan menutup pintu.

LYA NUR SYAFIQAH KAMMES (HGV) (3-8)

Contoh 29

Pengorbananmu Tiada Bersyarat

Sang suria memancarkan sinarnya pada pagi yang dingin. Sinaran matahari yang silau itu memancar terus ke mataku sehingga hampir-hampir membutakan mataku. Aku berjalan ke arah restoran yang dipenuhi pelanggan itu. Restoran itu milikku. Senyuman manis terukir di bibirku. Aku mengucapkan syukur dan berterima kasih kepada tuhan atas rezeki yang diberinya. Tiba-tiba, mataku tertumpu pada seorang warga emas yang berpakaian lusuh sedang menjaja paket-paket tisu di tepi jalan. Tanpa aku sedari kenangan silam berlegar-legar dalam ingatanku.

Aku terbangun apabila Aku terdengar pintu di ruang tamu dibuka. Dengan segera, aku berdiri lalu berlari keluar. Kelihatan Ibuku yang sarat dengan barang pasar. Dia tersenyum lebar apabila dia melihatku. Walaupun Ibu kepenatan daripada menjual paket-paket tisu di jalan raya, Ibu masih boleh mengukirkan senyuman manis. Aku amat kagum dengan sikap Ibu. Ibu kuat semangat, cekal dan tabah dalam mengharungi kehidupan yang tidak menentu. Aku berlari ke arah Ibu lalu mengangkatkan beg-beg plastik ke dapur.

“Nampaknya hari ini, kita berdua dapat makan sedap!” kata Ibu berseloroh.

Perkara sebegini berlaku hanya dua kali setiap bulan. Pada hari yang lain, kami hanya dapat menjamah nasi, kicap bersama telur ataupun ikan asin. Ini kerana kami miskin. Kami miskin harta, miskin pakaian, miskin makan minum. Tetapi kami kaya kasih sayang. Ibu sudah lama bercerai disebabkan kecurangan Ayah. Kecurangan Ayah memisahkan Ibu dan Aku dengan adik lelakiku; Aiman. Sejak kejadian itu, tangisan dan rintihan sendu Ibu dapatku dengar setiap hari selepas solat. Remuk jiwa dan ragaku. Pulu hatiku sehingga Aku berjanji tidak akan mengguris perasaan Ibu. Malah, perceraian dan perpisahan tersebut mengganggu emosi Ibu.

Aku menolong Ibu masak dan menghidangkannya di atas meja. Aku dan Ibu berbual sambil makan. Namun, perbualan dipendekkan kerana Ibu harus ke kerja lagi. Kali ini, Aku menemani Ibuku.

Kami berjalan sambil berpimpin tangan. Tiba sahaja di tempat kerja Ibu, Aku disuruh pergi ke belakang kedai makan. Aku duduk di tepi sambil membuat kerja sekolahku. Aku rasa belas melihat Ibu ligat mencuci pinggan-mangkuk, periuk belangga yang menimbun. Peluh membasahi dahi dan muka Ibu yang berkedut seribu. Jari-jemarinya kelihatan kecut dimamah air sabun.

Hatiku terluka dan merintih kerana tidak mampu menolong Ibu yang semakin tua. Tiba-tiba, terdengar pekikan yang amat kuat. Pengurus restoran sedang memarahi Ibu.

“Alamak, pecah lagi. Makcik Ina kalau terus macam ni, rugilah saya. Esok Makcik Ina tidak perlu datang lagi. Ini upah hari ini!” kata pengurus dengan bengis.

Ibu dengan tidak sengaja memecahkan sebiji pinggan. Ibu dimaki hamun dan dipecat. Air mata berlinangan di mataku apabila Aku melihat wajah Ibu. Kami berangkat dan pergi ke tempat kerja Ibu yang kedua. Ibu bekerja sebagai pembantu rumah separuh masa. Kerja Ibu ialah mengemas bilik, ruang tamu dan dapur. Inilah jadual Ibuku setiap hari. Begitu padat. Ibu sanggup mengorbankan tenaga dan masa tuanya demi Aku.

Namun, kebahagiaanku dengan Ibu diragut. Pada hari Jumaat, sedang Aku berjalan pulang ke rumah, tiba-tiba hatiku berasa resah. Aku cuba menolak perasaan tersebut dengan berborak-borak dengan teman-temanku. Sesampai di rumah, Aku memberi salam. Salamku tidak dibalas. Aku bergegas masuk dan kelihatan Ibu terbaring kaku di lantai. Darah merah pekat mengalir dari kepalanya. Kakiku menjadi lemah. Aku terjatuh dan memekik sekuat hatiku. Jiran sebelah meluru masuk dan menelefon ambulans. Dalam perjalanan ke hospital, Aku duduk di samping Ibu.

“Ya Allah, selamatkan Ibuku. Selamatkan Ibuku. Selamatkan Ibuku.” doaku dalam sendu. Tangan Ibu terasa sejuk sesejuk air dingin. Wajahnya tenang setenang tasik. Dadanya turun naik. Ibu separuh sedar. Ibu merenungku dalam. Tanganku digenggam erat. Ibu cuba berbicara. Air mataku mengalir deras. Aku meletakkan telingaku ke bibir Ibu yang pucat.

“Buka tabung Ibu di dalam bilik Ibu. Gunakannya dengan baik. Jangan tinggalkan solat. Jaga Aiman. Ibu sayang...kamu. Allah. Lailahaillallah...” kata Ibuku menghembuskan nafas terakhirnya.

Selepas Ibu dikebumikan, Aku mengambil tabung di bilik Ibu. Selama ini, duit jualan tisu, gajinya disimpan dalam tabung. Jumlahnya agak banyak. Dalam tabung itu terdapat secebis kertas kecil; Restoran Bonda Ina. Arwah Ibu minat berniaga dan bercita-cita membuka restorannya sendiri.

“Insyaallah Ibu, Restoran Bonda Ina akan tersergam indah. Adik Aiman akan turut sama,” janjiku. Lamunanku tercantas oleh jari-jemari halus anak perempuanku yang merangkul leherku. Aku memeluknya erat. Wajahnya ada mirip-mirip arwah Ibuku. Di sebelahnya suamiku dan Aiman adikku.

“Kakak menangis? Kakak teringatkan arwah Ibu? Aimanpun rindukan Ibu. Esok lepas solat Jumaat kita ziarah kubur Ibu.” kata Aiman. Aku mengesat air mata yang membasahi kelopak mataku sambil menghela nafas syukur.

Ibu telah pergi buat selamanya. Namun aku tahu bahawa kejayaanku hari ini adalah disebabkan oleh pengorbanannya selama ini biarpun terpaksa mengharungi segala kesusahan. Itulah pengertian sebenar kasih sayang seorang ibu yang tiada berkesudahan sampai bila-bila.

IS'NA QISTINA BINTE MUHAMMAD ISKANDAR (HGV) (4-1)

KARANGAN EKSPOSITORI

APA ITU KARANGAN EKSPOSITORI ?

- Jenis karangan yang menghendaki pelajar membincangkan sesuatu tajuk atau isu dengan mengemukakan hujah, alasan atau pandangan.:
- Karangan yang agak mencabar
- Berhujah, mengkritik dan mempersoalkan hal-hal semasa.
- Calon bebas mengemukakan pendapat sama ada bersetuju atau membangkang atau kedua-duanya sekali (memberi kebaikan dan keburukan).
- Setiap hujah yang dikemukakan hendaklah disertai dengan alasan yang munasabah.
- Definisi tajuk mestilah tepat dan menarik minat pembaca.

CIRI-CIRI KARANGAN EKSPOSITORI

- Tidak mempunyai format khusus .
- Tajuk selalu terbuka.
- Membincangkan sesuatu topik yang khusus dan mencabar.
- Memberikan hujah-hujah yang logik, tepat dan idea yang bernas.
- Setiap hujah perlulah diterangkan atau diuraikan dengan terperinci serta disokong dengan contoh atau bukti-bukti untuk menguatkan hujah/ isi karangan.
- Hujah atau fakta-fakta yang relevan.
- Biasanya soalan perbincangan jelas kehendaknya, iaitu dengan kata kunci soalnya seperti “ Bincangkan... Setujukan? ... Huraikan ... Sarankan ... Punca & Sebab DII.

ISU-ISU YANG BAKAL DITANYA MELIPUTI PERKARA-PERKARA SEPERTI BERIKUT:

- Kemasyarakatan
- Keluarga
- Sosial
- Kesihatan
- Sukan
- Sains dan teknologi
- Kenegaraan
- Pendidikan
- Isu Semasa

STRUKTUR KARANGAN

Suatu karangan yang sempurna biasanya dimulai dengan **satu perenggan pendahuluan** dan diakhiri dengan **satu perenggan penutup**.

- Bahagian antara perenggan pendahuluan dengan perenggan penutup itu pula merupakan bahagian **perkembangan** yang terdiri daripada **beberapa perenggan isi**.
- Setiap perenggan isi di bahagian perkembangan bermuat **satu isi penting**.
- Setiap isi penting tersebut perlu diperkukuh dengan **huraian** berupa penjelasan, sama ada maklumat tambahan, bahasan, ulasan, dan seumpamanya.
- Selain itu, **contoh** yang relevan turut dimuatkan sebelum diakhiri dengan **kesimpulan**.


Pendahuluan – 1 perenggan
(Pengenalan kepada isu-isu yang berkaitan dengan tajuk karangan secara umum)

Isi – 5 / 6 perenggan
Idea atau buah fikiran dimuatkan dalam 5 perenggan penghubung)

Penutup – 1 perenggan
(Satu rumusan keseluruhan bagi isi-isi yang telah dibincangkan dalam bahagian isi di atas)

CONTOH-CONTOH PERENGGAN PENDAHULUAN YANG BERBEZA

Antara jenis-jenis pendahuluan yang biasa digunakan dalam sebuah karangan ialah:



TEKNIK MENULIS PERENGGAN ISI (ICHK/ PEEL)

Secara ringkasnya, binaan perenggan isi seharusnya mengandungi :

A1	P	Isi Utama / isi pokok / Pernyataan (Apa)?
A2	E	Huraian Tentang Isi Utama / Isi pokok/ (Mengapa)?
A3	E	Contoh/Bukti (Data, statistik kalau mampu)
A4	L	Kesan / Harapan

PERENGGAN PENUTUP (KCH)

Penutup merupakan **kesimpulan** terhadap pendapat yang telah dikemukakan. Merupakan **pandangan akhir** penulis terhadap isu yang dibincangkan dan mempunyai kaitan yang erat dengan isi-isi karangan. Beberapa perkara penting harus diambil perhatian semasa menulis penutup. Antaranya ialah :

- Kesimpulan dalam perenggan kesimpulan mestilah kamu sampaikan dalam bentuk yang lebih **umum tetapi padat**.
- **Janganlah** kamu **masukkan isi penting atau idea baharu** dalam perenggan kesimpulan.
- Panjangnya perenggan penutup pula hendaklah terkawal atau sebaik-baiknya **sepanjang perenggan pendahuluan**.
- Gunakan **penanda wacana** yang sesuai yang memberi gambaran kepada pembaca bahawa karangan itu sudah tamat

TEKNIK MENULIS PERENGGAN PENUTUP (KCH)

Perenggan kesimpulan perlu mengandungi 4 perkara berikut :

Ayat 1	Kesimpulan/Rumusan umum → Penanda
Ayat 2	Cadangan
Ayat 3	Harapan / Pendirian

PANDUAN MEMAHAMI KEHENDAK SOALAN

Bagi karangan tidak berformat, calon perlu mengetahui perkara berikut:

(a) **Karangan jenis “Setujukah kamu”**.

Calon dikehendaki menyatakan sama ada setuju atau tidak dengan tajuk berkenaan. Calon **tidak boleh mengambil jalan tengah** (neutral) dalam menjawab soalan berbentuk ini.

(b) **Karangan jenis “Bincangkan”**.

Soalan jenis ini mahukan calon membincangkan sesuatu isu atau perkara. Dalam konteks ini, calon tidak boleh pro atau kontra terhadap sesuatu tajuk kecuali soalan-soalan tertentu.

(c) **Karangan jenis “Jelaskan” dan “Berikan pendapat”**.

Soalan jenis ini mahukan calon **menjelaskan sesuatu pendapat atau pernyataan**. Dalam hal ini calon boleh pro atau kontra atau neutral.

(d) **Karangan jenis “Huraikan”**.

Soalan jenis ini mahukan calon **menghuraikan sesuatu pendapat atau pernyataan**. Dalam hal ini calon boleh pro atau kontra atau neutral.

SOALAN KARANGAN EKSPOSITORI GCE ‘O’

Jun 2012
Bincangkan cara-cara untuk menggalakkan lebih ramai warga Singapura agar terlibat dalam kerja-kerja sukarela.
Nov 2012
Ramai orang berpendapat bahawa memperoleh duit yang banyak ialah matlamat terpenting dalam kehidupan. Setujukah kamu dengan pernyataan ini? Mengapa?

Jun 2013
Tingkah laku seseorang itu dipengaruhi oleh rakan-rakan sebayanya. Bincangkan.
Nov 2013
Masyarakat Singapura masyarakat penyayang. Bersetujukah kamu? Mengapa?
Jun 2014
Jika kamu seorang ketua pelajar, apakah perubahan-perubahan yang ingin kamu lakukan di sekolah kamu?
Nov 2014
Bincangkan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh belia Singapura pada masa kini.
Jun 2015
Ibu bapa harus membenarkan anak-anak mereka membuat keputusan sendiri. Bincangkan.
Nov 2015
Selebriti seharusnya menjadi contoh yang baik kepada remaja. Bincangkan.
Jun 2016
Teknologi melahirkan masyarakat yang bersikap tidak ambil peduli. Bincangkan.
Nov 2016
Belaian kasih sayang akan menjadikan seseorang itu lebih baik berbanding dengan tindakan disiplin. Bincangkan.
Jun 2017
Filem hari ini dapat membentuk nilai-nilai hidup yang dipegang oleh belia kita. Bersetujukah kamu? Mengapa?
Nov 2017
Sesuatu matlamat tanpa apa-apa perancangan akan menjadi sia-sia belaka. Bincangkan.
Jun 2018
Seseorang dihormati bukan berdasarkan bakat, pendidikan atau kekayaannya tetapi lebih kepada nilai-nilai murni yang dipegangnya. Bersetujukah kamu? Mengapa?
Nov 2018
Hanya sekolah yang boleh membentuk perwatakan para pelajar. Bersetujukah kamu? Mengapa?
Jun 2019
Nilai sebenar persahabatan hanya dapat dilihat pada masa-masa susah. Bersetujukan kamu? Mengapa?
Nov 2019
Pusat beli-belah di estet perumahan mendatangkan lebih banyak mudarat daripada faedah. Bersetujukah kamu? Mengapa?
Jun 2020
Seseorang yang dapat menyesuaikan diri dengan apa-apa jua perubahan boleh Berjaya dalam kehidupan. Bersetujukah kamu? Mengapa?
Nov 2020
Kemenangan bukanlah perkara yang paling penting dalam kehidupan. Bersetujukan kamu dengan pernyataan ini? Mengapa?
Jun 2021
Membeli barang secara dalam talian merupakan cara yang terbaik untuk membeli-belah. Bersetujukah kamu? Mengapa?
Nov 2021
Belia hari ini takut akan kegagalan. Bersetujukah kamu dengan pernyataan ini. Mengapa?
Jun 2022
Buku digital akan segera menggantikan buku bercetak. Bersetujukah kamu? Mengapa?
Nov 2022
Filem tempatan semakin popular dalam kalangan belia. Bersetujukah kamu? Mengapa?
<u>SOALAN KARANGAN EKSPOSITORI 'NA' (2 Soalan)</u>
Sep 2012

Ibu bapa memainkan peranan penting dalam mempengaruhi kelakuan anak-anak mereka. Berikan pandangan kamu.
Teknologi moden telah menjadikan kehidupan kita lebih baik.
Sep 2013
Teknologi maklumat menjadikan belia hari ini malas. Berikan pandangan kamu.
Sebab-sebab saya meminati sesuatu kerjaya.
Sep 2014
Remaja masa kini tidak menggunakan masa lapang mereka dengan sebaik-baiknya. Berikan pandangan kamu.
Ciri-ciri seorang warga negara yang baik.
Sep 2015
Para pelajar lebih suka sekolah dimulakan selepas jam lapan pagi. Berikan pandangan kamu.
Pentingnya menjaga kebersihan dan kehijauan Singapura.
Sep 2016
Pada masa kini, ramai pelajar lebih gemar belajar di tempat awam. Berikan pandangan kamu.
Cara-cara mengekalkan hubungan yang baik dengan teman-teman.
Sep 2017
Kebanyakan belia Singapura mudah bosan. Berikan pandangan kamu.
Cara-cara meningkatkan lagi persekitaran sekolah kamu.
Sep 2018
Para pelajar perlu diberi cuti sekolah. Berikan pandangan kamu.
Faedah-faedah mempunyai teman yang berbilang bangsa.
Sep 2019
Beberapa buah sekolah telah memperkenalkan kelas berbasikal untuk para pelajar. Berikan pandangan kamu.
Cara-cara kantin sekolah boleh menggalakkan tabiat pemakanan yang sihat.
Sep 2020
Orang ramai boleh menikmati kehidupan tanpa perlu menghabiskan banyak wang. Berikan pandangan kamu.
Pentingnya belia mengetahui sejarah Singapura.
Sep 2021
Memupuk tabiat belajar yang baik adalah penting. Berikan pandangan kamu.
Kebaikan dan keburukan bergantung pada media sosial untuk mendapatkan berita.
Sep 2022

PENANDA WACANA

Penanda wacana ialah rangkai kata yang digunakan untuk *menghubungkan dua ayat atau idea*. Hubungan ini terjadi dalam bentuk ayat baharu atau perenggan baharu.

FUNGSI	CONTOH			
Waktu / Masa	ketika	selepas	dewasa ini	pada mulanya
	apabila	kemudian	mutakhir ini	lama-kelamaan
	semasa	lambat-laun	akhir-akhir ini	kebelakangan ini
Tambahan	dan	serta	seterusnya	
	pula	tambahan	di samping itu	
	lagi	selanjutnya		
Urutan	pertama	kemudian	kemudian daripada itu	
	kedua	selepas itu		
	seterusnya	akhirnya		
Contoh	ibarat	bagai	misalnya	

	seperti	laksana	bak kata	
	macam	umpama	sebagai contoh	
Penyataan semula	iaitu	seperti yang diterangkan		
	yakni			
	dengan kata lain			
Pertentangan	sebaliknya	walau bagaimanapun		
	sungguhpun	bertentangan dengan		
	namun begitu			
Bandingan	seperti juga	sama juga dengan		
	sesuai dengan			
	serupa dengan			
Sebab dan kesan	jadi	lantaran	oleh sebab itu	
	fasal	justeru itu		
	oleh itu	dengan itu		
Pengesahan	pastilah	sewajarnya		
	tentulah	sesungguhnya		
	sebenarnya	sememangnya		
Rumusan	natijahnya	kesudahannya	sebagai kesimpulan	
	akhir kata	kesimpulannya	sebagai penyimpul kata	
	rumusannya			

Banyak pelajar tidak mendapat markah yang baik kerana pembentukan ayat yang lemah. Hal ini demikian kerana pembinaan ayat tidak berkesinambungan dan tidak mempunyai hubung kait yang rapat dan mesra.

PERMULAAN KARANGAN	
Penanda permulaan karangan	
<ul style="list-style-type: none"> • Pada era globalisasi ini, • Pada zaman pascakemerdekaan ini, • Dalam meniti arus kemodenan ini, • Dewasa ini, • Pada masa ini, • Kini, • Dasawarsa ini, • Sejak sedekad yang lalu, • Sejak negara menikmati arus kemerdekaan, • Kebelakangan ini, • Sejak akhir-akhir ini, 	
ISI KARANGAN	
Penanda memulakan isi baharu	Penanda huraian isi karangan
<ul style="list-style-type: none"> • Selain itu, • Di samping itu, • Sementara itu, • Lebih-lebih lagi, • Dalam pada itu, • Lain daripada itu, • Pada waktu yang sama, • Dalam pada itu, • Seterusnya, 	<ul style="list-style-type: none"> • Hal ini demikian kerana • Hal ini berlaku kerana • Hal ini terjadi kerana • Hal ini disebabkan oleh • Hal ini wujud akibat daripada • Hal ini bersangkutan-paut dengan • Hal ini berpunca daripada • Hal ini tercetus apabila • Hal ini timbul apakala

<p>Penanda memberi contoh dalam karangan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Misalnya, • Contohnya, • Sebagai contoh, • Tamsilnya, • Sebagaimana yang kita sedia maklum, • Antaranya adalah seperti 	<p>Penanda menghuraikan contoh</p> <ul style="list-style-type: none"> • Hal ini mengakibatkan • Hal ini menyebabkan • Oleh itu, • Maka, • Oleh hal yang demikian, • Oleh sebab itu, • Jelaslah bahawa • Justifikasinya,
<p>Penanda menerangkan huraian atau pendapat yang berbeza</p> <ul style="list-style-type: none"> • Walau bagaimanapun, • Namun demikian, • Daripada perspektif yang berbeza, • Jika dilihat dari sudut lain, • Dengan kata lain, • Kontradiksinya, • Di sebaliknya, • Dalam pada itu, • Dari sudut lain, 	<p>Penanda memulakan atau memasukkan peribahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bak kata peribahasa, • Bak kata peribahasa Melayu, • Bak kata orang tua-tua, • Bak kata mutiara, • Bak peribahasa, • Bak kata cendekiawan, • Persis kata peribahasa, • Persis kata peribahasa Melayu, • Persis kata orang tua-tua, • Persis kata mutiara, • Persis peribahasa, • Persis kata cendekiawan, • Hal ini sama dengan peribahasa • Senario ini persis dengan peribahasa Melayu, yakni • Fenomena ini dikatakan • Masalah ini sama dengan peribahasa
<p>PENUTUP KARANGAN</p>	
<p>Penanda menutup isi</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kesannya, • Natijahnya, • Akibatnya, • Akhirnya, • Dengan itu, • Demikianlah • Sebagai penggulungan • Jelaslah bahawasanya • Dengan berbuat demikian, • Dengan keadaan sedemikian, 	<p>Penanda memulakan perenggan penutup</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kesimpulannya, • Secara tuntas, • Konklusinya, • Sebagai penutup wacana, • Sebagai penghias bicara akhir, • Sebelum mengakhiri wacana ini, • Secara keseluruhan, • Secara total,

Contoh 1

Filem Hari Ini Dapat Membentuk Nilai-Nilai Hidup Yang Dipegang Oleh Belia Kita. Setujukah kamu? Mengapa?

Filem merupakan sumber komunikasi melalui ekspresi cereka yang disalurkan kepada belia sebagai penerima mesej dan nilai-nilai murni. Nilai-nilai hidup bermaksud sifat-sifat baik seperti hormat-menghormati dan beradab mulia sesama manusia. Pada zaman pasca-perindustrian ini, masyarakat kita sering kali disogokkan dengan filem-filem yang berunsur seram, tahyul dan ganas seperti filem Munafik, Bohsia, KL Gangster, J Revolusi, Kimchi Untuk Awak, Sindiket dan lain-lain lagi. Perkara ini sudah tentu akan mendatangkan impak yang positif dan negatif terhadap nilai-nilai hidup masyarakat khususnya golongan belia yang merupakan tiang sesebuah negara. Seorang pengarah filem tersohor, Encik Yusof Haslam dari Skop Productions berpendapat bahawa golongan terbesar yang gemar menonton filem ialah golongan belia yang berusia dalam lingkungan 13 hingga 29 tahun. Golongan ini mudah dipengaruhi oleh unsur-unsur ganas yang terdapat dalam filem-filem yang ditayangkan. Persoalannya adakah filem hari ini dapat membentuk nilai-nilai hidup yang dipegang oleh belia kita? Renungkanlah, fikirkanlah!

Saya bersetuju dengan pernyataan tersebut seratus-peratus. Salah satu alasannya ialah filem memberikan hiburan kepada golongan belia. Dalam dunia yang serba moden ini, golongan belia sering dibebani oleh seribu satu macam masalah. Pelbagai masalah yang menerjah fikiran boleh terhapus melalui filem-filem yang ditayangkan di pawagam mahupun di kaca televisyen. Filem-filem berunsur komedi misalnya, mampu mengurangkan tekanan yang dialami oleh seseorang belia walaupun ada sesetengah pihak yang berpendapat bahawa perkara-perkara yang melibatkan unsur hiburan adalah suatu pembaziran masa. Kita pastinya memerlukan filem-filem yang sedemikian sebagai penenang hidup kita dan mengelakkan diri kita daripada terbeban oleh tugas seharian. Contohnya, jika kita tidak mengikut peredaran masa, sudah tentu kita akan ketinggalan zaman dan tidak mempunyai pengetahuan yang luas terhadap hal ehwal semasa. Tidak secara langsung, filem meluaskan horizon pemikiran belia dan juga membentuk nilai-nilai hidup yang dipegang para belia.

Alasan kedua, filem merupakan wadah bagi memberi nasihat dan pelajaran. Pada zaman ledakan maklumat ini, bukan semua filem yang dihasilkan adalah untuk hiburan semata-mata. Sebaliknya filem-filem juga mengetengahkan nilai-nilai murni yang memberi pengajaran kepada masyarakat seperti filem Leftenan Adnan, Lagenda Budak Setan, Embun dan Puteri Gunong Ledang. Melalui filem-filem ini, para belia dapat memupuk nilai-nilai yang positif seperti nilai hormat-menghormati, nilai kasih sayang, nilai taat setia, pengorbanan, dan cinta kepada Negara dalam diri mereka. Sebagai contoh, ada filem yang memaparkan kejahilan seseorang tentang sesuatu perkara yang menyarankan masyarakat untuk mengelakkan diri daripada amalan berjudi dan menagih dadah seperti dalam filem KL Gangster. Oleh itu, filem sebegini sentiasa menjadi sumber pengajaran dan nasihat kepada golongan belia. Hal ini penting untuk menyedarkan golongan belia betapa pentingnya pengajaran yang dipaparkan supaya dapat dijadikan teladan pada hari muka.

Alasan seterusnya ialah filem dapat mempereratkan hubungan kekeluargaan. Dalam era pensejagatan ini, keluarga sering tidak mempunyai masa untuk diluangkan bersama. Mereka sibuk dengan pekerjaan, persekolahan dan lain-lain kegiatan. Mereka tidak dapat meluangkan masa dengan keluarga. Tetapi dengan adanya filem-filem ini, mereka dapat meluangkan masa untuk menonton filem bersama keluarga. Melalui filem-filem yang ditonton, mereka dapat berinteraksi antara satu sama lain. Mereka juga dapat merapatkan hubungan silaturrahim. Sebagai contoh, filem berunsurkan komedi dan kekeluargaan dapat memupuk kesedaran bahawa keluarga haruslah meluangkan masa bersama keluarga. Bak kata pepatah Melayu "air dicincang tidakkan putus." Tegasnya, filem dapat mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan.

Alasan terakhir ialah filem memaparkan sesuatu yang baru dan menyeronokkan. Adegan-adegan dan aksi-aksi yang dipaparkan di dalam sesebuah filem dapat menarik perhatian golongan belia di luar sana. Mereka tentu mahu mencuba sesuatu yang baru dan menyeronokkan. Melalui filem, para belia dapat mempelajari dan mengetahui sesuatu yang mereka tidak pernah dengar atau terlihat seperti melakukan kegiatan lasak seperti "parkour" dan lain-lain. Contohnya, kegiatan "parkour" merupakan kegiatan yang

berbahaya tetapi menyeronokkan dan boleh mempengaruhi nilai-nilai hidup mereka. Oleh itu, filem dapat meluaskan dan mendedahkan golongan belia kepada perkara-perkara yang jarang diterokai oleh para belia.

Rumusannya, filem hari ini memainkan peranan yang penting dalam membentuk nilai-nilai hidup yang dipegang oleh belia kita hari ini. Walaupun ada sesetengah orang yang berpandangan negatif terhadap filem dan hiburan, filem-filem ini sebenarnya sumber pelajaran atau ilmu pengetahuan kepada golongan belia dan membentuk-nilai-nilai mereka. Sekiranya masyarakat hanya tahu mengkritik tanpa mengetahui motif sebenar pembikinan sesebuah filem, dunia filem tempatan akan mengalami kesukaran untuk berkembang. Saya mencadangkan agar masyarakat berfikir positif agar pengeluar filem dapat menghasilkan karya yang berkualiti dan mampu membentuk nilai-nilai golongan belia. Saya berharap masyarakat kita dapat menganjak paradigma mereka dan menerima filem-filem yang ditayangkan dengan minda yang terbuka. Seandainya ini dapat direalisasikan belia akan dapat membentuk nilai-nilai hidup yang positif. Akhir kata, filem kita merupakan cermin kehidupan masyarakat kita.

Nurul Khairiyah Binte Khasan (4 Sapphire) (DSS)

Contoh 2

Kemenangan bukanlah perkara yang paling penting dalam kehidupan. Bersetujukah kamu dengan pernyataan? Mengapa?

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, 'kemenangan' membawa makna, perihal menang, iaitu, berjaya, berhasil mengalahkan dan mendapat kejayaan. 'Penting' pula membawa maksud, amat perlu, sangat berharga dan mustahak. Ini bermaksud, adakah mendapat kejayaan bukan perkara yang paling berharga dalam kehidupan? Mengapa? Pada pendapat saya, mendapat kejayaan bukanlah perkara yang paling penting dalam kehidupan. Sebab-sebabnya akan dibincangkan dalam karangan ini.

Pada zaman ini, kehidupan adakalanya senang dan adakalanya susah kerana keadaan hidup seseorang tidak tetap bak peribahasa, air pun ada pasang surutnya. Kita tidak boleh sentiasa berjaya dalam hidup, kita harus juga mengalami kegagalan. Jika kita hanya berjaya dalam hidup dan terlalu takut akan kekalahan, ia sama seperti seorang guru yang sentiasa menolong anak pelajarinya di sekolah dan tidak mendorong mereka melakukan kerja sekolah mereka menggunakan minda dan berfikir sendiri kerana takut mereka tidak menjawab dengan baik. Ini boleh menyebabkan pelajar menjadi malas untuk berfikir dan seterusnya kurang bekerja keras dalam mencapai impian mereka. Berdasarkan contoh ini, kemenangan bukanlah perkara yang paling penting dalam kehidupan. Sebaliknya, memupuk pemikiran yang boleh membentuk sifat bersungguh-sungguh dalam berusaha itu amat penting.

Seterusnya, kekalahan mengajar dan memberi kita pengajaran yang amat penting dalam kehidupan. Kekalahan boleh mengajar kita untuk tidak mengulangi kesilapan yang kita telah lakukan sebelum ini dan mencuba alternatif lain dalam mencari peleraian. Sebagai manusia, harus beringat-ingat supaya kesilapan yang telah kita alami, tidak berulang lagi bak peribahasa, pisang tidak berbuah dua kali. Biar kita ambil contoh, apabila kita mengalami kekalahan dan menerimanya sebagai sebahagian daripada pengalaman hidup, kita akan lebih prihatin akan kesilapan yang telah kita lakukan dan cuba memperbaiki kesilapan tersebut. Dalam hal ini, kesilapan mengajar kita menjadi individu yang lebih matang dan menjadikan pengalaman sebagai panduan kehidupan. Pendek kata, kemenangan bukanlah perkara yang paling penting dalam kehidupan tetapi pengajaran yang diraih lebih penting.

Seterusnya, jika kita mementingkan kemenangan sahaja, ia boleh menghakis sifat rendah diri yang ada pada kita. Sifat rendah diri menjadikan kita seorang manusia yang berjiwa mulia kerana kurang rasa bermegah-megah dan mementingkan diri sendiri. Ini boleh dilihat apabila seorang pelajar yang bijak lebih mementingkan pencapaian akademiknya dan merasakan kejayaan individunya memberikan dirinya kepuasan. Dia tidak akan mahu memberikan bantuan kepada pelajar-pelajar lain yang lemah di kelasnya kerana dia tidak mahu berinteraksi dengan mereka. Lebih buruk lagi jika dia tidak mahu membantu mereka kerana merasakan mereka tidak layak dibantu. Ini jelas menunjukkan pelajar ini sudah kehilangan sifat merendah diri kerana terlalu mementingkan kemenangan posisinya dalam pencapaian akademik.

Akhir sekali, walaupun kemenangan membahagiakan diri kita, ramai orang yang melakukan sesuatu hanya untuk meraih pengalaman melakukan perkara tersebut. Ramai berfikir begitu kerana mahu mencuba perkara yang baharu yang mereka tidak pernah lakukan sebelum ini dan menganggapnya sebagai satu kejayaan peribadi jika mereka berjaya melakukan sesuatu perkara yang mencabar dan baharu. Namun, orang yang mementingkan kemenangan, sentiasanya bersikap suka bersaing dan ini akan menyebabkan mereka tidak menilai pengalaman sebagai sesuatu yang berharga. Biar kita ambil contoh, jika kita memasuki sesuatu pertandingan dalam perkara yang baharu, hanya untuk mendapatkan pengalaman, kita boleh mempelajari banyak perkara dari pertandingan tersebut dan jika kita kalah, kita masih boleh bersikap ramah terhadap pesaing kita dan belajar daripadanya. Namun, seseorang yang terlalu mementingkan kemenangan mungkin tidak akan menyertai pertandingan itu kerana khuatir dia akan gagal. Dalam hal ini, dia kehilangan pengalaman yang mungkin diraih daripada pertandingan ini.

Secara tuntas, kemenangan bukanlah perkara yang paling penting dalam kehidupan. Adakalanya, kemenangan akan membawa lebih keburukan daripada kebaikan. Namun, kesedaran ini mungkin tidak akan dicapai jika kita terlalu khusyuk mengejar nama dan kejayaan.

Nurul Sabrinah Binte Zainal (SCSS) (4N2)

Contoh 3

Nilai dalam persahabatan hanya dapat dilihat pada masa-masa susah. Setujukah kamu? Mengapa?

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, perkataan 'nilai' bermakna kualiti manakala 'persahabatan' boleh didefinisikan dengan perihal berkawan rapat. Pada pendapat saya, ini bermakna bahawa kualiti yang benar antara orang yang berkawan rapat hanya dapat dilihat pada masa-masa yang susah. Namun begitu, saya tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Sedawarsana ini, saya telah melihat persahabatan antara rakan-rakan akrab dan menyedari bahawa kualiti yang mereka tunjukkan sama pada bila-bila masa, sama ada waktu berduka atau dalam kegembiraan. Justeru, saya tidak setuju dengan pernyataan ini dan berpendapat bahawa nilai sebenar persahabatan boleh dilihat pada setiap masa persahabatan itu terjalin.

Nilai perdana dalam suatu persahabatan, pada pendapat saya ialah nilai hormat-menghormati. Dengan adanya nilai ini, saya percaya dua orang individu yang berbeza boleh menjadi sahabat akrab pada masa senang dan susah. Pada era pensejagatan ini, nilai hormat-menghormati penting kerana kita harus mengakui perbezaan pada setiap individu. Seperti peribahasa, "kuat burung kerana sayap, kuat ketam kerana sepit," setiap individu mempunyai kekuatan dan keunikan diri dan setiap orang wajar dihormati tidak kira tempat asal atau tahap pendidikan yang diterima. Yang mendapat keutamaan ialah persahabatan yang dijalin. Seperti contoh, dalam kesedihan yang melanda sahabat kita, perasaan hormat akan mendorong kita memegang amanah dan rahsia kesedihan sahabat kita. Begitu juga apabila dia melalui sesuatu yang menggembirakan, rasa hormat kita pada sahabat kita akan membuat kita menghormati perasaan gembiranya dan meraikannya walaupun mungkin pada masa itu kita tidak merasakan kegembiraan yang sama. Tidak kira jikalau orang itu sedang mengalami masa-masa susah atau senang, tanpa nilai hormat antara satu sama lain, persahabatan itu akan kehilangan sesuatu yang amat penting.

Nilai kedua yang saya yakin boleh dilihat pada bila-bila masa ialah nilai bekerjasama yang sering dilihat pada sahabat yang melakukan suatu aktiviti bersama. Sebagai sahabat, adalah tanggungjawab mereka untuk menolong satu sama lain kerana rakan-rakan dalam suatu persahabatan mengalami masa susah dan masa senang sama-sama, bak pepatah, "ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni." Tambahan pula, nilai bekerjasama boleh dilihat menerusi tindakan yang diambil. Dalam melalui sesuatu kesukaran, sahabat kita pastinya akan menghargai bantuan yang kita hulurkan seperti bantuan yang dihulurkan semasa sahabat kita memerlukan bantuan menyelesaikan projek berpindah rumah. Ini juga sama di saat kita menghadapi kegembiraan, kita ingin sahabat kita 'bekerjasama' bersama kita. Seperti apabila kita baharu menyambut kelahiran anak kita, ada di antara kita yang akan menobatkan sahabat rapat kita sebagai 'bapa angkat' atau 'ibu angkat' pada si anak agar dapat sama-sama merasakan kegembiraan bekerjasama membesarkan anak tersebut. Justeru, saya berpendapat bahawa nilai bekerjasama dan menolong satu sama lain nyata dalam sesebuah persahabatan pada masa-masa susah dan senang.

Seterusnya, nilai ingin saya diketengahkan ialah nilai kejujuran dan mempercayai antara satu sama lain dalam persahabatan. Saya beranggapan bahawa nilai ini boleh dilihat pada bila-bila masa dalam sesebuah persahabatan. Walaupun terdapat banyak anasir- anasir yang menyebabkan keraguan dalam sebuah persahabatan, nilai jujur harus menjadi antara pegangan asas sesebuah persahabatan kerana ia mencerminkan kekuatan sesebuah persahabatan. Pada pendapat saya, kepercayaan seorang dalam sahabatnya perlu dibina setiap kali mereka berinteraksi. Untuk meningkatkan kepercayaan ini, kita harus menunjukkan nilai jujur dalam tindakan dan pergaulan dalam situasi yang menggembirakan dan apabila melalui situasi sebaliknya. Seperti contoh, nilai kejujuran dalam persahabatan jelas dapat dilihat dalam kata-kata kita memberikan pujian dan kata-kata semangat kepada seorang sahabat yang dimaksudkan. Begitu juga apabila menasihati seorang sahabat yang dilanda masalah, kata-kata nasihat yang ikhlas dan jujur akan membantu sahabat kita berhadapan dengan sesebuah masalah dengan lebih baik. Tamsilnya, tiada sebab bagi dua orang sahabat untuk berbohong atau menyelindungi kebenaran walaupun mungkin pahit untuk diterima.

Terakhir, nilai yang boleh dilihat pada sepanjang persahabatan ialah nilai berempati. Dalam dunia yang semakin kuat daya saing ini, terdapat ramai yang menjalinkan hubungan dengan seseorang atas sebab untuk meraih sesuatu daripada kenalan tersebut. Dalam hubungan yang dijalin sebegini, jarang sekali perasaan dan hati kenalan itu diselam untuk benar-benar memahaminya. Ini membuatkan sahabat yang benar-benar menunjukkan sifat empati amat dihargai kehadirannya kala susah dan senang. Sifat ini boleh dilihat dalam dua individu yang amat mengenali hati budi sahabat masing-masing dan memahami apa yang dirasakan sahabat yang dimaksudkan pada masa itu. Seperti contoh, kegembiraan yang dirasa di saat mendapat berita gembira dan kesedihan menerima berita yang mengecewakan boleh dikongsi tanpa perlu banyak penjelasan antara sahabat. Bagi saya, ini membuktikan bahawa nilai berempati itu nilai murni dalam suatu persahabatan dan saya yakin bahawa empati boleh dilihat pada bila-bila masa dalam suatu persahabatan kerana sifat persefahaman itu haruslah wujud dalam setiap masa dalam menjalinkan persahabatan.

Secara keseluruhannya, nilai sebenar persahabatan boleh dilihat sepanjang persahabatan dan bukan sahaja di saat kesusahan. Adanya nilai-nilai ini memberikan sesuatu yang terlalu tinggi harganya pada sebuah persahabatan kerana membolehkan persahabatan kekal terjalin kala kita susah dan senang, umpama peribahasa, tak lekang dek panas, tak lapuk dek hujan.

Abdul Raziq Bin Zainudin (SCSS) (4E4)

Contoh 4

Seseorang yang dapat menyesuaikan diri dengan apa-apa jua perubahan boleh berjaya dalam kehidupan. Bersetujukah kamu? Mengapa?

Apakah kejayaan di dalam kehidupan? Berdasarkan Kamus Komprehensif Bahasa Melayu, perkataan 'kejayaan' adalah kemajuan untuk mencapai cita-cita kita. Tidak senang untuk mencapai cita-cita kita yang amat tinggi. Disebabkan itu, ciri-ciri perwatakan seseorang dapat memastikan dia dapat berjaya mencapai cita-citanya. Ciri kesesuaian dengan perubahan sangat penting untuk memastikan tercapainya sesuatu cita-cita. Oleh hal yang sedemikian, saya setuju bahawa seseorang yang dapat menyesuaikan diri dengan apa jua perubahan boleh berjaya dalam kehidupan.

Terutama, seseorang yang menyesuaikan diri dengan perubahan boleh berjaya dalam kehidupan kerana bersedia untuk mengatasi cabaran yang berbeza. Dalam kita ingin mencapai sesuatu, kita selalunya akan menghadapi cabaran-cabaran yang berbeza. Untuk orang yang mudah menyesuaikan diri dengan perubahan, mereka sentiasa bersedia untuk menghadapi perbezaan dalam kehidupannya. Pendek kata, dari aspek pekerjaan, apabila kita membuat tugas kerja, kita sering akan menghadapi cabaran. Namun, cabaran-cabaran selalunya berbeza dengan tugas yang dihadapi. Akibatnya, orang yang mahu menyesuaikan diri dengan perubahan akan bersedia untuk menghadapi cabaran-cabaran berbeza di dalam kehidupan itu, baik secara langsung ataupun tidak. Pemikirannya yang sebegini akan memudahkannya mengatasi cabaran. Oleh yang sedemikian, dengan mengatasi cabaran, dia bertambah dekat dengan kemuncak kejayaannya untuk mencapai cita-citanya. Justeru, jika kita lebih selesa

menyesuaikan diri dengan perubahan, kita akan menjadi lebih sedia untuk mengatasi cabaran supaya berjaya.

Selain daripada itu, orang yang menyesuaikan diri dengan perubahan akan berjaya kerana mempunyai lebih pengalaman berbanding dengan orang yang tidak mahu menghadapi perubahan mahupun menyesuaikan diri. Pengalaman kita hanya dapat digarap jika kita membuat perkara yang berbeza. Namun, jika seseorang tidak menyesuaikan diri dengan perubahan, dia sentiasa akan membuat perkara yang sama dan tidak akan menambah pada pengalamannya. Akibatnya, usahanya seperti membuang garam ke laut kerana tanpa cukup pengalaman, dia akan menghadapi banyak kesusahan dalam perjalanannya untuk mencapai kejayaan. Misalnya, tanpa pengalaman dalam bidang memasak, kita akan menghadapi kesusahan untuk mendapat kerja sebagai tukang masak kerana kurang sedia untuk menghadapi kesusahan sebagai tukang masak. Disebabkan itu, kesesuaian terhadap perubahan mustahak dalam menambah pengalaman untuk berjaya.

Tambahan pula, seseorang yang boleh menyesuaikan diri dengan perubahan dengan baik boleh berjaya dalam kehidupan kerana lebih senang untuk bekerjasama dengan individu dan pihak lain. Bekerjasama dengan orang lain amat penting untuk kejayaan. Dengan adanya rangkaian kenalan yang dibina memudahkan perjalanan kita untuk mencapai kejayaan kerana kita boleh berkongsi tip-tip dan pengalaman juga. Namun, untuk individu-individu yang tidak suka untuk bekerjasama dengan orang lain, dia tidak mendapat apa-apa maklumat tambahan yang boleh diraih. Hal ini berlaku disebabkan oleh keinginan individu begini membuat sesuatu hanya dengan cara mereka kerana tidak mahu bekerjasama dengan yang lain. Akibatnya, mereka tidak mahu mendengar nasihat dan cadangan orang lain. Contohnya, apabila kita membuat kerja kumpulan, kita selalunya mempunyai cabaran untuk diatasi kerana semua orang mahu mengetengahkan idea mereka. Namun, jika kita membuka minda kita kepada idea orang lain, kita akan dapat mempelajari berbagai perkara baharu yang boleh membantu kita mencapai kejayaan di masa hadapan. Disebabkan itu, kesesuaian dengan perubahan akan menyebabkan senang untuk bekerjasama akan membuka luas peluang kita untuk mencapai kejayaan.

Terakhir sekali, seseorang yang dapat menyesuaikan diri dengan perubahan dapat berjaya kerana dapat memperbaiki kemahiran sendiri dalam menyelesaikan tugas yang diberikan. Kemahiran adalah kecekapan ataupun kepandaian seseorang untuk melakukan sesuatu. Apabila kita membuat sesuatu tugas, kita seharusnya mempelajari banyak kemahiran untuk mengatasi cabaran-cabaran. Oleh itu, apabila kita menyesuaikan diri dengan perubahan, kita sendiri akan berubah untuk menggunakan kemahiran-kemahiran yang baru dipelajari. Misalnya, sebagai seorang pelajar, kita sentiasa menulis di kertas untuk selesaikan kerja sekolah. Namun, disebabkan virus COVID-19, semua pelajar diperlukan untuk mengalihkan pembelajaran ke alam maya, berlatarkan rumah sendiri. Akibatnya, pelajar harus menyesuaikan diri dengan kemahiran menggunakan komputer supaya dapat berjaya menyelesaikan kerja sekolah dengan baik. Oleh itu, kemahiran baharu yang diraih membuatkan perjalanan kita untuk mencapai kejayaan lebih senang.

Secara keseluruhannya ciri kesesuaian diri dengan perubahan diperlukan supaya dapat berjaya dalam kehidupan. Oleh itu, saya amat bersetuju bahawa seseorang yang dapat menyesuaikan diri dengan apa-apa jua perubahan boleh berjaya dalam kehidupan. Sebagai manusia, kita sepatutnya mampu menyesuaikan diri dengan semua perubahan kerana perubahan-perubahan adalah ujian daripada Tuhan supaya kita sentiasa memperbaiki diri kita.

Ammar Bin Abdul Jabar (SCSS) (4E4)

Contoh 5

Seseorang yang dapat menyesuaikan diri dengan apa-apa jua perubahan boleh berjaya dalam kehidupan. Bersetujukah kamu? Mengapa?

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, perkataan 'menyesuaikan' membawa makna menyelaraskan ataupun memadankan. Perkataan 'perubahan' pula membawa makna sesuatu yang lain, manakala perkataan 'berjaya' bermakna mencapai kemajuan. Ini bermakna, kita harus bincangkan

kebenaran dalam pernyataan bahawa seseorang yang dapat memadankan diri dengan apa-apa jua kelainan, boleh mencapai kemajuan dan kejayaan dalam kehidupan. Maka itu, saya bersetuju dengan pernyataan tersebut. Persoalannya pula, apakah nilai-nilai yang mengizinkan mereka menyesuaikan diri dengan perubahan? Bagaimanakah nilai-nilai yang dipegang itu berguna dalam kehidupan mereka?

Satu nilai yang dipegang oleh seorang yang mudah memadankan diri dengan perubahan ialah nilai tidak berputus asa. Nilai ini sangat penting dalam kehidupan kita, tidak kira di alam persekolahan atau di tempat kerja. Untuk memastikan kita dapat menyesuaikan diri dengan sesuatu perubahan, kita harus membiasakan diri membuat perkara yang mencabar agar ia menjadi sesuatu yang lazim pada kita, ibarat peribahasa alah bisa tegal biasa. Mentaliti sebegini membolehkan kita bekerja keras dalam setiap tugas yang diberikan supaya dapat memastikan setiap cabaran diusahakan sebik-baiknya. Oleh hal itu, nilai tidak mudah berputus asa sangat penting agar dapat memastikan kita dapat menyesuaikan diri dengan apa-apa jua perubahan keadaan. Cuba bayangkan jika seseorang yang malas bekerja keras dan mudah berputus asa menghadapi sesuatu perubahan. Dia tidak akan dapat menyesuaikan diri dengan perubahan itu kerana dia tidak bersedia untuk mencuba berkali-kali jika menghadapi kegagalan. Bak kata pepatah malu berkayuh, perahu hanyut. Ini amat berbeza dengan seseorang yang tidak mudah berputus asa, dia pasti akan berjaya dalam kerja tersebut kerana dia bersedia untuk mencuba berkali-kali sehingga berjaya menyelesaikannya. Contoh ini dapat menyokong bahawa seorang yang dapat menyesuaikan diri dengan perubahan akan berjaya dalam kehidupan mereka.

Selain itu, seorang yang mempunyai nilai rajin juga dapat menyesuaikan diri dengan baik. Seseorang yang tekun berusaha pasti akan berjaya dalam apa jua kerja yang dilakukan, bak kata peribahasa, jika tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya. Hal ini sedemikian jua apabila berhadapan dengan perubahan; kita harus rajin berusaha supaya dapat menyesuaikan diri dengan perubahan tersebut. Satu contoh yang boleh menyokong hal ini adalah apabila seseorang itu membuat keputusan untuk menukar aktiviti ko-kurikulumnya (CCA) di menengah tiga atas sebab minat atau terdesak disebabkan kesihatan. Jika dia bekerja keras dan rajin berusaha dalam mempelajari kemahiran baharu supaya dapat menyesuaikan diri dalam CCA yang baharu itu, dia pasti dapat meraih yang terbaik daripada perubahan yang dialaminya. Pengalamannya akan dapat ditambah nilai walaupun dia mungkin menghadapi kesukaran pada awalnya disebabkan perubahan itu. Jelaslah, kalau mempunyai nilai rajin ini, ke mana-mana pun hala tujuan, kita pasti dapat menyesuaikan diri dengan apa jua perubahan, lalu akan berjaya.

Seseorang yang mempunyai nilai sabar juga dapat menyesuaikan diri apabila menghadapi perubahan dengan baik. Sifat sabar dalam mengejar kejayaan memupuk daya bingkas kerana seseorang itu akan mencekalkan hati dan semangatnya dalam menghadapi perubahan. Ini akan membantu dalam kejayaan kehidupan, dan hal ini disebabkan oleh nilai sabar yang dapat memastikan kita semua akan bekerja keras walaupun kegagalan. Sebagai contoh, seorang yang sabar pasti akan membuat kerjanya dengan bersemangat walaupun dia menghadapi perubahan dan harus belajar kemahiran baharu kerana kehilangan pekerjaan. Jika dia dapat menyesuaikan diri dengan perubahan dan juga belajar menggemari perubahan kerjaya tersebut, pasti dia akan lebih ceria dan berjaya dalam pekerjaan baharunya berbanding dengan seseorang yang kurang sabar dengan perubahan hidupnya dan kaku untuk mempelajari kemahiran baharu.

Nilai selanjutnya yang membantu seseorang menyesuaikan diri dengan perubahan ialah nilai bertanggungjawab. Ada beberapa contoh yang nyata menunjukkan bahawa perubahan yang kita hadapi selalunya disebabkan perbuatan diri sendiri. Oleh itu, kita haruslah cuba menyesuaikan diri dengan perubahan tersebut dan jangan lari dari masalah yang timbul kerana kitalah yang menyebabkan situasi menjadi sebegini. Umpama kata orang-orang tua, tangan mencencang bahu memikul. Kita harus bertanggungjawab dan berubah untuk menyesuaikan diri dengan akibat perbuatan kita. Salah satu contoh yang dapat membuktikan hal ini adalah apabila kita menghadapi situasi kewangan yang rumit kerana hutang yang banyak, kita haruslah fikirkan semula cara perbelanjaan kita selama ini supaya kita dapat mengubahnya dan dalam masa yang sama, mengubah situasi yang dihadapi. Kemungkinan, kita terpaksa membuat perubahan kepada gaya hidup kita dan bersifat lebih berjimat cermat agar kita berjaya membuang tabiat berbelanja yang salah. Dalam jangka masa panjang, kita akan berjaya menjadi orang

yang berjimat dan mempunyai wang simpanan yang banyak kerana kita berani bertanggungjawab atas kesilapan kita dan membuat perubahan yang sewajarnya.

Secara keseluruhan, sangat penting untuk kita menyesuaikan diri dengan perubahan yang kita hadapi. Nilai-nilai hidup yang dipegang dapat memastikan kita dapat menyesuaikan diri dengan perubahan tersebut, dan nilai-nilai tersebut juga boleh membantu kita berjaya dalam kehidupan kita.

Budak-budak berlari-lari
Rasa gembira bermain di sana
Kalau kita rajin menyesuaikan diri
Tentu kita akan berjaya

Ryzka Siti Insyira Reyaz (SCSS) (4E5)

Contoh 6

Sesuatu Matlamat Tanpa Apa-Apa Perancangan Akan Menjadi Sia-Sia Belaka. Bincangkan.

Setiap orang pasti mempunyai matlamat. Kita membina matlamat sejak kecil lagi demi kehidupan yang baik pada masa hadapan. Kebiasaannya pemilihan matlamat seseorang dipengaruhi oleh faktor keluarga atau persekitaran. Jika ibu bapa bekerja sebagai guru, tidak mustahil anak-anak mempunyai matlamat untuk menjadi guru. Anak-anak tertarik untuk mengikuti jejak langkah ibu bapa setelah menyedari bahawa kerjaya seorang guru sangat mulia serta penting kepada masyarakat dan negara. Walau apa-apa pun matlamat kita, setiap impian tersebut perlu disertai perancangan agar matlamat kita tidak sekadar menjadi mimpi sahaja. Langkah pertama, kita harus meminati kerjaya pilihan tersebut. Persoalannya, apakah benar sesuatu matlamat tanpa apa-apa perancangan akan menjadi sia-sia belaka. Ayuh kita kupas isu yang hangat ini selapis demi selapis.

Saya bersetuju dengan mauduk tersebut tetapi tidak seratus peratus. Memang tidak dinafikan bahawa sesuatu matlamat tanpa apa-apa perancangan adalah sia-sia belaka. Alasan perdana ialah perancangan membolehkan kita untuk mengetahui halatuju sesuatu perkara. Matlamat umpama peta dan kompas. Kita boleh terdampar di mana saja tanpa peta atau kompas. Atau kita boleh sesat di tempat yang kita tidak sukai. Sebagai contoh, kalau kita menaiki kereta dan tidak tahu halatujunya, pasti kita tidak akan tahu ke mana harus kita bawa kereta itu. Bila kita menaiki kereta mestilah ada destinasiya. Kalau tidak, kita akan asyik memandu tidak tentu arah bagai si buta kehilangan tongkat dan sekadar membuang masa sahaja. Perancangan berperanan sebagai petunjuk arah atau kompas untuk mencapai matlamat kita. Tanpa perancangan matlamat akan hanya menjadi angan-angan. Angan-angan akan menjadi matlamat yang berjaya jika disertai dengan perancangan. Ringkasnya, perancangan penting untuk mencapai matlamat yang disasarkan.

Alasan kedua ialah perancangan perlu untuk mengelak ketidaktentuan. Sebagai contoh, jika kita hendak mengadakan majlis perkahwinan, kita perlulah membuat perancangan seperti jumlah orang yang akan diundang jadi dari situ kita boleh menentukan bajet seberapa banyak makanan yang perlu disediakan. Kalau tidak mungkin makanan yang ditempah tidak mencukupi atau lebih dari mencukupi. Akibatnya kita mungkin akan mendapat malu kerana makanan mungkin tidak mencukupi atau pun kita mengalami kerugian kerana menyediakan makanan yang berlebihan. Bukankah ini suatu pembaziran? Tanpa perancangan kita tidak tahu apa yang hendak dibuat dan tidak tahu sama ada perkara yang kita buat itu betul atau pun salah. Perancangan perlu untuk mencapai atau memenuhi matlamat jangka masa pendek, sederhana dan panjang. Jika tidak, buruk padahnya dan kita akan menyesal di kemudian hari. Apa-apa pun, tidak ada orang yang merancang untuk gagal tetapi ramai yang gagal untuk merancang.

Alasan ketiga ialah sebagai pedoman kerja untuk memudahkan tugas kita. Contohnya, kita perlu merancang kewangan kita supaya kita dapat menabung dengan berbelanja dengan bijak. Selain itu, kita perlu merancang kewangan supaya kita tidak sewenang-wenangnyanya berbelanja tanpa tujuan. Jika kita tidak merancang, kita cenderung berbelanja sehingga wujudnya pembaziran. Kita harus ingat bahawa "sesungguhnya orang yang suka membazir itu, saudara kepada syaitan". Angan-angan tanpa perancangan

umpama belayar di tengah lautan yang tidak bertepi. Di lautan tenang kita sesat tanpa haluan, di lautan bergelora kita terumbang-ambing dipukul ombak yang mengganas. Tanpa perancangan hidup kita penuh dengan ketidakpastian. Bila-bila masa tanpa diduga kita boleh dihimpit kesengsaraan. Sebagai individu yang bertanggungjawab, kita perlu mempunyai matlamat dengan merancang dan dengan teliti, teratur dan berterusan bagi membolehkan kita melayari bahtera kehidupan dengan sempurna. Keputusan terletak ditangan kita. Bak kata pepatah, "tepek dada tanya selera." Oleh itu, kita perlulah membuat perancangan sekiranya kita mahu mencapai matlamat kita.

Namun perlu diingat, orang yang mempunyai matlamat dan perancangan pun adakalanya tidak sampai ke arah yang hendak dituju, inikan pula orang yang tidak mempunyai matlamat dan perancangan. Alasannya ialah manusia hanya merancang tetapi Tuhan yang menentukan. Contohnya, kita merancang untuk berkahwin. Namun perancangan itu tidak menjadi realiti. Sebab itulah Tuhan mahu kita menggantungkan harapan yang tinggi padaNya. Kalau apa yang kita rancangkan itu tidak menjadi, kita akan dapat terima dengan lapang dada. Janganlah kita bersedih. Kita harus terima dengan redha dah anggap yang setiap sesuatu tu tersirat hikmah di sebaliknya. Begitulah, dalam hidup ini, banyak cabang, banyak jalan dan banyak arah yang hendak di tuju hingga menyebabkan kadang kala kita bingung arah manakah yang hendak dituju. Ringkasnya, Tuhan yang menentukan kesudahannya. Kita mesti menentukan arah dengan tepat barulah arah itu boleh kita lalui dengan jayanya.

Alasan selanjutnya ialah perancangan sahaja tanpa memenuhi syarat yang diperlukan tidak akan membuahkan kejayaan. Bak kata pepatah "rezeki tidak datang bergolek." Perancangan saja tanpa memenuhi kriteria yang diperlukan tidak membantu kita untuk mencapai mencapai sesuatu matlamat. Sebagai contoh, jika kita membuat perancangan untuk menjawat jawatan guru, kita perlu menyemak keperluan asas dalam bidang perguruan serta merujuk kepada maklumat-maklumat yang dapat diperoleh melalui internet. Kita juga perlu berusaha dengan gigih agar matlamat kita menjadi realiti. Lantaran itu, kita perlu melipatgandakan usaha untuk mencapai matlamat kita seperti kecemerlangan dalam bidang pelajaran dan seterusnya memenuhi syarat kelayakan untuk merealisasikan cita-cita kita. Kita akan lebih bersemangat untuk belajar dan tidak mudah putus asa. Ringkasnya, perancangan berperanan sebagai alat pengukur untuk mengukur berkesan atau tidaknya sesuatu pekerjaan, sehingga setiap saat diketahui ketepatan dan kelambatan kerja.

Berdasarkan perbincangan di atas, sudah terang lagi nyata bahawa sesuatu matlamat yang ingin dicapai memerlukan perancangan yang rapi. Tanpa perancangan yang rapi, apa yang kita lakukan akan menjadi sia-sia belaka sahaja bak hujan jatuh ke pasir. Saya ingin mencadangkan agar kita membuat perancangan setelah menetapkan matlamat kita. Saya berharap apa yang kita rancangkan akan menjadi kenyataan walaupun saya akur kadang kala ia berada di luar kawalan kita. Seandainya perancangan di lakukan, besar kemungkinan kita akan mencapai matlamat yang diinginkan. Namun, matlamat yang kita sasarkan haruslah realistik dan mampu dicapai. Akhir kata, saya ingin menyeru agar kita semua membuat perancangan sebelum melakukan sesuatu. Bak kata pepatah Melayu, "matlamat tanpa perancangan ibarat perahu yang tiada berkemudi." Angan-angan melahirkan impian, tindakan merealisasikan impian.

Khairi Sufian Bin Khairul Azha (4 Opal) (DSS)

Contoh 7

Cara-cara memupuk semangat keusahawanan dalam diri pelajar.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, keusahawanan boleh didefinisikan sebagai sesuatu yang berkaitan dengan kegiatan dan kemahiran seseorang dalam mengusahakan sesuatu. (S) Pada era pensejagatan ini, ekonomi dunia kian berkembang dengan pesat. Untuk kekal relevan dengan perkembangan dunia, pelajar perlu didedahkan dengan semangat keusahawanan yang telah diuar-uarkan oleh Perdana Menteri kita Encik Lee Hsien Loong. Semangat keusahawanan ini dapat membentuk masa depan yang cerah bagi pelajar untuk berdaya saing dalam ekonomi dunia yang mencabar. Namun, tidak ramai pelajar yang mempunyai semangat keusahawanan ini. Sebaliknya ramai yang menganggapnya sesuatu yang mencabar dan meremehkan. Persoalannya, apakah cara-cara yang boleh diambil untuk memupuk semangat keusahawanan dalam diri pelajar? Ayuh, kita kupas satu-persatu.

Cara yang perdana ialah melalui pihak ibu bapa. Ibu bapa merupa tunggak utama dalam kehidupan anak-anak. Ibu bapa merupakan teladan yang menjadi ikutan anak-anak. Bagi anak-anak, tindakan ibu bapa akan menjadi ikutan. Oleh itu, ibu bapa boleh memupuk semangat keusahawanan dalam diri anak-anak dengan menerangkan serta berkongsi manfaat-manfaat yang dapat diraih jika anak-anak mempunyai semangat tersebut. Sebagai contoh ibu bapa boleh menjelaskan iaitu konsep keusahawanan dapat memberi anak-anak peluang mencipta dan berinovasi dengan produk atau perkhidmatan baharu yang dapat dijual atau diperkenalkan. Malah, daya cipta rekaan ini dapat memperbaiki mutu dan meningkatkan kehidupan masyarakat sekeliling dan Singapura amnya. Tindakan-tindakan kecil seperti mengitar bahan terpakai, kain perca ditambahbaikkkan menjadi kerongsang dan dijual pada harga yang murah. Cara mudah ini dapat membangkit minat inovasi anak-anak untuk mengusahakan sesuatu dan menjualnya secara kecil-kecilan.

Selain itu, ibu bapa juga boleh menjadi contoh kepada anak-anak mereka dengan menunjukkan sikap keusahawanan. Misalnya, ibu bapa boleh memulakan perniagaan kecil dan mudah untuk menjual produk-produk atau kuih-muih secara online atau melalui media sosial "Carousel". Ibu bapa boleh melibatkan anak-anak dalam perniagaan tersebut. Beri anak-anak peranan sebagai pembantu, pencatat atau sebagainya. Dengan cara ini, anak-anak akan berasa seronok dan terpengaruh untuk cuba mengikuti sikap keusahawanan yang ditunjukkan oleh ibu bapa mereka. Malah, usaha ini akan menjadi ikutan pada masa akan datang bak kata pepatah bagaimana acuan begitulah kuihnya. Sikap keusahawanan ini akan dibawa ke sekolah dan dikongsi sama dengan rakan-rakan yang lain dan dapat dipraktikkan semasa menjalani Program Penerapan Nilai (VIA).

Di samping itu, ibu bapa juga boleh memupuk semangat keusahawanan dengan memberi sokong padu kepada anak-anak secara pratikal iaitu menerusi sumbangan kewangan. Kadangkala, untuk memulakan perniagaan kecil-kecilan anak-anak memerlukan sedikit bantuan kewangan. Bantuan kewangan yang dihulurkan oleh ibu bapa dapat menjadi dorongan untuk anak-anak berniaga. Contohnya, ibu bapa hadir dan membeli barangan yang dijual oleh anak-anak semasa sesi Program Penerapan Nilai (VIA). Sumbangan kecil daripada ibu bapa dapat membakar semangat anak-anak untuk berniaga. Ibu bapa juga boleh mempromosikan perniagaan anak-anak melalui media sosial *Facebook*, dari mulut ke mulut dalam kalangan saudara-mara dan jiran tetangga. Cara ini bukan sahaja memupuk semangat keusahawanan dalam diri anak-anak malah sikap berdikari dan kesungguhan dalam berniaga.

Cara seterusnya ialah melalui pihak sekolah. Institusi sekolah merupakan gedung ilmu dan ruang untuk anak-anak meneroka sesuatu yang baharu dan menarik. Secara purata, pelajar menghabiskan masa yang lama antara 8 hingga 12 jam di sekolah berbanding di rumah atau tempat-tempat lain. Ini disebabkan kelas tambahan dan aktiviti-aktiviti kokurikulum. Oleh itu, pihak sekolah mempunyai peranan yang penting dalam memupuk semangat keusahawanan dalam diri para pelajar. Pihak sekolah boleh memupuk semangat keusahawanan dalam diri para pelajar melalui program-program keusahawanan yang pelbagai. Salah satu caranya dengan mengadakan pertandingan-pertandingan antara kelas. Sebagai contoh peraduan menghasilkan dan menjual makanan berkhasiat. Setiap kelas diminta merancang makanan yang berkhasiat dan diberi ruang untuk menjualnya di kantin. Kelas yang mendapat hasil jualan yang tertinggi menjadi juara dan diberi piala. Melalui peraduan seperti ini, keinginan para pelajar untuk memulakan perniagaan mereka seperti menjual makanan akan meningkat dan dapat menggalak pelajar-pelajar untuk menggunakan inovasi mereka dan berfikir seperti seorang usahawan. Selain itu, ia juga mampu membina sikap bekerjasama dan kumpulan sesama mereka. Pada masa akan datang, kesan baiknya ialah ia dapat menggalak pelajar memperluaskan minat mereka dalam bidang keusahawanan dan merencanakan lagi industri perniagaan Singapura.

Pihak sekolah juga boleh membantu dengan melakarkan program berstruktur dan memasukkan pendidikan keusahawanan dalam Program Penerapan Nilai (VIA). Para pelajar diajar tentang cara-cara memulakan perniagaan dan tip-tip untuk menjadi peniaga yang berjaya. Misalnya, melalui (VIA), setiap kelas diminta membantu sesebuah persatuan meningkatkan dana melalui urusan jual-beli. Setiap kelas berpeluang berbincang dengan pihak persatuan tersebut untuk merancang dan menjalankan aktiviti jual-beli di sekolah. Sebagai contoh membantu mengumpul dana untuk persatuan SPCA. Pelajar melakar dan menjual barangan-barangan SPCA di kantin sekolah selama seminggu. Hasil jualan didermakan kepada persatuan tersebut. Peluang seperti ini bukan sahaja memupuk semangat keusahawanan malah sikap

empati, berdikari dan inovasi dalam diri para pelajar. Para pelajar pasti berasa seronok dan bangga dapat menghulurkan bantuan kepada persatuan tersebut.

Malah, pihak sekolah boleh bekerjasama dengan beberapa buah politeknik dalam bidang keusahawanan. Para pelajar men 3 yang berminat dalam bidang keusahawanan dihantar ke politeknik-politeknik dan diajar tentang selok-belok berniaga, cara-cara perniagaan yang baik secara online dan sebagainya. Pendedahan secara pratikal ini memberi pelajar peluang belajar menjadi usahawan yang berjaya. Pengalaman ini dapat dikongsi bersama rakan-rakan yang lain. Dengan pengetahuan yang diraih dapat digunakan untuk merancang perniagaan kecil-kecilan yang boleh dijalankan di sekolah semasa sesi (VIA).

Selain itu, pihak pemerintah juga memainkan peranan penting dalam memupuk semangat keusahawanan dalam diri para pelajar. Ini disebabkan pihak pemerintah iaitu Kementerian Pendidikan (MOE) berpengaruh dan memiliki sumber kewangan yang besar. Pihak (MOE) boleh memupuk semangat keusahawanan dalam diri para pelajar melalui kempen secara besar-besaran dengan judul "Keusahawanan Sebahagian Hidup Kita". Untuk sekolah-sekolah menjalankan aktiviti-aktiviti berkaitan dengan keusahawanan. Kerjasama Kempen ini boleh dijalankan selama setahun dengan pihak (MOE) menyediakan sumber kewangan sekolah dengan pihak (MOE) akan memberi lebih banyak ruang untuk pelajar menceburi bidang keusahawanan. Dengan dana yang disediakan oleh pihak (MOE), pihak sekolah boleh menjalankan program-program keusahawanan untuk para pelajar ceburi. Semasa kempen, pertandingan-pertandingan kecil boleh dijalankan untuk memupuk semangat keusahawanan dalam kalangan para pelajar.

Selain itu pihak (MOE) boleh menjemput para usahawan muda dan ahli korporat yang berjaya dalam perniagaan untuk mengadakan ceramah-ceramah di sekolah-sekolah bagi mendekati dan menarik minat para pelajar. Penceramah boleh berkongsi pengalaman mereka, cabaran-cabaran, yang dihadapi dan manfaat-manfaat yang boleh diraih. Ceramah yang berbentuk 'Kerusi Panas' dapat memberi para pelajar peluang berinteraksi dan bersoal jawab dengan para penceramah secara langsung. Selain itu, pameran-pameran mengenai keusahawanan boleh digabung jalin dan dipamerkan di kantin untuk memberi para pelajar gambaran yang lebih jelas tentang bidang keusahawanan. Cara ini pasti akan dapat meningkatkan kesedaran para pelajar kepentingan semangat keusahawanan yang perlu diterajui oleh para pelajar pada masa akan datang. Sekali gus menyediakan pelajar secara mental ke arah era keusahawanan.

Cara yang terakhir ialah melalui media massa. Sebagai contoh, media sosial (Facebook, Twitter), media elektronik dan media cetak. Pada arus pemodenan ini, lebih ramai orang menggunakan platform-platform media sosial terutamanya generasi muda seperti para pelajar. Oleh demikian, media massa penting dalam memupuk semangat keusahawanan dalam diri para pelajar. Pihak yang bertanggungjawab boleh memuatnaikkan artikel-artikel tentang kesan-kesan positif semangat keusahawanan, kejayaan-kejayaan usahawan muda, cara-cara mudah memulakan perniagaan buat tatapan orang ramai. Dengan ini, lebih ramai pelajar akan sedar tentang kepentingan semangat keusahawanan kerana perkara-perkara yang dipaparkan dalam media sosial cepat tersebar seperti api liar. Rencana-rencana dalam media sosial pasti dapat mempengaruhi para pelajar ke arah keusahawanan.

Berdasarkan perbincangan di atas, jelaslah bahawa terdapat banyak cara untuk memupuk semangat keusahawanan dalam diri para pelajar. Saya cadangkan agar semua pihak iaitu ibu bapa, pihak sekolah, pihak pemerintah dan pihak media massa untuk berganding bahu bagi memupuk semangat keusahawanan dalam diri para pelajar. Saya berharap pada masa akan datang lebih ramai pelajar akan terlibat dalam bidang keusahawanan dan menjadi tokoh usahawan yang berjaya. Sesungguhnya, kejayaan pelajar dalam bidang keusahawanan pada jangka panjang akan menyumbang meningkatkan dan memajukan ekonomi Singapura.

Marielle Butnande Adolfo (4-9) (HGV)

Contoh 8

Cara-cara mendidik masyarakat Singapura mengamalkan tabiat kitar semula.

Kitar semula ialah proses mengolah semula bahan buangan untuk menghasilkan barangan yang baharu. Kitar semula juga dapat mengurangkan bahan buangan dan mengurangkan pencemaran udara. Mutakhir ini, masih terdapat masyarakat Singapura yang tidak mengamalkan tabiat kitar semula dan sering membuang barangan yang masih boleh digunakan. Masih terdapat anggapan tabiat kitar semula ini sesuatu yang meremehkan. Persoalannya, apakah cara-cara terbaik untuk mendidik masyarakat Singapura mengamalkan sikap kitar semula. Ayuh, kita kupas.

Cara yang pertama ialah melalui pihak pemerintah. Kata orang-orang tua, tidak kenal maka tidak cinta. Bila sudah kenal, pasti suka. Begitulah halnya dengan kitar semula. Sebilangan besar rakyat Singapura yang tidak kenal atau tahu kebaikannya. Maka, pihak pemerintah boleh mengadakan kempen kitar semula secara meluas untuk beberapa bulan. Contohnya, mengadakan kempen 'Clean and Green Singapore' secara besar-besaran. Rakyat Singapura dijelaskan kepentingan mengitar semula bahan terpakai. Pihak pemerintah boleh bekerjasama dengan balai rakyat dan pemimpin akar umbi untuk mendidik masyarakat cara-cara mengitar semula. Sediakan ruang khas untuk rakyat mengitar semula barangan mereka. Barangan seperti botol-botol kaca, kertas, logam, plastik, tekstil dan sebagainya. Daripada kempen ini, rakyat Singapura dapat mengurangkan jumlah sampah yang dibuang di tapak pelupusan sampah dan sekali gus mengurangkan pencemaran alam. Di samping, rakyat akan lebih prihatin terhadap suasana sekeliling dan alam serta menjadi rakyat yang lebih bertanggungjawab.

Kedua, pihak sekolah juga memainkan peranan untuk mendidik masyarakat khususnya para pelajar dan guru-guru. Sebagai contoh, pihak sekolah boleh melakar program kesedaran tentang kepentingan tabiat kitar semula. Program ini boleh dijalankan selama beberapa bulan. Semasa sesi perhimpunan, seorang pelajar boleh berkongsi tentang topik mengitar semula dan cara-cara sekolah dan para pelajar boleh melaksanakan dengan jayanya. Sesi ini dijalankan sekali dalam seminggu. Topik yang dikongsi berbeza dan pelbagai. Dengan memberi pelajar peluang memberikan pandangan dapat membangkitkan rasa sedar dalam kalangan para pelajar tabiat mengitar semula dan juga rasa yakin pada diri sendiri.

Selain sesi perhimpunan pagi, pihak sekolah boleh menganjurkan Karnival Kitar Semula. Karnival ini dijalankan semasa akhir penggal kedua. Setiap kelas diminta mengumpulkan seberapa banyak bahan terpakai. Pada hari karnival itu dijalankan, barang-barang ini ditimbang. Kelas yang memperoleh jumlah timbangan yang terberat akan dianugerahkan dengan sijil dan habuan. Pameran dan ceramah juga boleh diadakan. Pihak sekolah boleh menjemput pegawai dari Kementerian Persekitaran untuk memberi ceramah. Sesi menghiasi tong-tong sampah yang lama dengan slogan dan gambar-gambar menarik tentang kitar semula boleh diadakan. Pasti seronok. Melalui karnival ini, bukan sahaja ia menyeronokkan malah, boleh meningkatkan pengetahuan mengenai kitar semula dalam kalangan para pelajar dan pendidik.

Ibu bapa juga memainkan peranan yang penting bagi mendidik anak-anak mereka untuk mengitar semula. Ibu bapa adalah contoh yang terbaik untuk anak-anak teladani. Bagaimana acuan begitulah kuihnya, anak-anak akan mencontohi perbuatan ibu bapa mereka. Ibu bapa boleh melatih anak-anak mereka untuk mengitar semula barang-barang yang terpakai seperti botol plastic, surat khabar dan sebagainya di rumah bukan membiarkan barang-barang ini diletakkan ditepi lif atau membuangnya. Ajar anak-anak untuk mengumpul buku-buku teks, peralatan sekolah, fail-fail, pakaian, mainan yang masih baik untuk didermakan kepada pusat kitar semula. Tabiat mengitar semula harus ada di dalam diri anak-anak sejak kecil lagi supaya apabila mereka sudah dewasa, mereka akan terbiasa dan tidak rasa kekok.

Cara keempat ialah dengan penggunaan media massa. Media massa merupakan platform yang mempunyai daya tarikan yang kuat dalam kehidupan masyarakat Singapura. Melalui media massa seperti televisyen, rancangan dokumentari yang berkaitan dengan kitar semula boleh disiarkan. Rancangan dokumentari tersebut boleh menekankan tentang kepentingan mengitar semula dan menggalakkan tabiat mengitar semula di kalangan. Rancangan televisyen dan iklan-iklan berkaitan kitar semula boleh ditayangkan dalam empat Bahasa. Penggunaan You Tube, surat khabar, radio, televisyen, risalah dan

brosur dapat menyalurkan maklumat ke seluruh Singapura. Kesannya rakyat Singapura mula tahu, sedar dan mengamalkan tabiat kitar semula kerana faham ia tanggungjawab semua.

Seterusnya, setiap individu memainkan peranan yang penting. Contohnya, setiap individu harus menyokong secara sedar iniatif pihak pemerintah dan akar umbi. Individu harus bersikap proaktif dan sama-sama bersatu hati menjayakan program kitar semula. Individu boleh mengumpulkan barang yang tidak diperlukan lagi, lalu mendermakan kepada pihak yang memerlukan serta barangan yang tidak boleh digunakan lagi dihantar ke kilang kitar semula. Tindakan individu akan membantu mengurangkan perbuangan sampah dan membantu golongan yang memerlukan. Individu juga akan lebih berdisiplin semasa berbelanja. Membeli yang penting dan diperlukan, tidak membazir sebaliknya berhemah semasa membeli-belah.

Akhir sekali, ialah peranan kelab masyarakat. Kelab masyarakat boleh mengadakan sebuah acara pertandingan kitar semula di mana mereka boleh menganjurkan aktiviti peraduan membina sesuatu yang baharu menggunakan barang-barang yang telah disediakan. Rakyat Singapura boleh menyertai acara tersebut secara keluarga. Hasil rekaan yang ada daya kreatif yang tinggi akan memenangi sebuah hadiah. Ini adalah salah satu cara yang dapat membina suatu pengalaman yang baharu di samping mengeratkan hubungan kekeluargaan.

Kesimpulannya, terdapat banyak cara yang kreatif untuk menggalakkan masyarakat Singapura mengamalkan budaya kitar semula. Setiap lapisan masyarakat harus sedar akan tanggungjawabnya. Selain menjaga kesejahteraan bumi, kita dapat memelihara dan melestati alam sekitar buat generasi yang akan datang. Kerjasama semua, baik dari pihak pemerintah, sekolah, ibu bapa, media dan sebagainya amat penting untuk mendidik masyarakat Singapura mengamalkan tabiat kitar semula pada jangka panjang. Ayuh, jadikan tabiat kitar semula sebahagian kehidupan kita.

Musfirah Fatin Bte Mohamed Misdiyono (5-1) (HGV)

Contoh 9

Media sosial seperti 'Instagram' dan 'Youtube' mendatangkan lebih banyak keburukan daripada kebaikan kepada pengguna. Bincangkan.

Para era globalisasi ini, terdapat banyak aplikasi yang kita boleh muat turun secara percuma untuk menggunakannya. Pilihan media sosial yang luas seperti 'Facebook' (FB), 'Instagram' (IG) dan 'YouTube' (YT) membolehkan para pengguna mengisi masa lapang mereka. Media sosial ini menjadi wadah utama kepada para pengguna untuk berinteraksi, berkomunikasi, mencari maklumat dan sebagainya. Namun, akhir-akhir ini, terpapar berita penyalahgunaan media sosial ini. Persoalannya, adakah benar media sosial ini lebih banyak mendatangkan keburukan daripada kebaikan? Ayuh, kita kupas bersama.

Tidak dapat dinafikan, media sosial seperti FB, IG dan YT boleh menyebabkan berlakunya buli siber. Sebagai contoh, media sosial IG membolehkan para pengguna memuatnaikkan gambar-gambar peribadi mereka. Gambar-gambar ini boleh dilihat oleh para pengguna media sosial yang lain. Tujuan asal setakat berkongsi di alam maya kenangan daripada koleksi gambar. Namun, masalah timbul jika ada pengguna yang tidak bertanggungjawab meninggalkan komen-komen yang negatif, kata-kata kesat tentang gambar-gambar tersebut. Tindakan sedemikian boleh menyebabkan pemilik IG berasa murung, tertekan dan malu apabila membaca komen-komen tersebut. Andai kata perbuatan ini berterusan tanpa diambil tindakan, ia boleh menjadi satu pembulian terhadap pemilik IG. Kesan pembulian secara siber begitu hebat sehingga menyebabkan berlaku kes-kes remaja yang bunuh diri gara-gara komen-komen negatif yang diberi terhadap gambar mereka.

Selain itu, penggunaan media sosial tanpa sekatan terutama kepada para pelajar akan menyebabkan masalah malas. Contohnya, pelajar yang terlalu taksu dengan media sosial, mereka akan gemar menunda menyalahkan kerja-kerja sekolah yang diberi guru. Lebih buruk lagi, mereka akan mengabaikan waktu menelaah pelajaran yang telah ditetapkan. Tabiat menanggung menghabiskan kerja-

kerja sekolah pada saat-saat akhir setelah mereka berasa puas menonton video-video di YT, melewati FB dan sebagainya. Akibatnya, kerja sekolah tidak dilaksanakan dengan sempurna dan sesi ulangkaji tidak dijalankan langsung kerana berasa letih dan mengantuk. Andai kata perbuatan ini menjadi sebatian dalam diri pelajar, pada jangka panjang pelajar ini akan hilang minat belajar dan kemungkinan besar gagal dalam peperiksaan sekolah atau di peringkat nasional.

Seterusnya, kesihatan pengguna media sosial boleh terjejas. Sebagai contoh, terdapat pengguna yang menggunakan media sosial sehingga tidak mendapat tidur yang cukup. Penggunaan yang terlalu lama menjejaskan kesihatan dengan meningkatnya berat badan akibat tidur yang kurang. Pengguna media sosial akan berasa mengantuk pada keesokan hari sehingga menjejaskan prestasi di tempat kerja. Ini menimbulkan masalah kepada syarikat tempat pengguna bekerja. Jika dia ditangkap tidur semasa waktu bekerja, dia boleh dibuang kerja. Begitu juga jika pengguna seorang pelajar, maka dia tidak dapat memberikan tumpuan sepenuhnya ketika guru mengajar dan akan tidur dalam kelas. Guru pasti marah dan mengambil tindakan disiplin terhadap pelajar. Pelajar boleh digantung sekolah jika berterusan tidur dalam kelas. Selain itu, pengguna boleh mengalami kejang otot pada sendi jari-jemari kerana terlalu lama menekan kekunci komputer semasa melungsuri FB dan IG. Jari-jemari mereka tidak dapat berfungsi seperti biasa. Akibatnya, jari-jemari mengalami kondisi 'cacat' dan sakit sendi.

Namun, tidak dapat dinafikan, media sosial juga mempunyai kebaikannya. Misalnya, jika pengguna mahu membakar kek dan tidak pasti bahan-bahan yang diperlukan dan cara-cara menyediakannya. Pengguna boleh mendapatkan semua maklumat daripada media sosial FB, IG dan YT dengan cepat, mudah dan percuma. Penggunaan media sosial memudahkan dan menyenangkan pengguna kerana tidak perlu membeli buku resepi, buku memasak atau hadir kelas-kelas membuat kek atau sebagainya. Sebaliknya, mereka hanya perlu menonton YT atau FB yang akan memaparkan cara-cara tersebut. Mereka dapat menjimatkan masa dan wang.

Kegunaan media sosial juga membolehkan pengguna menambah jumlah rakan maya yang lebih luas dan sejagat. Dengan adanya FB, pengguna dapat berkenalan dengan rakan-rakan daripada pelbagai negara, bangsa, budaya dan agama. Penggunaan Media sosial membantu merapatkan lagi perhubungan antara benua. Pengguna bukan sahaja dapat mempelajari perbezaan tetapi bertukar-tukar pandangan tentang kebudayaan, makanan, permainan dan sebagainya tanpa perlu ke tempat-tempat tersebut. Mempunyai rakan di setiap pelosok dunia bukan sahaja seronok tetapi berguna sekiranya pengguna ingin melancong ke negara tersebut. Contohnya, jika pengguna mempunyai rakan FB di Paris, mudah baginya untuk ke sana. Pengguna boleh menginap di rumah teman dan mendapatkan bantuannya untuk membawa ke tempat-tempat menarik di sana. Pengguna juga dapat menimba ilmu pengetahuan tentang negara tersebut. Bukankah ia seronok dan menjimatkan?

Natijahnya, setelah diamati dengan baik, tidak dapat dinafikan media sosial mempunyai lebih banyak keburukan daripada kebaikan. Kesan negatif terhadap para pengguna media sosial amat mendalam sehingga boleh mengancam kehidupan orang lain dan dunia amnya. Bahan-bahan yang dikongsi sama terlalu terbuka dan terlalu mudah dimanipulasikan oleh pengguna yang tidak bertanggungjawab. Media sosial akan wujud hingga ke hujung dunia. Peranannya sebagai wadah tidak harus disalahgunakan untuk kepentingan diri sendiri. Harapan saya, pengguna menggunakan media sosial secara berhemah dan bertanggungjawab kerana apa sahaja yang dipaparkan akan menjadi saksi pada masa akan datang. Jangan kita dinodai dan tertipu serta menjadi mangsa media sosial.

Nur Yasmin Bte Yunos (5-1) (HGV)

Contoh 10

Filem hari ini dapat membentuk nilai-nilai hidup yang dipegang oleh belia kita. Bersetujukah kamu? Mengapa?

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, nilai-nilai hidup boleh didefinisikan sebagai sifat ketinggian dalam pemikiran, agama, kemasyarakatan semasa masih bernyawa dan bernafas. Belia pula boleh didefinisikan sebagai golongan muda yang merangkumi lelaki mahupun wanita. Pada era modenisasi ini, terdapat ramai orang yang gemar menonton filem-filem, terutamanya golongan muda. Oleh itu, tidak dapat

dinafikan bahawa filem memainkan peranan penting dalam membentuk nilai-nilai hidup yang dipegang oleh belia kita. Perkara ini berlaku kerana sikap belia yang semula jadi yang mudah terpengaruh, senang mengikuti apa yang mereka lihat, tanpa menyedari sama ada kelakuan atau aksi-aksi yang mereka tonton itu baik atau buruk. Oleh itu, kami bersetuju dengan pernyataan iaitu filem hari ini membentuk nilai-nilai hidup yang dipegang oleh belia kita.

Salah satu nilai hidup yang terbentuk daripada filem hari ini ialah sikap berdikari. Sikap berdikari ini menjadi pegangan dalam kehidupan seseorang belia. Menurut kajian sekumpulan penyelidik, belia yang menonton filem-filem yang menunjukkan nilai-nilai positif seperti sikap berdikari, akan terpengaruh untuk lebih berdikari. Sebagai contoh ialah filem 'Wolf Children' di mana watak utama filem ini harus membesarkan kedua anak-anaknya sendirian setelah ayah mereka meninggal dunia semasa memburu makanan untuk keluarga. Disebabkan tidak ramai orang yang ingin menghulurkan bantuan kepadanya, maka, dia harus bersusah payah berusaha untuk memastikan yang anak-anaknya dapat hidup dengan senang dan mendapat pendidikan yang baik. Dia sedar untuk hidup, dia tidak boleh bergantung pada bantuan orang lain. Akhirnya, dia berjaya menghantar anak-anak-anaknya ke menara gading dan tidak lagi dalam menanggung kesusahan untuk keperluan harian keluarganya.

Seperti sikap watak utama dalam film ini, ramai belia hari ini yang mempunyai sikap berdikari dalam urusan kejayaan mereka dalam bidang pelajaran. Ramai belia yang sedar dengan sikap berdikari, mereka dapat meraih kejayaan bukan sahaja dalam bidang pelajaran malah kehidupan. Belia juga sedar agar tidak terlalu bergantung atau mengharapkan pertolongan orang lain atau menyalahkan orang lain jika berlaku kegagalan. Sebaliknya, belia hari ini menjadi seseorang yang lebih bertanggungjawab atas setiap tindakan mereka. Dengan nilai hidup seperti ini, belia akan meraih kejayaan dalam pelajaran, kerjaya, kehidupan dan keluarga pada masa yang mendatang.

Selain daripada sikap berdikari, filem hari ini juga dapat menggalakkan belia kita berfikiran lebih positif dan proaktif. Sebagai contoh ialah filem 'Freedom Writers'. Filem ini mengisahkan tentang remaja-remaja zaman sekarang yang sering menghadapi pelbagai masalah seperti masalah kewangan, keluarga yang bercerai, masalah membuli dan sebagainya. Guru sekolah mereka telah secara bersungguh-sungguh tanpa kenal erti penat, memberi nasihat demi nasihat, dorongan dan sokongan moral kepada mereka untuk melihat setiap masalah, cabaran, dugaan dalam bentuk yang positif. Malah, mereka diajar untuk bertindak secara proaktif sebelum masalah bertambah rumit. Mereka diajar untuk yakin iaitu keperitan hidup tidak kekal ia berubah ibarat air pun ada pasang surutnya iaitu setiap masalah dapat diatasi dengan baik.

Para belia kita yang menonton filem ini tidak akan dapat melupakan nasihat-nasihat seperti ini kerana ia sangat mendalam dan memberi motivasi kepada belia yang mengharungi situasi yang serupa harapan. Daripada filem ini, belia kita sedar dengan berfikiran positif dan proaktif dalam tindakan, masalah yang rumit boleh diatasi secara rasional. Mereka tidak akan bertindak secara melulu seperti membunuh diri atau mencederakan diri seperti pepatah Melayu ikut hati mati, ikut nafsu lesu ikut mata leta. Sebaliknya mengambil jalan yang rasional yang terbentang luas. Akhir-akhir ini, kita terbaca berita tentang belia yang berjaya dalam bidang pendidikan walaupun mereka terpaksa mengharungi pelbagai masalah keluarga dan sebagainya. Jelaslah tanpa kita sedari, filem yang mempunyai unsur-unsur positif dapat membentuk belia kita memiliki sikap yang positif juga.

Selain itu, filem hari ini memberi pengajaran kepada belia kita untuk lebih rajin dan gigih berusaha jika ingin berjaya dalam hidup. Contohnya, dalam filem 'The Wind Rises' yang berdasarkan seorang lelaki yang berimpian untuk menjadi pereka pesawat udara. Beliau seorang anak yatim yang gigih bekerja keras dalam pelajarannya kerana ingin melanjutkan pendidikannya di sebuah Universiti di bandar Tokyo. Beliau sedar untuk meraih kejayaan bukan mudah ibarat jika tidak dipecah ruyung manakan dapat sagunya. Namun, walaupun beliau telah berjaya menjadi seorang pereka pesawat udara, rekaan pesawatnya untuk militari tentera Jepun selalu ditolak kerana gagal untuk kekal kukuh. Walaupun berdepan dengan kegagalan, beliau tidak berputus asa dan selalu berada di tempat kerjanya hingga lewat malam untuk memperbaiki rekaan pesawatnya. Akhirnya, rekaan pesawatnya dapat diterima oleh militari tentera Jepun untuk digunakan semasa Perang Dunia 1.

Ramai belia kita hari ini yang memiliki sikap seperti ini dalam meraih kecemerlangan dalam pelajaran, kerjaya mahupun kehidupan. Belia kita sedar tidak ada jalan pintas dan mudah untuk mencapai impian. Malah, ramai belia kita yang berjaya atas dasar sikap tidak mudah berputus asa dan gigih berusaha. Menonton filem ini akan mempengaruhi para belia untuk menjadi rajin dan bekerja keras untuk mencapai impian mereka seperti watak utama dalam filem tersebut. Sikap ini harus dijadikan pegangan dan sandaran dalam kehidupan para belia kita dari sekarang hingga ke lanjut usia.

Selanjutnya, filem hari ini dapat juga memupuk belia kita lebih berkeyakinan diri seperti yang ditayangkan dalam filem 'Life of Pi'. Filem ini mengisahkan tentang seorang lelaki yang terdampar di laut bersama dengan seekor harimau sebab ditimpa nahas kapal dan terpaksa mencari makanan dan air di tengah laut supaya beliau dapat hidup untuk mencari kapal-kapal bagi mendapatkan bantuan. Watak utama mempunyai kesukaran untuk hidup di laut dan terdapat beberapa peristiwa di mana beliau hampir berputus asa dan menyerah kalah sahaja. Namun, oleh kerana beliau berkeyakinan diri bahawa beliau akan dapat pulang ke rumahnya tidak lama lagi dan harus bersabar bak kata pepatah genggam bara api biar sampai jadi arang -- akhirnya, beliau dapat diselamatkan oleh sebuah kapal yang berlalu berdekatan dengan bot kecilnya.

Sikap berkeyakinan tinggi yang dipaparkan oleh watak utama kerap menjadi ikutan dan mempengaruhi belia hari ini dalam tindak tanduk mereka. Ramai belia kita tidak mudah berputus asa apabila berdepan dengan cabaran terutama dalam pelajaran. Terdapat belia yang dilahirkan cacat penglihatan tetapi dengan keyakinan diri yang tinggi dan sokongan keluarga mampu meraih kecemerlangan dalam pendidikan. Ramai lagi belia yang menghadapi pelbagai rintangan dapat mengatasi dengan ada keyakinan diri yang tinggi. Sikap ini dapat meningkatkan harga diri seseorang belia dan menjadikannya lebih konfiden. Malah, belia hari ini lebih berani dan cekap melaksana aktiviti-aktiviti yang mencabar demi mengatasi kelemahan mereka.

Filem juga dapat memupuk nilai hormat-menghormati yang dapat dijadikan pegangan hidup belia. Sebagai contoh, filem 'Hairspray', sebuah filem yang lucu namun banyak pengajarannya. Filem ini mengisahkan tentang penindasan kaum berkulit 'hitam' oleh kaum berkulit 'putih'. Filem berkisar tentang bantuan seorang remaja dan ibunya yang berkulit 'putih' membantu sekumpulan belia berkulit 'hitam' membuat persembahan di sebuah rancangan televisyen yang popular tetapi mengamalkan sikap diskriminasi terhadap kaum berkulit 'hitam'. Dengan bantuan watak utama, para pelajar berkulit 'hitam' berjaya membuat persembahan.

Filem ini mengajar para belia bahawa sikap hormat-menghormati antara kaum yang berbeza diamalkan atas dasar hak asasi kemanusiaan. Belia hari ini, mengamalkan sikap ini dalam pergaulan harian mereka baik di sekolah, tempat kerja, dalam pengangkutan dan sebagainya. Malah, belia hari ini, memastikan perbezaan kaum tidak menjadi hambatan dalam kehidupan mereka. Sikap hormat-menghormati menjadi kunci dan nadi keamanan negara Singapura yang berbilang kaum, bangsa dan agama. Sikap ini membolehkan belia mempelajari keunikan budaya bangsa lain dan mengamalkan sikap toleransi. Malah, dalam perkhidmatan negara, semua belia yang berbilang bangsa, Cina, Melayu, India, Serani saling bantu membantu atas dasar hormat-menghormati yang menjadi amalan dan nadi kemakmuran Singapura. Reputasi Singapura sebagai sebuah negara yang aman damai dikenali sejagat kerana mempunyai rakyat yang bersopan-santun dan menghormati orang lain walaupun mereka daripada kaum yang lain.

Berdasarkan perbincangan di atas, jelaslah bahawa terdapat lebih banyak nilai hidup positif yang boleh diveduk daripada filem-filem hari ini. Namun, belia harus bijak memilih filem yang ditonton. Kami berharap agar setiap belia menjadikan nilai-nilai positif ini bukan sahaja pegangan tetapi sandaran dan perinsip hidup mereka. Penerapan nilai-nilai ini perlu dilakukan sejak kecil lagi agar menjadi suatu kelaziman dalam diri para belia. Harapan kami, melihat para belia mengamalkan nilai-nilai murni ini di mana sahaja mereka berada dan secara sedar sama ada di rumah, sekolah atau di mana sahaja. Semoga, belia kita akan terus mengharumkan nama baik bangsa dan negara di mata dunia.

Nur Qurratu Ain (4-6) & Marielle Butnande (4-9) (HGV)

Contoh 11

Dalam Sistem Pendidikan Sekarang, Peperiksaan Merupakan Satu Beban Kepada Para pelajar. Bincangkan.

Peperiksaan boleh didefinisikan sebagai satu cara untuk mengukur keupayaan dan kemampuan seseorang terhadap sesuatu yang dipelajari atau kemahiran yang diikuti. Beban pula boleh ditakrifkan sebagai sesuatu yang berat atau sukar untuk dipikul atau digalas. Pada era pascaperindustrian ini, peperiksaan bukanlah suatu perkara yang baharu tetapi telah wujud sejak sekian lamanya. Semua institusi pendidikan termasuk sekolah rendah, sekolah menengah, politeknik dan maktab rendah mewajibkan peperiksaan ke atas para pelajar. Fenomena ini telah menimbulkan kebimbangan para pelajar, ibu bapa, pihak sekolah, masyarakat dan pemerintah. Kementerian Pendidikan Singapura berpendapat bahawa para pelajar harus melihat peperiksaan dari sudut yang positif kerana ia yang akan menentukan masa depan mereka. Persoalannya, adakah dalam sistem pendidikan sekarang peperiksaan merupakan satu beban bagi para pelajar? Fikirkanlah, renungkanlah.

Saya bersetuju dengan pernyataan tersebut tetapi tidak seratus-peratus. Memang saya tidak menafikan bahawa dalam sistem pendidikan sekarang, peperiksaan merupakan satu beban bagi para pelajar namun ia masih boleh diperdebatkan dengan alasan-alasan yang tuntas. Alasan perdana ialah menimbulkan tekanan kepada pelajar. Dalam era pensejagatan ini, para pelajar harus pandai mengimbangi masa antara pelajaran dan kegiatan luar darjah. Seandainya mereka tidak bijak membahagikan masa mereka akan berasa tertekan dan tercicir dalam bidang akademik. Sebagai contoh, pelajar terlalu taksub dalam kegiatan luar darjah sehingga tidak mengendahkan tentang pelajaran mereka. Apabila peperiksaan menjelang, mereka akan mula berasa tertekan. Pada perspektif saya, pelajar harus bijak mengimbangi masa kerana masa itu emas dan dapat mengelakkan seseorang daripada berasa tertekan.

Alasan seterusnya ialah ia menjejaskan kesihatan pelajar. Dalam dunia yang serba kompetitif ini, para pelajar memastikan diri mereka tidak ketinggalan dalam bidang akademik. Walaupun ini merupakan persaingan yang sihat dalam kalangan para pelajar, mereka tidak menyedari bahawa kesihatan mereka boleh terjejas. Mereka akan fokus kepada pelajaran sehingga mengabaikan waktu menjamu selera. Sebagai contoh, pelajar belajar untuk peperiksaan hingga lewat malam. Lantaran itu, mereka tidak mempunyai cukup waktu untuk tidur dan tidak hadir waktu peperiksaan. Pada hemat saya, pelajar harus memastikan kesihatan mereka tidak terjejas kerana badan sihat, otak pun cergas.

Alasan selanjutnya ialah ia merosakkan kebahagiaan seorang pelajar. Pada era globalisasi ini, para pelajar memerlukan sokongan moral dan kasih sayang daripada ibu bapa mereka apabila mereka dalam keadaan yang tertekan untuk menyiapkan diri mereka untuk peperiksaan. Justeru itu, apabila mereka tidak mendapatkan sokongan moral dan kasih sayang, ia akan merosakkan kebahagiaan mereka. Hal ini akan menimbulkan perasaan yang negatif dan tidak sihat kepada mereka. Misalnya, ibu bapa seorang pelajar tidak mengambil endah tentang perkembangan pelajaran anak-anak untuk menghadapi peperiksaan. Pada tanggapan saya, para pelajar harus mempunyai mental yang kuat untuk terus maju walaupun menghadapi pelbagai rintangan.

Namun, dalam sistem pendidikan sekarang peperiksaan bukan merupakan satu beban kepada para pelajar. Peperiksaan merupakan kayu ukuran bagi menentukan pelajar yang tinggi keupayaannya dan juga pelajar yang amat lemah dalam pencapaian mereka. Dalam era pensejagatan ini, peperiksaan merupakan satu wadah yang efektif untuk mengenal pasti keupayaan serta kemampuan para pelajar di dalam sistem pemarkahan sama ada cemerlang, baik, sederhana atau gagal. Seandainya peperiksaan tidak wujud, para pelajar akan bersikap sambil lewa terhadap pelajaran mereka kerana mereka tidak tahu kepentingan peperiksaan. Menurut firasat saya, ketiadaan elemen tekanan tidak memanfaatkan para pelajar kerana tertekan akan memupuk kekuatan mental dan fizikal dalam diri seseorang pelajar.

Di samping itu, peperiksaan diadakan untuk menguji pemahaman pelajar-pelajar mengenai topik atau subjek yang telah diajar. Pada milenium ini, markah yang diperoleh para pelajar dalam peperiksaan yang mereka duduki dapat memberi guru-guru maklum balas tentang kefahaman mereka terhadap perkara-perkara yang telah diajar. Lantaran itu, guru-guru dapat memikirkan cara-cara untuk mengatasi

kelemahan dan dapat memperbaiki kesalahan yang telah dilakukan oleh para pelajar. Sebagai contoh, guru-guru boleh mengadakan kelas tambahan selepas waktu sekolah untuk para pelajar. Menurut ramalan saya, kelas tambahan harus diadakan untuk para pelajar kerana guru-guru dapat memberitahu mereka tentang kesilapan yang mereka lakukan dalam peperiksaan. Dengan cara tersebut, kelas tambahan dapat memanfaatkan mereka.

Berdasarkan perbincangan di atas, sudah terang lagi nyata bahawa peperiksaan memang merupakan satu beban bagi para pelajar tetapi ia juga mendatangkan kesan-kesan yang positif. Saya ingin mencadangkan agar guru-guru terus memberi sokongan kepada para pelajar supaya tidak berputus asa dalam mengharungi cabaran peperiksaan. Saya juga berharap sekolah-sekolah akan dapat melahirkan modal insan yang cemerlang dari segi akademik dan kaya dari segi nilai-nilai murni. Seandainya ini tercapai, impian Singapura untuk menjadi hab pendidikan terkemuka di dunia akan dapat direalisasikan. Akhir kata, ilmu atau pelajaran amat penting bagi bekalan masa depan kerana tanpa pelajaran manusia ibarat si buta kehilangan tongkat. Sekolah gemilang, negara dijulang!

Hasyimah Binte Hissham (5 Ruby) (DSS)

Contoh 12

Sekolah Memainkan Peranan Penting Dalam Kejayaan Seorang Pelajar. Bincangkan.

“Pendidikan adalah teras kejayaan.” Kata-kata keramat ini membuktikan bahawa dengan pendidikan dan ilmu pengetahuan, kita akan meraih kejayaan. Kamus Dewan Edisi Keempat mendefinisikan sekolah sebagai institusi pengajian bagi menimba ilmu pengetahuan. Kejayaan pula bererti pencapaian seseorang dalam bidang pelajaran ataupun akademik di peringkat yang tinggi. Dalam dunia yang serba kompetitif ini, sekolah-sekolah sering berlumba-lumba untuk mencapai kejayaan yang cemerlang dalam bidang akademik kerana “ilmu tanpa agama buta, agama tanpa ilmu lupuh.” Hal ini telah mencetuskan keprihatinan ibu bapa, masyarakat, pemerintah dan juga pelajar itu sendiri. Menteri Pendidikan Singapura, Encik Ng Chee Meng berpendapat bahawa sekolah memainkan peranan penting dalam memastikan kejayaan seorang pelajar. Menurut kajian yang dilaporkan di akhbar Berita Harian baru-baru ini, 75 peratus ibu bapa yang ditemu ramah bersetuju bahawa sekolah memainkan peranan yang penting dalam memastikan kejayaan seorang pelajar. Persoalannya, adakah sekolah memainkan peranan yang penting dalam memastikan kejayaan seorang pelajar.

Memang tidak boleh dinafikan bahawa sekolah memainkan peranan penting dalam kejayaan seorang pelajar. Alasan pertama ialah pengajaran dan bimbingan guru-guru yang berkualiti di sekolah-sekolah. Dalam era pensejagatan ini, guru memainkan salah peranan yang penting dalam kejayaan seorang pelajar. Sekolah-sekolah akan menggajikan guru-guru yang bertauliah untuk mendidik para pelajar dalam mencapai matlamat mereka. Dengan pertolongan dan didikan guru-guru sekolah-sekolah dapat melahirkan pelajar-pelajar yang cemerlang dalam bidang akademik. Contohnya, guru-guru boleh mengajar para pelajar strategi-strategi yang dapat menolong para pelajar mencapai kejayaan. Bimbingan guru-guru dapat meningkatkan potensi seorang pelajar. Pada pendapat saya, guru memainkan peranan penting dalam kejayaan akademik seorang pelajar.

Alasan ketiga ialah pihak sekolah boleh mengadakan program-program pengayaan yang berfaedah kepada para pelajar. Dengan program-program pengayaan yang dianjurkan oleh pihak sekolah boleh meningkatkan kejayaan para pelajar dan dengan ini, ia juga dapat membantu para pelajar dalam mencapai kejayaan mereka. Sekolah-sekolah boleh mempunyai program-program ucapan motivasi ataupun program lisan yang dapat mendapat membantu mereka dalam peperiksaan dan dapat menjawab soalan dengan yakin sekali tanpa ragu-ragu. Dengan mengadakan program-program motivasi, ia boleh membantu para pelajar apabila berasa khuatir ataupun takut pada saat mereka akan menduduki peperiksaan mereka dan bagaimana untuk menenangkan diri supaya para pelajar boleh menjawab soalan-soalan yang ditanyakan. Menurut ramalan saya, dengan mengadakan program-program pengayaan ini memainkan peranan penting dalam membina kejayaan para pelajar, ia boleh menolong dan mempertingkatkan keyakinan para pelajar dan mereka akan berasa yakin untuk menjawab soalan dan tidak berasa takut ataupun bimbang tentang peperiksaan yang akan mereka duduki.

Alasan terakhir ialah persekitaran di sekolah para pelajar. Sejak akhir ini dan semakin mendekati hari peperiksaan para pelajar, semakin ramai pelajar mula mengulangkaji di sekolah bersama kawan-kawan mereka selepas kelas mereka sudah tamat dan pelajar-pelajar akan belajar di perpustakaan, kantin ataupun di dalam kelas. Dengan mempunyai persekitaran yang kondusif dan juga bersih dan senyap di sekolah, para pelajar boleh belajar di dalam sekolah tanpa apa-apa gangguan dan pada waktu sekolah, mereka boleh memberikan perhatian sepenuhnya di dalam kelas pada waktu guru sedang mengajar dan mereka tidak akan mempunyai masalah untuk mengulangkaji pelajaran mereka. Contohnya, para pelajar boleh mengulangkaji bersama kawan-kawan mereka di dalam kelas mereka tanpa sesiapa yang membuat bising dan juga tempat yang tidak kotor dan tidak mempunyai apa-apa sampah di merata tempat. Pada tanggapan saya, persekitaran sekolah yang bersih dan kondusif memainkan peranan yang penting juga supaya para pelajar boleh mengulangkaji pelajaran mereka tanpa gangguan.

Namun, sekolah sahaja tidak dapat menjamin kejayaan seorang pelajar. Terdapat juga faktor-faktor lain yang memainkan peranan. Antaranya ialah bimbingan dan sokongan ibu bapa. Pada era globalisasi ini, ibu bapa amat risau dan mengambil berat tentang pelajaran anak-anak mereka dan akan berusaha untuk memastikan anak-anak mereka mendapat kejayaan yang diinginkan. Sedasawarsa ini, bu bapa berlumba-lumba untuk menghantar anak-anak mereka ke pusat tuisyen yang terbaik supaya anak-anak mereka boleh memperoleh keputusan yang sangat baik. Contohnya, ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke pusat tuisyen yang mempunyai guru-guru yang berkelulusan tinggi untuk mengajar anak-anak mereka. Saya beranggapan bahawa, ibu bapa juga memainkan peranan penting dalam kejayaan seorang pelajar dan dengan sokongan dan bimbingan ibu bapa mereka, pelajar kini boleh melangkah ke hadapan untuk mencapai kejayaan, bak kata pepatah, syurga terletak di bawah telapak kaki ibu.

Faktor seterusnya ialah pengaruh rakan sebaya. Rakan sebaya juga memainkan peranan yang penting dalam kejayaan seorang pelajar kerana pada waktu sekolah, para pelajar akan sering meluangkan masa bersama rakan-rakan mereka pada waktu rehat ataupun pada waktu kegiatan luar darjah. Semua para pelajar mempunyai rakan-rakan yang akan membantu mereka dalam bidang akademik mereka. Contohnya, rakan-rakan para pelajar akan menolong para pelajar dengan soalan ataupun subjek yang mereka kurang faham dan mereka juga boleh membantu para pelajar dengan memberikan beberapa kata-kata motivasi supaya mereka tidak cepat berputus asa dan memberitahu mereka bahawa mereka boleh berjaya jika mempunyai kemahuan. Ringkasnya, pengaruh rakan sebaya juga memainkan peranan penting dalam kejayaan seorang pelajar.

Berdasarkan pembincangan di atas, sudah terang lagi nyata bahawa sekolah memainkan peranan yang penting dalam kejayaan seorang pelajar walaupun terdapat faktor-faktor lain turut memainkan peranan. Saya mencadangkan agar semua pihak iaitu ibu bapa, pihak sekolah, media massa, masyarakat dan pelajar itu sendiri bekerjasama dan berganding bahu untuk memastikan kejayaan pelajar, bak kata pepatah, bersatu teguh, bercerai roboh. Saya berharap pelajar akan menganjak paradigma mereka terhadap pelajaran. Seandainya, semua pelajar bersikap sedemikian, insya Allah, pelajar akan meraih kejayaan dalam bidang pelajaran, bak kata, di mana ada kemahuan di situ ada jalan. Sebagai penutup bicara, saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa sekolah memang memainkan peranan penting dalam kejayaan seorang pelajar. Pelajar gemilang, sekolah dijulung. Sekolah gemilang, negara di julung. Majulah Singapura.

Nur Nabila Bte Shariffudin (4 Emerald 1) (DSS)

Contoh 13

Belaian Kasih Sayang Lebih Baik Berbanding Dengan Tindakan Disiplin? Bincangkan.

Frasa belaian kasih sayang boleh didefinisikan sebagai mendisiplin melalui kasih sayang iaitu saling memberi dan menerima dalam suasana hubungan ibu bapa dengan anak yang harmoni. Frasa tindakan disiplin pula bermaksud sebagai mengenakan hukuman oleh orang yang berautoriti ke atas seseorang yang melakukan sesuatu yang tidak menyenangkan. Dalam era pensejagatan ini, masalah disiplin semakin bermaharajalela bagaikan penyakit barah yang menular. Kita tidak harus memandang ringan kerana masalah ini boleh menjejaskan impian Singapura untuk melahirkan pelajar yang berdisiplin. Pemerintah Singapura berpendapat bahawa masalah disiplin harus ditangani dengan

tindakan disiplin. Persoalannya ialah adakah belaian kasih sayang lebih baik berbanding dengan tindakan disiplin?

Saya bersetuju dengan mauduk tersebut tetapi tidak seratus-peratus. Memang saya tidak menafikan bahawa pendekatan belaian kasih sayang lebih baik berbanding dengan tindakan disiplin namun ia masih boleh diperdebatkan dengan alasan-alasan konkrit. Alasan prima ialah ia merupakan pendekatan yang berperikemanusiaan. Pada zaman pascaperindustrian ini, ibu bapa harus menegur anak-anak mereka dengan cara yang halus kerana anak-anak zaman ini mudah kecil hati dan berdendam dengan ibu bapa mereka jika ibu bapa terlalu tegas terhadap mereka. Dengan mendisiplinkan anak-anak mereka dengan cara yang halus, anak-anak akan mempunyai motivasi untuk belajar dan mereka akan menuruti permintaan ibu bapa mereka. Ibu bapa harus banyak bersabar dan tidak perlu menunjukkan kemarahan mereka terhadap anak-anak mereka. Sekiranya ibu bapa tidak mendisiplinkan anak-anak mereka dengan kasih sayang, mereka tidak akan mendengar nasihat ibu bapa dan berani melawan cakap mereka. Misalnya, ibu bapa yang selalu memarahi anak-anak mereka dengan menggunakan kekerasan akan mula menaruh perasaan benci terhadap ibu bapa mereka. Saya berpendapat bahawa ibu bapa harus bersikap rasional dan penuh dengan kesabaran apabila mendisiplinkan anak-anak mereka.

Alasan selanjutnya ialah pendekatan ini tidak menyebabkan gangguan emosi dan trauma. Dalam era pensejagatan ini, ibu bapa selalu beranggapan bahawa menghukum anak-anak dengan menggunakan tali pinggang dan rotan adalah salah scara yang terbaik untuk mendisiplinkan anak-anak mereka tetapi mereka tidak sedar bahawa pendekatan ini kurang berkesan. Jika ibu bapa mendisiplinkan anak-anak dengan kekerasan, anak-anak akan hilang perasaan hormat terhadap ibu bapa mereka. Anak-anak juga akan mula merasakan bahawa ibu bapa mereka tidak mempedulikan dan tidak menyayangi mereka lagi. Umpamanya, ibu bapa akan memukul atau merotan anaknya jika mereka tidak mendengar arahan untuk pulang awal dari sekolah. Akibatnya, mereka akan berasa takut sehingga mereka tidak berani untuk pulang ke rumah. Pada, pandangan saya, ibu bapa harus mengelakkan pendekatan ini kerana ia tidak berkesan langsung.

Alasan terakhir ialah, pendekatan ini boleh mendekatkan lagi hubungan ibu bapa dengan anak-anak dan ia akan membuat seorang anak berasa diterima dan dicintai oleh orang tua mereka. Pada alaf baru ini, ibu bapa selalu sibuk dengan pekerjaan mereka sehingga mereka tidak mempunyai banyak masa bersama anak-anak mereka. Dengan memberikan kata-kata motivasi ataupun nasihat, anak-anak akan berasa dicintai dan diterima oleh orang tua kerana mereka tidak pernah gagal untuk menyokong anak-anak dan selalu berada di samping anak-anak apabila diperlukan. Dengan cara ini, ia bukan sahaja dapat mendisiplinkan anak-anak mereka dengan cara yang halus tetapi ia juga mendekatkan hubungan antara ibu bapa dan anak-anak. Contohnya, ibu bapa boleh menelefon anak-anak mereka jika ibu bapa masih di tempat kerja atau sibuk dengan pekerjaan mereka. Dengan cara itu itu, anak-anak akan berasa bahawa ibu bapa mereka amat prihatin dengan mereka dan mereka akan lebih bermotivasi untuk belajar bersungguh-sungguh. Pada pandangan saya, pendekatan ini lebih berkesan kerana ia bukan sahaja efektif dalam mendisiplinkan anak-anak tetapi ia juga mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara ibu bapa dan anak-anak.

Walaupun bagaimanapun, belaian kasih sayang semata-mata tidak menjamin terhasilnya tingkah laku yang baik. Tindakan disiplin juga harus diperlukan. Alasannya ialah, tindakan disiplin merupakan cara yang efektif untuk menanamkan sikap disiplin di dalam diri seseorang individu. Pada era ekonomi berteraskan ilmu ini, masalah disiplin di sekolah semakin menjadi-jadi dan kebanyakan murid-murid sekarang sudah berani melanggar peraturan sekolah. Jikalau sekolah tidak mengenakan tindakan disiplin ke atas murid-murid ini, mereka tidak akan segan silu untuk mengulangi perbuatan tersebut. Contohnya, tindakan disiplin seperti hukuman sebat harus dikenakan ke atas pelajar yang membuli dan memeras ugut rakan-rakan sekolahnya. Pelajar tersebut akan berasa malu apabila dihukum dan mereka tidak akan berani untuk melakukan perbuatan tersebut sekali lagi. Pada perspektif saya, tindakan disiplin oleh pihak yang berautoriti harus dikenakan ke atas individu yang melakukan pelanggaran disiplin supaya kelakuan ataupun kesalahan tersebut tidak akan diulangi sekali lagi.

Alasan seterusnya ialah tindakan disiplin merupakan cara langkah pencegahan yang berkesan. Dalam dunia yang serba kompetitif ini, ibu bapa selalu memanjakan anak-anak mereka sehingga mereka

tidak mengendahkan nasihat ibu bapa mereka. Hal ini disebabkan oleh pengaruh media massa dan rakan sebaya yang negatif. Mereka terpengaruh dengan apa yang mereka dengar dan lihat di media massa termasuklah di media cetak atau elektronik dan mereka juga mudah mempercayai apapun yang dikatakan oleh rakan-rakan mereka. Hal ini akan membawa kepada perbuatan yang negatif seperti mencuri, vandalisme, merusuh dan lain-lain lagi. Pelajar-pelajar yang melakukan pelanggaran disiplin harus dikenakan hukuman yang berat. Contohnya, hukuman rotan harus dikenakan ke atas pelajar yang mencuri. Menurut telahan saya, tindakan disiplin harus dikenakan kepada seseorang individu yang melanggar peraturan supaya mereka tahu kesalahan mereka dan tidak akan berani untuk melanggar undang-undang sekali lagi.

Berdasarkan perbincangan di atas jelaslah bahawa belaian kasih sayang lebih baik berbanding dengan tindakan disiplin kerana ia lebih berperikemanusiaan, tidak menyebabkan gangguan emosi dan trauma dan juga membuat seseorang anak berasa diterima dan dincintai oleh ibu bapa mereka. Saya ingin menyarankan agar ibu bapa dan pihak sekolah agar melakukan pendekatan gabungan belaian kasih sayang dan tindakan disiplin. Saya berharap bahawa ibu bapa dan pihak sekolah boleh mengatasi masalah disiplin yang semakin menular dengan pendekatan belaian kasih sayang dalam ketegasan. Andaikata masalah disiplin ini dapat ditangani, Singapura akan berjaya untuk mencapai kejayaan di persada antarabangsa. Akhir sekali, saya ingin menyeru semua pihak agar berbanding bahu dan bekerjasama untuk membanteras masalah disiplin yang semakin dalam masyarakat kita. Bak kata pepatah, "bersatu teguh, bercerai roboh." Majalah Singapura!

Nur Nabila Binte Sharifuddin (4 Emerald 1) (DSS)

Contoh 14

Filem Hari Ini Dapat Membentuk Nilai-Nilai Hidup Yang Dipegang Oleh Belia Kita. Setujukah kamu? Mengapa?

Filem merupakan sumber komunikasi melalui ekspresi cereka yang disalurkan kepada belia sebagai penerima mesej dan nilai-nilai murni. Nilai-nilai hidup bermaksud sifat-sifat baik seperti hormat-menghormati dan beradab mulia sesama manusia. Pada zaman pasca-perindustrian ini, masyarakat kita sering kali disogokkan dengan filem-filem yang berunsur seram, tahyul dan ganas seperti filem Munafik, Bohsia, KL Gangster, J Revolusi, Kimchi Untuk Awak, Sindiket dan lain-lain lagi. Perkara ini sudah tentu akan mendatangkan impak yang positif dan negatif terhadap nilai-nilai hidup masyarakat khususnya golongan belia yang merupakan tiang sesebuah negara. Seorang pengarah filem tersohor, Encik Yusof Haslam dari Skop Productions berpendapat bahawa golongan terbesar yang gemar menonton filem ialah golongan belia yang berusia dalam lingkungan 13 hingga 29 tahun. Golongan ini mudah dipengaruhi oleh unsur-unsur ganas yang terdapat dalam filem-filem yang ditayangkan. Persoalannya adakah filem hari ini dapat membentuk nilai-nilai hidup yang dipegang oleh belia kita? Renungkanlah, fikirkanlah!

Saya bersetuju dengan pernyataan tersebut seratus-peratus. Salah satu alasannya ialah filem memberikan hiburan kepada golongan belia. Dalam dunia yang serba moden ini, golongan belia sering dibebani oleh seribu satu macam masalah. Pelbagai masalah yang menerjah fikiran boleh terhapus melalui filem-filem yang ditayangkan di pawagam mahupun di kaca televisyen. Filem-filem berunsur komedi misalnya, mampu mengurangkan tekanan yang dialami oleh seseorang belia walaupun ada sesetengah pihak yang berpendapat bahawa perkara-perkara yang melibatkan unsur hiburan adalah suatu pembaziran masa. Kita pastinya memerlukan filem-filem yang sedemikian sebagai penenang hidup kita dan mengelakkan diri kita daripada terbeban oleh tugas seharian. Contohnya, jika kita tidak mengikut peredaran masa, sudah tentu kita akan ketinggalan zaman dan tidak mempunyai pengetahuan yang luas terhadap hal ehwal semasa. Tidak secara langsung, filem meluaskan horizon pemikiran belia dan juga membentuk nilai-nilai hidup yang dipegang para belia.

Alasan kedua, filem merupakan wadah bagi memberi nasihat dan pelajaran. Pada zaman ledakan maklumat ini, bukan semua filem yang dihasilkan adalah untuk hiburan semata-mata. Sebaliknya filem-filem juga mengetengahkan nilai-nilai murni yang memberi pengajaran kepada masyarakat seperti filem Leftenan Adnan, Lagenda Budak Setan, Embun dan Puteri Gunong Ledang. Melalui filem-filem ini, para belia dapat memupuk nilai-nilai yang positif seperti nilai hormat-menghormati, nilai kasih sayang, nilai taat setia, pengorbanan, dan cinta kepada Negara dalam diri mereka. Sebagai contoh, ada filem yang

memaparkan kejahatan seseorang tentang sesuatu perkara yang menyarankan masyarakat untuk mengelakkan diri daripada amalan berjudi dan menagih dadah seperti dalam filem KL Gangster. Oleh itu, filem sebegini sentiasa menjadi sumber pengajaran dan nasihat kepada golongan belia, Hal ini penting untuk menyedarkan golongan belia betapa pentingnya pengajaran yang dipaparkan supaya dapat dijadikan teladan pada hari muka.

Alasan seterusnya ialah filem dapat mempereratkan hubungan kekeluargaan. Dalam era pensejagatan ini, keluarga sering tidak mempunyai masa untuk diluangkan bersama. Mereka sibuk dengan pekerjaan, persekolahan dan lain-lain kegiatan. Mereka tidak dapat meluangkan masa dengan keluarga. Tetapi dengan adanya filem-filem ini, mereka dapat meluangkan masa untuk menonton filem bersama keluarga. Melalui filem-filem yang ditonton, mereka dapat berinteraksi antara satu sama lain. Mereka juga dapat merapatkan hubungan silaturrahim. Sebagai contoh, filem berunsurkan komedi dan kekeluargaan dapat memupuk kesedaran bahawa keluarga haruslah meluangkan masa bersama keluarga. Bak kata pepatah Melayu “air dicincang tidakkan putus.” Tegasnya, filem dapat mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan.

Alasan terakhir ialah filem memaparkan sesuatu yang baru dan menyeronokkan. Adegan-adegan dan aksi-aksi yang dipaparkan di dalam sesebuah filem dapat menarik perhatian golongan belia di luar sana. Mereka tentu mahu mencuba sesuatu yang baru dan menyeronokkan. Melalui filem, para belia dapat mempelajari dan mengetahui sesuatu yang mereka tidak pernah dengar atau terlihat seperti melakukan kegiatan lasak seperti “parkour” dan lain-lain. Contohnya, kegiatan “parkour” merupakan kegiatan yang berbahaya tetapi menyeronokkan dan boleh mempengaruhi nilai-nilai hidup mereka. Oleh itu, filem dapat meluaskan dan mendedahkan golongan belia kepada perkara-perkara yang jarang diterokai oleh para belia.

Rumusannya, filem hari ini memainkan peranan yang penting dalam membentuk nilai-nilai hidup yang dipegang oleh belia kita hari ini. Walaupun ada sesetengah orang yang berpandangan negatif terhadap filem dan hiburan filem-filem ini sebenarnya sumber pelajaran atau ilmu pengetahuan kepada golongan belia dan membentuk-nilai-nilai mereka. Sekiranya masyarakat hanya tahu mengkritik tanpa mengetahui motif sebenar pembikinan sesebuah filem, dunia filem tempatan akan mengalami kesukaran untuk berkembang. Saya mencadangkan agar masyarakat berfikir positif agar pengeluar filem dapat menghasilkan karya yang berkualiti dan mampu membentuk nilai-nilai golongan belia. Saya berharap masyarakat kita dapat menganjak paradigma mereka dan menerima filem-filem yang ditayangkan dengan minda yang terbuka. Seandainya ini dapat direalisasikan belia akan dapat membentuk nilai-nilai hidup yang positif. Akhir kata, filem kita merupakan cermin kehidupan masyarakat kita.

Nurul Khairiyah Binte Khasan (3 Sapphire) (DSS)

Contoh 15

Penggunaan telefon bimbit dalam kalangan pelajar-pelajar harus diharamkan di sekolah-sekolah? Bincangkan.

Telefon bimbit merupakan peranti elektronik, mudah alih, jarak dekat yang digunakan sebagai alat perhubungan suara atau data melalui jaringan stesyen pangkalan yang dikenali sebagai tapak sel. Diharamkan pula bermaksud dilarang atau tidak dibenarkan. Dalam dunia yang serba moden ini, teknologi amat canggih dan terdapat ramai orang memiliki telefon bimbit. Telefon bimbit ini sering digunakan dalam kehidupan seseorang dan terdapat banyak kebaikan dan juga keburukannya. Terdapat pelbagai jenis jenama telefon bimbit di pasaran pada hari ini seperti Samsung, Iphone, Blackberry, Oppo dan lain-lain lagi. Kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa pengguna telefon bimbit sudah semakin meningkat dan kebanyakan pengguna telefon bimbit ialah remaja dan pelajar sekolah. Menurut Kementerian Pendidikan, penggunaan telefon bimbit membolehkan pelajar-pelajar untuk mendapat informasi terkini di samping meningkatkan ilmu pengetahuan. Persoalannya, adakah penggunaan telefon bimbit dalam kalangan pelajar-pelajar harus diharamkan di sekolah-sekolah?

Saya bersetuju dengan mauduk tersebut tetapi tidak sepenuhnya. Memang saya tidak menafikan bahawa penggunaan telefon bimbit dalam kalangan pelajar-pelajar harus diharamkan di

sekolah-sekolah namun ia masih boleh diperdebatkan dengan alasan-alasan konkrit. Alasan perdana ialah ia akan menjejaskan pelajaran pelajar-pelajar. Dalam era pensejagatan ini, terdapat ramai pelajar yang tidak tahu menguruskan masa mereka dengan baik apabila menggunakan telefon bimbit. Ramai pelajar menggunakan telefon bimbit mereka tanpa kawalan dan mula mengutamakan telefon bimbit mereka dan bukannya pelajaran mereka. Pelajar-pelajar sering menghantar pesanan melalui sistem pesanan ringkas(SMS) kepada rakan-rakan mereka. Ada juga yang terlalu asyik dengan permainan video sehingga mereka tidak mendapatkan tidur yang secukupnya. Sebagai contoh, pelajar-pelajar menghabiskan masa mereka “berbual” dengan rakan-rakan mereka secara maya sehingga lewat malam. Akhirnya, mereka tidak membuat kerja sekolah yang diberikan ataupun mengulangkaji pelajaran. Gara-gara leka dengan telefon bimbit, Hal pelajaran mereka terjejas. Saya berpendapat bahawa, pelajar-pelajar harus bijak menguruskan masa mereka ketika menggunakan telefon bimbit mereka agar mereka mempunyai masa untuk mengulangkaji pelajaran.

Alasan seterusnya ialah pembelajaran di kelas terganggu. Pada era globalisasi ini, banyak pelajar-pelajar menyalahgunakan telefon bimbit mereka untuk tujuan yang kurang berfaedah seperti memuat-turunkan gambar-gambar lucu dan menyebarkannya dalam kalangan kawan-kawannya. Hal ini akan menyebabkan pelajar hilang fokus. Terdapat juga pelajar-pelajar yang menggunakan telefon bimbit mereka sebagai alat untuk meniru dalam peperiksaan. Misalnya, pelajar-pelajar bertukar-tukar jawapan dengan rakan-rakan sekelas mereka melalui sistem pesanan ringkas. Perbuatan mereka itu akan membawa akibat yang besar seperti hukuman rotan ataupun diberikan markah kosong untuk kertas yang mereka duduki itu. Hal ini akan menyebabkan kelas terganggu. Pada pendapat saya, guru-guru harus mengingatkan pelajar-pelajar mereka agar tidak membawa masuk telefon bimbit mereka ke dalam bilik peperiksaan agar tidak disalahgunakan.

Alasan yang terakhir ialah ia boleh meningkatkan kes-kes kecurian di sekolah. Pada zaman pascaperindustrian ini, ramai pelajar-pelajar memiliki telefon bimbit yang canggih dan terbaru di pasaran seperti Iphone 7 Plus Pelajar-pelajar gemar menunjuk-nunjuk telefon bimbit mereka kepada rakan-rakan mereka. Pelajar-pelajar yang tidak memiliki telefon bimbit yang canggih ataupun tidak mampu untuk membeli telefon bimbit tersebut akan mula berasa cemburu dan iri hati. Hal ini akan membawa kesan-kesan buruk seperti kes-kes kecurian telefon bimbit di sekolah akan meningkat. Sebagai contoh, seseorang pelajar akan terdorong untuk mencuri telefon bimbit canggih yang dimiliki oleh rakan-rakannya kerana cemburu dengan rakan-rakannya yang mempunyai ibu bapa yang mampu untuk membelikan anak-anak mereka telefon bimbit yang mahal dan terbaru. Pelajar tersebut akan dikenakan hukuman yang berat kerana kes kecurian adalah satu perkara yang serius dan pihak sekolah harus mengambil tindakan tegas supaya pelajar tersebut tidak akan mengulangi kesilapannya yang sama. Pada pendapat saya, ibu bapa terlalu memanjakan anak-anak mereka dan selalu memberikan benda-benda yang diminta oleh anak-anak mereka termasuklah telefon bimbit. Bukan itu sahaja, kebanyakan pelajar-pelajar pada zaman ini amat mudah terpengaruh dengan kecanggihan telefon bimbit sehingga mereka berani melakukan jenayah di sekolah.

Namun, penggunaan telefon bimbit juga membawa kesan-kesan yang positif. Alasan pertama ialah ia memudahkan pelajar-pelajar untuk menghubungi ahli keluarga mereka pada waktu kecemasan. Dewasa ini, ibu bapa dan anak-anak mereka amat sibuk dengan pekerjaan dan persekolahan mereka masing-masing. Ibu bapa tidak mengetahui keadaan anak-anak mereka ketika berada di sekolah. Dengan penggunaan telefon bimbit, pelajar atau pihak sekolah boleh menghubungi ahli keluarga mereka yang sedang sakit ataupun apabila sesuatu perkara yang buruk berlaku kepada pelajar tersebut di sekolah supaya ahli keluarga boleh mengetahui keadaan pelajar tersebut dan membawanya pulang ke rumah. Sebagai contoh, seseorang pelajar terjatuh dan mengalami kecederaan semasa bermain-main dengan rakan-rakannya. Pelajar tersebut boleh menghubungi ahli keluarganya untuk memberitahu mereka tentang keadaan pelajar tersebut. Pada pendapat saya, penggunaan telefon bimbit amat berfaedah kerana ia boleh mengelakkan perasaan terkilan disebabkan orang yang dikasihi meninggal dunia ataupun kemalangan jalan raya.

Alasan kedua ialah ia membantu para pelajar untuk bertanya hal-hal persekolahan. Pada alaf baru ini, kebanyakan-pelajar kurang pasti atau tidak memahami pelajaran yang diajar oleh guru-guru mereka di sekolah disebabkan guru-guru mereka mengajar dengan terlalu cepat. Pelajar-pelajar boleh meminta

bantuan daripada rakan-rakan mereka tentang perkara yang mereka kurang pasti supaya rakan-rakan mereka boleh membantu mereka untuk memahaminya dengan lebih baik dan jelas. Apabila seseorang pelajar tidak menghadiri sekolah kerana cuti sakit, mereka boleh menghubungi rakan-rakan mereka untuk bertanya tugas yang diberikan oleh guru dan perlu disiapkan. Sebagai contoh, seseorang pelajar tidak menghadiri sekolah kerana demam panas. Pelajar tersebut boleh meminta pertolongan daripada rakan-rakan mereka supaya pelajar tersebut tidak akan terlepas tentang apa-apa pengajaran penting yang diajar oleh guru mereka. Pada pendapat saya, penggunaan telefon bimbit merupakan satu alat komunikasi yang baik dan berfaedah untuk pelajar-pelajar menghubungi rakan-rakan mereka untuk bantuan persekolahan dan pelajar juga boleh memahami pengajaran yang diajar oleh guru mereka dengan lebih baik apabila mereka pulang balik ke sekolah selepas cuti sakit. Hal ini akan menguatkan semangat kerjasama mereka kerana mereka saling bantu-membantu antara satu sama lain, ibarat berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.

Secara deduksinya, penggunaan telefon bimbit dalam kalangan pelajar-pelajar harus diharamkan di sekolah-sekolah. Ia membawa banyak kesan-kesan yang negatif terhadap pelajar-pelajar. Namun, saya akur bahawa penggunaan telefon bimbit dalam kalangan pelajar-pelajar juga ada kesan positifnya. Saya mencadangkan agar pelajar-pelajar tidak menggunakan telefon bimbit mereka di sekolah dan jika pelajar-pelajar ditangkap kerana menggunakan telefon bimbit mereka pada waktu sekolah, pihak sekolah tidak harus segan-segan untuk merampas telefon bimbit mereka. Dengan cara ini, pelajar-pelajar akan lebih fokus di dalam kelas dan tidak akan diganggu oleh telefon bimbit mereka pada waktu sekolah. Pelajar-pelajar akan mendapatkan markah yang lebih tinggi dalam ujian atau peperiksaan mereka kerana mereka boleh mengulangkaji pelajaran tanpa sebarang gangguan dan boleh menumpukan perhatian mereka kepada pelajaran mereka. Akhir sekali, saya ingin menyeru semua pihak agar berbanding bahu dan bekerjasama. Bak kata pepatah, "bersatu teguh, bercerai roboh." Majulah Singapura!

Nabilah Binte Shariffudin (4 Emerald 2) (DSS)

Contoh 16

Penggunaan Telefon Bimbit Dalam Kalangan Pelajar-pelajar Harus Diharamkan Di Sekolah-sekolah. Bincangkan.

Telefon bimbit merupakan peranti elektronik, mudah alih jarak dekat yang digunakan sebagai alat perhubungan suara atau data melalui jaringan stesen pengkalan. Diharamkan pula bermaksud dilarang atau tidak dibenarkan. Dengan kemajuan dalam bidang teknologi, kini telefon bimbit semakin canggih. Ia mempunyai pelbagai fungsi yang dapat membantu dalam kehidupan seharian kita, seperti berkomunikasi dengan ahli keluarga yang tinggal di luar negara dengan segera. Menurut statistik yang diperolehi seorang penyelidik, 97% rakyat Singapura mempunyai telefon bimbit. Ini menunjukkan bahawa hampir semua rakyat Singapura mampu memiliki sebuah telefon bimbit. Dahulu, hanya orang kaya sahaja yang mampu mempunyai telefon bimbit. Sekarang, semua, tidak kira umur, mampu mempunyai telefon bimbit. Kementerian Pendidikan berpendapat bahawa, penggunaan telefon bimbit dalam kalangan pelajar di sekolah boleh mendatangkan implikasi yang negatif kepada para pelajar. Persoalannya, haruskah penggunaan telefon bimbit dalam kalangan pelajar diharamkan di sekolah-sekolah?

Saya bersetuju dengan mauduk tersebut tetapi tidak seratus-peratus. Pernyataan tersebut ada kebenarannya namun ia masih boleh dipertikaikan dengan alasan-alasan yang tuntas dan konkrit. Alasan dominan ialah, ia menjejaskan pelajaran pelajar. Pelajar cenderung menggunakan telefon bimbit tanpa kawalan. Akibatnya, pelajar-pelajar tidak dapat menumpukan perhatian sepenuhnya dalam pelajaran. Sebagai contoh, pelajar asyik "berbual" dengan rakan-rakan secara maya dan saling menghantar pesanan melalui sistem pesanan ringkas (SMS). Pelajar juga leka dan alpa dengan permainan video. Pada pandangan saya, pelajar haruslah pandai membahagikan waktu luang mereka untuk belajar dan menggunakan telefon bimbit mereka. Dengan berbuat sedemikian, pelajaran tidak akan menjejaskan dan pelajar juga akan mempunyai masa untuk menggunakan telefon bimbit mereka.

Selain itu, pembelajaran di kelas juga turut terganggu. Pelajar menyalahgunakan telefon bimbit untuk tujuan yang tidak berfaedah. Sebagai contoh, pelajar gemar memuat turun gambar-gambar lucu dan menyebarkannya dalam kalangan rakan-rakan sebayanya. Terdapat juga segelintir pelajar yang

menggunakan telefon bimbit mereka sebagai alat untuk meniru dalam peperiksaan. Umpamanya, mereka bertukar-tukar jawapan melalui (SMS) sesama rakan sebaya. Pada hemat saya, pelajar seharusnya menggunakan telefon bimbit untuk tujuan yang berfaedah seperti, mencari informasi ataupun membuat penyelidikan.

Di samping itu, ia juga meningkatkan kes-kes kecurian di sekolah. Pelajar gemar membeli telefon bimbit yang mahal harganya dan juga terancang kerana, ia melambangkan status sosial kita sama ada kita berkemampuan atau sederhana. Terdapat juga segelintir pelajar yang panjang tangan dan tergamak mencuri kerana tidak mampu membeli telefon yang canggih dan mahal, atau ingin mendapat duit yang banyak dengan segera dengan hanya menjual telefon bimbit yang telah meraka curi daripada pelajar-pelajar di sekolah mereka. Misalnya, pelajar akan memecah masuk kelas pelajar lain ketika kelas itu tiada dan membongkar beg pelajar untuk mencuri telefon bimbit mereka. Pada tanggapan saya, pelajar tidak seharusnya mengikut nafsu mereka untuk memiliki telefon bimbit yang canggih sehingga mencuri kerana akhirnya, ia hanya akan menyusahkan ibu bapa. Hukuman harus dijatuhkan ke atas pelajar-pelajar yang didapati mencuri supaya mereka sedar dan insaf bahawa apa mereka telah lakukan itu ialah salah, dan juga melanggar undang-undang negara.

Namun, penggunaan telefon bimbit dalam kalangan pelajar di sekolah tidak semestinya menimbulkan keburukan. Ada juga kebaikan dalam penggunaan telefon bimbit di sekolah. Alasan prima ialah, ia memudahkan pelajar untuk menghubungi ahli keluarga pada waktu-waktu kecemasan. Pelajar dapat menghubungi ahli keluarga yang sedang sakit di Singapura atau di luar negara. Ia dapat mengelakkan perasaan terkilan disebabkan orang yang dikasihi meninggal dunia atau kemalangan jalan raya. Pelajar juga dapat menghubungi ahli keluarga mereka ketika mereka jatuh sakit atau mengalami kecederaan yang serius. Sebagai contoh, pelajar yang tiba-tiba sakit di sekolah dapat menghubungi ahli keluarganya untuk membawanya pulang untuk berjumpa dengan doktor. Pada perspektif saya, pihak sekolah harus membenarkan pelajar menggunakan telefon bimbit mereka kerana dengan cara itu, segala kecemasan boleh diberitahu kepada pelajar itu dengan segera.

Alasan seterusnya ialah, ia membantu para pelajar untuk bertanya hal-hal persekolahan. Pelajar yang cuti sakit dan mewakili sekolah dalam pertandingan dapat menghubungi rakan-rakan untuk bertanyakan tugas yang perlu diselesaikan dan juga mengetahui perkara yang diajar oleh guru. Ia juga menunjukkan budaya tolong-menolong, ibarat berat sama dipikul, ringan sama dijinjing. Misalnya, pelajar yang cuti sakit dapat bertanyakan tugas yang perlu disiapkan kepada rakan sekelasnya melalui aplikasi 'Whatsapp'. Dengan ini, pelajar tidak akan ketinggalan dalam bidang pelajaran dan dapat menjelaskan sebarang keraguan dalam sebarang subjek.

Daripada perbincangan tadi, dapat disimpulkan bahawa penggunaan telefon bimbit dalam kalangan pelajar di sekolah hanya menimbulkan masalah-masalah yang tidak diinginkan kerana ia menjejaskan pelajaran, mengganggu pembelajaran di kelas dan meningkatkan kes-kes kecurian di sekolah. Saya ingin mencadangkan agar pihak sekolah membenarkan penggunaan telefon bimbit dalam kalangan pelajar di sekolah dengan batasan. Saya berharap penggunaan telefon bimbit dengan had dapat menghasilkan pelajar yang disiplin dan cemerlang. Akhir kata, saya ingin menyeru pihak sekolah untuk bersikap lebih tegas dengan penggunaan telefon bimbit dalam kalangan pelajar di sekolah supaya masalah yang tidak diinginkan tidak akan timbul dan berleluasa, juga melahirkan pelajar-pelajar yang berdisiplin dan bertanggungjawab. Digarhayu Singapura!

Nur Atikah Binte Nahrawi @ Menengah 4 Emerald 2

Contoh 17

Belaian Kasih Sayang Lebih Baik Berbanding Dengan Tindakan Disiplin. Bincangkan.

Apakah pengertian belaian kasih sayang? Apakah pula maksud tindakan disiplin? Pendekatan apakah yang sesuai untuk menangani masalah disiplin? Mampukah belaian kasih sayang menangani masalah disiplin? Sebelum kita membuat apa-apa kesimpulan ayuhlah kita mengupas isu yang sedang hangat ini. Pada milenium ini, masalah disiplin dalam kalangan remaja semakin ruwet bagaikan cendawan yang tumbuh pada musim tengkujuh. Kita tidak harus mengambil ringan tentang masalah ini kerana ia akan menjejaskan impian negara kita untuk melahirkan pelajar yang berdisiplin. Seorang pakar motivasi

berpendapat bahawa pendekatan tindakan disiplin lebih berkesan dalam menangani masalah disiplin. Persoalannya, adakah belaian kasih sayang lebih baik berbanding dengan tindakan disiplin?

Pernyataan ini ada kebenarannya tetapi ia masih boleh diperdebatkan dengan alasan-alasan yang tuntas. Alasan perdana ialah ia merupakan pendekatan yang halus dan berperikemanusiaan. Dalam dunia yang serba moden ini, ibu bapa harus menegur anak-anak mereka dengan cara yang lembut kerana mereka merupakan anugerah Tuhan yang tidak ternilai harganya. Ibu bapa harus mendisiplinkan anak-anak dengan penuh kasih sayang dan penuh kesabaran. Jika tindakan ini tidak dilakukan, anak-anak akan memberontak dan tidak akan mendengar kata-kata ibu bapa. Sebagai contoh, ibu bapa yang menggunakan kekerasan dalam mendisiplinkan anak-anak akan menyebabkan anak menaruh perasaan benci dan dendam terhadap ibu bapa mereka. Saya berpendapat bahawa ibu bapa harus bersikap rasional dalam mendisiplin anak-anak.

Alasan kedua ialah, belaian kasih sayang tidak menyebabkan gangguan emosi dan trauma. Dalam dunia yang serba moden ini, anak-anak berasa tertekan kerana jangkauan ibu bapa dan pihak sekolah yang setinggi Gunung Everest. Ibu bapa tidak harus bertindak terlalu kasar dalam mendisiplinkan anak-anak kerana ia akan menyebabkan gangguan emosi dan trauma kepada anak mereka sendiri. Jika tindakan ini diambil, anak-anak akan selalu berasa tertekan dan berasa terganggu dari segi minda dan tidak dapat melakukan kegiatan seharian mereka dengan tenang. Sebagai contoh, ibu bapa yang menggunakan kekerasan dalam mendisiplin anak-anak seperti memukul dan merotan akan menyebabkan anak-anak mereka tidak bersemangat untuk belajar dan mudah putus asa. Saya berpendapat ibu bapa harus mengambil berat tentang perkembangan anak-anak di sekolah dan prestasi mereka dalam bidang pelajaran.

Alasan terakhir ialah pendekatan belaian kasih sayang akan membuat seorang anak berasa diterima dan dicintai oleh orang tuanya. Jika ibu bapa menggunakan cara yang lembut, anak-anaknya akan berterima kasih terhadap tindakan ibu bapanya dan mereka juga akan menghormati ibu bapa mereka. Jika tindakan ini tidak dilakukan, anak mereka tidak akan berasa disayangi dan tidak akan menghormati orang lain kerana mereka tidak dihormati di rumah. Sebagai contoh, ibu bapa yang menghormati anaknya tidak perlu risau akan tingkah laku anak mereka apabila mereka tiada di sisi anak-anak mereka.

Namun, belaian kasih sayang semata-mata tidak menjamin terhasilnya tingkah laku yang baik. Tindakan disiplin juga diperlukan. Alasannya ialah tindakan disiplin merupakan cara yang efektif untuk menanamkan sikap disiplin dan hormat di dalam diri seseorang individu. Bak kata pepatah, "sayang anak tangan-tangankan, sayang isteri tinggal-tinggalkan. Kata-kata keramat ini bermaksud tindakan disiplin perlu dilakukan jika mereka melakukan kesalahan. Jika tindakan disiplin tidak dikenakan, anak-anak tidak akan belajar daripada kesalahan mereka dan mereka akan mengulangi perbuatan yang dilarang sekali lagi. Contohnya, anak-anak yang tidak dihukum kerana melakukan kesalahan yang serius seperti mencuri telefon bimbit daripada rakan sedarjahnya akan melakukan perkara yang sama sekali lagi kerana tiada dikenakan apa-apa hukuman. Tegasnya, tindakan disiplin harus dikenakan ke atas anak-anak kerana "kalau hendak melentur buluh biarlah dari rebungunya".

Alasan selanjutnya ialah tindakan disiplin merupakan langkah pencegahan yang berkesan. Bak kata pepatah "tangan mencencang, bahu memikul". Peribahasa ini bermaksud sesiapa yang melakukan kesalahan disiplin yang serius harus menanggung risiko dikenakan hukuman seperti dirotan. Contohnya, jika anak-anak mencuri atau membuli, mereka harus dikenakan hukuman supaya mereka tahu perbuatannya itu adalah salah dan jika dibuat lagi, mereka akan dikenakan hukuman yang lebih berat. Dengan cara demikian, kita dapat mendidik mereka untuk membezakan antara perkara yang boleh dilakukan dan yang dilarang. Langkah pencegahan perlu untuk mengelakkan perkara yang sama daripada berulang.

Berdasarkan perbincangan di atas, sudah terang lagi nyata bahawa belaian kasih sayang lebih baik berbanding dengan tindakan disiplin kerana ia lebih berperikemanusiaan, tidak menyebabkan gangguan emosi dan membuat seorang anak berasa diterima dan dicintai oleh ibu bapa. Saya ingin mencadangkan agar ibu bapa dan pihak sekolah mempraktikkan gabungan pendekatan belaian kasih sayang dan tindakan disiplin. Saya berharap pendekatan belaian kasih sayang dalam ketegasan dapat

mengatasi masalah disiplin yang semakin kronik. Seandainya masalah ini dapat ditangani, Singapura akan mencapai kejayaan di pentas antarabangsa. Akhir kata, saya ingin menyeru semua pihak agar berganding bahu dan bekerjasama untuk membanteras masalah yang semakin berakar umbi dalam masyarakat kita. Bak kata pepatah Melayu, "bersatu teguh, bercerai roboh". Dirgarhayu Singapura!

Nur Shazwani Binte Isnin (5 Ruby) (DSS)

Contoh 18

Masalah Buli Siber Semakin Menular. Jelaskan Kesan-kesan Buli Siber.

Isu buli siber merupakan fenomena baru yang muncul akibat era globalisasi. Gejala ini menjejaskan kesejahteraan seseorang secara fizikal dan juga mental. Mutakhir ini, isu tentang gejala buli siber telah menjadi polemik dan menjadi perdebatan hangat dalam kalangan ibu bapa, pihak sekolah, masyarakat dan juga pemerintah. Buli siber boleh didefinisikan sebagai perbuatan mengancam atau menakutkan seseorang melalui alat-alat elektronik melalui pertukaran mesej antara satu sama lain. Dalam dekad ini, kebanyakan mangsa-mangsa buli siber datang daripada golongan pelajar di sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi. Buli siber lazimnya meninggalkan kesan yang negatif kepada seseorang dan menimbulkan kemurungan yang dahsyat. Saya berpendapat bahawa remaja generasi hari ini harus lebih berhati-hati dengan tondakan mereka di alam siber kerana apa yang mereka lafazkan di alam siber boleh menyakitkan hati orang lain yang turut melayari internet. Persoalannya apakah kesan-kesan negatif buli siber?

Kesan yang perdana ialah buli siber akan menimbulkan stres atau tekanan terhadap kehidupan seseorang. Kata-kata kesat seseorang di internet boleh memalukan orang lain dan ini akan menimbulkan perasaan sedih atau keaiban terhadap kenyataan tersebut. Tambahan pula, perasaan ini akan terus berlegar dalam pemikiran mereka. Lantaran itu, mangsa akan bertambah stres dan akan mempertimbangkan untuk melakukan sesuatu yang buruk ke atas diri mereka sendiri. Contohnya, seseorang mangsa yang kerap mendapat komen yang menyakitkan hatinya terdorong untuk mengelar tangannya sendiri atau lebih teruk lagi membunuh diri kerana mereka sudah tidak tahu apa lagi yang patut mereka buat untuk menghentikan penderaan mental dan kesakitan yang mereka alami itu. Pada perspektif saya, buli siber akan menimbulkan masalah seperti yang dikatakan di atas dan ini adalah satu isu yang serius terutama dalam kalangan remaja kerana mereka adalah generasi yang akan memimpin negara kita dalam masa hadapan. Bak kata pepatah "pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara."

Kesan yang seterusnya ialah buli siber akan menjejaskan pelajaran mangsa-mangsa yang masih lagi di bangku sekolah. Buli siber dalam kalangan pelajar-pelajar selalunya dibawa keluar dari alam siber dan ramai lagi orang yang akan membuli mangsa-mangsa ini di dalam kehidupan seharian mereka. Hal ini akan menyebabkan lebih banyak lagi stres atau tekanan pada kehidupan mereka dan ia akan menjejaskan pelajaran mereka kerana semua yang difikirkan oleh mangsa ialah kata-kata yang menyakitkan hati atau perasaan mereka. Contohnya, seseorang pelajar perempuan dibuli dengan panggilan hodoh dalam alam siber dan ini akan menyebabkan pelajar-pelajar lain di sekolah untuk menjejeknya dan mangsa tidak akan dapat fokus dalam pelajarannya kerana dia selalu diganggu oleh pelajar-pelajar lain. Pada pendapat saya, buli siber akan menjejaskan tumpuan mangsa untuk fokus dalam pelajaran kerana mangsa akan selalu diganggu. Dengan itu, buli siber adalah satu perkara yang serius dan ia akan menjejaskan pelajaran si mangsa.

Kesan selanjutnya ialah buli siber akan menjejaskan kesihatan seseorang secara fizikal dan juga mental. Mangsa buli siber boleh melalui kemurungan kerana kata-kata seseorang yang menyakitkan hatinya. Jikalau seseorang mengalami kemurungan dalam kehidupan mereka akan menjadi lebih buruk kerana mangsa selalunya mengasingkan dirinya daripada orang-orang yang rapat dengannya. Oleh hal yang demikian, ini akan menyebabkan mangsa untuk melakukan perkara-perkara yang negatif ke atas diri mereka. Contohnya, mangsa-mangsa yang melalui kemurungan tidak ada selera untuk makan kerana mereka terlalu tertekan dengan apa yang dikatakan oleh orang lain. Mangsa tidak akan dapat mengongsi masalah mereka kepada keluarga atau rakan-rakan yang rapat kerana perasaan malu. Pada hemat saya, kesihatan mangsa buli siber akan terjejas teruk. Jikalau kesihatan seseorang itu terjejas, keputusan peperiksaan mereka juga akan merosot secara drastik.

Kesan yang terakhir ialah buli siber akan menimbulkan trauma atau gangguan emosi kepada mangsa buli siber. Peristiwa yang buruk ini akan menimbulkan kegelisahan kepada mereka setiap kali mereka melungsur internet kerana mereka berasa fobia jikalau pisang akan berbuah dua kali. Isu ini menjadi lebih serius jikalau fikiran mangsa bercelaru dan mangsa akan memikirkan hal-hal yang negatif. Contohnya, jikalau seseorang mangsa diejek dengan panggilan yang negatif di alam siber mereka akan berasa trauma setiap kali mereka mahu melafazkan sesuatu di alam siber. Pada tanggapan saya, buli siber akan menimbulkan keresahan pada mangsa setiap kali mereka melungsur internet dan mereka akan hilang keyakinan diri.

Sebagai menggulung hujah-hujah yang telah diperkatakan di atas, buli siber sememangnya menimbulkan banyak kesan-kesan yang negatif terhadap mangsa pembulian ini. Saya mencadangkan agar semua anggota masyarakat berganding bahu dan bekerjasama “ ibarat aur dengan tebing” untuk mengatasi masalah buli siber. Saya berharap pengguna internet akan menggunakan kata-kata yang lebih positif dan konstruktif supaya lebih ramai orang akan hidup dengan selesa tanpa tekanan. Sekiranya, kita dapat merealisasikan cadangan tersebut kita boleh membuat bumi kita ini tempat yang lebih selamat untuk didiami. Bak kata pepatah, masyarakat bahagia, negara jaya!

Muhammad Faris Mirza Bin Muntoha (4 Emerald 1) (DSS)

Contoh 19

Penglibatan Dalam Kegiatan Luar Darjah Menjejaskan Pelajaran. Bincangkan.

Kegiatan luar darjah boleh ditakrifkan sebagai aktiviti kokurikulum yang dijalankan di luar kawasan bilik darjah selepas waktu pelajaran formal seperti pasukan berseragam, kelab sukan dan persatuan. Frasa “menjejaskan pelajaran” boleh didefinisikan sebagai kemerosotan dalam prestasi akademik. Akhir-akhir ini, kegiatan luar darjah amat ditekankan dan dititikberatkan oleh Kementerian Pendidikan kerana penglibatan pelajar dalam kegiatan luar darjah dapat melahirkan pelajar yang seimbang dari segi rohani dan jasmani. Penekanan terhadap kegiatan luar darjah telah menimbulkan keprihatinan ibu bapa dan juga guru-guru. Mereka menganggap kegiatan luar darjah menyebabkan tekanan kepada para pelajar dan menjejaskan tumpuan mereka terhadap bidang pelajaran yang merupakan kunci kejayaan. Pemerintah berpendapat bahawa kegiatan luar darjah harus diwajibkan kerana remaja ialah bakal pemimpin negara. Justeru, mereka bukan sahaja harus cemerlang dalam bidang akademik tetapi juga serba boleh. Bak kata pepatah “pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara.” Persoalannya, adakah penglibatan dalam kegiatan luar darjah menjejaskan pelajaran? Fikirkanlah, renungkanlah.

Saya bersetuju dengan pernyataan bahawa penglibatan dalam kegiatan luar darjah menjejaskan pelajaran tetapi tidak seratus-peratus. Alasan perdana ialah kegiatan luar darjah banyak membuang masa pelajar. Kegiatan luar darjah biasanya diadakan dua hingga tiga kali seminggu dan pelajar pelajar diwajibkan untuk menyertai kegiatan kokurikular. Apabila pelajar memberikan sepenuh tumpuan kepada kegiatan kokurikular, pelajaran mereka akan terjejas dan prestasi akademik mereka turut merosot akibat kegagalan mengimbangi antara pelajaran dan kegiatan luar darjah. Jika perkara ini berterusan, pelajar mungkin akan gagal dan tercicir dari sistem persekolahan.

Alasan seterusnya ialah ia membebankan para pelajar. Pelajar sentiasa diberikan tugas sekolah untuk diselesaikan di rumah. Malangnya mereka dibebani dengan tugas yang lain seperti aktiviti kokurikular selepas waktu pelajaran formal. Para pelajar yang memegang jawatan penting harus pandai mengimbangi masa antara pelajaran dan aktiviti kokurikular mereka. Mereka akan berjuang untuk menyelesaikan tugas sekolah yang bertimbun dan menjadi salah satu beban untuk digalas. Ibu bapa mereka pula akan menjadi risau melihat anak mereka yang mencuba untuk membahagikan masa antara aktiviti kokurikular dan tugas sekolah. Bak kata pepatah, “ berat mata memandang, berat lagi bahu memikul.”

Alasan selanjutnya ialah pelajar lebih mengutamakan kegiatan luar darjah daripada pelajaran. Sesetengah pelajar lebih suka meluangkan masa untuk kegiatan luar darjah sehingga mereka tidak sempat menyelesaikan kerja sekolah yang diberikan. Sebagai contoh, pelajar banyak memberikan alasan kepada

guru mereka bahawa mereka tidak sempat menyelesaikan kerja rumah oleh kerana aktiviti kokurikular mereka habis lewat. Tepuk dada, Tanya selera. Kita tidak seharusnya menyalahkan kegiatan luar darjah kerana ia merupakan tanggungjawab seorang pelajar untuk mengimbangi masa antara kegiatan luar darjah dan pelajaran. Bak kata pepatah, "alah bisa, tegal biasa."

Ironinya, penglibatan pelajar dalam kegiatan luar darjah tidak semestinya menjejaskan pelajaran. Kegiatan luar darjah dapat mengasah bakat kepemimpinan dalam diri para pelajar. Kegiatan luar darjah menyediakan banyak program yang mengajar pelajar untuk menggilap kemahiran dan bakat kepemimpinan mereka. Pelajar-pelajar dapat meraih nilai-nilai murni seperti berdisiplin dan hormat menghormati. Sebagai contoh, pelajar yang menyertai pasukan berseragam seperti Kadet Polis Kebangsaan dan Pasukan Kadet kebangsaan mampu memimpin pelajar-pelajar lain dalam pasukan mereka. Penglibatan pelajar dalam kegiatan luar darjah dapat memupuk daya kepemimpinan yang tinggi. Pelajar-pelajar akan meraih manfaat dengan menyertai kursus-kursus yang disediakan melalui kegiatan luar darjah.

Seterusnya, penglibatan pelajar dalam kegiatan luar darjah dapat memupuk nilai-nilai murni. Dengan melibatkan diri dalam kegiatan luar darjah, pelajar akan terdedah kepada nilai-nilai murni seperti berdisiplin, bertanggung jawab, taat setia dan lain-lain lagi. Sebagai contoh, pelajar harus berdisiplin apabila mereka sedang menjalankan aktiviti kokurikular mereka. Jika mereka terlewat, mereka akan didenda oleh ketua mereka. Dengan berbuat demikian, pelajar akan menjadi lebih terlatih untuk berdisiplin dan bersikap lebih bertanggung jawab terhadap diri sendiri jika tidak mahu didenda.

Natijahnya, walaupun saya akur bahawa kegiatan luar darjah ada kebaikannya, penglibatan pelajar dalam kegiatan luar darjah tetap akan menjejaskan pelajaran. Saya ingin mengesyorkan agar kegiatan luar darjah akan terus diwajibkan bagi semua pelajar. Harapan saya semoga pelajar akan meraih manfaat daripada kegiatan luar darjah. Saya pasti bahawa sekolah dapat membentuk pelajar-pelajar yang tinggi akhlakunya dan cemerlang dari segi pelajarannya. Akhir kata, jika pelajar pandai mengimbangi masa mereka, saya yakin mereka tidak akan kerugian dari segi pelajaran dan juga dari segi akhlak.

Nurin Irdina Binte Irrashshidin (3 Topaz) (DSS)

Contoh 20

Cara-cara Menggalak Remaja Meminati Sukan Lasak.

Meluncur di atas air, memanjat tembok, terjun 'bungjee' merupakan beberapa sukan lasak yang menarik tetapi mengerunkan. Walaupun sukan ini mula diminati remaja namun, bilangannya tidak begitu ramai. Masih terdapat remaja yang tidak menggemari aktiviti sukan lasak atas sebab-sebab tertentu. Ramai di antara mereka merasakan bahawa sukan lasak memenatkan, mencabar dan memerlukan tenaga serta kemahiran. Tersilap langkah, boleh membawa maut. Persoalannya, apakah cara-cara untuk menarik remaja meminati sukan lasak? Ayuh kita kupas selapis demi selapis.

Terdapat pelbagai cara untuk menarik remaja meminati sukan lasak. Cara yang pertama adalah, pihak sekolah boleh mengadakan pameran tentang sukan lasak. Contohnya, pihak sekolah boleh menjemput jurulatih daripada pelbagai aktiviti sukan lasak seperti, lumba basikal, berkayak, mendaki gunung, kembara, panjat tembok dan banyak lagi. Jurulatih yang dijemput boleh berkongsi pengetahuan dan manfaat-manfaat yang dapat diraih daripada penglibatan dalam sukan lasak. Penerangan yang dikongsi pasti dapat memberi gambaran yang lebih jelas kepada para pelajar tentang sukan lasak tertentu. Para pelajar yang dapat mengetahui lebih tentang pelbagai aktiviti sukan lasak dan akan berasa tertarik untuk mencuba.

Cara yang kedua ialah, peranan individu iaitu sikap remaja yang mahu mencuba perkara yang baharu. Bagi mereka yang tidak meminati sukan lasak atas pelbagai alasan harus mempunyai sikap ingin cuba perkara baru untuk meminati sesuatu. Contohnya, remaja yang berfikiran luas dan mempunyai sikap ingin cuba perkara baru selalu tahu apa yang mereka minati. Berbanding dengan, pelajar yang selalu enggan mencuba perkara yang baharu contohnya sukan lasak, mereka tidak akan tahu keseronokan sukan

tersebut dan akhirnya tidak meminati sukan lasak kerana tidak pasti akan keseronokan atau kebaikan aktiviti sukan lasak itu akibat enggan mencuba perkara baharu.

Cara yang ketiga ialah, remaja perlu ada sikap berani. Sukan lasak adalah aktiviti yang kadangkala bahaya dan mencabar. Untuk meminati sukan ini, remaja harus bersikap berani untuk mencuba. Contohnya, jika seorang remaja tidak berani untuk mencuba sukan lasak tidak akan timbul rasa minat kerana remaja tersebut takut untuk mencuba. Berbanding dengan seorang remaja yang berani mencuba walaupun bahaya dan mengerutkan, Remaja tersebut akan cuba menceburi dan mempelajari kemahiran untuk meminati sukan tersebut kerana telah mencubanya. Remaja tersebut juga dapat mengetahui keseronokan bermain sukan lasak akibat keberanian mencuba.

Cara yang keempat ialah dengan melibatkan ibu bapa remaja. Peranan ibu bapa juga amat penting untuk remaja-remaja meminati sukan lasak. Kebanyakan ibu bapa gemar mengajak anak mereka membeli-belah, makan malam, berjalan-jalan atau ke pusat berenang untuk meluangkan waktu bersama. Jarang dilihat ibu bapa membawa anak-anak mereka atau membenarkan anak mereka mencuba sukan lasak atas sebab aktiviti tersebut berbahaya. Jika ibu bapa mendedahkan anak mereka kepada sukan lasak, mungkin ramai remaja akan mencubanya. Contohnya, ibu bapa kepada seorang remaja boleh mengajaknya mencubai beberapa sukan lasak sebagai aktiviti keluarga. Sebagai contoh menaiki Go Kart, mendaki tembok, bermain papan gelungsur pada hari Ahad atau cuti umum. Dengan ini, remaja tersebut akan didedahkan kepada pelbagai sukan lasak. Justeru, mereka akan lebih matang, berilmu dan memiliki kemahiran memainkan sukan-sukan lasak.

Cara yang terakhir ialah peranan guru-guru pendidikan jasmani. Mereka boleh mengongsi kebaikan sukan lasak dengan para remaja di sekolah. Mereka juga harus meyakinkan para remaja bahawa sesiapa sahaja boleh melakukan sukan lasak. Selaku guru jasmani, mereka harus memastikan para pelajar mematahui arahan dan mengutamakan keselamatan sebelum bermain sukan lasak. Mereka juga harus meningkatkan keyakinan para remaja bahawa mereka boleh melakukan sukan lasak. Cara ini berkesan kerana guru-guru pendidikan jasmani berpengalaman dan pasti mereka mengetahui cara untuk menarik minat para remaja dengan berbual atau berkongsi pengalaman mereka bersama para remaja. Dengan ini, para remaja akan berasa lebih yakin untuk menceburi dan melakukan aktiviti sukan lasak jika guru mereka turut terlibat sama.

Jelas sekali, terdapat pelbagai cara untuk menarik remaja meminati sukan lasak. Pihak sekolah, ibu bapa, individu dan juga guru-guru memainkan peranan dalam menarik minat remaja mencuba sukan lasak. Kerjasama pelbagai pihak dapat membantu menarik minat remaja mencuba sukan lasak kerana sukan lasak bukan sekadar sukan tetapi sukan yang dapat meningkatkan keyakinan diri seseorang remaja, menguatkan kekuatan mental dan fizikal serta berfikiran positif. Selain itu, sukan lasak dapat mempertingkatkan jati diri remaja selain menjamin kesihatan remaja. Melibatkan diri dalam sukan lasak dapat mengelakkan remaja membuang masa dengan perkara-perkara yang tidak berfaedah seperti bermain telefon bimbit, menonton televisyen dan sebagainya. Akhir sekali, saya berharap lebih ramai lagi remaja bukan sahaja tertarik dengan sukan lasak tetapi menjadikan ia sebahagian hidup mereka.

Nur Natasha Bte Rizan (5-1) (HGV)

Contoh 21

Kamera video pengawasan di tempat-tempat awam mencerobohi kehidupan peribadi kita. Bincangkan.

Ramai yang menganggap Singapura sebagai sebuah negara yang selamat. Ini disebabkan kadar jenayah di Singapura yang agak rendah jika dibandingkan dengan negara-negara yang lain. Dengan adanya langkah-langkah keselamatan, kedua-dua golongan penduduk dan pelancong dapat rasa aman dan selamat semasa menetap di Singapura. Satu daripadanya ialah pemasangan kamera video pengawasan di estet-estet perumahan ataupun di dalam kereta di mana kamera tersebut mampu merakamkan kejadian di jalan raya. Namun begitu, persoalannya, adakah penggunaan atau pemasangan kamera sebegini di tempat-tempat awam mencerobohi kehidupan peribadi kita?

Objektif memasang kamera video pengawasan adalah untuk memastikan keselamatan orang ramai. Pihak pemerintah menggunakan teknologi untuk merakamkan hampir segala kejadian di tempat-tempat awam demi mencegah jenayah. Mereka tidak menyalahgunakan teknologi dengan motif memasuk campur dalam perihal peribadi orang awa. Oleh yang demikian, saya berpendapat bahawa kamera video pengawasan tidaklah mencero bohi kehidupan peribadi kita. Ini disebabkan melalui pemasangan kamera-kamera tersebut, orang-orang yang berada di tempat awam akan enggan melibatkan diri dalam aktiviti jenayah. Mereka akan mengelak daripada melakukan sedemikian kerana mereka tahu bahawa tindak-tanduk mereka sedang diperhatikan. Justeru, dengan kesedaran bahawa terdapat orang yang sedang memantau aksi serta tindakan mereka ketika berada di tempat awam, ramai orang yang akan mula rasa takut akibat kemungkinan dihukum atas kelakuan mereka. Kesannya, ramai yang akan berjaga-jaga semasa berada di tempat awam dan jauhan diri daripada melakukan aktiviti-aktiviti yang melanggar peraturan.

Selain itu, kamera-kamera dipasangkan di kolong blok estet-estet perumahan oleh pihak polis. Kamera-kamera tersebut bertujuan untuk menjamin ketenteraman estet-estet tersebut kerana ia merakamkan perbuatan para penduduk semasa mereka menggunakan tempat awam tersebut. Oleh itu, kamera-kamera yang dipasangkan dapat menimbulkan keperluan dalam kalangan para penduduk untuk bertindak sopan serta bertanggungjawab ketika berada di tempat-tempat awam. Mereka akan sedar yang setiap tindakan mereka dapat dilihat oleh pihak yang berkuasa dan ini akan menggalakkan mereka untuk tidak melanggar peraturan. Tambahan lagi, kamera sebegini juga dipasangkan di dalam lif awam untuk mencegah kes-kes jenayah. Mereka yang berniat jahat itu akan elak daripada melakukan aktiviti-aktiviti yang kurang beradab serta tidak sopan. Disebabkan pemasangan kamera tersebut, para pengguna tempat awam akan sedar untuk tidak melibatkan diri dalam aktiviti jenayah kerana tindakan mereka yang sedang dirakamkan ini boleh mendatangkan nasib yang malang, iaitu hukuman daripada pihak yang berkuasa. Dengan ini, kamera video di estet-estet perumahan bermanfaat kerana para pengguna tempat-tempat awam akan digalakkan untuk menjaga kelakonan mereka ketika berada di luar. Oleh yang demikian, pemasangan kamera pengawasan memang dapat menjaga kehidupan kita kerana ia menjamin ketenteraman di tempat-tempat awam dengan merendahkan kadar kes jenayah di Singapura.

Saya yakin yang dengan adanya kamera sebegini, para penduduk akan berasa lebih selamat kerana jika sesuatu jenayah itu berlaku, mereka dapat menangkap penjenayah itu menggunakan rakaman video pengawasan sebagai bukti dalam mahkamah. Penjenayah itu boleh dihukum sewajarnya disebabkan terdapat bukti yang mengaitkan dirinya dengan jenayah yang telah dilakukan. Dengan ini, selain terlibat dalam sebuah kes jenayah, kamera video pengawasan juga mampu memastikan keadilan bagi mereka yang terlibat dalam sebuah kes jenayah. Oleh demikian, saya berpendapat bahawa kamera sebegini tentu sekali bukan bertujuan mencero bohi kehidupan peribadi kita, malah ia sebenarnya membawa manfaat iaitu untuk memastikan ketenteraman dan keselamatan warga negara tidak terganggu.

Tambahan lagi, terdapat kamera video pengawasan yang dipasang di dalam kenderaan. Kamera-kamera ini merakamkan kejadian yang berlaku di jalan raya. Saya akur bahawa tindakan memasang kamera sebegini di dalam kenderaan itu merupakan sesuatu yang berfaedah. Saya berpendapat sedemikian kerana dengan rakaman yang dapat diperoleh daripada kamera sebegini, kita dapat mewujudkan suasana yang lebih selamat di jalan raya. Penggunaan rakaman itu sebagai bukti ketika sesuatu kemalangan terjadi, rakaman-rakaman juga dapat dilihat oleh semua para pengguna jalan raya. Rakaman-rakaman yang menunjukkan bagaimana sebuah kemalangan berlaku boleh mengerikan tetapi mereka yang melihatnya dapat mendapat tahu perkara yang sebenar. Ia dapat menentukan siapa yang bersalah dan patut lebih bertanggungjawab semasa menggunakan jalan raya.

Seterusnya, rakaman juga boleh memaparkan tindak-tanduk yang patut dicontohi. Ini termasuk tindakan para pemandu yang berbesar hati dan sanggup keluar daripada kenderaan mereka untuk menolong para pengguna jalan raya yang memerlukan bantuan. Sikap mulia ini memang jarang dilihat dalam generasi zaman kini. Ia tidak dapat dinafikan bahawa dalam dunia yang serba pesat, ramai daripada kita yang lebih mementingkan diri kita sendiri. Oleh demikian, saya percaya bahawa kamera video pengawasan ini mempunyai tujuan yang positif dan tidak mempunyai motif mencero bohi kehidupan kita masing-masing. Saya rasa yang kamera tersebut sebenarnya patut dipasangkan dalam kenderaan kerana ia dapat mengawasi kejadian-kejadian di jalan raya.

Malahan, kita bukan sahaja dapat menyiasat kes-kes kemalangan tetapi kita juga mampu mempelajari nilai-nilai murni. Dengan melihat tindakan-tindakan positif oleh para pemandu, para pengguna jalan raya yang lain akan tergerak hati untuk mencontohi perbuatan mereka. Lantaran itu, kita dapat membangunkan sebuah komuniti pengguna jalan raya yang bertimbang rasa serta baik hati. Apabila kelakuan mulia ini dirakamkan dan dimuatnaikkan ke media sosial, ramai yang akan terdedah kepada sikap yang patut mereka contohi semasa berada di jalan raya. Oleh demikian, saya berfikir bahawa pemasangan kamera video pengawasan itu sesuatu yang patut diteruskan kerana ia membawa kesan positif di jalan raya. Selain daripada menggalakkan sikap tanggungjawab dan ambil berat dalam para pengguna jalan raya, nilai-nilai murni ini juga dapat dibawa ke mana-mana. Saya yakin yang ia juga mampu melahirkan sebuah masyarakat yang penyayang dan kurang egoistik dan ini boleh bermula dengan contoh rakaman sikap mulia seorang pengguna jalan raya.

Walau bagaimanapun, tidak ada sebarang alat yang sempurna. Jika kamera video pengawasan yang dipasangkan dalam kenderaan itu disalahgunakan, ia tentu sekali boleh membawa padah kepada orang-orang yang terlibat. Pada zaman kini, teknologi semakin canggih. Oleh sebab itu, platform media sosial gemar digunakan orang ramai. Dengan adanya ruang yang sangat popular ini, berita dan khabar angin memang dapat disiarkan dengan cepat. Dengan ini, cerita serta kisah-kisah peribadi juga dapat dikongsi tanpa keizinan mereka yang terlibat. Rakaman-rakaman yang terdapat dalam kamera sebegini boleh dimuatnaikkan ke alam maya tanpa sebarang kebenaran dan oleh itu, masalah akan timbul kerana orang-orang yang terlibat akan ambil hati. Mereka akan tidak berpuas hati kerana ruang peribadi mereka sudah terganggu dan tidak dihormati.

Di Singapura, terdapat kisah-kisah di mana pergaduhan berlaku di jalan raya atau terdapat perselisihan faham antara pemandu teksi dan penunggang. Dalam senario-senario tersebut, kamera-kamera video pengawasan itu dapat merakamkan segala perbuatan dan tindakan yang berlaku. Oleh sebab demikian, apabila seseorang memuatnaikkan rakaman yang memaparkan kejadian kepada media sosial untuk mendapatkan perhatian atau untuk melepaskan kemarahan, tindakan mereka yang kurang rasional ini boleh membawa padah serta kesan yang buruk. Ini kerana apabila rakaman itu dimuatnaikkan dan ramai orang melihatnya, identiti orang-orang yang terlibat akan diketahui. Segala keburukan akan dikongsi dan dilihat ramai. Sesuatu yang patut diselesaikan antara pihak-pihak yang relevan sahaja, sekarang tersiar di internet di mana akan terdapat orang-orang yang akan siap tuduh-menuduh walaupun mereka tidak mengetahui cerita sepenuhnya.

Penggunaan kamera video pengawasan ini boleh menjadi sesuatu yang negatif kerana kejadian-kejadian yang berlaku di jalan raya boleh menjadi berita hangat dan menarik perhatian orang ramai. Saya percaya bahawa ini merupakan sesuatu yang negatif yang sering kita lihat di platform-platform media sosial seperti Facebook. Mereka yang terlihat dalam rakaman itu mungkin akan rasa malu atau marah. Mereka juga mungkin akan menerima komen-komen yang bakal menyinggung perasaan oleh orang-orang yang tidak terlibat dan oleh itu, tidak memahami situasi tersebut dengan jelas. Saya berpendapat bahawa kamera video pengawasan dapat mencerobohi kehidupan peribadi kerana apabila rakaman yang disiarkan ke media sosial itu menunjukkan pergaduhan atau konflik yang berlaku di jalan raya, isu itu bukan sahaja dibesarkan tetapi ia juga akan memalukan orang-orang yang ada di dalam video-video tersebut.

Tanpa persetujuan semua pihak terlibat, saya setuju bahawa bagi menghormati ruang peribadi satu sama lain, rakaman-rakaman sebegini patut disimpan supaya ia tidak menarik perhatian orang-orang yang tidak patut melihatnya. Ini akan memastikan yang kamera sebegini tidaklah berjaya mencerobohi kehidupan peribadi kita. Kita sepatutnya bertolak-ansur dan bukan membesarkan hal-hal yang kecil. Sewajibnya, kita patut menggunakan kedua-dua media sosial dan kamera video pengawasan dengan hati-hati supaya kita semua dapat bermanfaat daripadanya dan bukan mengikut perasaan. Jika kita tidak menyelesaikan masalah seperti konflik atau salah faham secara berterus terang dengan pihak yang terlibat, kita akan menarik perhatian yang tidak berfaedah atau diperlukan. Dengan itu, kamera video pengawasan akan dapat mencerobohi kehidupan kita.

Akhir sekali, kamera video pengawasan juga dipasang oleh pihak individu di halaman rumah mereka untuk memantau segala kejadian yang berlaku apabila mereka tidak ada di rumah. Mereka

menggunakannya sebagai langkah keselamatan yang dapat memastikan rumah mereka dapat diawasi walaupun mereka sudah pun keluar rumah. Namun begitu, sebagai sebuah ahli masyarakat, kita patut sedar bahawa tindakan kita boleh menjejaskan orang lain. Walaupun dilihat sebagai sebuah langkah demi menjaga keselamatan oleh diri kita sendiri, orang lain mungkin akan mempunyai reaksi dan pendapat yang bercanggahan. Mereka mungkin tidak setuju dengan pemasangan kamera video pengawasan peribadi kita kerana ia bertentangan dengan kemahuan mereka. Ia tidak dapat dinafikan bahawa walaupun kamera itu memastikan keselamatan kita sendiri tetapi ia mencerobohi ruang peribadi orang lain.

Contohnya, terdapat jiran-jiran saya yang memasang kamera sedemikian di luar rumah mereka. Tindakan mereka ini menimbulkan perselisihan faham antara jiran-jiran kerana kamera video itu merakamkan segala tindakan yang berlaku di koridor estet perumahan kami. Saya yang tinggal jauh daripada unit-unit yang menggunakan kamera sebegini tidak mempunyai masalah dengan pemasangan kamera mereka kerana merakamkan gerak-geri saya sekeluarga kecuali apabila kita lalu di hadapan rumah yang dimaksudkan. Namun begitu, bagi mereka yang tinggal bersebelahan dengan jiran-jiran yang menggunakan kamera video pengawasan, mereka telah menyuarakan kerisauan mereka kerana mereka tahu bahawa tindakan mereka semasa berada di koridor luar rumah mereka dapat dirakamkan dan diperhatikan. Mereka berpendapat bahawa ini sebenarnya kurang menyenangkan kerana jiran-jiran yang mempunyai rakaman-rakaman tersebut tidak sepatutnya melihat perbuatan peribadi atau tindakan seharian jiran mereka.

Saya dapat memahami perasaan mereka kerana mereka berhak mempertahankan kehidupan peribadi mereka dan apabila kamera-kamera itu dipasang bagi keselamatan seorang individu atau keluarga, ia dapat mencerobohi kehidupan peribadi orang lain. Saya percaya bahawa disebabkan keadaan perumahan di Singapura di mana kita hidup dekat dengan satu sama lain apabila kita menetap di flat-flat Lembaga Pembangunan Perumahan (HDB), kita perlu lebih bertimbang rasa dan berbincang dengan jiran-jiran dahulu sebelum kita memasang kamera sebegini. Kita patut mencapai persetujuan dengan semua jiran yang mungkin akan terkesan dengan tindakan kita dan jika kita tidak dapat mencapai sebuah persetujuan, kita patutlah pulang ke pokok persoalannya bak pepatah sesat di hujung jalan, balik ke pangkal jalan. Saya yakin yang dengan melakukan sedemikian, kita dapat elakkan diri daripada permasalahan dengan jiran-jiran tentang langkah keselamatan yang kita mahukan bagi diri kita sendiri. Saya akur bahawa kita masih boleh menjaga keselamatan tanpa mencerobohi keselamatan orang lain tetapi kita perlulah sentiasa bertimbang rasa dan saling menghormati. Jika tidak, akan timbul masalah pencerobohan kehidupan peribadi daripada penggunaan kamera video pengawasan yang kita pasang sendiri.

Secara kesimpulannya, saya percaya bahawa kamera video pengawasan itu diadakan dengan niat memanfaatkan golongan manusia. Saya akur bahawa teknologi yang menghasilkan kamera ini sesuatu inovasi yang berfaedah kerana ia banyak membantu manusia. Kita sebagai ahli masyarakat, haruslah menggunakan kamera video pengawasan dengan bertanggungjawab supaya ia tidak mencerobohi kehidupan peribadi kita, tetapi dapat memperbaiki mutu kehidupan kita semua. Saya berharap yang setiap pihak akan bekerjasama untuk memastikan yang kita tidak menyalahgunakan kamera-kamera video pengawasan kerana saya yakin yang ia boleh menjadi sebuah alat yang akan membawa kita maju ke hadapan akibat faedah yang ia mampu berikan. Saya pasti bahawa ia dapat menjadi sebuah kenyataan di mana kita memanfaatkan teknologi ini untuk membangun sebagai sebuah negara. Meskipun kecil, kamera video pengawasan mampu memberi impak yang besar iaitu keamanan, ketenteraman serta keharmonian dalam sesebuah masyarakat.

Julia Azura Bte Abdul Rahman (4E4) (SCSS)

Contoh 22

Menangani masalah remaja merupakan tanggungjawab semua. Setujukah kamu? Mengapah?

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, perkataan 'masalah' bermaksud sesuatu yang memerlukan penyelesaian, perkara atau keadaan yang menimbulkan kesukaran. Perkataan 'tanggungjawab' pula bermakna kewajiban yang dipikul atau ditanggung oleh seseorang. Kini, cara kehidupan menjadi semakin sibuk dan kompetitif. Dalam dunia yang serba moden ini, teknologi semakin

canggih dan ramai yang terdedah kepada pelbagai informasi dengan satu klik sahaja. Ini ditambah pula dengan kehidupan yang serba pantas dan kompetitif yang menimbulkan pelbagai masalah seperti tekanan dalam kalangan remaja. Persoalannya, siapakah yang bertanggungjawab untuk menangani masalah-masalah yang dihadapi remaja ini? Saya setuju bahawa menangani masalah remaja merupakan tanggungjawab dan peranan semua kerana remaja merupakan generasi yang seterusnya dan tentu sekali ia tanggungjawab semua untuk membimbing mereka.

Pihak pemerintah memainkan peranan dalam menangani masalah remaja kerana mereka bertanggungjawab untuk mencorak perangai remaja secara seluruh negara. Mereka mampu menetapkan polisi-polisi demi membantu remaja-remaja bermasalah secara mental dan fizikal serta menyelesaikan kesulitan mereka. Pihak pemerintah berkuasa untuk menubuhkan badan-badan tertentu bagi memberikan sokongan moral atau pertolongan kepada remaja-remaja yang bermasalah. Dengan ini, remaja dapat menerima bantuan yang lanjut dan spesifik bagi masalah masing-masing seperti bantuan kewangan, bantuan pemulihan penjenayah, nasihat dan sebagainya. Kesannya, remaja akan lebih positif dan yakin kerana terdapat pihak iaitu badan-badan tertentu, yang boleh membantu mereka dengan bekerjasama demi menangani masalah mereka. Selain menghulurkan bantuan, pihak pemerintah mempunyai hak untuk menetapkan undang-undang untuk mencegah jenayah-jenayah dan perbuatan-perbuatan tidak senonoh dalam kalangan remaja. Mereka dapat mengawal aktiviti-aktiviti secara dalam talian dengan menyekat laman web yang menggalakkan tindakan tidak elok.

Sebagai contoh, terdapat beberapa badan yang ditubuh oleh pihak pemerintah yang ditujukan kepada remaja seperti "Youth Guidance Outreach Services". Badan ini ditubuhkan untuk membantu remaja-remaja yang bermasalah di seluruh Singapura. Badan tersebut menawarkan khidmat kaunseling kepada belia berisiko. Oleh itu, ini dapat meringankan beban yang remaja alami serta menaikkan semangat mereka. Terdapat juga beberapa laman web yang dilarang di Singapura untuk mencegah perbuatan menonton bahan lucah. Salah satu undang-undang di Singapura iaitu menghisap rokok dan dadah bagi remaja merupakan satu jenayah di Singapura. Ini supaya mereka tidak melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang merosakkan diri mereka. Jelaslah pihak pemerintah berkuasa untuk mengawal aktiviti-aktiviti di negara dan oleh itu, mereka bertanggungjawab dalam menangani masalah.

Pihak sekolah juga bertanggungjawab dalam menangani masalah remaja kerana mereka memainkan peranan dalam mendidik remaja serta memupuk nilai-nilai murni dalam diri pelajar. Guru-guru di sekolah bukan sekadar pembimbing akademik tetapi juga rakan atau ibu bapa kedua kepada remaja. Guru dapat memberi sokongan moral dan motivasi kepada pelajar-pelajar serta berbincang dan sama-sama menyelesaikan masalah mereka. Mereka juga berperanan untuk memupuk nilai-nilai murni dalam diri para pelajar dan mendidik mereka tentang apa yang salah dan apa yang elok. Mereka patut menekankan tentang isu masalah remaja yang semakin meningkat supaya pelajar-pelajar tahu akan keseriusan isu-isu tersebut lalu akan mengelakkan diri daripada membuat perkara-perkara kurang elok. Dengan membimbing dan mendidik pelajar, para pelajar akan bersemangat untuk melakukan hanya perkara-perkara yang baik. Ini akan membangunkan sahsiah diri, memupuk akhlak yang murni serta melahirkan para pelajar yang berfikiran matang.

Contohnya, pihak sekolah boleh menjemput pihak polis ke sekolah untuk memberikan pembentangan tentang jenayah-jenayah yang biasanya dilakukan oleh remaja serta hukuman yang dikenakan. Ini akan meningkatkan kesedaran para pelajar tentang masalah-masalah remaja. Kesannya, remaja akan berfikir dua kali tentang melakukan jenayah. Selain itu, guru-guru patut awas dan tahu akan keadaan pelajar-pelajar mereka supaya jikalau ada masalah, guru boleh berbincang bersama murid untuk menyelesaikannya bersama-sama. Guru-guru boleh memberikan nasihat kepada pelajar yang bermasalah serta berjumpa mereka setiap hari untuk menanyakan mereka tentang keadaan mereka. Ini menunjukkan bahawa mereka mengambil berat tentang masalah pelajar-pelajar dan dapat meringankan apa-apa beban yang dipikul oleh remaja-remaja kerana mereka dapat berkongsi tentang masalah-masalah mereka dengan guru-guru mereka. Seterusnya, guru-guru boleh mengambil tindakan untuk membantu mereka. Disebabkan itu, pihak sekolah memainkan peranan dalam memantau keadaan pelajar lalu menangani masalah remaja.

Selanjutnya, ibu bapa juga bertanggungjawab kerana mereka merupakan orang-orang yang paling rapat dengan remaja lalu harus memberikan perhatian yang penuh terhadap anak-anak mereka. Ibu bapa dapat memantau keadaan anak mereka berkelakuan tidak senonoh. Mereka patut mendidik anak-anak mereka sejak kecil lagi bak kata pepatah melentur buluh biarlah dari rebungunya. Remaja-remaja ibarat kain putih dan ibu bapa yang mencorakkannya dengan menerapkan anak-anak mereka dengan nilai-nilai murni dan etika yang mereka seharusnya ada. Mereka perlu sentiasa memerhatikan gerak-geri anak-anak mereka supaya mereka tidak dipengaruhi dengan perbuatan yang negatif. Merekalah orang yang menasihati anak-anak mereka apabila anak-anak mereka berkongsi masalah-masalah mereka bersama mereka.

Sebagai contoh, ibu bapa boleh meluangkan masa bersama anak-anak mereka dengan makan malam bersama-sama, bersantai, berjalan-jalan dan membeli-belah. Implikasinya, ini akan mengeratkan silaturrahim antara ibu bapa dan anak-anak mereka lalu remaja-remaja akan berasa lebih selesa untuk menceritakan tentang masalah mereka kepada ibu bapa. Dari saat itu, ibu bapa pula boleh menasihati mereka, contohnya untuk berhenti bergaul bersama kawan-kawan yang berpengaruh negatif. Selain daripada itu, ibu bapa perlu menekankan kepada remaja-remaja tentang perbuatan yang kurang elok seperti merokok. Pada masa yang sama, mereka patut menjadi teladan yang baik kepada anak-anak mereka dengan tidak mengamalkan tabiat merokok supaya anak-anak mereka dapat menurut perbuatan elok ibu bapa mereka bak kata pepatah bagaimana acuan begitulah kuihnya. Dengan itu, remaja dapat mengenal pasti apa yang elok dan apa yang kurang baik daripada bimbingan dan nasihat ibu bapa. Oleh kerana ibu bapa merupakan pendidik, pemimpin, penjaga dan pengasuh kepada remaja, ibu bapa memainkan peranan penting dalam menangani masalah remaja.

Yang terakhir, peranan individu iaitu remaja-remaja sendiri juga bertanggungjawab kerana jika bukan mereka yang menyelesaikan masalah mereka, siapa lagi yang akan berkelakuan sedemikian? Mereka boleh bekerjasama dengan orang lain untuk mengambil langkah yang terbaik untuk menyelesaikan masalah mereka itu. Selaras dengan itu, mereka juga bertanggungjawab dalam memastikan yang mereka bergaul dengan rakan-rakan yang berpengaruh positif dan juga mengelakkan diri daripada membuat perkara-perkara tidak senonoh. Pada masa yang sama, mereka juga boleh memerhatikan kawan-kawan mereka yang lain jika mereka mempunyai masalah. Mereka boleh membantu remaja-remaja lain untuk menangani masalah mereka dengan memberikan nasihat, motivasi atau semangat kepada remaja-remaja lain yang bermasalah.

Misalnya, remaja-remaja boleh membantu rakan-rakan mereka yang mempunyai masalah di rumah dengan menunjukkan yang mereka mengambil berat tentang keadaan mereka. Mereka boleh mendengar apa yang mahu rakan-rakan mereka kongsi dahulu lalu memberi nasihat atau menemani mereka memberitahu seorang dewasa yang boleh dipercayai seperti guru atau kaunselor. Seajar dengan itu, jika mereka mendapati bahawa terdapat remaja-remaja yang melakukan perbuatan kurang elok seperti menghisap dadah atau merokok, mereka boleh melaporkan kejadian itu kepada pihak polis. Mereka dapat memberhentikan perbuatan-perbuatan yang kurang elok yang diamalkan oleh remaja-remaja. Dengan ini, mereka dapat mencegah masalah-masalah yang selalunya dihadapi oleh remaja daripada meningkat kerana mereka dapat membantu remaja mengatasi masalah mereka. Oleh itu, remaja bertanggungjawab atas diri mereka untuk mengelakkan diri daripada perbuatan tidak senonoh dan dapat membantu remaja-remaja lain yang bermasalah.

Secara kesimpulan, pada pendapat saya, tidak dapat dinafikan bahawa menangani masalah remaja merupakan tanggungjawab semua. Pihak pemerintah, pihak sekolah, ibu bapa dan pihak individu memainkan peranan masing-masing dalam menyelesaikan masalah remaja serta mencegah masalah-masalah itu daripada berleluasa. Semua pihak perlu bekerjasama bagi melahirkan remaja-remaja yang berfikiran matang agar dapat menyelesaikan masalah-masalah remaja. Ini penting kerana mereka yang akan menggantikan generasi kini. Merekalah golongan yang bakal memimpin negara kita dan kita patut membimbing mereka untuk mempersiapkan diri mereka bagi mengatasi masalah pada masa yang akan datang. Pemuda harapan bangsa, pemuda tiang negara.

Siti Zhuraifah Bte Mohamed K(4E3) (SCSS)

Contoh 19

Semangat gotong-royong kurang diamalkan dalam masyarakat Singapura kini. Setujukah kamu?

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, “gotong-royong” bermaksud tolong-menolong atau bantu-membantu. “Kurang diamalkan” pula boleh didefinisikan sebagai tidak begitu dipraktikkan atau dilaksanakan. Singapura merupakan negara yang berbilang bangsa dan kaum. Oleh itu, ia amat penting bagi masyarakat Singapura mempunyai semangat gotong-royong untuk memastikan kedamaian dan keharmonian dalam negara. Sedasawarsa ini, kehidupan rakyat Singapura menjadi semakin sibuk. Persoalannya, adakah semangat gotong-royong kurang diamalkan dalam kalangan masyarakat Singapura kini? Saya bersetuju dengan pernyataan ini kerana kini ramai orang terlalu sibuk sehingga tidak mempunyai masa dan tidak mementingkan orang lain untuk menjadi sebuah masyarakat bergotong-royong.

Pertama sekali, pihak pemerintah dan ibu bapa kurang menitikberatkan semangat gotong-royong dalam kalangan masyarakat Singapura. Apa yang dititikberatkan pada kedua-dua orang dewasa dan remaja ialah sikap bekerja keras untuk mencapai kecemerlangan. Bagi orang dewasa, mereka begitu fokus dalam mengejar bahan-bahan materialistik seperti wang, pangkat yang tinggi, kehidupan yang mewah dan sebagainya. Di tempat kerja mereka, pekerja-pekerja digalakkan untuk bekerja keras supaya tugas-tugas sendiri dapat dihabiskan dan syarikat mendapat keuntungan. Bagi kanak-kanak dan remaja pula, subjek-subjek seperti Sains, Matematik dan Inggeris ditekankan oleh pihak sekolah dan ibu bapa. Kesannya, masyarakat tidak mengetahui kepentingan untuk mempunyai semangat gotong-royong kerana terlalu mengejar aset lain. Oleh itu, mereka menganggap sikap bergotong-royong sebagai hal kecil lalu tidak mengamalkan sikap itu.

Sebagai contoh, saintis sudahpun membuktikan bahawa tabiat yang dipupuk sejak kecil lagi akan dibawa oleh seseorang anak sehingga dia sudah dewasa. Jika kanak-kanak dan remaja tidak dididik tentang semangat gotong-royong sejak awal lagi, tentu sekali apabila mereka dewasa nanti, mereka tidak akan biasa mengamalkan semangat gotong-royong. Lama-kelamaan, semangat gotong-royong akan pupus sehingga seluruh masyarakat juga tidak saling bantu-membantu. Oleh kerana semangat gotong-royong tidak ditekankan kepada masyarakat Singapura kini dan juga sejak kecil lagi, ia kurang diamalkan.

Seterusnya, masyarakat Singapura kini pesat berkembang dan serba pantas. Ramai orang perlu bergerak ke sana sini demi menghabiskan tugas yang diberikan kepada mereka. Ibu bapa terpaksa berlumba dengan masa untuk mencari wang dan menyara kehidupan keluarga mereka. Anak-anak pula mempunyai banyak tugas sekolah dan sibuk dengan pencapaian akademik mereka. Masyarakat sekarang memiliki gaya hidup yang sibuk lalu tidak mempunyai masa untuk bekerjasama dengan orang lain. Interaksi antara orang-orang berkurangan. Kesannya, orang menjadi lebih jauh dan kurang rapat. Dengan kepentingan yang berbeza dan masa yang tidak mencukupi, amat sukar bagi ahli masyarakat bersatu-padu. Bukan kerana mereka tidak mahu tetapi kerana tidak boleh bergotong-royong disebabkan masa yang begitu suntuk sekali.

Misalnya, rutin biasa kebanyakan rakyat Singapura adalah sebegini: bangun, ke kerja atau sekolah pada awal pagi, pulang ke rumah lewat, selesaikan tugas sekolah atau kerja, tidur dan mengulangi rutিনnya pada keesokan hari. Masa amat suntuk sehingga tidak mempunyai masa bagi aktiviti-aktiviti yang menggalakkan semangat gotong-royong. Jika terdapat masa lapang, selalunya, masa itu digunakan untuk mengulang kaji atau berehat. Lantas, ia menjadi lebih susah bagi mengamalkan semangat gotong-royong sebagai satu masyarakat disebabkan gaya hidup yang sibuk.

Selain itu, ramai orang sekarang bersifat individualistik dan mereka hanya mementingkan diri sendiri. Ibarat seperti enau dalam belukar melepaskan pucuk. Kini, kami hanya mahu mencapai sesuatu untuk diri kami dan ini telah menghalang kami daripada membantu orang lain kerana kami lokek ilmu dan tenaga. Kami mahu memilih jalan pintas tanpa memikirkan tentang orang lain demi mencapai kemahuan kami kerana pencapaian-pencapaian ini yang akan menaikkan taraf sosial kami. Kami cenderung untuk bersaing supaya kami boleh mendapatkan taraf sosial yang lebih tinggi daripada orang lain. Disebabkan itu, kami kurang bergotong-royong sebagai masyarakat dan mengambil berat tentang orang lain serta

hanya akan membantu mereka jika ia memanfaatkan diri kami. Kami juga mungkin terasa bahawa sesuatu situasi itu tidak memerlukan bantuan kami jika ia tidak menimbulkan apa-apa malapetaka.

Sebagai contoh, sejak berada di sekolah rendah, para pelajar dididik untuk mencapai prestasi yang cemerlang dan mengatasi antara satu sama lain menerusi proses 'streaming' di mana mereka ditempatkan dalam sesuatu aliran menurut prestasi mereka seperti Ekspres, Normal Adakemik dan Normal Teknikal. Sistem sedemikian mendorong mereka untuk mempunyai pemikiran seperti 'Aku menang, kau kalah' dan begitu juga sebaliknya. Kesannya, tiada orang yang akan mahu menyumbang kepada kejayaan seseorang disebabkan sikap mementingkan diri sendiri mereka. Oleh kerana ramai dalam kalangan masyarakat bersifat individualistik, mereka tidak sanggup membantu orang lain dan bergotong-royong.

Namun, ada yang tidak akan bersetuju dengan pendapat saya kerana terdapat beberapa usaha dan platform yang telah dilaksanakan, yang berjaya menyemai semangat gotong-royong dalam kalangan masyarakat. Pihak pemerintah telahpun menganjurkan beberapa acara dan aktiviti di mana rakyat Singapura daripada pelbagai bangsa dan agama, bersatu-padu. Usaha-usaha itu mempunyai aktiviti yang berlainan tetapi kebanyakan acara-acara tersebut selalunya bertujuan untuk menolong mereka yang memerlukan bantuan. Acara-acara itu membolehkan penduduk-penduduk untuk menyumbang kepada masyarakat sebagai satu kumpulan atau masyarakat dengan bekerjasama.

Apabila mereka bekerjasama, mereka akan berkenalan antara satu sama lain lalu persahabatan baharu akan terjalin. Pada masa yang sama, mereka dapat menyumbang kemahiran dan kepakaran yang mereka miliki untuk membantu mereka yang kurang berkemampuan. Dengan melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan, secara tidak langsung, mereka akan lebih bersyukur dengan apa yang mereka ada dan orang yang dibantu akan berasa seperti mereka sebahagian daripada masyarakat Singapura. Terdapat ramai penduduk yang telah menyertai aktiviti kemasyarakatan yang dianjurkan oleh pihak pemerintah, pihak sekolah atau kelab masyarakat. Penganjur-penganjur aktiviti-aktiviti itu berjaya memenuhi objektif mereka.

Sebagai contoh, beberapa minggu lalu, kelab masyarakat di estet perumahan Woodlands telah menganjurkan sebuah aktiviti di mana penduduk boleh menghias kolong blok, secara sukarela, sebagai persiapan untuk Hari Kebangsaan Singapura yang ke-52 tahun. Ramai penduduk telah berborak bersama sukarelawan di kolong blok. Ini jelas menunjukkan bahawa penduduk-penduduk telah bergotong-royong melalui aktiviti tersebut. Selain itu, jumlah sukarelawan di banyak hospital di merata Singapura semakin bertambah. Di hospital, para sukarelawan, doktor dan jururawat berkumpul dan menjadi lebih rapat setelah berborak dan berbincang antara satu sama lain. Mereka telah menggembirakan para pesakit dan membantu jika kaki tangan di hospital tidak mencukupi. Oleh kerana itu, ramai berpendapat bahawa aktiviti-aktiviti yang telah dianjurkan membolehkan para penduduk untuk bersatu padu dan menyumbang kepada masyarakat.

Secara keseluruhan, tidak boleh dinafikan bahawa semangat gotong-royong memang kurang diamalkan dalam masyarakat Singapura. Ini kerana gaya hidup penduduk Singapura yang semakin sibuk sehingga tidak mempunyai masa untuk melibatkan diri dalam aktiviti gotong-royong. Pada pendapat saya, ia amat penting bagi masyarakat Singapura untuk bergotong-royong supaya semua orang dalam kalangan masyarakat berasa seperti mereka sebahagian daripada Singapura dan tidak dipulaukan. Saya harap semua orang akan memainkan peranan masing-masing untuk melestarikan semangat gotong-royong supaya negara Singapura boleh maju. Perpaduan sebuah negara akan membawa kejayaan dan kemajuan kepada negara itu. Jika rakyat Singapura bergotong-royong, pasti Singapura akan maju ke hadapan dan mencapai cita-cita dan kejayaan yang mulia.

Julia Azura Bte Abdul Rahman (4E4)(SCSS)

Contoh 20

Kebaikan dan Keburukan Melancong Di Negara Sendiri.

Kata orang, "Jauh berjalan, luas pandangan" yang bermaksud semakin banyak kita mengembara, maka semakin banyaklah pengalaman yang ditimba. Mutakhir ini, ramai rakyat Singapura yang suka melancong ke luar negara untuk melihat budaya dan rupa bentuk bumi negara orang. Kesannya, ekonomi

negara kita sendiri terjejas teruk lebih-lebih lagi dengan penularan Covid-19. Persoalannya, wajarkah kita mengeneipkan destinasi pelancongan di negara kita sendiri apabila berhajat untuk berdarmawisata? Apakah kebaikan dan keburukan melancong di negara sendiri.

Kebaikan yang perdana, kita berpeluang untuk mengenali dengan lebih dekat akan destinasi pelancongan, kebudayaan, dan warisan negara. Tamsilannya, negara kita kaya dengan pelbagai tempat-tempat menarik seperti Taman Haiwan Mandai, Marina Bay Sands, Sentosa, Gardens By The Bay dan lain-lain lagi. Sementara itu, masyarakat majmuk di negara kita telah mewujudkan kepelbagaian budaya dari segi kesenian, perayaan, dan makanan. Dengan kata lain, kita akan lebih memahami budaya dan adat resam pelbagai kaum rakyat Singapura jika melancong dalam negara sendiri. Oleh yang demikian, akan timbullah perasaan bangga dan cinta akan tanah air.

Di samping itu, pertambahan bilangan pelancong domestik mampu menjana pertumbuhan ekonomi negara. Hal ini, secara tidak langsung akan menambah peluang pekerjaan dan perniagaan. Misalnya, industri perhotelan, taman tema, restoran, dan pusat beli-belah akan menawarkan banyak peluang pekerjaan dan perniagaan jika sektor ini berkembang. Pelbagai bidang kerjaya boleh dicipta daripada bahagian pengurusan hinggalah ke bahagian khidmat pelanggan. Buktinya, sektor pelancongan telah berjaya menjana pendapatan yang berjuta dolar pada tahun-tahun sebelum timbulnya pandemik Covid-19. Natijahnya, kita tidak boleh terlalu bergantung kepada kemasukan pelancong asing yang dipengaruhi oleh banyak faktor seperti wabak penyakit Covid-19. Tuntasnya, pelancong tempatan memberikan impak yang besar kepada kemajuan industri pelancongan domestik.

Seterusnya, kita dapat juga menjimatkan kos. Realitinya, jika berhajat untuk melancong ke luar negara, kita memerlukan bajet yang besar untuk tambang pengangkutan, tempat penginapan, dan makan minum. Hal ini, akan lebih membebankan jika melibatkan kadar tukaran wang kerana kadang kala negara yang ingin kita lawati, kadar tukaran wangnya lebih tinggi daripada mata wang kita misalnya, Jepun, Korea, dan Britain. Kelebihan yang kita peroleh apabila melancong dalam negara ialah kita diberikan potongan harga atau diskaun oleh pihak hotel atau pihak pengurusan taman tema. Deduksinya, jika hendak melancong ukurlah baju di badan sendiri kerana jika kita melancong dalam negara, kita tidak perlu berbelanja besar.

Antara keburukan melancong di negara sendiri ialah kita tidak boleh menambahkan pengalaman. Contohnya, pengalaman menaiki kapal terbang adalah sangat menarik hati. Kita tidak dapat merasai pengalaman ketika berada di kawasan pemeriksaan kastam atau imigresen di lapangan terbang. Semasa di dalam kapal terbang, biasanya penumpang tidak boleh membawa beg yang beratnya melebihi 25 kilogram dan juga tidak boleh membawa barang-barang yang dilarang seperti cecair, makanan, senjata tajam dan lain-lain. Pengalaman ini akan menjadi panduan sehingga kita dewasa.

Keburukan selanjutnya ialah kita tidak dapat menambahkan ilmu pengetahuan. Apabila kita ke luar negara, kita akan pergi ke tempat yang belum pernah kita kunjungi. Contohnya, jika kita ke Indonesia, kita boleh berkunjung ke tempat-tempat bersejarah seperti Candi Borobudur, Pulau Bali, Lombok dan lain-lain lagi. Jika kita seorang pelajar, kita perlu membuat catatan dan membuat bertanya kepada pegawai yang bertugas di tempat tersebut, Pengetahuan tersebut boleh dijadikan bahan maklumat kepada kita.

Konklusinya, melancong di negara sendiri mampu memacu kepada iklim ekonomi yang memberangsangkan. Saya mencadangkan agar waraga Singapura akan menyokong usaha pemerintah untuk memajukan industri pelancongan negara. Saya berharap kita dapat menyemai semangat patriotik yang seterusnya memperkukuh jati diri rakyat tempatan. Oleh itu, pelbagai prakarsa untuk memajukan industri pelancongan domestik haruslah dijalankan. Akhirul kalam, melanconglah di negara sendiri demi penakatan negara.

Pathmadharshini (DSS)

Contoh 21

Usaha-usaha untuk membantu golongan yang kurang bernasib baik di Singapura.

Menurut Kamus Dewan, bernasib baik bermaksud mendapat keuntungan. Definisi golongan yang kurang bernasib ialah mereka yang miskin, OKU, warga emas, pesakit kronik dan sebagainya. Akhir-akhir ini, seluruh pelusok benua termasuk Singapura dilanda dengan masalah covid-19. Oleh itu, semakin ramai penduduk Singapura yang tersenarai dalam golongan yang kurang bernasib baik disebabkan kehilangan pekerjaan, tempat tinggal, ketidakmampuan menyara keperluan keluarga dan sebagainya. Persoalannya, apakah usaha-usaha untuk membantu golongan yang kurang bernasib baik di Singapura? Ayuh, kita kupas bersama.

Usaha pertama ialah melalui sokongan padu setiap ibu bapa di Singapura tidak kira agama mahupun bangsa. Ibu bapa boleh membantu golongan kurang bernasib melalui pelbagai cara seperti menderma dan melibatkan diri dan ahli keluarga dalam acara membantu golongan yang kurang bernasib baik. Selain itu, mereka harus mendidik anak-anak mereka untuk saling membantu golongan ini dengan ikhlas. Sebagai contoh, mereka boleh membawa anak-anak mereka ke acara-acara amal yang mempunyai objektif untuk meningkatkan kesedaran tentang golongan kurang bernasib. Malah, melalui derma yang diberikan kepada badan-badan kebajikan seperti Ain Society dapat membantu golongan pesakit barah yang memerlukan wang yang banyak bagi rawatan perubatan mereka. Ini dapat meringankan beban mereka.

Usaha kedua, pihak sekolah telah mengadakan aktiviti-aktiviti amal untuk pelajar-pelajar sebagai aktiviti yang wajib disertai. Sebagai contoh, pihak sekolah boleh mengadakan aktiviti mengumpul surat khabar dan barang yang boleh dikitar semula. Selepas itu, mereka akan menjual barang-barang kitar semula dan memberikan derma tersebut kepada organisasi-organisasi yang boleh mengedarkan dana kepada golongan yang memerlukan. Sebagai contoh Sekolah Menengah Hillgrove telah mengadakan aktiviti "Kapten Hijau".

Objektif aktiviti ini adalah untuk mengumpulkan barang kitar semula di pelbagai kawasan kejiranan untuk dijual dan didermakan kepada golongan yang kurang bernasib. Aktiviti ini diadakan pada hari Sabtu, sekali setahun bagi pelajar Menengah Dua. Selain daripada itu, pihak sekolah telah memberi sumbangan wang, pakaian dan makanan. Pelajar-pelajar digalakkan mendermakan pakaian yang masih elok, makanan-makanan kering seperti biskut, beras, gula, makanan-makanan dalam tin, mi segera atau wang secara ikhlas. Ini juga memberi memfaat kepada golongan yang kurang bernasib kerana mereka dibantu dan diberikan barang-barang keperluan. Ini merupakan salah satu usaha murni pihak sekolah membantu golongan yang kurang bernasib baik.

Usaha ketiga, pemerintah telah membantu golongan yang kurang bernasib dengan mengadakan skim-skim kewangan untuk membantu mereka yang kurang bernasib baik. Sebagai contoh, skim FAS (Skim Bantuan Kewangan) diadakan untuk membantu murid-murid yang memerlukan bantuan kewangan. Skim ini dapat menolong keluarga murid-murid untuk membayar yuran sekolah, memberikan duit sekolah, seragam dan buku-buku sekolah secara percuma. Mereka hanya boleh dibantu oleh skim ini jika gaji yang diterima ibu bapa mereka tidak begitu mencukupi untuk menanggung yuran-yuran sekolah.

Ini dapat meringankan beban yang dihadapi untuk membayar yuran. Selain daripada itu, ada juga skim-skim lain yang khas untuk pekerja dan orang tua di Singapura. Sebagai contoh, untuk orang tua, ada skim-skim seperti Peningkatan Untuk Orang Tua Aktif (EASE), Dana Mobiliti dan Bantuan Warga Emas (SMF), Skim Bantuan Kecacatan Sementara (IDAPE), Skim Bantuan Ketidakupayaan Generasi Perintis (PioneerDAS), Dana Teknologi Bantuan (ATF) dan Eldersshield. Dengan mengadakan skim-skim bantuan kewangan yang berbeza untuk semua usia, golongan yang kurang bernasib baik boleh dibantu melalui usaha pemerintah.

Akhir sekali, pihak individu boleh menggunakan media sosial untuk meningkatkan kesedaran kepada orang awam tentang golongan yang kurang bernasib baik. Sebagai contoh, mereka boleh membuka akaun media sosial untuk memuatnaikkan maklumat-maklumat tentang cara-cara untuk

membantu golongan yang kurang bernasib. Maklumat-maklumat seperti di manakah untuk menderma, masa aktiviti-aktiviti menderma dan tempat menderma. Apabila individu-individu membuat sedemikian, orang awam akan lebih sedar tentang golongan kurang bernasib dan akan membantu mereka. Usaha pihak individu ini dapat meringan beban golongan yang kurang bernasib baik kerana adanya arus derma daripada orang awam yang dibuat secara online.

Selain itu, pihak pemerintah juga telah bekerjasama dengan MediaCorp dan SPH untuk mengadakan konsert-konsert amal seperti 'Presiden Challenge', 'Tabung Aidil Fitri', Dana Amal Ain Society dan sebagainya yang dijalankan setiap tahun. Pungutan dana daripada aktiviti-aktiviti ini diagih kepada badan-badan kebajikan serata Singapura. Usaha murni ini telah banyak membantu golongan kurang bernasib baik di Singapura. Selain meringankan beban ia memastikan masa depan anak-anak mereka terjamin. Usaha murni ini berjaya kerana adanya sokongan padu daripada semua lapisan masyarakat, agama dan bangsa Singapura.

Hakikatnya, banyak usaha telah diambil untuk membantu golongan yang kurang bernasib di Singapura. Walaupun ramai telah cuba untuk membantu, ia memerlukan usaha daripada semua pihak untuk memastikan ia berkesan. Rakyat Singapura harus bekerja keras untuk membantu golongan yang kurang bernasib untuk memastikan mereka tidak terjejas dengan masalah kewangan dan dapat menjalankan aktiviti-aktiviti harian dengan baik. Sesungguhnya, masyarakat penyayang membantu kemakmuran negara. Hidup Singapura!.

Umi Aidatul Sofiana Bte Mohd Rozaini (3-6) (HGV)

Contoh 22

Usaha-usaha untuk membantu golongan yang kurang bernasib baik.

"Kita harus cuba segala upaya untuk membantu orang-orang yang kurang bernasib baik dalam masyarakat Singapura dari segi kewangan, kesihatan dan lain-lain. Kita tidak boleh duduk berdiam diri dan membiarkan masalah ini berterusan." Menurut pandangan Perdana Menteri Singapura, Encik Lee Hsien Loong, semasa membincangkan kehidupan populasi pekerja dan orang-orang yang kurang bernasib baik di Singapura yang terjejas akibat pandemik Covid-19 ini. Akhir-akhir ini, ekonomi seluruh dunia termasuk Singapura terjejas disebabkan oleh pasaran saham yang lembab dan perdagangan sedunia yang tidak lancar. Mengikuti masalah ekonomi yang semakin merisaukan ini, kehidupan semua orang terjejas terutama sekali golongan yang kurang bernasib baik. Musibah ini telah meningkatkan kebimbangan Presiden Singapura dan para menteri untuk berusaha mencari jalan penyelesaian bagi mengatasi masalah ini. Persoalannya, apakah usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk membantu golongan yang kurang bernasib baik dalam masa krisis ini? Ayuh kita kupas bersama, selapis demi selapis.

Usaha perdana ialah melalui pihak pemerintah. Memandangkan pihak pemerintah mempunyai kuasa dan sumber wang untuk membantu rakyatnya sendiri, pihak pemerintah telah menggunakan wang tersebut untuk membantu golongan yang kurang bernasib baik dari segi kewangan, kesihatan dan sebagainya. Sebagai contoh, pemerintah telah memperuntukkan sejumlah wang perbelanjaan bulanan kepada mereka yang tidak mempunyai pekerjaan atau mempunyai pendapatan setahun yang rendah.

Dalam keadaan yang tidak menentu ini, ramai yang tidak mampu untuk membeli barang-barang keperluan seharian seperti beras, susu, gula dan sebagainya. Begitu juga keperluan bayi bagi keluarga yang mempunyai anak kerana ada yang telah dibuang kerja disebabkan syarikat mereka tidak lagi mampu untuk membayar gaji. Ini sekaligus menjejaskan kemampuan mereka menampung kos keperluan seharian mereka sekeluarga.

Dengan memberikan wang perbelanjaan bulanan kepada golongan yang kurang bernasib baik dapat membantu meringankan beban mereka dan memastikan terdapat makanan yang tersedia di atas meja untuk mereka meneruskan kehidupan dan rutin seharian mereka dengan lebih baik.

Malah, bukan itu sahaja, pihak pemerintah juga boleh memberikan pemeriksaan perubatan percuma kepada golongan yang kurang bernasib baik ini. Yang jelas, pihak pemerintah telah melancarkan

skim 'CHAS' pada tahun 2019 di mana setiap warganegara Singapura akan mendapat kad yang bertanda 'CHAS' yang membenarkan mereka untuk mendapat subsidi bagi kos bayaran klinik dan hospital. Dengan tindakan bijak pemerintah, semua penduduk Singapura terutama golongan yang kurang bernasib baik akan dapat membuat pemeriksaan perubatan di klinik dengan kos bayaran lebih berpatutan.

Usaha kedua ialah melalui pihak sekolah. Pihak sekolah boleh melakarkan sebuah pemacu sumbangan makanan bernama 'Foods for Souls'. Semasa sesi perhimpunan, Pengetua Sekolah akan membuat pengumuman tentang pemacu sumbangan yang akan diadakan di sekolah dan para pelajar serta para guru akan digalakkan untuk menderma makanan seperti makanan yang bertin, biskut, mi instan, beras, kopi instan, Milo dan lain-lain. Barangan makanan yang telah dikumpulkan ini akan dibungkus dalam bungkusan atau hamper dan dihantar ke kelab masyarakat berdekatan dengan sekolah masing-masing untuk diedarkan kepada golongan yang kurang bernasib baik di kawasan perumahan tersebut. Dengan berbuat sedemikian, golongan yang kurang bernasib baik seperti ibu tunggal, warga emas yang duduk bersendirian akan mendapat bekalan makanan yang mencukupi bagi setiap bulan. Usaha ini juga dapat meringankan lagi beban yang dipikul oleh golongan yang kurang bernasib baik ini.

Usaha ketiga ialah melalui pihak badan-badan Islam iaitu MUIS, AMP, Mendaki dan sebagainya. Badan-badan Islam ini boleh membantu golongan yang kurang bernasib baik dari segi pendidikan baik agama mahupun sekular. Sebagai contoh, pihak Mendaki boleh membantu dengan menyediakan perkhidmatan kelas tuisyen secara percuma bagi anak-anak golongan kurang bernasib baik. Ini kerana ramai anak-anak dari keluarga kurang bernasib baik menghadapi masalah belajar. Keadaan kehidupan yang daif menyebabkan pelajaran mereka terjejas. Bantuan daripada badan-badan Islam pasti dapat membantu meringankan kos persekolahan anak-anak mereka.

Usaha keempat ialah melalui pihak media massa seperti Mediacorp dan stesen-stesen radio Singapura seperti Warna 94.2 FM boleh bekerjasama dengan mengadakan sebuah pemacu derma untuk mengumpul dana bagi golongan yang kurang bernasib baik. Stesen-stesen radio seperti Warna, Ria, Olie dan sebagainya boleh menguar-uarkan projek dana Mediacorp yang berjudul 'Tangan Yang Memberi'. Di sini, orang ramai boleh menghubungi mediacorp atau menderma secara online kepada badan amal yang terlibat dalam pemacu derma ini.

Tambahan pula, Mediacorp boleh mengadakan sebuah persembahan secara langsung untuk membantu mengumpulkan dana bagi pemacu derma 'Tangan Yang Memberi'. Usaha mengumpulkan dana melalui persembahan ini amat mudah, semua hasil daripada pembelian tiket yang berharga 15 dolar akan diberikan kepada pemacu derma 'Tangan Yang Memberi'. Dana yang telah dikumpulkan akan diberikan kepada semua golongan yang kurang bernasib di Singapura. Dengan berbuat sedemikian, golongan ini pasti dibekalkan dengan jumlah wang yang mencukupi untuk sara hidup mereka.

Usaha yang terakhir ialah melalui pihak individu. Sebenarnya, ada banyak cara bagi seorang individu untuk membantu golongan yang kurang bernasib baik yang wujud di sekeliling mereka. Satu usaha yang boleh dilakukan oleh individu ialah menderma kepada badan-badan amal atau pemacu derma yang berusaha mengumpulkan dana untuk membantu golongan yang memerlukan dan kurang bernasib baik.

Seorang individu tidak diwajibkan atau perlu menderma jumlah wang yang besar tetapi sebagai seorang individu, kita tidak harus mengharap ganjaran atas dermaan kita malah kita harus menderma dengan ikhlas dari hati tidak kira jumlah yang kita berikan, itu yang paling penting.

Lagi satu usaha yang boleh dilakukan oleh pihak individu ialah mendermakan masa dan tenaga. Usaha ini pasti dapat memberi manfaat kepada golongan yang kurang bernasib baik secara amnya. Sebagai contoh meluangkan masa di masjid atau di kelab masyarakat untuk menjalankan kelas bantuan pendidikan secara percuma bagi anak-anak golongan yang memerlukan. ini dapat memastikan masa mereka terluang dengan perkara-perkara yang berfaedah dan baik.

Natijahnya, terdapat banyak usaha yang boleh dilakukan oleh pihak pemerintah, sekolah, badan-badan Islam, media massa dan individu untuk membantu golongan yang kurang bernasib baik di Singapura dan dalam masyarakat kita. Usaha-usaha daripada semua pihak ini bukan sahaja sesuatu kebaikan kepada

golongan yang kurang bernasib baik malah ia juga satu cara untuk mengingatkan kita bahawa ada segelintir orang di luar sana yang sentiasa memerlukan bantuan kita jadi kita harus berusaha untuk menghulurkan tangan untuk membantu orang yang memerlukan di sekeliling mereka tidak kira betapa besarnya sumbangan kita, keikhlasan dalam melaksanakannya adalah yang paling penting. Harapan saya ialah semua pihak ini terus berusaha untuk membantu dan meringankan lagi beban yang dipikul oleh para penduduk Singapura yang kurang bernasib baik agar kita akan dapat hidup dengan harmoni dan gembira tanpa sebarang masalah. Saya yakin matlamat ini akan tercapai satu hari nanti dan ia akan menjadi suatu kejayaan yang paling membanggakan rakyat Singapura.

Ataullah Zaky Bin Rahim (3-9)(HGV)

Contoh 23

Usaha-usaha untuk membantu golongan yang kurang bernasib baik di Singapura

Singapura dikenali sebagai salah sebuah negara yang terkaya di dunia. Singapura makmur dan berjaya dalam pelbagai sektor. Menurut Kementerian Perdagangan dan Perusahaan (MTI), laporan telah menunjukkan bahawa Hasil Dalam Negeri Kasar (GDP) Singapura telah mencapai USD\$364.2 billion pada tahun 2018. Ini telah menempatkan Singapura pada kedudukan keempat yang tertinggi antara negara-negara terkaya di dunia. Disebabkan itu, kos pembelajaran gaya hidup di Singapura agak mahal. Ramai warga Singapura dapat mengamalkan gaya hidup sebegitu tetapi ada juga segelintir yang ternyata tidak mampu. Kenaikan kos sara hidup telah membebankan mereka dan menyebabkan mereka dikecualikan daripada proses pembangunan dan pemodenan negara. Namun demikian, pemerintah Singapura dan pertubuhan-pertubuhan yang lain telah banyak berikhtiar untuk membantu golongan yang kurang bernasib baik ini supaya mereka dapat berintegritas dan tidak tertinggal. Dalam karangan ini, saya akan mengupas usaha-usaha yang telah diambil oleh Singapura untuk membantu kumpulan ini.

Antara usaha yang telah dilaksanakan ialah untuk meleluaskan peluang untuk mencari kerja dan menaik tarafkan kemahiran yang ada. Segelintir warga Singapura sukar untuk mencari kerja kerana tidak ada sijil-sijil ataupun kemahiran yang tertentu. Justeru, mereka ada masalah untuk mencari pendapatan untuk menampung keluarga mereka. Lagi-lagi jikalau hanya ada seorang sahaja yang mencari nafkah. Oleh sebab itu, kerajaan Singapura telah melaksanakan portal Skillsfuture. Ia sebuah gerakan nasional untuk memberi warga Singapura peluang untuk mengembangkan potensi penuh mereka sepanjang hidup, tanpa mengira titik permulaan mereka. Melalui gerakan ini, kemahiran, semangat dan sumbangan setiap individu akan mendorong fasa pembangunan Singapura seterusnya ke arah ekonomi maju dan masyarakat inklusif. Warga Singapura berumur 25 keatas diberikan kredit berjumlah \$500 untuk menyertai kursus-kursus dalam talian atau kursus-kursus di institusi yang tertentu. Dengan demikian, mereka yang berpendapatan rendah tidak harus risau akan kos-kos pembelajaran. Mereka dapat menyertai kursus-kursus untuk memperbaiki diri mereka. Tambahan pula, mereka dapat mempraktikkan kemahiran mereka untuk mencari pekerjaan yang lebih baik.

Usaha kedua yang telah dijalankan ialah daripada pelbagai pertubuhan. Pada abad ke 21 ini, pelbagai organisasi di Singapura telah menghulurkan tangan untuk membantu orang-orang yang tidak berkemampuan. Salah satu contoh ialah Yayasan MENDAKI (Majlis Pembangunan Masyarakat Melayu/Islam Singapura). MENDAKI membantu pelajar-pelajar dengan pembelajaran mereka supaya prestasi pendidikan masyarakat Melayu/Islam dipertingkatkan dan, juga kecekalan dan kebolehsuaian mereka dapat diteguhkan. Mereka memberikan pelbagai bantuan dalam segi kewangan, subsidi pelajaran, biasiswa dan sebagainya untuk para pelajar. Usaha-usaha seperti ini dapat mengurangkan beban dan kerisauan ibu bapa. Kewangan juga tidak menjadi sebuah halangan untuk seseorang pelajar itu mencari ilmu walaupun berasal daripada keluarga yang kurang berada. Adanya bantuan sebegini, para pelajar akan berasa lebih bersemangat untuk ke sekolah dan tidak akan merasakan serba kekurangan kerana tidak harus memikir tentang duit sekolah mereka. Pertubuhan sebegini meringankan keresahan dengan mengagihkan bantuan seperti subsidi-subsidi kepada golongan-golongan yang berkemampuan rendah ini.

Terakhir sekali, antara usaha-usaha yang telah dilakukan ialah mengagihkan keperluan kepada para penduduk yang memerlukan. Akibat penularan wabak Covid-19 secara global, ramai telah mengalami kesan-kesan negatif. Ia telah mendatangkan kesan langsung kepada ekosistem perniagaan domestik

seperti industri makanan dan minuman, industri pembinaan dan pembuatan, industri pelancongan, serta industri pertanian, pembinaan dan perkhidmatan. Ini sekaligus mengakibatkan ramai kehilangan pekerjaan. Mereka yang tidak berharta pasti akan bimbang akan sumber rezeki mereka. Di Singapura, beberapa badan amal telah mengagihkan pakej penjagaan yang mempunyai pelitup, cecair nyah kuman dan barangan makanan. Usaha membantu golongan kurang bernasib baik itu adalah sebahagian daripada inisiatif SG United yang dilancarkan oleh Hope Initiative Alliance – sebuah platform antara agama dan bangsa untuk badan amal menyediakan bantuan holistik kepada golongan memerlukan. Inisiatif sebegini akan menyebabkan mereka rasa sangat bersyukur lagi-lagi pada waktu yang agak sukar ini. Keperluan-keperluan itu dapat menampung mereka untuk beberapa minggu. Dengan demikian, ia akan mengurangkan kos perbelanjaan dapur dan melebihi wang penjimatan mereka.

Natijahnya, pemerintah dan seluruh warga Singapura harus berganding bahu untuk membantu mereka yang memerlukan. Kita harus lebih proaktif dan prihatin dalam menghulurkan bantuan. Inisiatif-inisiatif harus lebih berleluasa supaya mereka yang kurang bernasib baik tidak rasa bahawa mereka dikecualikan daripada masyarakat. Bak pepatah Melayu, 'berapa berat mata memandang, berat lagi bahu memikul'. Ia membawa maksud sesusah-susah orang yang melihat penderitaan seseorang itu tentulah tidak sama dengan penanggungan orang yang menderita itu sendiri.

Ilya Insyirah Bte Razak (4-8)(HGV)

Contoh 24

Usaha-usaha untuk membantu golongan yang kurang bernasib baik di Singapura.

Frasa "golongan yang kurang bernasib baik" boleh ditakrifkan sebagai golongan yang kurang mendapat keuntungan dan selalunya mereka ialah golongan yang miskin, cacat anggota, warga emas, OKU dan sebagainya. Golongan ini mungkin mengalami ketidaksamaan akses dan peluang dalam pendidikan, pekerjaan, keperluan harian dan sebagainya berbanding dengan golongan yang lebih bernasib baik kerana golongan ini hanya mempunyai sedikit wang atau tiada wang langsung. Golongan ini juga mungkin amat terkesan dan terjejas dalam waktu pandemik ini. Persoalannya, apakah usaha-usaha yang dijalankan untuk membantu golongan yang kurang bernasib baik ini? Mari kita bincang bersama.

Terdapat beberapa usaha yang telah dilaksanakan oleh beberapa pihak. Usaha yang pertama ialah skim FAS yang ditetapkan oleh pihak pemerintah iaitu Kementerian Pendidikan (MOE). Dalam skim ini, para pelajar yang kurang bernasib baik akan dibantu untuk mengurangkan beban mereka dalam mendapatkan pendidikan yang selesa. Contohnya, para pelajar ini akan mendapat subsidi bagi yuran persekolahan mereka, pembayaran untuk buku-buku sekolah mereka dan sebagainya. Kos perbelanjaan atau duit saku sekolah mereka juga akan disubsidi. Dengan adanya subsidi ini, para pelajar ini akan dapat bersekolah secara tenang sama seperti teman-teman mereka dan tidak akan rasa ketidaksamaan dengan teman-teman mereka yang lebih berkemampuan. Skim FAS ini memastikan bahawa setiap pelajar, terutama sekali pelajar-pelajar yang kurang bernasib baik, dapat ke sekolah dalam keadaan ceria supaya mereka dapat menimba ilmu yang akan membolehkan mereka mendapat pekerjaan pada masa hadapan. Secara ringkas, sistem meritokrasi dalam skim FAS ini mampu memotivasikan para pelajar ini untuk kuat berusaha dan memberikan yang terbaik untuk meraih kemajuan dalam pelajaran mereka. Hanya dengan pendidikan, golongan yang kurang bernasib baik dapat membebaskan diri mereka daripada lingkaran kemiskinan.

Selain itu, usaha yang juga dapat membantu golongan kurang bernasib baik ialah perkhidmatan penjagaan anak-anak melalui agensi-agensi yang tertentu. Dalam sebuah keluarga yang miskin, kedua ibu bapanya terpaksa bekerja demi sesuap nasi dan untuk memastikan anak-anak mendapat makanan yang mencukupi. Ibu bapa yang memiliki anak-anak kecil pasti akan rasa tertekan kerana terpaksa bekerja dan pada masa yang sama menjaga anak-anak mereka. Oleh itu, agensi-agensi perkhidmatan penjagaan anak-anak dapat membantu golongan ini dengan menjagakan anak-anak mereka. Ini dapat mengurangkan beban ibu bapa dalam sebuah keluarga yang miskin kerana mereka dapat fokus pada pekerjaan mereka. Pelaksanaan kerja yang baik akan menjamin mereka mendapat kenaikan gaji yang boleh digunakan untuk membantu keluarga mereka. Mereka juga tidak perlu bimbang atas kesihatan dan kesejahteraan

anak-anak mereka. Dengan itu, usaha yang kedua yang boleh membantu golongan yang kurang bernasib baik ialah perkhidmatan penjagaan anak-anak melalui agensi-agensi tertentu.

Terakhir ialah usaha peminjaman dan pendermaan alat elektronik seperti komputer riba oleh pihak sekolah dan sukarelawan pada semasa pembelajaran di rumah atau HBL diwajibkan atas sebab covid-19. Semasa HBL dijalankan, setiap penduduk Singapura terpaksa bersekolah atau bekerja dari rumah secara online. Keluarga golongan yang kurang bernasib baik, pasti tidak memiliki komputer riba atau tidak cukup wang untuk membeli sebuah komputer riba bagi anak mereka semasa pembelajaran secara online di rumah.

Akibatnya, pelajaran anak mereka terjejas. Sebagai contoh terdapat beberapa orang pelajar yang tidak dapat menyelesaikan tugasan HBL kerana ketiadaan alat komputer di rumah. Oleh itu, pihak sekolah dan sukarelawan dapat membantu mereka dengan meminjamkan atau mendermakan komputer riba kepada mereka supaya anak-anak daripada golongan ini dapat melalui pembelajaran HBL dengan tenang dan selesa. Ini sekaligus, memastikan para pelajar ini tidak akan ketinggalan dalam pelajaran mereka. Mereka juga akan dapat belajar sama seperti rakan-rakan mereka. Oleh itu, usaha yang terakhir untuk membantu golongan kurang bernasib baik ialah usaha peminjaman dan pendermaan komputer riba oleh pihak sekolah dan sukarelawan.

Hakikatnya, terdapat beberapa usaha yang boleh dan telah diambil oleh beberapa pihak untuk membantu golongan yang kurang bernasib baik. Saya cadangkan bahawa setiap pelajar disediakan dengan sebuah komputer riba peribadi pada masa hadapan. Kemungkinannya telah ditetapkan dan saya amat bersyukur. Saya berharap bahawa golongan yang kurang bernasib baik tidak berasa kecewa atas nasib mereka sebaliknya melihatnya secara positif. Pada pendapat saya, status sosio ekonomi sebuah keluarga tidak patut menjadi sebab kegagalan pelajar dalam pendidikan.

Zaim Akmal Bin Zaini (3-8)(HGV)

Contoh 25

Sekolah memainkan peranan penting untuk melentur sikap pelajar dalam pemilihan kerjaya pada abad ke-21 ini. Setujukah kamu?

Dunia pada abad ke-21 ini sangat tidak menentu. Globalisasi telah menyatukan dan membuat dunia ini menjadi lebih sempit di mana teknologi komunikasi yang sentiasa berkembang membuat kita boleh mendapat maklumat dari seluruh belahan dunia. Maka daripada itu, ketidakpastian dalam abad ini, di dalam bidang pekerjaan ataupun situasi alam semula jadi, membuat dunia kita dikenali sebagai "VUCA World" yang bermakna dunia yang penuh dengan ketidakpastian. Maka daripada itu, ramai orang yang berfikir apa yang akan terjadi kepada generasi muda kita. Apakah mereka boleh menyesuaikan dan mendapat kerjaya pada abad ke-21 ini? Ramai orang juga berpendapat bahawa pihak sekolah yang berperanan untuk melentur sikap pelajar dalam pemilihan kerjaya abad ke-21.

Saya setuju bahawa pihak sekolah memiliki peranan penting dalam melentur sikap pelajar dalam pemilihan kerjaya pada abad ke-21 ini. Sekolah adalah satu tempat di mana pelajar diberikan lingkungan yang aman untuk belajar dan membentuk keperibadian mereka. Memang sangat penting sekolah memupuk sikap baik dan nilai-nilai murni dalam diri pelajar. Sikap seperti ketabahan dalam menghadapi masalah atau keberanian untuk mencuba hal yang baharu adalah beberapa contoh sikap yang patut dimiliki jika pelajar mahu berjaya dalam mendapat pekerjaan yang sesuai dengan dirinya terutama pada abad ke-21 ini yang sangat tidak menentu.

Contohnya, melalui visi dan misi sekolah, sekolah memupuk sifat dan sikap pelajar. Sekolah saya memiliki visi dan misi untuk memupuk pemimpin yang peduli. Melalui pelbagai aktiviti seperti program nilai dalam tindakan (VIA) atau pendidikan perwatakan dan kewarganegaraan (CCE), nilai-nilai murni seperti kemampuan untuk menyesuaikan dengan keadaan boleh disemai agar pelajar boleh memilih kerjaya dengan lebih terbuka. Saya berasa bahawa dalam pemilihan kerjaya, sekolah berperanan penting dalam melentur sikap pelajar agar pelajar boleh memilih kerjaya dengan arif bijaksana pada abad ke-21 ini.

Sekolah yang boleh membentuk sikap pelajar untuk memilih kerjaya mereka dengan memperkenalkan jalur yang pelajar boleh ambil pada masa hadapan. Melalui persiapan ini, pelajar akan lebih memahami pilihan-pilihan kerjaya yang ada di abad ke-21 ini. Sekolah tidak membatasi pelajar dengan memilih kerjaya tetapi memberi nasihat dan bimbingan dalam pemilihan kerjaya. Pelajar yang diberikan hak untuk memilih jalur mereka mendidik sikap berdikari agar para pelajar memiliki arah sendiri dalam kehidupannya pada masa hadapan.

Contohnya, melalui pelbagai penyampaian dan ucapan di dewan, sekolah saya memperkenalkan pelbagai jalur pendidikan yang boleh diambil. Sekolah saya juga melancarkan penyampaian oleh profesional seperti di dalam bidang menari, bermain permainan video dan lain-lain untuk memperlihatkan bahawa banyak jalur kerjaya yang boleh pelajar pilih. Saya berasa bahawa hal ini memupuk sifat tanggungjawab dalam pelajar kerana masa hadapan mereka ada di dalam tangan mereka dan hanya mereka sahaja yang menentukannya.

Namun, saya berasa pihak-pihak lain juga berperanan dalam melentur sikap pelajar. Salah satunya ialah diri pelajar itu sendiri. Saya berasa bahawa semuanya akan berakhir di tangan pelajar tersebut. Maka daripada itu, melalui kesedaran sendiri yang kuat, seseorang boleh menyemai nilai-nilai murni dalam dirinya sendiri. Melalui pengalaman peribadi, individu akan belajar daripada kesilapan mereka untuk berkembang. Sama halnya bahawa pelajar harus sedar akan dirinya sendiri sebelum memilih kerjayanya.

Contohnya, individu harus memiliki niat dan inisiatif untuk terus berkembang dan belajar. Individu boleh mengikuti pelbagai bengkel ataupun penyampaian untuk melatih dirinya sendiri. Pelajar yang mahu bersekolah juga menandakan bahawa seorang itu mempunyai minat dan niat untuk belajar. Saya berasa bahawa semangat yang membara itu hanya boleh didapati apabila individu sedar akan dirinya sendiri. Maka daripada itu, sifat itu penting agar pelajar boleh memilih kerjayanya dengan tepat.

Pihak keluarga juga berperan dalam membentuk sifat dan sikap pelajar dalam pemilihan kerjaya di abad ke-21. Keluarga ialah pendukung para pelajar dalam proses pemilihan kerjaya. Keluarga memberi sokongan melalui wang dan nasihat agar pelajar boleh menceburi bidang yang dia minati. Sokongan keluarga boleh memupuk sifat berterima kasih dan rasa bersyukur di dalam diri pelajar agar mereka tidak mengambil kebaikan orang lain tanpa rasa syukur. Kebebasan untuk memilih kerjaya yang didukung oleh keluarga juga menyemai sikap berdikari dalam diri pelajar.

Contohnya, pekerjaan seperti menari tidak dihargai ramai orang. Sukar apabila seorang pelajar memiliki minat untuk menceburi bidang ini. Namun, keluarga mendukung pelajar apabila minatnya memang kuat. Saya mendengar dari sebuah penyampaian oleh ketua kelompok kelab menari "Roar City Ground" juga mengalami hal yang sama di mana meskipun ada keraguan, keluarga akan mendukung dan melentur sikap seseorang untuk menceburi kerjaya tertentu. Maka daripada itu, pihak keluarga boleh membentuk sikap semangat dan berfikiran positif dalam pelajar ketika memilih kerjaya.

Pihak pemerintah juga memiliki peranan dalam membentuk sikap pelajar untuk memilih kerjaya pada abad ke-21. Pemerintah memberi banyak sokongan kepada pelajar dalam bentuk prasarana ataupun wang agar pelajar lebih giat dan bersemangat dalam belajar. Pemerintah memberikan semua itu untuk membentuk pelajar yang memiliki nilai-nilai murni yang boleh menyumbang balik kepada masyarakat terutama di abad ke-21 ini yang penuh dengan ketidakpastian.

Contohnya, melalui biasiswa dan sokongan wang seperti "Edusave Merit Bursary", pelajar dilatih untuk memiliki sikap suka bertanding dengan cara yang sihat. Sikap ini berguna dalam pemilihan pekerjaan di abad ke-21 di mana pertandingan mencari pekerjaan sangatlah sengit. Hal ini juga melatih ketangguhan dalam diri pelajar. Lelaman "myskillsfuture.sg" untuk pelajar juga dilancarkan agar pelajar boleh belajar pelbagai kemahiran. Platform ini melatih sikap berdikari serta sikap pembelajaran sepanjang hayat dalam pelajar yang sangat penting untuk memilih dan mendapatkan kerjaya yang diinginkan pada abad ke-21 ini. Maka daripada itu, saya berasa bahawa pemerintah juga berperanan dalam melentur sikap pelajar dalam pemilihan kerjaya pada abad ke-21 ini.

Kesimpulannya, saya berasa bahawa sekolah memang memiliki peranan penting untuk melentur sikap pelajar dalam pemilihan kerjaya pada abad ke-21 ini. Namun, pelbagai pihak lain seperti individu, keluarga dan pemerintah juga berperanan dalam membentuk pelajar yang memiliki sikap teladan serta nilai-nilai murni yang amat sangat penting dalam pemilihan kerjaya pada abad ke-21 ini yang dipenuhi dengan perubahan dan ketidakpastian.

Ian Freda (4E2)(SCSS)

Contoh 26

Cara-cara memupuk minat anak muda terhadap sastera.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, makna sastera ialah hasil seni yang diwujudkan dalam bentuk karangan atau puisi. Jika dibandingkan dengan bangsa-bangsa lain, warga Melayu di Singapura dikatakan menggunakan bahasa Melayu secara kerap. Namun, menurut kajian 'General Household Survey 2015', penggunaan bahasa ibunda semakin berkurangan bagi semua bahasa ibunda. Malah, diperhatikan juga minat masyarakat Melayu terhadap budaya dan bahasa ibunda mereka sendiri semakin merosot, apatah lagi minat mereka terhadap sastera Melayu. Bagi mengatasi masalah ini, beberapa langkah boleh diambil untuk memupuk minat anak muda terhadap sastera.

Saranan pertama untuk menanam minat anak muda terhadap kesusasteraan adalah untuk memastikan kanak-kanak terdedah kepada penggunaan bahasa Melayu yang betul. Hal ini boleh menolong kanak-kanak agar lebih fasih dalam bahasa Melayu. Kajian-kajian menunjukkan yang anak muda lebih senang belajar bahasa baharu ketika mereka kecil lagi berbanding apabila mereka sudah dewasa, bak kata pepatah, lentur buluh biarlah dari rebungunya. Ini boleh dilakukan melalui pendedahan awal. Kementerian pendidikan boleh menyediakan bahan-bahan sokongan Melayu seperti bahan bahasa Melayu seperti video, buku dan lagu dan menekankan penggunaan bahasa ibunda di peringkat prasekolah. Berdasarkan pengalaman saya, adik saya yang sedang melalui pendidikan tadika mengatakan bahawa guru Bahasa Melayunya tidak dapat menegur murid-murid yang hanya bertutur dalam bahasa Inggeris ketika pelajaran Bahasa Melayu. Oleh itu, kanak-kanak perlu didedahkan kepada penggunaan bahasa Melayu yang sesuai pada usia awal.

Cara kedua pula, program-program bahasa Melayu boleh diadakan di sekolah rendah dan menengah yang menekankan betapa pentingnya untuk mengekalkan penggunaan bahasa dan pembelajaran budaya Melayu. Walaupun ini sudah dijalankan di setiap sekolah melalui Program Dwiminggu Bahasa, melalui pengalaman saya, ia tidak berkesan untuk memupuk rasa minat terhadap budaya Melayu. Ada pelajar yang melihatnya sebagai sesuatu aktiviti alternatif di mana mereka boleh mengelakkan diri daripada belajar. Sebaliknya, saya rasa guru-guru harus mengadakan sesi seperti ini dengan lebih kerap. Selain itu, guru-guru juga boleh mengadakan sesi berbincang dengan pelajar-pelajar Menengah Atas tentang bahasa Ibunda mereka. Perkara ini dapat memupuk rasa bangga terhadap bahasa Ibunda dalam diri mereka dan menjadi pemangkin bagi mereka lebih cenderung untuk mengetahui lebih lanjut tentang khazanah budaya Melayu seperti sastera Melayu. Oleh itu, kesedaran akan pentingnya mengekalkan budaya dan bahasa Melayu terutama sekali sastera dapat mengajar mereka menghargai warisan budaya kita.

Akhir sekali, bagi memastikan minat terhadap sastera dipupuk pada anak muda adalah melalui pendedahan berterusan kepada masyarakat terhadap karya sastera. Ini boleh dilakukan melalui iklan di pengangkutan awam dan juga pada platform yang lebih relevan bagi jiwa anak muda seperti laman media sosial, seperti Instagram dan Twitter. Hasil seni sastera yang dipaparkan kepada anak muda haruslah ringkas tetapi dapat menangkap perhatian mereka seperti TikTok mengenai ketagihan remaja-remajai kini terhadap sehingga menjejaskan kehidupan mereka. Dengan menggunakan platform yang diakses ramai anak muda, lebih mudah untuk mendedahkan mereka kepada perkara dan isu yang ingin diketengahkan. Isu ini kemudian boleh dikaitkan dengan karya-karya sastera yang membincangkan perkara tersebut. Ini memberi peluang untuk memutik rasa minat terhadap sastera. Sebagai contoh, iklan di platform Spotify boleh disampaikan dalam bentuk syair ataupun pantun tentang masalah yang dihadapi anak muda Melayu. Karya ini boleh diberikan nafas baru yang bersesuaian dengan rentak jiwa remaja hari ini. Ini akan menyebabkan seseorang itu sedar dan diharap dapat menyemai minat dalam kesusteraan.

Natijahnya, jika tiada sebarang tindakan diambil untuk mengatasi masalah ini, sastera akan ditelan zaman dan dilupakan generasi seterusnya. Keindahan bahasa dan budaya elayu akan hilang dari muka bumi. Oleh itu, kami haruslah membuat sesuatu sekarang untuk mengelakkan kejadian tersebut daripada berlaku. Saya harap anak muda Melayu sekarang dapat menghargai keindahan sastera Melayu lebih-lebih dengan adanya banyak inisiatif dan sokongan pihak-pihak yang terlibat untuk mengambil langkah bagi memastikan sastera Melayu tidak hilang ditelan zaman.

Mohamad Farhan Bin Mohamad Hanafi(3E4)(SCSS)

Contoh 27

Menghantar ke kelas tuisyen ialah satu kemestian untuk mencapai kecemerlangan dalam peperiksaan. Bincangkan.

Merujuk Kamus Dewan Edisi ke-4, kelas tuisyen bermaksud “kelas bimbingan tambahan yang diberikan kepada pelajar bagi mata pelajaran tertentu.” Sebagai seorang pelajar di Singapura, terdapat banyak tekanan yang dilalui untuk mencapai kecemerlangan dalam peperiksaan. Disebabkan hal ini, kebanyakan pelajar dijadualkan kelas tuisyen oleh ibu bapa mereka. Kelas tuisyen dapat membantu pelajar dengan mata pelajaran yang mereka lemah dalam dan perkara ini menjamin kecemerlangan pelajar. Bagaimana pun, adakah kelas tuisyen membawa lebih manfaat daripada keburukan. Di bawah, saya akan memberikan respons saya terhadap pernyataan ini.

Pertama, tidak dinafikan bahawa kelas tuisyen dapat menolong pelajar mencapai kecemerlangan kerana pelajar-pelajar diberikan tumpuan yang lebih dibandingkan di sekolah disebabkan bilangan pelajar yang lebih kecil di kelas tuisyen. Dengan ini, pelajar akan lebih fokus kerana selalu dipantau guru. Kelas tuisyen juga memastikan pemahaman topik yang lebih mendalam kerana guru tuisyen dapat memastikan semua pelajar memahami perkara yang baru sahaja diajar. Sebaliknya, di sekolah, guru mempunyai terlalu ramai pelajar serta beberapa kelas yang perlu diajar. Contohnya, apabila pelajar mempunyai masalah untuk faham perkara yang diajar, pelajar tidak perlu berasa malu di kelas tuisyen kerana bilangan pelajar lain di kelas tuisyen yang bersama mereka lebih sedikit. Dengan ini, lebih ramai pelajar yang akan menanya soalan dalam kelas tuisyen kerana suasana yang lebih tenang. Hal ini akan mendorong pelajar untuk mengatasi kesalahfahaman mereka yang dapat menjejaskan prestasi mereka dalam peperiksaan nanti.

Kedua, kelas tuisyen menyediakan latihan tambahan untuk pelajar-pelajar. Latihan tambahan ini dapat menolong pelajar untuk lebih mahir dalam pelajaran mereka kerana mereka dapat mempergunakan ilmu mereka tentang topik tertentu kepada pelbagai jenis soalan peperiksaan. Cara ini dapat mempertingkatkan keyakinan pelajar untuk membuat jenis soalan peperiksaan yang sama dan membiasakan pelajar dengan soalan peperiksaan. Sebagai contoh, mata pelajaran Matematik memerlukan pelajar mempunyai banyak latihan supaya dapat mengenal pasti cara hendak membuat sejenis soalan. Latihan tambahan juga memastikan bahawa pelajar memahami sepenuhnya tentang perkara yang sedang diajar dan guru dapat melihat perkembangan pelajar serta mengenal pasti pelajar yang memerlukan bantuan tambahan. Dengan ini, pelajar dapat menjadi lebih selesa dengan membuat soalan-soalan peperiksaan dan tidak akan terlalu tertekan apabila hari peperiksaan berhampiran.

Ketiga, kelas tuisyen dapat mengukuhkan pemahaman asas tentang sesuatu topik dengan lebih mendalam bagi pelajar. Di kelas tuisyen, pelajar pasti akan mempelajari topik-topik yang telah dipelajari di sekolah. Walaupun kelihatan tidak berguna, kelas tuisyen merupakan tempat di mana pelajar dapat menguji kefahaman mereka tentang topik tertentu. Sebagai contoh, apabila mempelajari mata pelajaran Sains, terdapat beberapa konsep yang sukar untuk difahami. Dengan adanya kelas tuisyen, pelajar dapat mempelajari perkara yang sama dan memastikan bahawa mereka betul-betul memahami apa yang telah diajar di sekolah. Jika pelajar mendapati bahawa mereka berhadapan dengan masalah, pelajar boleh sentiasa bertanya kepada guru kelas tuisyen supaya pelajaran di sekolah tidak terganggu. Malah, pelajar juga dapat mempelajari cara berbeza untuk membuat soalan. Hal ini akan memudahkan pelajar apabila menduduki peperiksaan kerana mereka akan mempunyai ilmu lebih daripada satu cara untuk menjawab atau mengupas soalan peperiksaan.

Walaupun terdapat banyak manfaat bagi mengikuti kelas tuisyen, tidak dapat dinafikan bahawa terdapat juga beberapa perkara yang menjadikan kelas tuisyen tidak wajib. Pertama, pelajar boleh

meminta konsultasi dengan guru di sekolah apabila berhadapan dengan kesulitan memahami pelajaran. Konsultasi dengan guru di sekolah akan lebih bermanfaat kerana guru dapat mengetahui pemahaman pelajar di kelas dan memastikan pelajar yang memerlukan lebih bantuan diberikan lebih tumpuan. Guru di sekolah juga mengetahui tentang pelajaran yang sedang diajar dan dapat menolong pelajar apabila berkonsultasi dengan pelajarnya kerana mempunyai ilmu tambahan untuk menerangkan perkara yang tidak sempat diterangkan di kelas kerana keterbatasan waktu tentang perkara yang mungkin tidak difahami. Selain itu, jika guru sekolah mengetahui bahawa terdapat beberapa pelajar yang mempunyai masalah yang sama, guru dapat jelaskan semula masalah tersebut kepada kelas supaya pelajar-pelajar lain juga dapat memahami. Cara ini menjadi lebih berkesan kerana lebih ramai pelajar yang memanfaatkan untuk mengatasi masalah tertentu.

Tambahan lagi, kelas tuisyen menjadikan pelajar lebih penat sehingga menghambat prestasi mereka di sekolah. Kebanyakan kelas tuisyen memberikan tugas rumah yang perlu diselesaikan sebelum kelas selanjutnya. Dengan kerja rumah sekolah, tugas tuisyen dan usaha untuk mengulang kaji sendiri, amat sukar untuk pelajar untuk mengimbangi masa mereka. Hal ini menyebabkan pelajar untuk masih berjaga walaupun sudah lewat malam hanya untuk menghabiskan kerja rumah atau mengulang kaji pelajaran kedua-dua dari sekolah dan dari kelas tuisyen. Kekurangan tidur yang dialami banyak pelajar telah menakibatkan mereka berasa lebih tertekan dan hilang fokus ketika di dalam kelas. Apabila tertekan, pelajar tidak akan dapat memahami topik yang sedang dipelajari dan akan menjejaskan keputusan peperiksaan. Pelajar juga turut berasa terlalu letih apabila dalam kelas dan terdapat kemungkinan bahawa pelajar akan tertidur dalam kelas. Perkara ini akan mengakibatkan pelajar untuk tidak mengetahui apa yang sedang dipelajari kerana minda pelajar terlalu letih. Akibatnya, pelajar tidak akan bermanfaat daripada kelas tuisyen kerana pelajar tidak akan mengerti perkara yang sedang dipelajari.

Akhir sekali, kos kelas tuisyen mahal dan tidak semua pelajar mampu untuk membayar yuran-yuran yang tinggi untuk setiap mata pelajaran yang diperlukan bantuan. Di Singapura, satu kelas tuisyen bagi mata pelajaran sering kali dikenakan harga anggaran dari S\$15 hingga S\$50 untuk setiap jam atau lebih bergantung pada kelayakan dan pengalaman guru. Bertambah dengan kos kehidupan yang semakin tinggi di Singapura, amat susah untuk dibiayai ibu bapa yang kurang berkemampuan. Hal ini menyebabkan kebanyakan pelajar untuk menanya guru masing-masing di sekolah kerana yuran sekolah sudah dibayar dengan subsidi tambahan daripada pemerintah dan tiada kos tambahan yang diperlukan. Selain itu, terdapat juga pelajar yang menanya ibu bapa mereka atau adik-beradik untuk membantu dalam pelajaran mereka. Dengan ini, pelajar dapat menghemat wang untuk perkara lain seperti kos perbelanjaan seharian dan sebagainya.

Kesimpulannya, pelajar memerlukan kematangan diri untuk menanya guru jika mempunyai masalah dalam pelajaran. Walaupun kelas tuisyen menjadi satu tempat untuk pelajar mendapatkan bantuan tambahan, terdapat juga cara lain supaya pelajar dapat mencapai kejayaan tanpa tuisyen. Sebagai contoh, Encik Mohamed Irfan Mohamed Musthapa yang berjaya mendapatkan ijazah di Universiti Kebangsaan Singapura, mengatakan bahawa kehidupan pelajaran di univeristi amat memerlukan banyak sifat berdikari dan dia dapat cemerlang dalam peperiksaannya tanpa menghadiri kelas tuisyen. Justeru, saya bersetuju bahawa kelas tuisyen memang menolong dan mendorong pelajar untuk mencapai kecemerlangan dalam peperiksaan tetapi kecemerlangan tidak hanya terhad kepada pelajar yang memasuki kelas tuisyen, tetapi sifat berdikari dan kematangan individu sendiri yang dapat membawa pelajar kepada kecemerlangan yang diimpikan ramai.

Nadhifah Ramadhani (3-4)(SCSS)

Contoh 28

Pengajian sastera dapat mengasah minda. Setujukah Kamu? Mengapa?

Perkataan 'Sastera' dalam Kamus Dewan Edisi Keempat bermakna kitab ilmu pengetahuan pustaka, dan kitab yang mengandungi ramalan. Sastera telah wujud sejak beribu-ribu tahun lalu dan pertama diperhatikan oleh beberapa pengkaji pada awal abad-19. Sastera klasik yang tertua merupakan puisi yang disampaikan secara lisan dan telah pun diturunkan dari generasi ke generasi. Terdapat pelbagai jenis sastera termasuk prosa tradisional, puisi, sajak, cerpen dan pantun. Penulisan tersebut mempunyai makna-makna tersirat yang bertujuan untuk menimbulkan kesedaran ataupun dijadikan iktibar terhadap isu-isu

masyarakat. Hal ini menjadikan sastera salah satu bentuk penulisan yang membentuk dan memperbaiki kaum manusia dari segi pemikiran dan pendidikan.

Sastera mengajar kita untuk sentiasa menghargai dan melestarikan budaya kita sebagai orang Melayu. Walaupun dunia semakin maju, kita tidak patut melupakan budaya dan bahasa kita kerana perbuatan itu akan mengakibatkan kita hilang jati diri kita sebagai seorang Melayu. Pengajaran ini jelas terpapar dalam cerpen *Sambal Goreng Mak* karya Wan Jumaiah Mohd Jubri melalui watak Busu. Busu mewakili masyarakat zaman kini yang sibuk menyesuaikan diri dengan kemodenan sehingga cuba mengubah dirinya supaya lebih seiring dengan bahasa dan budaya kebaratan yang pada tanggapannya lebih maju, relevan dan progresif. Daripada cerpen ini, kita dapat memahami pentingnya menghargai dan melestarikan budaya dan bahasa kita sendiri kerana perkara tersebut membentuk jati diri kita dan tidak sepatutnya digantikan dengan sesuatu yang tidak ada kena-mengena dengan salasilah kita sebagai sebuah bangsa.

Jati diri kita amat penting kerana berperanan sebagai petunjuk tentang siapa kita. Jika digantikan atau hilang, kita mungkin kehilangan arah kerana tidak mengetahui atau mengenali diri kita yang sebenar. Perkara ini dapat dilihat juga apabila watak Busu menjadi gila di akhir cerita kerana Busu telah cuba untuk membuang jati dirinya sehingga dia sendiri tidak mengenali diri sebenarnya, iaitu seorang anak Melayu. Dalam dunia yang semakin maju, kita mempelajari dan meraih ilmu dari cerpen ini untuk sentiasa setia kepada jati diri kita. Pengajaran ini juga berperanan sebagai peringatan bagi kita agar menyedari dan menghargai diri sebenar kita. Masalah jati diri ini juga merupakan masalah yang sering dihadapi sebilangan manusia yang lemas dengan arus perubahan yang pesat. Oleh demikian, cerpen tersebut telah pun berjaya memberi peringatan serta pengajaran kepada kita agar menghargai jati diri kita yang sebenar supaya tidak terbabit dengan masalah yang lebih besar seperti menjadi gila. Secara keseluruhan, karya sastera ini telah berjaya membuat kita berfikir dan mengasah minda kita agar kita menghargai dan kekal setia dan bangga akan budaya dan bangsa sendiri.

Tambahan pula, sastera juga telah mendorong kita agar berfikiran lebih positif dan lebih gigih untuk meraih kejayaan untuk bangsa kita. Sajak yang berjudul *Anakku* karya Mohamed Latiff Mohamed dihasilkan untuk memupuk semangat patriotik bagi generasi muda. Tujuannya adalah membangkitkan jiwa muda untuk menyahut cabaran melestarikan bangsa agar mereka bersungguh-sungguh mendapatkan kejayaan dan kepimpinan yang suatu ketika dulu diimpikan oleh bangsa Melayu; tetapi telah diambil alih oleh orang lain. Sajak ini menunjukkan kepentingan sifat bersungguh-sungguh dan semangat patriotik dalam masyarakat untuk mengembalikan kegemilangan masyarakat Melayu dahulu dan bertungkus-lumus untuk membina masyarakat yang lebih maju.

Sajak ini juga mengingatkan masyarakat Melayu agar tetap berdisiplin memegang prinsip dan nilai yang membentuk jiwa bangsa Melayu 'yang satria dan setia'. Perkara ini menekankan tentang pemikiran kita yang harus tetap teguh dan bersemangat untuk meraih kejayaan dan hasil yang diinginkan. Sajak "Anakku" juga mengetengahkan kesilapan dahulu yang tidak boleh diulang jika perubahan ingin dicapai. Perkara ini dapat dilihat daripada ungkapan 'meninggalkan sejarah legam' yang bertujuan untuk menasihatkan masyarakat sekarang agar tidak mengulangi kesilapan dahulu. Lantas, sastera juga mampu memberi peringatan dan pengajaran kepada kita semua tentang sifat-sifat yang perlu ada untuk meraih kejayaan, serta perkara yang perlu dielakkan supaya perubahan dan kejayaan dapat diperolehi. Selain daripada itu, perlunya mengkaji karya-karya sastera lama turut disisipkan melalui mesej agar dapat mengasah minda mereka.

Di samping itu, sastera juga memberi perhatian terhadap isu-isu yang tidak lapuk dek zaman. Sebagai contoh, cerpen *Orkidnya Sudah Menjadi* karya Khadijah Hashim, menitikberatkan pendidikan anak-anak. Masalah pendidikan yang tidak diberikan keutamaan telah lama wujud. Melalui karya sastera, masalah ini dikemukakan agar ia dapat menyedarkan masyarakat dan perlu diberikan keutamaan yang sepatutnya. Cerpen tersebut mengisahkan tentang sepasang ibu bapa, Jamal dan Asiah, yang mempunyai tiga orang anak yang masih bersekolah. Bagaimanapun, tumpuan mereka hanya kepada koleksi bunga orkid mereka. Wang yang ada dihabiskan buat perbelanjaan bagi menambah koleksi taman bunga mereka dan bukan untuk keperluan pendidikan anak-anak mereka. Kesan daripada perbuatan dan sikap ibu bapa yang tidak mengendahkan pendidikan anak-anak mereka juga ditonjolkan. Masalah ini masih relevan pada masa kini dan sastera merupakan salah satu wadah yang berkesan bagi memastikan sikap Jamal dan

Asiah tidak diteladani oleh ibu bapa pada masa ini dalam perkembangan dan pendidikan anak-anak mereka. Cerpen *Orkidnya Sudah Menjadi* juga menunjukkan bahawa peranan ibu bapa amat penting dalam kehidupan dan pembangunan anak-anak yang masih bersekolah dan memerlukan perhatian daripada ibu bapa mereka. Justeru, sastera dapat mengasah minda kita agar lebih sedar dan peka akan peranan dan sikap tertentu yang harus dielak agar tidak mendatangkan kerugian.

Akhir kata, sastera memainkan peranan penting dalam mengasah minda kita. Sastera merupakan penulisan yang dicipta daripada sesuatu isu, masalah atau pengalaman secara peribadi mahu pun umum bagi mengajak masyarakat berubah kepada kebaikan agar dapat memperbaiki kehidupan kita. Walaupun sastera telah diturunkan daripada satu generasi ke generasi, ia tetap relevan kerana isu-isu yang diketengahkan amat terikat dengan pemikiran manusia dan cara manusia bertindak terhadap masalah dan isu-isu yang dihadapi oleh mereka. Melalui sastera, kita dapat melihat dan mempelajari daripada kesilapan nenek moyang kita dan memastikan bahawa kesilapan mereka tidak diulang lagi. Ia menjadi wahana yang menyampaikan mesej dan nasihat bagi membantu masyarakat menjadi pemikir berfikiran progresif.

Nadhifah Ramadhani (3-4)(SCSS)

Contoh 29

Internet mendatangkan lebih banyak manfaat daripada keburukan. Bersetujukah kamu? Mengapa?

Internet adalah wadah yang amat popular untuk berkomunikasi, berinteraksi dan mencari maklumat. Ia serbaguna. Internet mengandungi pelbagai aplikasi sosial media yang sering digunakan seperti Instagram, Facebook, Whatsapp dan YouTube. Sejak kebelakangan ini, terdapat banyak berita tentang kebaikan internet bagi semua golongan. Persoalannya, benarkah internet mendatangkan lebih banyak manfaat daripada keburukan? Fikirkanlah. Ayuh kita kupas bersama.

Pertama, internet merupakan platform untuk membuat banyak kawan di alam siber. Sebagai contoh, aplikasi sosial media, Instagram membolehkan seseorang untuk meraih jumlah pengikut yang tinggi. Dengan ini, individu boleh berinteraksi dengan orang luar negeri yang berbilang bangsa dan kaum. Internet bermanfaat kerana ia mengajar seseorang cara untuk bersosial dan membuat kawan. Kesimpulannya, ia boleh membuat individu keluar daripada zon selesa dan menjadi lebih berani.

Kedua, internet memberikan kesenangan untuk berkomunikasi antara keluarga dan sahabat. Sebagai contoh, peningkatan kes covid-19 menyebabkan seluruh Singapura untuk duduk di rumah sepanjang dua bulan disebabkan pemutus rantai. Dalam jangka masa panjang ini, internet telah membolehkan keluarga-keluarga yang terpisah untuk berkomunikasi. Ini mampu dilakukan dengan adanya aplikasi seperti 'Zoom' dan panggilan video. Melihat wajah-wajah keluarga tersayang di kaca skrin telefon cukup untuk mengubati rindu dan kepiluan hati. Walaupun terkurung di rumah, internet membuat pengalaman tersebut lebih indah dan mudah.

Ketiga, penyelidikan dan pencarian maklumat boleh sahaja dibuat menggunakan internet. Selain memenatkan diri mencari fakta dan maklumat daripada perpustakaan, internet sentiasa ada. Semua maklumat hanya di hujung jari anda. Internet merupakan wadah paling luas dari segi informasi dan maklumat. Contohnya, saya selalu menggunakan 'Google' di internet untuk mencari maklumat bagi projek-projek sekolah saya. Ia senang digunakan dan tidak ada bayaran pun untuk memperoleh maklumat lebih.

Tambahan lagi, internet mengandungi banyak laman untuk penghiburan seperti permainan dan tayangan filem-filem. Terdapat banyak variasi penghiburan boleh didapati. Internet membuatkan ia lebih mudah untuk keluarga merapatkan silaturrahim antara satu sama lain. Sebagai contoh, sebuah pengajian membuktikan bahawa terdapat peningkatan dalam jumlah keluarga yang menggunakan internet untuk meluangkan masa bersama. Contohnya, mereka akan melungsuri ke internet dan mengadakan 'Hari Keluarga' lalu menonton filem lucu untuk bersantai dan rehat bersama orang tersayang.

Yang terakhir, internet juga membuat pembelian makanan dan barang-barang lebih mudah. Contohnya, aplikasi penghantaran makanan, 'Grabfood' dan 'Foodpanda'. Ini bermaksud warga tua tidak

perlu susahkan diri dan keluar rumah untuk membeli barang dapur ataupun makanan. Makanan boleh sahaja dihantar ke rumah mereka untuk mengelakkan kemalangan dimana warga tua boleh jatuh dan tercedera. Alternatif seperti aplikasi tersebut memastikan warga emas selamat dan semua keperluan asas mereka dijaga. Bukan sahaja warga emas tetapi semua juga turut meraih kebaikan internet.

Kesimpulannya, tidak dapat dinafikan bahawa internet mendatangkan lebih banyak manfaat daripada keburukan. Ini jelas terbukti dengan kebaikan yang ditulis di atas. Pada era moden ini, sudah tentu terdapat banyak kemudahan yang tercipta untuk kehidupan yang lancar dan senang. Walaubagaimanapun, kita harus menggunakan internet dengan awas dan teliti kerana internet juga ada keburukkan yang tersembunyi. Harapan saya agar dunia dan internet akan lebih canggih pada masa hadapan. Bagi saya, internet adalah mata saya untuk menerokai dunia.

Eyra (3-9)(HGV)

Contoh 30

Kemenangan bukanlah perkara yang paling penting dalam kehidupan. Bersetujukah kamu dengan pernyataan ini? Mengapa?

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, kemenangan boleh dimaksudkan hal menang atau kejayaan. Dalam era yang serba kompetitif ini, kemenangan atau kejayaan dalam kehidupan sering dikaitkan dengan gaji dan pekerjaan seseorang. Seseorang itu tidak akan mencapai cita-citanya dan kejayaan tanpa usaha yang gigih, bak pepatah jika tidak dipecah ruyung, di mana boleh mendapat sagunya. Tidak dapat dinafikan bahawa setiap manusia pasti ingin menang dengan cara mereka sendiri. Namun, adakah kemenangan perkara yang paling penting dalam kehidupan? Adakah terdapat aspek-aspek lain dalam kehidupan yang lebih penting daripada kemenangan? Saya sendiri bersetuju dengan pernyataan tersebut bahawa kemenangan bukan perkara yang terpenting dalam kehidupan. Berikut adalah perbincangan dan perkongsian saya.

Terdapat beberapa sebab yang menunjukkan bahawa kemenangan, misalnya dalam sebuah pertandingan bola sepak, bukanlah perkara yang terpenting dalam kehidupan. Sebab pertama ialah kemenangan boleh membuat seseorang terlalu bangga. Misalnya, apabila seseorang itu telah memenangi sebuah pertandingan seperti pertandingan bola sepak, dia akan terlepas daripada peluang untuk mempelajari nilai-nilai seperti rendah hati, kesabaran dan ketabahan. Nilai-nilai seperti ini hanya akan dia memperolehi daripada kegagalan dalam kehidupannya. Oleh itu, seseorang itu mungkin akan menjadi terlalu bangga dengan kemenangan tersebut dan melupakan nilai-nilai lain. Tambahan pula, jikalau dia gagal dalam pertandingan tersebut, harga dirinya boleh terjejas dan boleh meyebabkan masalah murung dan lain-lain. Akibat, terlalu bangga, seseorang itu akan rasa malu sekiranya dia telah gagal. Oleh itu, kemenangan bukan perkara yang terpenting dalam kehidupan kerana ia boleh menyebabkan seseorang terlalu bangga dalam dirinya.

Sebab yang kedua ialah usaha lebih penting dalam mengatasi sesuatu cabaran daripada kemenangan. Dalam mengatasi sesuatu cabaran, seperti dalam pertandingan bola sepak tersebut, setiap pemain perlu memainkan peranan dalam mencuba untuk menjaringkan gol. Oleh itu, setiap individu perlulah bijak dalam menghantar bola kepada ahli pasukan secara strategik supaya mereka boleh maju ke gol musuh mereka. Mereka juga perlu mengelak daripada musuh-musuh mereka. Malahan, walaupun mereka sudah berusaha dengan gigih dalam pertandingan tersebut dengan melakukan demikian, kekalahan masih boleh berlaku, dan ini mengajar setiap individu pasukan bola sepak tersebut untuk menjadi lebih bijak dalam strategi menjaringkan gol pada pertandingan-pertandingan masa akan datang. Mereka tidak perlu bersedih kerana kekalahan ini dapat memotivasikan mereka untuk melakukan yang terbaik pada masa hadapan. Dengan itu, kemenangan bukan perkara yang paling penting dalam kehidupan kerana usaha dalam mengatasi sesuatu cabaran lebih bermakna.

Sebab yang ketiga ialah betapa pentingnya keminatan dalam bermain bola sepak tetap kekal dalam diri seseorang daripada kemenangan. Dalam sebuah pertandingan sukan seperti bola sepak, tidak dinafikan bahawa terdapat satu pasukan yang memenangi pertandingan itu, manakala pasukan yang lain itu kalah. Walaupun pasukan itu telah kalah dalam pertandingan bola sepak itu, mereka perlu terus

berfikiran positif dan menjalin hubungan yang baik sesama musuh mereka dalam pertandingan bola sepak itu. Mereka juga tidak patut rasa marah kerana telah kalah dalam pertandingan tersebut, dan sebaliknya perlu matang supaya mereka disukai untuk sikap mereka. Ini memastikan bahawa cinta mereka untuk bola sepak tetap kekal. Ringkasnya, kemenangan bukan perkara yang terpenting dalam kehidupan kerana keminatan dalam seseorang untuk terus ke hadapan lebih penting.

Berdasarkan perkongsian saya, ia jelas bahawa walaupun kemenangan amat menarik kepada seseorang, kemenangan bukan perkara yang terpenting dalam kehidupan. Harapan saya bagi mereka telah mengalami kegagalan dalam apa sahaja dalam kehidupan ialah untuk jangan memutus asa dan berusaha dengan lebih gigih supaya mencapai kejayaan dan jangan terlalu sedih atas kegagalan tersebut.

Za'im Akmal Bin Zaini(3-9)(HGV)

Contoh 31

Cara-cara Melestarikan Budaya Melayu dalam kalangan Remaja

Menurut Puan Halimah Yacob Presiden Singapura dalam ucapannya semasa Majlis Pelancaran Bulan Bahasa, "kita mestilah berusaha untuk melestarikan warisan Budaya Melayu dan Bahasa Melayu di kalangan kalangan generasi muda." Kenyataan beliau tepat kerana akhir-akhir ini generasi muda seperti remaja dan kanak-kanak kurang peduli akan budaya sendiri. Mereka mempunyai sedikit pengetahuan tentang Warisan Budaya Melayu dan ada juga yang tidak tahu langsung tentang Warisan Budaya Melayu. Pada zaman pemodenan ini, ramai remaja dan kanak-kanak hanya didedahkan kepada budaya asing akibat globalisasi. Mereka lebih tertarik dengan seni atau budaya asing dan permainan teknologi. Ini menyebabkan seni budaya tradisional Melayu semakin dilupakan. Persoalannya, apakah cara-cara yang boleh dilakukan oleh pihak ibu bapa, sekolah, pemerintah, media massa, badan-badan Islam dan individu untuk melestarikan Warisan Budaya Melayu? Ayuh kita kupas bersama.

Cara pertama ialah ibu bapa boleh meluangkan masa bersama anak-anak dan membawa anak-anak ke muzium seperti Malay Heritage Centre yang mempamerkan peralatan dan artefak Melayu dan juga asal-usulnya. Ibu bapa juga boleh berkongsi tentang sejarah peralatan Melayu tersebut dan juga berkongsi tentang pengalaman mereka menggunakannya semasa zaman mereka. Dengan berbuat demikian, anak-anak akan mengetahui lebih banyak tentang peralatan atau artefak Melayu yang digunakan oleh orang dahulu dan mereka juga akan berkongsi dengan rakan-rakan mereka dengan pengetahuan yang mereka telah memperolehi.

Cara kedua, ialah pihak sekolah boleh mengadakan bengkel tentang alat-alat muzik tradisional dan juga tarian tradisional Melayu. Tujuan bengkel ini dijalankan ialah untuk mendedahkan para pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah kepada alat-alat muzik dan tarian tradisional Melayu. Bengkel-bengkel ini boleh diadakan pada setiap hari Khamis selepas sekolah dalam masa sebulan. Sekolah boleh menjemput agensi-agensi seperti Sriwana atau Orkestra Melayu Singapura yang dapat berkongsi bersama para pelajar lebih lanjut tentang tarian dan alat-alat muzik tradisional Melayu. Semasa bengkel alat-alat muzik itu sedang dijalankan, para pelajar akan diberikan peluang untuk menggunakan dan bermain dengan alat-alat muzik tradisional Melayu seperti rebab, kendang, bonang, saron, kenung dan suling. Melalui bengkel ini, para pelajar akan dapat mengetahui lebih mendalam tentang alat-alat muzik tradisional yang mereka tidak pernah ketahui. Tambahan pula, semasa bengkel tarian Melayu itu dijalankan, murid-murid akan diajar dan dipandu oleh jurulatih tentang pelbagai bentuk tarian tradisional Melayu seperti zapin, joget, asli dan inang. Dengan mengadakan bengkel-bengkel ini, para pelajar kini lebih berpengetahuan tentang alat-alat muzik dan tarian tradisional Melayu. Ini juga adalah untuk memupuk minat cinta terhadap seni budaya Melayu dalam diri kalangan pelajar.

Cara ketiga ialah pihak pemerintah seperti Kementerian Pendidikan atau MOE boleh mengadakan kempen yang bernama 'Mencintai Warisanku' yang akan diadakan selama lima bulan. MOE dengan kerjasama Institusi-Institusi tinggi seperti NUS serta Politeknik-Politeknik seluruh Singapura boleh mengadakan aktiviti-aktiviti menarik sepanjang lima bulan kempen ini dijalankan. Kempen ini akan diadakan di tempat-tempat yang penuh dengan sejarah Melayu seperti Pusat Warisan Melayu, Kampung Gelam dan Asian Heritage Museum dimana peserta kempen ini boleh tahu lebih lanjut tentang sejarah Melayu di Singapura. Dengan penyertaan remaja-remaja dari Institusi-Institusi tinggi, mereka boleh

mempengaruhi generasi muda yang lain untuk turut serta kempen ini. Mereka akan dijadikan teladan yang baik bagi mereka yang menyertai kempen ini.

Cara keempat ialah pihak media massa seperti Mediacorp dan stesen-stesen radio seperti Warna 94.2 FM boleh menyebarkan tentang kepentingan melestarikan Warisan Budaya Melayu dan juga tentang kempen yang dijalankan oleh pemerintah. Melalui stesen-stesen Radio, mereka boleh menyebarkan lagi tentang kepentingan melestarikan atau mengekalkan Warisan Budaya Melayu kepada pendengar radio. Mereka boleh berkongsi bahawa ia penting bagi melestarikan Warisan Budaya Melayu kita agar ia tidak akan pudar. Mereka juga boleh menjemput tetamu undangan seperti Puan Rahayu Mahzam dimana beliau akan berkongsi pandangannya tentang kepentingan melestarikan Warisan Budaya Melayu. Dengan melakukan sedemikian, pendengar akan tahu betapa pentingnya bagi kita orang Melayu untuk melestarikan Warisan Budaya Melayu kita agar ia tidak pudar atau dilupakan.

Cara kelima ialah badan-badan Islam boleh mengadakan sesi forum dimana mereka berbincang tentang isu minat generasi remaja terhadap Budaya Melayu, cara-cara untuk memupuk minat cinta dalam diri generasi muda terhadap Budaya Melayu dan juga cara-cara bagaimana untuk melestarikan Warisan Budaya Melayu. Sesi forum ini boleh diadakan pada setiap Rabu dan akan disiarkan secara langsung di kaca televisyen. Semasa sesi forum ini dijalankan, orang-orang penting seperti Puan Rahayu Mahzam dan Encik Masagos Zulkifli akan hadir ke sesi tersebut sebagai tetamu undangan dan mereka juga akan memberikan pandangan mereka tentang topik yang akan diperbualkan. Dengan melakukan sedemikian, orang ramai akan tahu cara-cara untuk memupuk minat cinta dalam diri generasi Melayu di rumah ataupun di sekolah.

Cara terakhir ialah secara individu boleh membuat kajian tentang sejarah Budaya Melayu di Singapura. Membuat kajian adalah satu cara untuk menimba ilmu dan juga untuk meluaskan pengetahuan kita tentang sejarah Melayu kita yang sudah bermula lama dahulu semasa zaman datuk dan nenek moyang kita. Dengan membuat kajian tentang sejarah Budaya Melayu, kita akan dapat meluaskan lagi pengetahuan kita tentang sejarah Budaya Melayu dan dapat berkongsi bersama rakan-rakan, guru-guru dan ibu bapa.

Natijahnya, terdapat banyak cara untuk melestarikan Warisan Budaya Melayu dalam kalangan generasi muda. Kerjasama daripada pihak ibu bapa, sekolah, pemerintah, media massa, badan-badan Islam dan individu dapat memastikan Warisan Budaya Melayu kita tidak akan pudar atau dilupakan. Malah, dengan kerjasama semua pihak-pihak tertentu, matlamat melestarikan Warisan Budaya Melayu dalam kalangan generasi muda boleh dicapai. Harapan saya ialah setiap generasi di Singapura ini mempunyai banyak pengetahuan tentang Warisan Budaya Melayu kita dan akan berkongsi tentangnya bersama generasi yang akan datang kelak. Saya yakin matlamat yang baik ini akan tercapai satu hari nanti dan akan menjadi sesuatu kejayaan yang paling membanggakan bagi rakyat Singapura terutama sekali orang Melayu.

Ataullah Zaky Bin Rahim (3-9)(HGV)

Contoh 32

Internet mendatangkan lebih banyak manfaat daripada keburukan. Bersetujukah kamu? Mengapa?

Internet adalah wadah yang amat popular untuk berkomunikasi, berinteraksi dan mencari maklumat. Ia serbaguna. Internet mengandungi pelbagai aplikasi sosial media yang sering digunakan seperti Instagram, Facebook, Whatsapp dan YouTube. Sejak kebelakangan ini, terdapat banyak berita tentang kebaikan internet bagi semua golongan. Persoalannya, benarkah internet mendatangkan lebih banyak manfaat daripada keburukan? Fikirkanlah. Ayuh kita kupas bersama.

Pertama, internet merupakan platform untuk membuat banyak kawan di alam siber. Sebagai contoh, aplikasi sosial media, Instagram membolehkan seseorang untuk meraih jumlah pengikut yang tinggi. Dengan ini, individu boleh berinteraksi dengan orang luar negeri yang berbilang bangsa dan kaum. Internet bermanfaat kerana ia mengajar seseorang cara untuk bersosial dan membuat kawan. Kesimpulannya, ia boleh membuat individu keluar daripada zon selesa dan menjadi lebih berani.

Kedua, internet memberikan kesenangan untuk berkomunikasi antara keluarga dan sahabat. Sebagai contoh, peningkatan kes covid-19 menyebabkan seluruh Singapura untuk duduk di rumah sepanjang dua bulan disebabkan pemutus rantai. Dalam jangka masa panjang ini, internet telah membolehkan keluarga-keluarga yang terpisah untuk berkomunikasi. Ini mampu dilakukan dengan adanya aplikasi seperti 'Zoom' dan panggilan video. Melihat wajah-wajah keluarga tersayang di kaca skrin telefon cukup untuk mengubati rindu dan kepiluan hati. Walaupun terkurung di rumah, internet membuat pengalaman tersebut lebih indah dan mudah.

Ketiga, penyelidikan dan pencarian maklumat boleh sahaja dibuat menggunakan internet. Daripada memenatkan diri mencari fakta dan maklumat di perpustakaan, di internet semua ada. Semua maklumat hanya di hujung jari anda. Internet merupakan wadah paling luas dari segi informasi dan maklumat. Contohnya, saya selalu menggunakan 'Google' di internet untuk mencari maklumat bagi projek-projek sekolah saya. Ia senang digunakan dan tidak ada bayaran pun untuk memperoleh maklumat lebih. Tambahan lagi, internet mengandungi banyak lelaman hiburan seperti permainan dan tayangan filem-filem 'Netflix'. Terdapat banyak variasi penghiburan boleh didapati. Internet membuatkan ia lebih mudah untuk keluarga merapatkan silaturrahim antara satu sama lain. Sebagai contoh, sebuah pengajian membuktikan bahawa terdapat peningkatan dalam jumlah keluarga yang menggunakan internet untuk meluangkan masa bersama. Contohnya, mereka akan melungsur ke internet dan mengadakan 'Hari Keluarga' lalu menonton filem lucu untuk bersantai dan rehat bersama orang tersayang.

Yang terakhir, internet juga membuat pembelian makanan dan barang-barang lebih mudah. Contohnya, aplikasi penghantaran makanan, 'Grabfood' dan 'Foodpanda'. Ini bermaksud warga tua tidak perlu susahkan diri dan keluar rumah untuk membeli barang dapur ataupun makanan. Makanan boleh sahaja dihantar ke rumah mereka untuk mengelakkan kemalangan dimana warga tua boleh jatuh dan tercedera. Alternatif seperti aplikasi tersebut memastikan warga emas selamat dan semua keperluan asas mereka dijaga. Bukan sahaja warga emas tetapi semua juga turut meraih kebaikan internet.

Kesimpulannya, tidak dapat dinafikan bahawa internet mendatangkan lebih banyak manfaat daripada keburukan. Pada era moden ini, sudah tentu terdapat banyak kemudahan yang tercipta agar kehidupan manusia lebih lancar dan senang. Walau bagaimanapun, kita harus menggunakan internet dengan bijaksana kerana internet juga ada keburukan yang tersembunyi. Harapan saya wadah ini akan dapat terus membantu mempermudah lagi kehidupan manusia sejagat terutama sekali sekarang di mana dunia sedang mengalami serangan covid-19. Malah, bagi saya, internet ibarat mata kompas untuk saya menerokai dunia luar.

Za'im Akmal Bin Zaini(3-9)(HGV)

Pesanan Buat Semua...

*Wahai pelajar yang budiman
Bahan digunakan sebagai pedoman
Penghasilan penulisan yang berkualiti
Untuk membentuk jati diri & keyakinan diri.
Wahai pelajar yang bijaksana
Kejayaan perlukan pengorbanan, kesungguhan,
daya tahan & semangat perjuangan.
Perancangan yang terperinci, latihan tubi
Dan kecekalan hati.
Oleh itu,
Terus berusaha tanpa jemu
Insyaallah kejayaan dalam genggamamu.
Aamiin.
2023*